

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 9

Khamis

23 April 2015

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalukan Pelantikan Seorang Ahli Baharu	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 3)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015	(Halaman 25)
Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014	(Halaman 135)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 63)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 23 April 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)

[Upacara angkat sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEORANG AHLI BAHARU

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) sebagai Ahli Dewan Negara kita pada pagi ini *[Tepuk]*

Sebagaimana lafaz sumpah taat setia yang baru sahaja Yang Berhormat lafazkan sebentar tadi menekankan supaya Yang Berhormat akan tetap taat setia pada Malaysia, di samping akan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia.

Sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara yang tergolong kepada sebahagian Ahli Parlimen mestilah memainkan peranan dan bertanggungjawab sebagai pembuat dan meminda undang-undang negara. Sebagai seorang bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pelantikan Yang Berhormat di bawah Perkara, 45 Perlembagaan Negara, tentu sekali menjadi satu kebanggaan dan penghormatan kepada seluruh pasukan angkatan tentera dan rakyat Malaysia amnya.

Lafaz ikhlas taat setia yang baru sahaja dilafazkan sebentar tadi supaya taat setia pada Malaysia dan mempertahankan Perlembagaan Negara bukanlah perkara baru kepada Yang Berhormat. Saya

berharap semoga perangai dan perwatakan serta keperibadian tinggi, beradab dan bersopan santun wajar dikekalkan agar menjadi contoh atau teladan kepada Ahli-ahli Parlimen semuanya.

Sekarang ini saya berasa risau kerana terdapat segelintir bilangan Ahli-ahli Parlimen yang melanggar peraturan mesyuarat, tidak menghormati Dewan dan juga melanggar peraturan Perlembagaan Negara. Saya memperingati diri saya dan ingin berkongsi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita hendaklah memahami segala peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Negara ini dan segala peraturan Dewan yang mulia ini.

Sebagai contoh, Perkara-perkara dalam Perlembagaan ini wajib difahami dan dipraktikkan adalah seperti berikut. Pertama, Perkara 3 dan 11 menyentuh berkenaan agama Islam sebagai Agama Persekutuan tetapi agama-agama lain bebas untuk melafazkannya, menjalankannya dan bertindak, secara aman dan harmoni. Inilah kunci kepada kejayaan kita daripada mula kita merdeka sampai hari ini. Kita generasi sekarang berasa amat bersyukur dan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin lama serta nenek moyang kita yang telah banyak berkorban untuk membangunkan negara yang begitu berjaya sehingga sekarang ini. Berpandukan kepada semangat dan prinsip bersatu padu, bekerjasama, serta memegang prinsip-prinsip Rukun Negara sehingga menentukan keamanan dan kesejahteraan yang kita kecapai tetap terjamin sehingga hari ini.

■1010

Pada masa-masa kebelakangan ini saya dapati banyak tindakan yang tidak bertanggungjawab, melanggar Perlembagaan Negara dan tidak menghormati undang-undang yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini. Saya tidak faham. Justeru, saya menyeru dan ingin mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat supaya mestilah mempunyai satu semangat kebertanggungjawaban *that is*, dengan izin, *sense of responsibility to all concern*.

Perkara 152, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan juga Perkara 153 beberapa keistimewaan kepada orang Melayu dan anak-anak Sabah dan Sarawak, negeri Sarawak. Perkara ini telah termaktub dalam Perlembagaan. Tidak perlu lagi diungkit-ungkit kerana ini telah menjadi sejarah hingga menjayakan negara kita sampai sekarang ini. Akan tetapi kebelakangan ini, kenapa berlaku yang melanggar perkara yang amat kita risaukan. Saya berharap Yang Berhormat semua, marilah kita sama-sama mempertahankan dan memperjuangkan supaya keamanan, keharmonian negara kita tetap terjamin.

Satu perkara lagi saya ingin mengambil perhatian ialah Perkara 10 iaitu Kebebasan Bercakap, Berhimpun dan Berserikat. Ada dalam Perlembagaan. Sungguhpun ada kebebasan tersebut mengikut Perlembagaan Perkara 63(4) supaya Ahli Parlimen bebas bercakap di dalam Dewan dan sebagainya, tetapi ada batasannya. Yang Berhormat mesti faham, negara kita mempunyai masyarakat majmuk berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang agama dan sebagainya.

Perkara-perkara seperti peruntukan Akta Hasutan contohnya, Akta Hasutan telah diwujudkan semenjak pemerintah British lagi, tahun 1948, dengan izin, *sense of sensitivity* telah dihayati semasa penjajah dulu. Bermakna kalau keadaan itu kita mesti tahu supaya jangan menyentuh perasaan

Malaysian and boleh menjurus dan mengancam keselamatan negara kita. Inilah kunci dan contoh-contoh yang telah kita sama-sama amalkan. Akan tetapi saya hairan, kenapa sekarang berbeza berlaku. Adakah kerana ledakan maklumat? Adakah kerana keadaan generasi baru tidak menghormati lagi? Terpujanglah kepada kita mencari jalan untuk menentukan keamanan negara tetap terjamin.

Contohnya Yang Berhormat, jangan ingat Ahli Yang Berhormat bila berhujah, bercakap dalam Parlimen boleh cakap sehendak hati. Sungguhpun ada peruntukan seperti sebentar tadi saya katakan, batas-batasannya ada. Sebagai contoh, kes *PP vs Mark Koding*, dengan izin, 1983 dan saya terlibat secara peribadi dalam kes tersebut semasa saya menjadi pegawai polis dulu sebagai *Investigating Officer*, dalam satu MLJ dan juga kes *Lim Guang Eng vs PP* tahun 2002, dua MLJ, di mana kekebalan dan keistimewaan Ahli Parlimen ada batas-batasannya. Yang Berhormat sila bacalah kes tersebut untuk sebagai Ahli Parlimen mengetahui batas-batasannya di mana kita bercakap, setakat mana yang tidak boleh kita bercakap.

Saya berharap semoga rakyat Malaysia yang cinta negara dan bangsanya, mestilah menghormati segala peruntukan dalam Perlembagaan dan undang-undang negara kita. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini selesailah sudah majlis angkat sumpah kita pagi ini. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, usaha pemuliharaan semula hutan yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk memulihkan tanah rizab hutan yang rosak teruk akibat penerokaan hutan tidak terkawal.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) dan Agensi Remote Sensing Malaysia telah pun membuat *inventory* di dalam Hutan Simpan Kekal dan mengenal pasti 5,000 hektar kawasan terosot dalam Hutan Simpan Kekal di Semenanjung Malaysia. Program pemuliharaan untuk kawasan terosot telah pun dibuat oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan ia rancangan pembangunan lima tahun, dari tahun 2016 hingga tahun 2020.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah pun memohon peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang berjumlah RM340 juta untuk menjalankan pemuliharaan kawasan terosot. Komponen-komponen di dalam rancangan pembangunan ini termasuk:

- (i) penyediaan dan pengeluaran bahan-bahan tanaman yang berkualiti tinggi;

- (ii) pembangunan tapak semeaian di setiap negeri dikawal selia oleh Jabatan Perhutanan Negeri; dan
- (iii) penanaman pokok dan seterusnya selepas pokok-pokok ditanam, ia dipantau dan diselenggarakan semuanya itu agar pokok akan tumbuh dan seterusnya membesar.

Jabatan Perhutanan Negeri akan turut terlibat dalam pemuliharaan kawasan terosot dengan mengguna pakai peruntukan negeri masing-masing. Sekian, terima kasih.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Seperti mana yang kita tahu, hutan belantara kita luas beribu-ribu batu dan jauh di pedalaman. Jika di Sarawak, penguatkuasaan menggunakan helikopter serta memantau secara satelit. Soalan saya yang pertama, adakah amalan ini juga dilaksanakan di Semenanjung? Kedua, bagaimanakah kementerian dapat memastikan kawasan yang telah dipulihkan sentiasa bebas daripada pencerobohan? Mohon untuk soalan ketiga, daripada statistik, adakah kementerian berpuas hati dengan sikap masyarakat mengenai pencerobohan hutan dan peranan di Jabatan Perhutanan mendidik masyarakat supaya sayangi hutan belantara kita. Saya merujuk kepada program kementerian bersama-sama komoditi. Terima kasih.

■1020

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Roslin atas pertanyaan tambahan. Pertamanya, rancangan pemuliharaan ini memang dibuat di Semenanjung Malaysia, bukan di Sabah dan Sarawak. Seterusnya, apabila rancangan pembangunan perhutanan seperti ini dilaksanakan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri akan terus memantau agar pencerobohan tidak berlaku supaya jika pencerobohan berlaku maka sememangnya pencemaran juga akan berlaku di sungai-sungai kita.

Seterusnya, untuk program menyedarkan rakyat tentang kepentingan hutan di negara kita. Kementerian sememangnya telah buat selama ini dan terus buat rancangan kesedaran ini. Satu daripadanya ialah penanaman pokok untuk kehijauan negara. Penanaman pokok ini untuk kehijauan negara adalah ditanam di mana-mana tempat sahaja, sama ada ia di tepi jalan, di tanah-tanah kosong di bandar, di tanah persendirian dan di tanah-tanah kerajaan juga.

Projek ini dilakukan bersama dengan NGO dan orang awam. Setakat ini 72.2 juta batang pokok telah pun ditanam yang merangkumi 9,300 hektar kawasan. Oleh itu kesedaran untuk rakyat tentang kepentingan hutan adalah amat penting. Kita meneruskan kesedaran ini supaya rakyat tahu peranan hutan dalam kehidupan kita manusia lebih-lebih lagi di suasana perubahan iklim.

Jadi, rakyat juga perlu tahu apakah peranan hutan. Ia menyerap gas karbon dioksida daripada atmosfera, daripada udara dan menghasilkan gas oksigen, wap air dan gula ataupun karbohidrat. Oksigen keperluan kita manusia untuk bernafas dan oksigen ini dikeluarkan oleh pokok-pokok di dalam hutan, yang disimpan ialah karbohidrat ataupun gula supaya sel-sel pokok di batangnya dijanakan untuk membesarkan pokok-pokok ini. Inilah kesedaran yang kita terus jalankan supaya rakyat lebih mengerti, lebih tahu lagi betapa pentingnya hutan kepada kita manusia. Sekian, terima kasih.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Saya hendak celah, saya tidak puas hati. Soalan nombor dua saya tidak dijawab. Soalan saya tadi menyebut bagaimanakah kementerian dapat memastikan bahawa kawasan-kawasan yang telah dipulihkan sentiasa bebas daripada pencerobohan kerana apa yang kita lihat hari ini, kita buat penguatkuasaan, kita cakap kita ada penguatkuasaan tetapi pencerobohan hutan, mencuri hasil-hasil hutan berleluasa. Sekarang kalau kita lihat di akhbar yang paling panas sekarang ini di Sarawak, kita lihat Kerajaan Negeri Sarawak pun dapat hari ini mengejar pencuri-pencuri khazanah hutan ini. Bagaimana kaedah, walaupun kita ada penguatkuasaan tetapi kenapa berlaku lagi kecurian-kecurian hasil hutan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Oh! Pencerobohan hutan tadi. Saya tidak berapa dapat dengar dengan begitu jelas pertanyaan itu. Pencerobohan memang berlaku tetapi di Semenanjung Malaysia, kawasan yang diceroboh tidak besar, sememangnya tidak besar. Biasanya diceroboh adalah hutan di tanah kerajaan negeri, bukan hutan simpan kekal. Di Sarawak sebelum ini sememangnya besar kawasan yang telah pun dicerobohi tetapi dengan dasar Yang Amat Berhormat Ketua Menteri baru ini, dia telah pun mengambil berat tentang pembalakan haram iaitu pencerobohan hutan. Jadi, dia telah pun memberi kuasa kepada kakitangan jabatan perhutanan di Sarawak untuk membuat penguatkuasaan dan membawa senjata apabila membuat penguatkuasaan.

Bahkan saya sendiri pada bulan lepas telah pun membuat penguatkuasaan menggunakan helikopter dengan pegawai-pegawai jabatan perhutanan di Sarawak. Ini di kawasan Parlimen saya sendiri. Saya temui dua insiden pembalakan haram berlaku tetapi sekarang sudah diberhentikan. Mereka yang membuat itu telah pun ditangkap. Sekarang di Sarawak, pembalakan haram sudah pun berhenti disebabkan dasar Yang Amat Berhormat Ketua Menteri baru ini. Dia memang amat peka kepada perkara ini supaya ia tidak terus berlaku. Sekian.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Negara kita dikatakan telah kehilangan 70% hutan hujan yang di dalamnya terdapat lebih 8,000 spesies pokok. Akibatnya, banjir besar melanda di beberapa buah negeri di Semenanjung pada Disember 2014 yang lalu. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan kerjasama kerajaan negeri bagi menangani dan mengawasi proses penerokaan hutan negara? Ini agar usaha mengekalkan dan memelihara hutan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan khazanah berharga negara tidak tergadai.

Apakah langkah kerajaan bagi memastikan pemegang konsesi balak menanam semula pokok dalam tempoh satu hingga tiga tahun? Apakah langkah kerajaan bagi memastikan saranan-saranan pemuliharaan hutan oleh NGO seperti Pertubuhan Perlindungan Khazanah Alam (PEKA) dapat direalisasikan demi kepentingan kelestarian alam sekitar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas pertanyaan tambahan itu. Seperti mana yang telah saya sebut tadi hutan memang penting, amat penting kepada kita manusia. Pencerobohan berlaku seperti yang saya telah sebut tadi adalah di tanah kerajaan tetapi bukan di dalam hutan simpanan kekal. Jadi, hutan simpanan kekal kalau ia ada dikeluarkan lesen sebagai

konsesi pembalakan, ia mengikut catuan tebangan tahunan. Catuan tebangan tahunan di seluruh negara dan di setiap negeri telah pun ditetapkan. Semua tebangan di dalam hutan simpan kekal ini mengikut catuan. Ia pada tahun lepas tidak melebihi catuan yang telah pun ditetapkan.

Sebagai contoh macam di Kelantan, catuan lebih kurang ataupun lebih 3,000 hektar catuan tebangan tetapi yang ditebang di dalam konsesi yang berlesen itu hanya lebih daripada 2,800 hektar. Itu di bawah catuan yang ditetapkan. Hutan juga, di dalam hutan simpanan kekal ada hutan terlindung. Hutan terlindung hutan seperti taman negara, rizab hidupan liar dan hutan-hutan rekreasi.

■1030

Ini lesen tidak boleh dikeluarkan kepada kawasan-kawasan sebegini sebab hutan perlindungan kawasan hutan yang memang tidak boleh dikacau, tidak boleh diganggu. Setakat ini seperti mana yang saya telah sebut, hutan yang telah pun dicerobohi ialah hutan di tanah negeri. Ia bukan di dalam hutan simpanan kekal. Sekian, terima kasih.

2. Datuk Hamzah bin Mohd Kasim minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, keperluan internet jalur lebar di dalam negara telah semakin meningkat dan penggunaan yang semakin meluas, apakah langkah-langkah kerajaan dalam memastikan supaya kemudahan internet jalur lebar ini dapat dipertingkatkan ke seluruh negara dan apakah perancangan khusus bagi negeri Perak Darul Ridzuan.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul; dan Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok pada hari ini bertarikh 23 April; dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman yang bertarikh 28 April kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan isu telekomunikasi. Saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua, kerana jawapan saya mungkin agak panjang kerana saya cuba menjawab setiap pertanyaan yang diutarakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kementerian telah dan sedang melaksanakan pelbagai langkah bagi meningkatkan perluasan liputan infrastruktur dan perkhidmatan jalur lebar serta menggalakkan penggunaan jalur lebar dalam kehidupan seharian masyarakat melalui pelaksanaan inisiatif jalur lebar negara ataupun dengan izin, *National Broadband Initiative*.

Kerajaan sentiasa peka dan berusaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatan Internet di negara ini melalui projek-projek yang telah dilaksanakan seperti projek jalur lebar berkelajuan tinggi ataupun *high speed broadband*, dengan izin dan projek rangkaian teras berasaskan fiber di Sabah dan Sarawak serta Semenanjung.

Selain daripada itu, pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia turut melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya pembinaan pusat Internet 1Malaysia, pembinaan kampung tanpa wayar 1Malaysia dan pembinaan menara telekomunikasi ataupun Time3. Sejumlah RM4.9 bilion peruntukan telah diperuntukkan sehingga tahun 2014 dan melalui projek dan inisiatif sebegini, sehingga

Disember 2014, kadar penembusan jalur lebar isi rumah telah mencapai 70.2% liputan berbanding sebelum ini iaitu 22% pada tahun 2008.

Sebagai usaha berterusan, pada tahun ini projek jalur lebar berkelajuan tinggi ataupun *high speed broadband* fasa kedua dan projek peningkatan kapasiti jalur lebar pinggir bandar (SUBB) sedang diperluaskan. Diharapkan dengan program ini, perkhidmatan Internet akan terus meningkat dan diperluaskan dalam memastikan capaian Internet dapat dinikmati oleh semua rakyat.

Bagi menjawab persoalan mengenai negeri Perak, liputan *high speed broadband* dengan izin, yang sedia ada akan diperluaskan kepada 14 buah kawasan lain seperti Ipoh, Taiping, Telok Intan, Kuala Kangsar dan Tanjung Malim. Tempoh pelaksanaan adalah selama tiga tahun yang bermula pada tahun ini dan dijangka selesai pada tahun 2017 dengan kos sejumlah RM150 juta dan infrastruktur ini mampu menyediakan kelajuan sehingga 100 *megabit per second*, dengan izin.

Selain daripada itu sebanyak 54 buah kawasan di Perak telah pun dikenal pasti bagi pelaksanaan peningkatan kapasiti jalur lebar pinggir bandar yang akan menyediakan infrastruktur jalur lebar dengan kelajuan sehingga 50 *megabit per seconds*. Antara kawasan terlibat adalah seperti Chemor, Batu Gajah, Kamunting, Pangkor dan Bagan Serai. Tempoh pelaksanaan adalah selama lima tahun bermula dari tahun ini dan dijangka selesai pada tahun 2019 dengan kos RM100 juta. Jadi kalau kita lihat untuk Perak sahaja RM250 juta.

Bagi menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah, pelaksanaan Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia dijalankan terutamanya di kawasan yang tiada infrastruktur jalur lebar untuk memberi peluang kepada penduduk di luar bandar mendapatkan akses jalur lebar Internet. Perkhidmatan ini diberikan pada kawasan tumpuan dan keluasan capaian di antara 100 hingga 100 meter bergantung pada keadaan geografi dan halangan semula jadi seperti pokok-pokok yang boleh mempengaruhi capaian perkhidmatan.

Pada masa ini pihak SKMM akan melaksanakan audit secara berkala di seluruh negara untuk memastikan ia beroperasi sewajarnya dan pemberi perkhidmatan diperlukan menghantar laporan prestasi setiap bulan bagi memastikan ia mengikut *standard operation procedure*, dengan izin, yang ditetapkan.

Manakala bagi menjawab persoalan oleh Yang Berhormat Senator Lihan Jok, mengenai kawasan pedalaman yang tidak mempunyai infrastruktur jalur lebar, penggunaan teknologi sistem satelit ataupun VSAT merupakan sistem yang paling sesuai digunakan. Namun teknologi ini mempunyai beberapa kekangan seperti kos operasi yang tinggi dan kebergantungan kepada keadaan cuaca di lokasi yang akan mempengaruhi kualiti perkhidmatan. Dalam hal ini, pihak SKMM telah melaksanakan pemantauan dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan jalur lebar dengan menggunakan *network monitoring system*, dengan izin, dan melaksanakan audit secara berkala.

Pada masa yang sama, pihak SKMM menggantikan penggunaan VSAT kepada teknologi yang lebih baik bergantung kepada infrastruktur yang sedia ada di sesuatu kawasan. Ini kerana teknologi VSAT yang sedia ada kadangkala bergantung kepada cuaca. Sekiranya cuaca mendung atau hujan, ia

akan memberi kesan kepada tahap capaian Internet. Pada masa yang sama, kapasiti *backhaul* telah ditambahkan daripada 2 *megabit per second* kepada 4 *megabit per second*.

Akhirnya mengenai persoalan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul iaitu berkaitan dengan radiasi akibat daripada pemasangan pencawang telekomunikasi. Dimaklumkan bahawa setiap pemasangan pencawang telekomunikasi perlu melalui proses kelulusan yang ketat berdasarkan garis panduan pembinaan menara telekomunikasi dan struktur sistem pemancar di kawasan pihak berkuasa tempatan dalam menentukan jarak sesuatu menara.

Dalam hal ini saya mengambil peluang untuk menerangkan sekiranya menara itu tingginya lebih daripada 45 meter, jarak ialah dengan rumah dan sekolah adalah lebih kurang 30 meter, manakala bangunan komersial sejauh 15 meter dan industri sejauh 10 meter. Ini yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Proses kelulusan ini juga merujuk kepada pematuhan piawaian teknikal yang digariskan, dengan izin, *technical standards and infrastructure requirement, radio communication network infrastructure* di bawah SKMM.

Dalam hal ini pihak kementerian melalui SKMM sentiasa membuat pemantauan berterusan tahap radiasi yang dipancarkan oleh pemancar telekomunikasi di Malaysia hasil daripada pengujian tahap pelancaran radio frekuensi yang dijalankan oleh Agensi Nuklear Malaysia di seluruh negara didapati bahawa tahap pancaran RF di kawasan sekitar pemancar amatlah rendah dan berada di tahap yang selamat.

Kadar ini mematuhi standard mandatori bagi *MAC electromagnet* daripada struktur radio komunikasi yang telah ditetapkan oleh pihak SKMM. Suka saya maklumkan juga, hasil daripada siasatan dijalankan, pengujian tahap RF di beberapa buah sekolah, kita buat di Selangor, Perak dan sebagainya, tahap pancaran RF dalam kawasan sekolah termasuklah dalam bilik darjah, kantin, bilik guru dan sebagainya adalah sekitar 0.0002 watt per meter persegi, tak sampai pun satu. Ia adalah selamat dan mematuhi standard mandatori yang telah ditetapkan.

Pada masa yang sama, pihak SKMM telah bekerjasama dengan UNIMAP yang telah menjalankan kajian terhadap gelombang EMF, terhadap kebolehan kognitif Malaysia dan selama setahun mendapati bahawa gelombang elektromagnet tidak berupaya membawa risiko kesan kesihatan kepada masyarakat sekitar termasuklah golongan warga tua dan kanak-kanak. Sekian, terima kasih.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. menurut Laporan ASEAN Briefing Singapura Mengenai Kelajuan Internet, purata sebanyak 61 megabit per second atau Mbps, Thailand kelajuan purata 17.7 Mbps, Vietnam 13.1 Mbps sementara Malaysia mempunyai kelajuan 5.5 Mbps. So jadinya di mana kelajuan purata Internet negara-negara ASEAN 12.5 Mbps.

■1040

Soalan saya yang pertamanya, bagaimanakah kita hendak membaiki kelajuan Internet jalur lebar kita setanding dengan negara-negara ASEAN yang lain?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua iaitu umum juga sedia maklum bahawa kawasan tumpuan syarikat-syarikat telco iaitu Celcom, Digi dan sebagainya ialah di kawasan-kawasan atau negeri-negeri

lebih maju seperti di Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang. Jadinya, apakah yang dilakukan oleh KKMM bagi memastikan kawasan-kawasan luar bandar yang kurang maju daripada segi ekonomi juga mendapat infrastruktur telekomunikasi serta jalur lebar yang setara mutu perkhidmatannya sedangkan syarikat-syarikat telco yang mementingkan keuntungan lebih berminat untuk melabur di kawasan-kawasan yang tinggi pulangnya iaitu di bandar-bandar besar.

Juga daripada beberapa laporan yang pernah dikeluarkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh ringkaskan soalan itu Yang Berhormat.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Ia ada dua soalan atau tiga soalan di sini, Tuan Yang di-Pertua. Ini dengan *dropped calls* dan sebagainya. Boleh ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau boleh terus kepada soalnya sekali ya.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Melalui pengalaman adalah didapati perkhidmatan telekomunikasi suara juga banyak mengalami gangguan ataupun *dropped calls* dan terputus-putus kekuatan signal di lebu-lebu raya dan di jalan-jalan negeri. Contohnya, kalau di negeri Perak di Jalan Kuala Kangsar, Gerik, Tanjung Tualang, Kampung Gajah dan Seri Iskandar, Lumut. Walau bagaimanapun, banyak aduan telah diutarakan namun, penambahbaikannya tidak dirasai.

Penggunaan sistem antena di kawasan bandar juga didapati dibuat tanpa kawalan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa teruslah kepada soalan, Yang Berhormat. Tidak payah bermukadimah.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Sedikit, sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua sebab ada dengan antena yang bertaburan di atas-atas bumbung. Didapati dibuat tanpa kawalan yang ketat daripada segi pandangan estetika. Terdapat banyak antena yang dipasang dengan berselerak dan tidak kemas dan teratur di atas bumbung bangunan dua tingkat dan ke atas. Apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan yang mungkin melibatkan beberapa kementerian yang berlainan? Ini bagi memastikan pemasangan antena ini dilakukan lebih kemas, teratur, sedap mata memandangi dan terutamanya sekali selamat agar tidak memberikan persepsi yang negatif kepada pelancongan? Boleh lagi satu, Tuan Yang di-Pertua? Walau bagaimanapun, penggunaan telefon pintar di Malaysia adalah tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya benarkan sekiranya Yang Berhormat terus kepada soalan. Tidak payah berbahas ataupun bermukadimah Yang Berhormat.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Soalnya, apakah kerajaan yang mengeluarkan lesen operasi kepada syarikat-syarikat telco dapat memastikan pembangunan infrastruktur teknologi terkini 4G dan LTE serta penggunaan rangkaian *fibres optic* dapat dipertingkatkan pada kadar yang lebih cepat agar sejajar dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Malaysia berpendapatan tinggi menjelang 2020, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa pihak kementerian faham. Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, kalau saya lihat ada empat atau lima soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator itu menjuruskan kepada persoalan yang sama iaitu daripada segi aspek kelajuan, daripada segi aspek reka bentuk pencawang dan sebagainya dan ada sedikit sebanyak yang telah saya sentuh sebelum ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya, setiap negara mempunyai pelan jalur lebarnya ataupun strategi untuk memasukkan jalur lebar dalam definisi setiap negara. Seperti yang saya maklumkan tadi bahawa, untuk Malaysia, kita telah melaksanakan *National Broadband Initiative*, dengan izin, pada tahun 2010 yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Sememangnya, pihak kementerian melalui SKMM dan juga melalui pihak industri telah merencanakan pelbagai inisiatif. Seperti yang saya maklumkan tadi, sekiranya kalau kita lihat, terdapat pelbagai jumlah kelajuan yang telah disediakan. Dalam hal ini, kita telah memulakan dengan Fasa 1 iaitu *High Speed Broadband* pada awal 2010 dan sekarang ini kita telah bermula dengan *High Speed Broadband* untuk fasa yang kedua. Dengan izin, untuk saya maklumkan, bermula pada 2015 hingga 2024 yang mana port yang kita akan sediakan ialah sebanyak 250,000 dan pembinaan 95 buah ibu sawat.

Projek ini dilaksanakan secara *public private partnership* kerana sekiranya kita ingin menyediakan prasarana yang menyediakan kelajuan yang tinggi, ia memerlukan kos. Dalam hal ini, kos pelaksanaannya lebih kurang dalam RM1.8 bilion merangkumi RM500 juta daripada peruntukan akaun amanah projek *High Speed Broadband* dan RM1.3 bilion daripada TM dan kita akan dapat kadar sehingga 100 *megabits per second*, itu yang tinggi. Jadi kita tidak perlu risau Yang Berhormat.

Keduanya, kita ada program yang dinamakan program kapasiti Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) yang mana kosnya adalah lebih kurang RM1.6 bilion, yang mana pelaburan kerajaan ialah RM600 juta manakala daripada tabung USP sendiri oleh SKMM ialah sebanyak RM300 juta dan pihak TM melabur RM1 bilion. Jadi kita lihat *public private partnership* ini membolehkan *in shaa-Allah*, sehingga tahun 2024 dengan kadar kelajuan 20 *megabits per second*. Ini untuk luar bandar. Jadi kita lihat kita ada perancangan untuk di bandar dan juga di luar bandar.

Untuk persoalan yang kedua oleh Yang Berhormat daripada segi negara maju. Tadi saya sudah selesai dengan negara maju dan juga di luar bandar dengan program *High Speed Broadband 2*, SUBB 2 dan projek USP yang saya terangkan sebentar tadi yang mana kita ada Pusat Internet 1Malaysia, kita ada program telekomunikasi. *Insyaa-Allah*, akan membolehkan rakyat di luar bandar mengakses internet.

Soalan yang ketiga, mengapa masih timbul isu *dropped calls* dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, pihak kementerian melalui SKMM kita memang sentiasa memanggil pihak pemberi perkhidmatan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan status liputan dan masalah utama yang kadangkala kita dapati adalah daripada segi apabila kita ingin membina menara telekomunikasi.

Seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, untuk tahun 2015 dan dalam masa tiga tahun, kita akan mempunyai lebih kurang dalam 1,000 lagi menara baru. Cuma masalah

yang ditimbulkan adalah daripada segi mendapatkan tapak. Di sinilah saya ingin mengambil peluang untuk mendapatkan kerjasama juga daripada pihak kerajaan negeri untuk memberikan sokongan kerana setiap pencawang yang hendak dibina perlu mematuhi garis panduan yang telah saya sebutkan tadi daripada segi bentuknya, lokasinya dan sebagainya.

Jadi, antara cabaran yang kita hadapi daripada segi kelulusan kerana kita ada jawatankuasa. Sebenarnya, dengan mendapat kelulusan dan sokongan daripada pihak berkuasa, *in shaa-Allah*, isu mengenai *dropped calls* ini akan dapat dikurangkan. Jadi, saya rasa saya sudah jawab secara keseluruhanlah soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

3. Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam minta Menteri Pertahanan menyatakan, pelaksanaan Pasukan Pengaman ASEAN dalam menubuhkan unit keselamatan rentas sempadan khas bagi memastikan ketenteraman rantau ini terus terjamin termasuklah menangani ancaman dan penularan pengganas seperti kumpulan militan Negara Islam (IS).

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, saya juga bagi pihak warga MINDEF, ahli anggota ATM dan seluruh ahli Veteran, ingin sama-sama mengucapkan tahniah kepada Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) kerana dilantik sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman-ancaman keselamatan masa kini yang bersifat dalaman dan luaran seperti jenayah rentas sempadan, aktiviti keganasan dan aktiviti kumpulan militan khususnya daripada kumpulan yang dikenali sebagai *Islamic State*, dengan izin, boleh menyebabkan ketidakstabilan politik, ekonomi dan sosial serantau. Taktik kumpulan ini terutama kumpulan IS yang mengeksploitasikan media sosial seperti *YouTube*, *Facebook* dan *WhatsApp* dalam menyebarkan doktrin ideologi dan asas perjuangannya amat efektif dalam mempengaruhi kumpulan sasaran.

Kerajaan tidak sama sekali memandang ringan ancaman-ancaman ini terutamanya ancaman kumpulan militan seperti Abu Sayyaf, *Bangsamoro Islamic Freedom Fighters*, dengan izin, Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Rajah Solaiman Movement (RSM), Jemaah Islamiyah, Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Jemaah Ansharut Tauhid (JAT), Mujahidin Indonesia Timur (MIT) dan lain-lain yang telah membuat kenyataan terbuka menyokong perjuangan IS dan turut menggunakan modul perjuangan IS.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman ini menjadi lebih kompleks kerana wujudnya rangkaian antara militan Malaysia, Indonesia dan Filipina untuk membentuk kumpulan IS Asia Tenggara yang dikenali sebagai Katibah Nusantara Lid Daulah Islamiyyah.

■1050

Penggabungan ini juga jika berlaku akan mempertingkatkan keupayaan kepakaran dan membuat bahan letupan, aspek bantuan logistik, dana dan latihan persenjataan. Justeru itu, sejajar dengan salah satu prinsip penubuhan ASEAN iaitu bagi memberikan komitmen dan tanggungjawab bersama di kalangan ahli ASEAN dalam meningkatkan keamanan, keselamatan dan kemakmuran di rantau kita ini,

maka langkah-langkah pencegahan secara bersama dan bersepadu perlu dilakukan melalui semangat setia kawan ASEAN.

Malaysia yang kini Pengerusi ASEAN memainkan peranan penting ke arah menjadikan rantau Asia Tenggara yang lebih aman dan selamat serta bebas daripada sebarang ancaman. Justeru itu, Kementerian Pertahanan yang mewakili Malaysia untuk bersama-sama dengan negara ASEAN yang lain sentiasa membincangkan kepentingan pertahanan dan keselamatan rantau ini dengan lebih berkesan. Kementerian Pertahanan bertanggungjawab memastikan pertama, kedudukan strategik dan kedaulatan negara terpelihara dalam usaha masyarakat dunia mencapai titik keseimbangan pertahanan dan keselamatan serantau.

Kedua, peranan Malaysia khususnya dalam mengemudi hala tuju agenda pertahanan dan keselamatan serantau. Ketiga, pengembangan dan penerokaan pelbagai kerjasama di peringkat ASEAN dan ASEAN Plus dari sudut keselamatan bukan tradisional, latihan ketenteraan, perkongsian aset pertahanan dan bantuan kemanusiaan dan peredaan bencana (HADR), dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks isu keselamatan rentas sempadan di rantau ini, pendekatan yang digunakan pakai melalui mekanisme *bilateral* dan juga *multilateral* di antara negara-negara ASEAN.

Malaysia melalui Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) telah memperoleh sokongan negara-negara ASEAN untuk menjalinkan kerjasama melalui perkongsian maklumat risikan bagi memantau perkembangan ancaman IS serta melaksanakan aktiviti bagi meningkatkan kesedaran masyarakat serantau terhadap ancaman ini. Sebagai permulaan, ASEAN telah bersetuju untuk menubuhkan Pasukan Siaga Tentera ASEAN bagi bantuan kemanusiaan dan bencana, dengan izin, *ASEAN Military Ready Group on HADR* melalui *ASEAN Defense Ministers Meeting* yang telah pun diadakan di Langkawi pada 16 Mac yang lalu.

Penubuhan pasukan ini merupakan asas kepada negara-negara ASEAN untuk bekerjasama dan saling membantu ketika menghadapi bencana di rantau ini. Malaysia juga melalui Kementerian Pertahanan telah mengambil inisiatif dengan mengusulkan cadangan penubuhan Pasukan Pengaman ASEAN di kalangan ahli negara ASEAN di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Usul ini telah mendapat reaksi yang positif di kalangan ahli ASEAN, di mana kerjasama tersebut mestilah kita pastikan praktikal dan perlu diperhalusi terlebih dahulu bagi memberikan gambaran yang jelas mengenai pelaksanaannya dan mekanismenya.

Perkara ini akan diangkat untuk perbincangan dalam platform *ASEAN Defense Ministers Meeting* pada tahun hadapan yang akan berlangsung di Laos. Jika usul ini dapat direalisasikan dengan persetujuan bersama ahli ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ia akan dapat menghantar mesej yang jelas mengenai kesatuan negara-negara ASEAN bagi mencapai keamanan di peringkat dunia dan juga menangani penularan aktiviti-aktiviti keganasan rentas sempadan secara bersepadu di rantau ini. Ia juga akan bersifat sebagai elemen *deterrent* terhadap anasir-anasir subversif yang boleh mendatangkan ancaman keselamatan di rantau kita ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya memberi ruang untuk Yang Berhormat mengemukakan soalan tambahan yang pertama, izinkan saya menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa ada bersama kita di Dewan yang mulia pagi ini ialah sekumpulan eksekutif-eksekutif dan pegawai-pegawai dari syarikat minyak dan gas Malaysia iaitu Rowen Drilling Sdn. Bhd. Kita alu-alukan kehadiran mereka [*Tepuk*]

Silakan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas jawapan yang amat baik dan komprehensif daripada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya yang pertama, sahabat-sahabat Sabah ingin tahu apakah langkah-langkah Angkatan Tentera Malaysia bagi menjamin keselamatan di Timur Sabah. Ini kerana kita tahu kumpulan bersenjata dari Selatan Filipina seperti *Bangsamoro Islamic Freedom Fighters* dan Abu Sayyaf telah membuat kenyataan terbuka menyokong perjuangan serta mengisytiharkan kesetiaan kepada IS. Soalan saya yang kedua, apakah kerajaan juga perlu mewujudkan satu unit khas dalam memerangi dan menangani ancaman kumpulan militan IS dari aspek ideologi terutama dalam media sosial. Ini kerana Yang Berhormat sebut tadi IS juga menggunakan media sosial. Saya difahamkan mereka ini mempunyai beribu-ribu tentera siber dalam menyebarkan diayah IS. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama tadi, memang betul rakan-rakan kita dari Sabah mesti memahami. Walaupun keadaan kita di Sabah ini terkawal, kita mesti berada dalam kaedah berhati-hati dan juga berjaga-jaga. Oleh sebabnya krisis di Selatan Filipina masih berterusan walaupun kerajaan Filipina dan *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) telah menandatangani *Comprehensive Agreement on the Bangsamoro* pada 27 Mac 2014 seperti Yang Berhormat Tan Sri sebut tadi. Kumpulan Abu Sayyaf masih lagi aktif melakukan aktiviti jenayah, aktiviti penculikan di perairan Pantai Timur Sabah.

Pada masa yang sama, *Bangsamoro Islamic Freedom Fighters* (BIFF) pula telah menyertai Abu Sayyaf dengan memberikan sokongan kepada IS dan telah bai'ah untuk bersama-sama dengan mereka. Sementara itu, Ismail Kiram II menggantikan Jamalul Kiram III telah pun bertekad untuk meneruskan tuntutan ke atas Sabah walaupun pencerobohan persenjataan di Lahad Datu pada Februari 2013 tidak berhasil. Akan tetapi ini tidak bermakna bahawa perjuangan mereka tidak diteruskan. *Moro National Liberation Fund* (MNLF) yang diketuai oleh Nur Misuari telah mengumumkan penubuhan Republik Bangsamoro pada 27 Julai 2013 lagi. Bila kita ambil kira semua kenyataan, fahaman, ideologi dan juga gerakan-gerakan kumpulan-kumpulan ini, memang penting untuk kita beri tumpuan dan beri jaminan kepada semua di Sabah bahawa Kerajaan Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional tidak akan membiarkan mereka bersendirian dan terus akan menjamin keselamatan mereka di Sabah.

Cara bagaimana kita hendak lakukan di Sabah? *Squadron Hawk* telah pun saya atur gerak ke Pangkalan Udara Labuan. Kita telah pun menaik taraf lapangan terbang di Lahad Datu sebagai *forward*

base helicopters kita. *Helicopters* kita, kita akan melengkapkan dengan senjata, pelaksanaan *Sea Basing* di mana pelantar-pelantar minyak digunakan sebagai *offshore base*. Satunya akan ditempatkan bulan depan dan *mobile offshore base*, kita gunakan kapal-kapal besar sebagai *bases* di tengah laut. Hujung bulan ini akan ditempatkan di perairan Sabah.

Perolehan aset seperti radar dan perjawatan bagi penubuhan batalion baru yang bekerjasama dengan penambahbaikan radar tadi telah pun saya buat keputusan untuk kita teruskan. Satu *company mechanised* menggunakan 17 KJAM IFV dan 12 KJA Gempita, dengan izin, *these are armoured carriers* yang baru kita peroleh. Semuanya telah pun disalurkan ke Sabah dan ditempatkan untuk di kawasan-kawasan strategik. Jadi, ancaman yang kita pantau itu memerlukan satu tindakan menyeluruh. Bukan saja melibatkan ATM dan Mindef negara kita tetapi bekerjasama rapat seperti jawapan kepada soalan asal tadi, kerjasama dengan negara-negara jiran dan negara-negara yang juga memantau IS. Dalam hal ini, kepada soalan kedua, memang fenomena IS ini merupakan fenomena baru.

■1100

Ancamannya tidak seperti apa yang kita hadapi dengan Al-Qaeda, dengan Jemaah Islamiah dan penggunaan sosial media sebagai kaedah untuk menarik perhatian ini merupakan satu perkara yang bukan sahaja membimbangkan kita tetapi juga membimbangkan semua negara yang terlibat. Ini memerlukan kerjasama yang rapat yang sedang kita lakukan dengan negara-negara yang telah pun terpaksa berhadapan dengan ancaman IS sama ada di Sydney, sama ada di Paris atau dengan Amerika Syarikat dan unit komunikasi menggunakan IT dan sosial media ini. Walaupun baru di dunia tetapi mesti diwujudkan dan kita di antara negara yang telah pun mengorak langkah ke arah itu bersama-sama dengan rakan-rakan kita yang juga memantau keadaan di landskap sosial media dunia hari ini.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dimaklumkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa pasukan pengaman ASEAN ini hanya akan direalisasikan tahun depan daripada mesyuarat yang akan diadakan di Laos. Persoalan saya kenapa lambat sangat? Ini sesuatu perkara yang mustahak didahulukan dan sepatutnya kita mengambil tindakan yang segera.

Yang kedua, bolehkah skop pasukan pengaman ASEAN ini esok kita gunakan untuk mengawal kita buat persediaan terkehadapan kawasan-kawasan yang bergolak di peringkat ASEAN. Supaya sebelum kita menangani di peringkat antarabangsa kita selesaikan dahulu masalah di ASEAN itu sendiri. Misalnya di Selatan Filipina, di Sabah itu sendiri, di Selatan Thailand dan saya rasa ini akan lebih memberi gambaran yang baik kepada perpaduan ASEAN dan juga imej ASEAN itu sendiri yang diterajui oleh Malaysia. Minta penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Adam. Jawapan kepada soalan pertama mengapa lambat sangat kerana ia melibatkan 10 buah negara dan hendak meyakinkan 10 buah negara dalam hal keselamatan dan kerjasama bersama bukan satu perkara yang mudah. Lebih-lebih lagi kalau idea ini merupakan idea baru tetapi ini tidak bermakna penglibatan kita di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu tidak boleh melibatkan beberapa buah negara ASEAN bersama. Contohnya MALBAT pasukan kita yang berada di Lubnan hari ini melibatkan juga penyertaan dari Brunei.

Jadi memang sudah ada usaha kerjasama. Yang penting sekarang ialah bagaimana kita dapat perluaskan kerjasama antara *bilateral* atau *trilateral*, dengan izin, melibatkan kesemua 10 buah negara ini. Ini memerlukan satu fahaman kepakaran, penglibatan, aset, sumbangan. Maklumlah ada negara-negara yang mempunyai banyak aset, ada yang mempunyai kepakaran masing-masing. Yang Berhormat Dato' Adam memahami hendak cuba memastikan bahawa negara Cambodia, Laos, Myanmar bersama-sama dalam satu agenda keamanan di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu bukan satu perkara yang mudah tetapi saya percaya kalau kita tidak boleh bersatu untuk keamanan agak sukar untuk kita bersatu dalam keadaan geopolitik, perpecahan dan peperangan. Ini akan saya terus usahakan.

Dalam soalan kedua tadi di mana kita hendak pastikan bahawa usaha kita ini dapat diperhebatkan lagi saya minta kerjasama dari semua Ahli-ahli Dewan Negara penjelasan kepada orang ramai mengenai ancaman-ancaman baru ini penting dan mungkin kita tidak menyedarinya. Sekarang kita tidak menghargainya, kita tidak merasainya tetapi dalam dunia yang tanpa sempadan hari ini, dalam keadaan di mana apa jua boleh berlaku dalam sekelip mata kita semua mesti memainkan peranan. Di Sabah kita berbalik kepada soalan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam tadi letaklah aset macam mana pun di Sabah kalau orang Sabah sendiri tidak menjadi mata dan telinga kepada kita mereka sendiri tidak menyedari ancaman yang dihadapi, saya bimbang ada had dan batasan yang kerajaan, MINDEF dan ATM boleh lakukan kalau kita tidak boleh menang *the hearts and mind of the people who are directly affected by*, dengan izin. Ada lagi tidak tadi?

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Fasal pengaman ASEAN sepatutnya ditempatkan di tempat strategik.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Itu saranan yang cukup tepat sekali sebab kalau kita tengok ancaman di Sabah melibatkan Lautan Sulu dan Lautan Sulu itu melibatkan kepentingan Brunei, Malaysia, Indonesia dan Philippine. Jadi kita telah bersetuju di peringkat ADMM iaitu Menteri-Menteri Pertahanan, bahawa keselamatan maritim di Lautan Sulu akan melibatkan empat buah negara tadi. Satu lagi keselamatan maritim di Selat Melaka melibatkan negara Thailand, Singapura, Malaysia dan juga Indonesia. Itu memang sudah ada *templatnya Ice in the Sky* dan *Joint Patrolling*, dengan izin. Ini kita akan perhebatkan lagi dan melibatkan lagi lebih ramai mereka yang hendak menjadi bersama-sama dengan kita Myanmar dan Vietnam telah pun bersetuju untuk menjadi *observer* dalam usaha kita untuk memastikan keselamatan perjalanan maritim di Selat Melaka.

Hotspot kawasan-kawasan yang perlu kita beri tumpuan Selatan Thailand dan juga Selatan *Philippine* dan Malaysia kebetulan memang ke hadapan sekali dalam proses damai di kedua-dua kawasan ini dan kita sedang pantau secara dekat dan bukan satu perkara yang mudah. *Fees* proses dekat *Philippine* ini telah mengambil masa 11 tahun dan *in shaa-Allah* kalau dapat diselesaikan bulan Jun ini dengan undang-undang yang perlu dibentangkan di Parlimen dan juga di *Senate* *Philippine*. Kalau tidak berjaya kita bimbang bahawa apa yang kita tidak ingini, apa yang boleh berlaku dan apa yang sekarang ini menular di Timur Tengah, di Yemen dan di Ukraine. Jangan ingat bahawa kita di sini terkecuali daripada risiko tadi itu. Tepat saranan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Memandangkan Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang pagi ini untuk menjawab soalan maka saya benarkan dan saya buka ruang untuk Yang Berhormat mengemukakan soalan tambahan ketiga. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab yang saya setuju jawapan yang penuh komprehensif. Cuma kalau kita lihat apa yang dibangkitkan tadi IS, Abu Sayyaf, Bangsamoro, kalau dahulu KMM, *JI dominator* nya sama iaitu soal ideologi jihad yang disalah faham dan disalahtafsirkan dalam konteks Islam.

Saya hendak tahu apakah pendekatan yang dilakukan oleh Kementerian Pertahanan dalam konteks pertamanya kepada anggota keselamatan di bawah Kementerian Pertahanan sendiri dalam hendak mendepani ideologi jihad yang diselewengkan pandangannya yang mudah diselewengkan kerana faktor-faktor yang banyak terutamanya rasa umat Islam hari ini tertindas dan sebagainya yang mudah untuk memesongkan kefahaman jihad yang sebenar.

Yang keduanya, soal hendak memahamkan kepada negara-negara jiran kita ASEAN yang mana 88% di asian ini merupakan penganut agama Islam. Jadi ideologi ataupun kefahaman jihad ini perlu diberikan kefahaman dan pendekatan yang tuntas terutamanya Malaysia sebagai pengerusi ASEAN yang merupakan pembawa pendekatan *wasatiyyah* yang saya kira dua perkara ini yang saya ingin tahu daripada segi jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Yang Berhormat, pendekatan wasatiyyah itulah yang membezakan kepimpinan kita daripada kepimpinan-kepimpinan lain di luar sana dan *moderation* dalam apa cara kita memimpin mendapat tarikan daripada majoriti rakyat di luar sana dan memang menarik kepada itu.

■1110

Akan tetapi yang penting sekarang ini pertama kita jangan ingat bahawa ia monopoli penganut kita orang Islam sahaja. Ada juga kawasan-kawasan *hotspot* yang melibatkan penganut Buddha. Di Myanmar pun kita dengar cerita bahawa mereka hendak wujudkan mungkin *Buddhist Caliphate* kerana agendanya bukan agama sangat tetapi perkara puncanya ialah situasi semasa dan ini sedang dipantau. Kedua, saya hendak tekankan di sini bukan ia berkisar kepada ASEAN sahaja kerana gerakan militan daripada *province* di Xinjiang China pun kita pantau menggunakan Malaysia sebagai transit ke Turki lepas itu ke Syria. Kita bimbang sekarang mereka yang ke Syria ini balik-balik ke rantau kita. Ke manakah mereka balik? Kalau dia balik ke Xinjiang tidak apa tetapi kalau sekiranya mereka teruskan ideologi mereka di kawasan-kawasan *hotspot* tadi yang saya sebutkan dan ini tidak merupakan monopoli Islam sahaja.

Tindakan kita pertamanya kita kena memahami yang saya sebutkan tadi ancaman IS berbeza dengan ancaman-ancaman yang kita hadapi sebelum daripada ini. Negara-negara yang lebih besar Amerika Syarikat, China, di Eropah pun masih terkapai-kapai bagaimana hendak menghadapi ancaman

IS. Sekarang ini telah pun merebak ke Nigeria melalui Boko Haram dan sebagainya. Jadi ini sedang kita meneliti tetapi yang saya hendak tekankan di sini kita tidak ambil mudah dan kita ambil serius. Mungkin penglibatan daripada ahli anggota kita sendiri dalam gerakan ini. Peranan Kor Agama Angkatan Tentera Darat (KAGAT) telah pun kita arahkan, latihan intensif, fasilitator kita untuk KAGAT telah pun kita perhebatkan juga, penerangan bahaya IS ini, penjelasannya diberikan secara berterusan, risalah-risalah, khutbah, taklimat keselamatan.

Ini dalam masa beberapa bulan sahaja kita telah beri penekanan kepada ahli anggota kita sendiri. Oleh sebab ahli anggota kita sendiri pun tidak terkecuali daripada pengaruh yang datangnya tanpa sekatan melalui sosial media. Jadi *the winning of the heart is mind*. Memenangi pemikiran minda dan hati mereka ini merupakan satu perkara yang kita kena pertamanya fahami apa ancumannya. Kedua, kita kena tahu di mana sasarannya, siapa *target group* yang kita perlu dekati. Ketiga, cara bagaimana kita hendak dekati mereka dengan ancaman baru dan fenomena baru yang satu dunia sedang hadapi pada hari ini.

4. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, adakah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) yang ditawarkan ini mendapat sambutan di kalangan pengusaha di luar bandar. Sejak lima tahun lalu, berapa ramai yang telah mendapat kemudahan ini dan berapa ramai yang berjaya sebagai pengusaha bumiputera luar bandar yang berpotensi dan berdaya maju.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) telah mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pengusaha usahawan bumiputera di luar bandar. Sejak lima tahun lalu seramai 1,332 orang usahawan bumiputera di luar bandar yang telah mendapat kemudahan pembiayaan SPED dengan nilai pembiayaan tuntutan pinjaman yang diluluskan berjumlah RM116,494,670. Sebanyak 68% iaitu 906 orang usahawan daripada keseluruhan 1,332 orang usahawan telah berjaya sebagai pengusaha bumiputera luar bandar yang berpotensi dan berdaya maju melalui peningkatan jualan serta mencatatkan keuntungan bersih yang memuaskan. Sekian, terima kasih.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih atas jawapan berkenaan. Yang Berhormat Menteri menerusi Skim Pembiayaan Ekonomi Desa ini saya percaya usahawan-usahawan desa akan boleh terus bersaing dan meningkatkan keupayaan dalam pengeluaran pelbagai produk komersial. Malahan saya difahamkan kadar maksimum pembiayaan SPED ini telah dipertingkatkan daripada RM500,000 kepada RM1 juta. Soalan tambahan saya ialah dasar kerajaan memang bagus tetapi pelaksanaannya agak kurang terutamanya dalam soal syarat-syarat yang agak ketat, birokrasi dan tidak efisien di kalangan pegawai-pegawai.

Akibatnya usahawan-usahawan desa ini berdepan dengan kekangan untuk mendapatkan pembiayaan. Ini sekali gus telah membuatkan mereka *demotivated*, dengan izin, dan termasuklah usahawan yang sudah lama berkecimpung dalam *business*, apatah lagi kepada mereka yang baru mula

hendak meniaga. Apabila menghadapi masalah ini memanglah agak susah. Jadi di sini saya mohonkan penjelasan.

Soalan tambahan yang kedua saya juga hendak tahu adakah di setiap RTC dan UTC mempunyai kaunter-kaunter SPED ini sebagai tambahan perkhidmatan bagi rakyat kerana usahawan-usahawan desa ini datang dari jauh, dari pedalaman dan memerlukan tempat yang lebih selesa dan kondusif. Saya mohon kementerian menimbang soal itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya yang pertama tadi teguran daripada Yang Berhormat Senator kerana membangkitkan masalah yang dikatakan kerenah birokrasi di peringkat pegawai. Jadi kita sentiasa mencari bagaimana kita hendak menambahbaikkan *delivery system* kita. Teguran itu kita akan semak dan kita akan kalau mendapati di mana ada kelemahan akan membuat penambahbaikan atas birokrasi kalau sebenarnya dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi walaupun begitu Yang Berhormat yakinlah SPED ini banyak telah berjaya membantu usahawan-usahawan dan peminjam yang datang untuk hendak mendapatkan pinjaman itu. Di dalam tiga RMKe-8, RMKe-9 dan RMKe-10 ramai usahawan telah dapat manfaat daripada program SPED ini.

Untuk menjawab yang kedua, tadi mungkin boleh diadakan kios SPED ini di RTC dan UTC. Saya hanya boleh berkongsi maklumat dengan RTC sebab RTC ini adalah di bawah naungan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sekiranya diperlukan dan tidak ada masalah bagi kementerian untuk meletakkan kaunter SPED ini di mana-mana RTC yang kita ada di seluruh negara. Setiap negeri ada sebuah RTC di Semenanjung Malaysia dan dua RTC untuk Sabah dan di Sarawak.

Akan tetapi untuk *Urban Transformation Centre* (UTC) adalah di bawah Kementerian Kewangan bukan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya harap perkara ini diambil berat oleh UTC sekiranya diperlukan. Akan tetapi SPED ini kita tumpu kepada mereka yang memerlukan bantuan kewangan ini di luar bandar, yang bertapak di luar bandar. Untuk kita membantu masyarakat yang ingin menceburi diri di dalam bidang keusahawanan dan perniagaan di luar bandar. Jadi kalau mereka ini ke UTC di kota-kota besar, bandar raya saya tidak tahu di mana ada keseimbangannya. Akan tetapi tidak apalah saya menjawab untuk RTC. Sekian, terima kasih.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniahlah kepada kerajaan yang telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan pengusaha bumiputera di luar bandar. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menyediakan kemudahan pinjaman tanpa cagaran kepada pengusaha bumiputera di luar bandar di bawah Skim SPED ini. Adakah kerajaan bercadang menyediakan kemudahan fizikal dan infrastruktur dengan mewujudkan kawasan perindustrian kecil di luar bandar? Bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan pengusaha bumiputera dalam bidang perusahaan di luar bandar dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan.

Apakah Yang Berhormat Menteri langkah yang diambil kerajaan bagi menggalakkan penyertaan golongan muda dan graduan di luar bandar dalam skim SPED bagi mewujudkan perusahaan kecil berasaskan hasil pertanian dan kalau dapat jumlah Yang Berhormat Menteri jualan produk-produk

keluaran pengusaha SPED semenjak 2001 hingga terkini dan apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan pemasaran produk-produk keluaran perusahaan SPED ini bukan sahaja pemasaran tempatan tetapi juga pasaran global dan antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya SPED ini hanyalah satu daripada pelbagai kaedah kementerian ini membantu usahawan dan perniagaan kita. Jadi kita tumpu kepada mereka yang duduk di luar bandar sebab kementerian ini, kementerian yang menumpukan perhatiannya kepada mereka yang di luar bandar. Jadi bukan sekadar SPED ini.

Untuk golongan muda di luar bandar, kita ada program yang kita perkenalkan sejak hanya empat tahun lalu. Bermula tahun 2012. Ini tahun keempat yang dikatakan *Rural Business Challenge* (RBC). Itu *challenge* ya, itu pertandingan. Pertandingan supaya kita ini nak menggalakkan golongan belia muda ini usia 18 ke-40 tahun- mereka ini ada dua kategori pertandingan. Digalakkan menyertai pertandingan iaitu satu kategori *business plan*, rancangan perniagaan yang belum beroperasi. Jika ada pemenang akan diberi secara tunai RM10,000 untuk pemenang ini meneruskan operasi *business idea* itu.

Kategori yang lain itu ialah yang lebih kita tumpukan perkembangan perniagaan. Perkembangan perniagaan di mana perniagaan ataupun usahawan yang telah berlangsung lebih daripada tiga tahun yang sudah beroperasi di mana dipertandingkan dan dinilai daripada segi keuntungannya, daripada segi penyediaan peluang pekerjaan untuk yang lain dan juga kekekalan *business* itu- *sustainability*. Ini kerana kita nak mereka ini berjaya di luar bandar supaya kita boleh- objektif antara lain adalah untuk kita membendung penghijrahan golongan belia ini dari luar bandar ke bandar. Kita nak *economic activity* yang sihat, yang menguntungkan bertapak di luar bandar. Jadi itu selain daripada SPED.

Jadi untuk penyediaan kawasan industri, kita melalui agensi kita MARA menyediakan pelbagai bantuan dan pelbagai kaedah bagaimana kita membantu usahawan kita di luar bandar. Satunya adalah untuk membina arked di mana pengusaha-pengusaha ataupun peniaga boleh menyewa di ruang-ruang di arked itu. Ada juga premis yang berbentuk lain.

Untuk Rancangan Malaysia Kesebelas kementerian sekarang memikirkan lebih daripada itu bagaimana kita lebih terlibat lagi untuk kita memperhebatkan lagi pembangunan perniagaan di kalangan bumiputera di luar bandar. Mungkin idea menyediakan tapak perindustrian kecil itu adalah satunya yang kita boleh ambil kira. Sekian, terima kasih.

5. **Dato' Jaspal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan, mengenai sebab-sebab negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang telah mengalami banjir yang begitu teruk pada awal tahun ini. Apakah jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk membantu keluarga-keluarga dan pembinaan semula infrastruktur di negeri-negeri ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua saya memohon menjawab bersekali dengan soalan 36 Yang Berhormat Senator Dato' Johari Mat dan

soalan 72, Yang Berhormat Senator Datuk Lucas secara umum kerana dengan jawapan ini bererti kita boleh tutup episod jawapan berhubung dengan banjir dan juga pasca banjir.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Menurut laporan awal Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), antara punca berlakunya banjir pada episod musim tengkujuh pada tahun 2014/2015 adalah seperti berikut:

- (i) kejadian hujan lebat yang ekstrem, menyeluruh dan berterusan selama 10 hari iaitu antara 15 Disember 2014 sehingga 24 Disember 2014. Mengikut rekod pemantauan JPS, purata hujan tahunan bagi negeri Kelantan adalah sekitar 3,000 milimeter. Walau bagaimanapun, akibat fenomena perubahan iklim, sebanyak 30% iaitu 944 milimeter daripada jumlah hujan tahunan telah turun dalam tempoh 10 hari tersebut di negeri Kelantan. Berdasarkan kepada pemantauan stesen telemetri JPS, kebanyakan aras air sungai di negeri Kelantan telah meningkat melebihi tahap bahaya;
- (ii) penerokaan dan pembalakan haram. Pembalakan hutan sama ada secara terancang atau tidak terancang telah menyebabkan arus air di permukaan mengalir lebih laju ke kawasan rendah;
- (iii) kawasan tanah di kawasan tadahan yang merupakan zon penampungan atau *buffer zone* iaitu sekitar kawasan Gunung Gagau telah menjadi tepu dan tidak mampu untuk menyerap air hujan yang turun secara berterusan. Air hujan yang turun kemudiannya telah menjadi air larian permukaan dan meningkat isi padu air banjir sedia ada;
- (iv) kejadian air pasang atau *spring tide* yang berlaku pada tempoh yang sama. Aras air pasang yang tinggi telah menyebabkan pertembungan banjir dengan air laut yang memburukkan keadaan;

Pohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Semalam hujan di Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin sejujulah itu Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

- (i) air pasang besar yang berlaku pada tempoh yang sama. Air pasang yang tinggi telah menyebabkan pertembungan air banjir dengan air laut yang memburukkan keadaan;
- (ii) topografi kawasan yang rendah dan landai serta berdekatan dengan sungai yang berarus deras menyebabkan kemusnahan kepada kediaman dan harta benda.

Seperti mana Yang Berhormat telah maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa sidang Dewan Rakyat yang lalu, kerajaan melalui MKN dan beberapa buah agensi pelaksana yang berkaitan telah dan akan melaksanakan pelbagai tindakan bagi membantu mangsa-mangsa banjir yang

terlibat serta membaiki pulih infrastruktur yang terjejas teruk akibat banjir tersebut. Antara tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan kepada mangsa-mangsa banjir adalah seperti berikut:

- (i) kerajaan telah menyalurkan tambahan kepada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara sebanyak RM500 juta sebagai bantuan permulaan atau *initial allocation* untuk kerja-kerja baik pulih dan program kebajikan mangsa banjir. Bantuan ini telah menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak RM787 juta;
- (ii) peruntukan awalan – kerajaan menyediakan RM800 juta kepada pelbagai agensi untuk membaiki dan membina semula infrastruktur asas seperti sekolah, hospital, jalan raya dan jambatan;
- (iii) menyediakan peruntukan sebanyak RM893 juta bagi Bajet 2015 untuk Rancangan Tebatan Banjir di seluruh negara;
- (iv) membina rumah-rumah kampung bertiang (*stick houses*) setinggi lapan kaki atau rumah di atas tanah (*landed houses*) yang telah musnah akibat banjir kepada mereka yang mempunyai tanah sendiri dengan anggaran sebuah sebanyak RM48,000;
- (v) memberi bantuan RM500 bagi setiap keluarga yang terlibat banjir dan layak menerima. Anggaran jumlah yang terlibat adalah sebanyak 194,000 keluarga; dan
- (vi) menghulurkan sumbangan RM5,000 kepada 27 buah keluarga yang kehilangan ahli keluarga akibat banjir tersebut.

Berhubung dengan jawapan Dato' Dr. Johari Mat, saya ingin maklumkan bahawa perincian negeri yang menerima kerosakan adalah seperti berikut:

Negeri	Nilai Kerosakan (RM/juta)
Kelantan	1,059.74 juta (1.59 bilion)
Terengganu	281.9
Pahang	496.6
Perak	242.6
Sabah	0.29
Johor	38.7
Negeri Sembilan	10.053
Perlis	0.431
Selangor	1.6
Sarawak	1.096
Kedah	12.58
Lain-lain Tafsiran	717.7
JUMLAH KEROSAKAN	2,850.8 juta (2.8 bilion)

■1130

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dalam menghadapi musim akan datang, peranan semua pihak perlu digembleng selaras dengan usaha untuk mengarusperdanakan pengurangan risiko bencana di semua peringkat.

Berhubung dengan jawapan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, saya ingin maklumkan di sini bahawa, seperti yang telah diberi jawapan semasa penggulungan, kita akan melaksanakan beberapa penambahbaikan iaitu:

- (i) penambahbaikan kompetensi dan kemahiran kepimpinan di peringkat jawatankuasa daerah serta pusat seperti kaedah perintah dan kawalan serta persediaan peruntukan;
- (ii) membangunkan keupayaan sistem amaran awal;
- (iii) meningkatkan keupayaan aset dan logistik termasuklah bot-bot yang berkeupayaan tinggi, *amphibious vehicle*, dan juga helikopter;
- (iv) menempatkan pegawai-pegawai yang lebih mahir dalam pengurusan bencana;
- (v) pelaksanaan program kesedaran awam khususnya komuniti yang tinggal di kawasan berisiko banjir; dan
- (vi) bagi tempoh sederhana dan panjang, kerajaan akan membina projek-projek pencegahan banjir terutama bagi projek-projek yang mampu menghasilkan pendapatan seperti pembinaan empangan yang boleh menjana bekalan elektrik.

Selain itu, kerajaan juga perlu menggiatkan pemulihan kawasan hutan termasuk penanaman semula pokok-pokok sebagai zon penampan di kawasan tadahan air. Terima kasih.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Menteri kerana telah memberikan jawapan sebab-sebab yang begitu terperinci. Banjir di kawasan Pantai Timur atau kadang-kadang di Kedah, di pedalaman Johor ini pada hujung tahun bukan satu perkara yang baru. Kita akan lihat tiap-tiap tahun, negara kita kadang-kadang di Kedah kah, Johor kah, ada bencana alam.

Saya hendak minta keterangan di sini, tahun lalu sebelum banjir, dapatkah kita jangka keadaan cuaca yang teruk akan dialami supaya tindakan awal dapat diambil? Mengikut keterangan Menteri, ada lima sebab ini iaitu hujan lebat, air pasang tinggi, topologi, penerokaan haram. Benda-benda ini semua saya rasa boleh kita kawal dan kita dapat *predict*.

Pada ketika ini, ada banyak teknologi baru seperti teknologi *Big Data* di mana kita boleh ambil data daripada semua keadaan ini dan membuat satu *profiling* di mana kita dapat tahu apakah impak perubahan iklim atau hujan lebat kepada sesuatu tempat. Saya hendak tahu sama ada kerajaan bercadang untuk melaksanakan satu sistem *preventive* ataupun *predictive* supaya kita dapat menggunakan teknologi-teknologi masa kini untuk membuat satu sistem amaran awal. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah maklum dalam penggulungan baru-baru ini, bahawa MetMalaysia dan juga JPS telah diberikan peruntukan yang

besar untuk memasang alat-alat ini. *In shaa-Allah*, sekarang ini alat-alat yang ada itu boleh memberi amaran awal kepada kita dalam jangkaan seminggu begitu. Akan tetapi dengan pemasangan alat awal ini, kita dapat menjangkakan lebih awal tentang bencana yang mungkin berlaku.

Malah tahun sudah, kita telah bermesyuarat sebulan lebih awal iaitu kita bermesyuarat pada bulan November dan kita buat persediaan untuk banjir luar biasa. Semua negeri buat. Kita telah dapat hadapi banjir luar biasa ini dengan terkawal. Akan tetapi di negeri Kelantan, kita juga buat persediaan, tetapi malangnya, persediaan kita itu untuk tahap tertentu tetapi yang terjadi ialah berkali-kali ganda. Contohnya kita buat di tahap 50,000 orang untuk berpindah, orang yang berpindah ialah katakan dalam 400,000 sebagai contoh. Jadi jentera di barisan hadapan peringkat pertama itu agak tergamam sedikit. Akan tetapi hari yang kedua, semuanya telah selesai.

Cuma, yang tidak selesai ini maklumat yang diberi melalui media sosial yang menceritakan pengalaman peribadi tetapi ia bukan menggambarkan secara keseluruhan. Saya telah pergi ke semua tempat yang disebut secara peribadi oleh media sosial. Apabila saya sampai di sana, suasananya berlainan dan mungkin bila saya sampai mungkin keadaan sudah pulih seperti sedia kala. Memang hari pertama oleh sebab air yang datang itu terlampau laju, luar biasa, tidak semua menjangkakan semua ini boleh berlaku. Ini kali pertama yang berlaku di Kelantan. Banjir yang berlaku pada tahun 1928 yang dipanggil Banjir Merah dan banjir pada tahun 1967, airnya tidak selaju yang berlaku pada tahun ini, dalam abad ini. Dalam pernah manusia mengingatnya, daripada rekod yang ada, ini banjir yang laju dan merosakkan. Terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Banjir ini memanglah mengakibatkan kerajaan dan rakyat semua sekali. Jadi sekarang katalah banjir yang besar luar biasa berlaku di negeri Kelantan, apa kata pada hujung tahun ini banjir yang besar luar biasa berlaku di lebih banyak negeri-negeri kita. Jadi kita tidak boleh harap banjir ini jangan berlaku tahun ini. Yang saya ingin sampaikan ialah kita mesti ada satu cara yang boleh mengawal banjir itu atau mengurangkan banjir itu se...

Tuan Yang di-Pertua: Minimum?

Dato' Lim Nget Yoon: *[Ketawa]* Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Senator ini pergi Rompin semalam, Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]* Dia menyampaikan maklumat-maklumat penting berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, banjir besar telah berlaku pada tahun 2013 di Terengganu dan juga di Pahang. Di Dungun, Kemaman dan Kuantan. Luar biasa. Tengah kita asyik berucap di sini, saya minta pihak pembangkang tolong berhenti bercakap dan benarkan saya pergi ke Kuantan. Mereka bertanya soalan, bawa usul sedangkan banjir sedang berlaku, pemindahan sedang berlaku, hiruk-pikuk sedang berlaku di sana. Akan tetapi kita berjaya. Akhirnya pergi juga ke Kuantan pada hari tersebut dan kita buat apa yang kita patut. Kemudian hasil daripada banjir besar, kita telah buat persediaan yang rapi.

Jadi tahun 2014, Kemaman, Dungun, Kuantan dilanda banjir besar yang sama tetapi kita dapat hadapinya sebab kita telah buat perubahan kepada jawatankuasa barisan hadapan. Yang Berhormat, barisan hadapan Dewan Negara ialah Tuan Yang di-Pertua kerana Tuan Yang di-Pertua selalu buat keputusan, orang lain kena ikut. Jangan buat, cakap lebih-lebih. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata setujulah elau ini, kena semua setuju. Jangan buat pandai-pandai tidak setuju. Dia di barisan hadapan. Barisan hadapan kami Dewan Rakyat ialah Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita ikut macam itu.

Barisan hadapan di pejabat daerah ialah DO, Yang Berhormat. DO itu kena bagus. DO cara zaman dahulu tidak boleh lagi. DO itu mesti ke hadapan. Ada bencana dia berada di hadapan. Dia macam wakil rakyat, macam Ahli Parlimen. Akan tetapi kalau DO hanya banyak berpesta dengan masa, kita ada masalah. Dia kena berada di barisan hadapan dan dia kena kenal orang. Kenal *boat man*, kena kenal semua NGO. Itu dia DO.

Akan tetapi kalau DO itu banyak berfoya-foya dengan masa, kita akan rugi. DO mesti orang yang mantap. Itu sebab bila banjir berlaku di Terengganu dan Pahang, kita hadapinya. Banjir besar pernah berlaku di Perlis, barisan hadapan- Perlis tidak ada DO, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya macam DO lah. Saya menjadi Menteri Besar pada masa itu. Kita hadapi dengan baiknya. Cerita-cerita baik yang orang tidak mahu balik sebab sudah berada di pusat banjir itu yang kita hendak supaya orang berpuas hati berada di pusat banjir.

■1130

Demikian juga banjir besar yang berlaku di Johor. Yang Berhormat masih ingat bahawa pam besar terpaksa digunakan untuk mengepam air tetapi sekarang di Johor banjir kira di peringkat sederhana. Di Kelantan banjir setiap tahun malah orang Kelantan ada pesta banjir lagi tetapi mereka tidak menjangkakan banjir besar ini berlaku walaupun kita telah mengeluarkan amaran awal bahawa barisan hadapan kena bersiap sedia tetapi barisan hadapan semasa bulan Disember itu ada juga yang bercuti dan sebagainya kita memang menghadapi masalah pada hari yang pertama. Akan tetapi pada hari yang kedua, kita dapat selesaikannya dengan baik.

Jadi berhubung dengan persediaan sekarang ini yang keduanya kita buat kursus kesedaran kepada peringkat bawah bagi kawasan yang berisiko banjir. Ketiganya Yang Berhormat yang ini saya kena sebutkan. Ini kalau semua Yang Berhormat mahu bekerjasama, rakyat Malaysia bekerjasama hentikan pemotongan hutan. Ini masalah besar ini. Kita ada Jabatan Hutan yang menguruskan *forest reserve* tetapi kita ada juga Jabatan Industri Balak ini. Mereka pun kena tanam banyak balak. Jadi ada kawasan hutan baru-baru ini telah pun dipotong sebanyak dekat 20,000 hektar, makna dekat 60,000 ekar untuk tanam ambil getah *latex*.

Kalau tanya saya, saya kata adalah lebih bagus kita beli getah dari luar yang harganya lebih murah daripada kita tanam sendiri dan kita merosakkan kawasan hutan. Kita dengar berita bahawa ada gajah yang mati dan sebagainya apabila buat macam ini. Apabila dipotong pokok, kita tengok dipotong pokok itu dengan cara yang agak kejam. Saya tengok sendiri kalau itu pun hendak ambil 20,000 ekar potonglah 5000 dahulu tanam pokok. Jangan pergi potong buka semua, selepas itu baru hendak tanam

pokok. Pokok hendak naik lambat tetapi otak ini jadi fesyen lain. Orang yang potong pokok itu hendak ambil balak itu. Jadi macam-macam terjadi. Rakyat kena bangun menentang pemotongan apa-apa hutan di Malaysia. Tidak ada hutan lagi. Hutan tidak akan bertambah kalau kita tidak tanam. Ia punca kepada banjir, kepada air yang tepu tidak boleh kawal, ia akan datang ke kawasan bawah dan banjir akan berlaku.

Ini yang penting iaitu semua negeri hendaklah menanam semula kawasan hutan mereka untuk membolehkan kita mengawal banjir. Lupakanlah pemikiran untuk membuat balak dan sebagainya. Pergi tanam di negara lain di dunia yang boleh lagi ditanam balak tetapi jangan ganggu kawasan hutan di Malaysia, jangan ganggu kawasan rizab negara seperti Endau Rompin, seperti Belum jangan ganggu. Itu pun telah diganggu bukan sahaja oleh orang tempatan tetapi juga oleh orang asing. Jadi Yang Berhormat apa pun kita cakap, kita jangan lupa, kita boleh bercakap macam-macam persediaan dibuat tetapi kalau hutan dibuka lupakan sebab air akan datang dengan lajunya dan apabila cuaca berubah dan kali ini kerosakannya akan lebih teruk daripada yang dijangkakan dan tidak ada air yang boleh dikawal di kawasan tadahan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Demikianlah sudahnya soalan-soalan untuk jawab lisan pada hari ini. Sekarang seterusnya Urus setia.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN KEGANASAN 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[22 April 2015]**

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya mulakan ini saya harap Ahli Yang Berhormat tolong beri kerjasama untuk mengemukakan nama-nama yang ingin membahaskan rang undang-undang ini. Untuk menyambung seterusnya saya persilakan Menteri Dalam Negeri menyambung pemberian huraian. Silakan Yang Berhormat.

11.44 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Selamat pagi.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Semalam saya berkesempatan membaca dua perenggan sahaja dalam peruntukan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ini. Jadi saya

mencadangkan kembali semula kepada perenggan yang saya baca itu Tuan Yang di-Pertua untuk butiran yang lebih jelas lagi hari ini kalau diizinkan atau pun saya sambung sahaja semalam.

Kedua, Bahagian II mengandungi kuasa penangkapan dan memperkatakan langkah-langkah sebelum siasatan diadakan di bawah Bahagian III.

Melalui fasal 3, seorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan yang menjustifikasikan siasatan diadakan mengenai kes orang itu. Kuasa ini disertai dengan kuasa penyiasatan yang terkandung dalam fasal 29 yang di bawahnya seseorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Inspektor diberi kuasa untuk membuat penyiasatan mengenai fakta dan hal keadaan mana-mana kes yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan yang menjustifikasikan siasatan diadakan di bawah Bahagian III.

Mana-mana orang yang ditangkap mesti dibawa di hadapan seorang Majistret untuk proses reman bagi mengadakan suatu siasatan mengenai kes orang itu. Di bawah fasal ini, suatu elemen penting yang mesti dikenakan adalah bahawa tidak seorang pun boleh ditangkap di bawah fasal ini semata-mata atas kepercayaan politik atau aktiviti politiknya.

Ketiga, seterusnya di bawah fasal 5, tiap-tiap orang yang direman tersebut hendaklah dengan seberapa segera boleh dibawa ke hadapan seorang Pegawai Siasatan.

Keempat, fasal 6 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang direman boleh pada bila-bila masa dibawa ke hadapan seorang Hakim Mahkamah Sesyen yang untuk mendapatkan lanjutan tempoh reman bagi meneruskan sesuatu siasatan mengenai kes orang itu di bawah *fasal 10*. Dalam mana-mana hal lain, atas permohonan seorang pegawai polis, Hakim Mahkamah Sesyen boleh mengarahkan supaya orang itu dilepaskan tertakluk kepada pelaksanaan satu bon bagi kehadirannya dengan sewajarnya di tempat dan pada masa dan dalam tempoh yang tidak melebihi lima puluh sembilan hari atau dilepaskan tertakluk kepada pengawasan polis tempoh sedemikian yang tidak melebihi lima puluh sembilan hari. Jika seseorang dilepaskan tertakluk kepada satu bon atau pengawasan polis, satu peranti pengawasan elektronik hendaklah dipasang pada orang itu iaitu *Electric Monitoring Device (EMD)*

Kelima, fasal 7 menetapkan tatacara berhubung dengan pemasangan peranti pengawasan elektronik pada orang yang direman apabila dilepaskan di bawah fasal 6.

Fasal 8, menubuhkan Lembaga Pencegahan Keganasan dan memperuntukkan kuasanya.

Ketujuh, fasal 9 memberi Menteri kuasa untuk melantik Pegawai Siasatan. Tiada seorang pun pegawai polis boleh dilantik sebagai Pegawai Siasatan.

Kelapan, fasal 10 menyatakan kewajipan dan kuasa Pegawai Siasatan. Seseorang Pegawai Siasatan hendaklah menyiasat dan melaporkan secara bertulis ke Lembaga sama ada terdapat alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa seseorang itu terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi penganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing.

Kesembilan, fasal 11 memperuntukkan mengenai akses oleh Pegawai Siasatan kepada orang yang ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau dikurung dalam mana-mana penjara.

Kesepuluh, fasal 12 menetapkan kehendak bagi Pegawai Siasatan membuat laporan ke Lembaga.

Kesebelas, fasal 13 memberi Lembaga kuasa untuk memerintahkan penahanan atau sekatan mana-mana orang yang terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing selepas menimbangkan laporan lengkap penyiasatan yang dikemukakan di bawah subfasal 3(4) dan laporan Pegawai Siasatan yang dikemukakan di bawah fasal 12.

Kedua belas, subfasal (9) dimasukkan bagi mengelak keraguan tentang pemakaian Perkara 151, Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab Akta ini diperbuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dan mengadakan peruntukan mengenai tahanan pencegahan, perlindungan di bawah Perkara 151(1) secara automatik terpakai dan mengehendaki bahawa mana-mana orang yang ditahan di bawah Akta ini diberi peluang untuk membuat representasi terhadap perintah tahanan itu seberapa segera yang boleh kepada satu Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di bawah Perkara 151(2). Tatacara bagi membuat representasi akan itu diperuntukkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

■1150

Ketiga belas, fasal 14 mengesahkan kesahan perintah tahanan dan hal kecacatan pentadbiran dalam penyampaian kepada orang yang ditahan sementara fasal 15 memperuntukkan mengenai pengantungan perintah tahanan.

Keempat belas, fasal 16 memperuntukkan bahawa tempoh tahanan hendaklah disifatkan telah dijalani serentak dengan apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Kelima belas, fasal 18 memberi Lembaga kuasa untuk membatalkan mana-mana perintah tahanan, perintah sekatan, perintah tahanan yang digantung atau arahan yang dilanjutkan mana-mana perintah sedemikian jika Lembaga mendapati adil atau patut berbuat sedemikian.

Keenam belas, fasal 19 bertujuan untuk menyatakan bahawa kajian semula kehakiman bagi apa-apa tindakan atau keputusan Lembaga Pencegahan Keganasan berkenaan dengan apa-apa persoalan hanya melibatkan ketidakpatuhan prosedur atau tatacara dalam akta ini.

Ketujuh belas, Lembaga diberi kuasa di bawah fasal 20 untuk memerintahkan pemindahan mana-mana orang yang ditahan di satu tempat tahanan ke sebuah tempat tahanan yang lain. Sementara subfasal 21(1) memberi *Commissioner General* Penjara atau Ketua Polis Negara mengikut mana-mana yang berkenaan kuasa untuk memerintahkan supaya orang tahanan di bawa ke mana-mana tempat demi kepentingan keadilan atau bagi maksud apa-apa siasatan awam atau siasatan lain atau demi

kepentingan negara atau demi kepentingan orang yang ditahan yang berada dalam jagaan atau dikurung.

Kelapan belas, fasal 24 - Menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang berdaftar bergaul atau secara lazimnya berkawan dengan mana-mana orang berdaftar lain tanpa kebenaran Ketua Polis Daerah di mana dia bermastautin melainkan jika dia tidak tahu dan tidak mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa orang lain itu adalah orang berdaftar.

Kesembilan belas, fasal 25 mengenakan penalti satu kali ganda dan juga sebatan bagi mana-mana orang berdaftar yang disabitkan dengan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah mana undang-undang bertulis selepas tarikh namanya dicatatkan dalam daftar.

Kedua puluh, fasal 26 menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang berdaftar yang tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan tentang kehadirannya bersama dengan dua orang berdaftar atau lebih atau dijumpai berhampiran dengan mana-mana tempat di mana perbuatan ganas atau pecah keamanan dilakukan atau baru sahaja dilakukan atau selalu berada atau merayau-rayau atau dekat mana-mana tempat awam atau tempat hiburan awam.

Kedua puluh satu, fasal 27 menjadikan sesuatu kesalahan untuk melindungi mana-mana orang berdaftar yang melanggar mana-mana perintah di bawah fasal 13 dengan syarat bahawa fasal ini tidak terpakai dalam hal seseorang isteri yang melindungi ataupun menyembunyi suaminya atau seorang suami yang melindungi atau menyembunyi isterinya.

Kedua puluh dua, fasal 28 memperuntukkan bahawa penahanan mana-mana orang di bawah Bahagian IV tidak menjejaskan pembawaan kepada apa-apa prosiding jenayah terhadap orang-orang itu sama ada semasa atau selepas tempoh tahanannya.

Kedua puluh tiga, fasal 30 memberi pegawai polis kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah fasal 24, fasal 26 atau fasal 27.

Kedua puluh empat, fasal 31 memberi kuasa pengambilan gambar foto dan cap jari mana-mana orang yang ditangkap di bawah sub fasal 3(1) atau yang namanya dikehendaki dicatatkan dalam data di bawah fasal 22 oleh mana-mana pegawai polis yang kemudiannya hendaklah menghantar gambar foto dan cap jari itu kepada pendaftar. Sub fasal 31(2) menjadikan satu kesalahan bagi orang sedemikian enggan ataupun tidak patuh kepada pengambilan gambar fotonya atau cap jarinya dan kesalahan itu hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda yang tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

Kedua puluh lima, fasal 32 melarang penzahiran maklumat untuk melindungi kepentingan awam dan saksi atau keluarganya atau rakannya.

Kedua puluh enam, fasal 33 memberi Menteri kuasa untuk meminda jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Kedua puluh tujuh, fasal 34 memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan bagi melaksanakan maksud akta ini.

Kedua puluh lapan, fasal 35 mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

Akta ini tidak menjejaskan mana-mana perintah pengawasan atau perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 berhubung dengan mana-mana orang yang telah terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibat organisasi pegganas tersenarai di suatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing sebelum tarikh akta ini mula berkuat kuasa dan orang sedemikian hendaklah terus tertakluk kepada perintah pengawasan atau perintah tahanan itu mengikut mana-mana yang berkenaan selagi perintah pengawasan atau perintah tahanan itu berkuat kuasa.

Akta ini tidak menjejaskan mana-mana siasatan yang dimulakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959, berhubung dengan mana-mana orang yang telah terlibat dengan perbuatan melaku atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pegganas tersenarai di suatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing yang belum selesai pada tarikh akta ini mula berkuat kuasa dan siasatan itu hendaklah diteruskan sehingga dia selesai di bawah akta itu seolah-olah akta ini tidak diperbuat dan jika diputuskan bahawa satu perintah pengawasan atau perintah tahanan hendaklah dikeluarkan. Perintah pengawasan atau perintah tahanan itu hendaklah dikeluarkan di bawah akta itu.

Akta ini tidak menjejaskan mana-mana prosiding yang dimulakan di bawah atau menurut Akta Pencegahan Jenayah 1959, berhubung dengan mana-mana orang yang telah terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pegganas tersenarai di suatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing yang belum selesai pada tarikh akta ini mula berkuat kuasa dan prosiding itu hendaklah diteruskan hingga ia diselesaikan di bawah akta itu seolah-olah akta ini tidak diperbuat dan selepas itu, jika apa-apa tindakan dikehendaki berhubung dengan sesuatu perintah pengawasan atau suatu perintah tahanan dikeluarkan di bawah Akta ini.

Kerajaan sedar bahawa pelaksanaan undang-undang pencegah yang digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan ini akan berada di luar norma kebiasaan tatacara jenayah dan undang-undang keterangan yang lazim. Maka, kerajaan akan memastikan untuk diadakan beberapa perlindungan jaminan atau *safeguard* seperti elemen Lembaga Penasihat untuk membuat rayuan berdasarkan Perkara 151, Perlembagaan Persekutuan. Mereka yang dikenakan tindakan di bawah undang-undang ini juga turut diberi peluang untuk menggunakan peguam pilihan mereka semasa proses representasi di hadapan Lembaga Penasihat.

Di sini saya memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa rang undang-undang ini telah pun mengambil kira hak asasi manusia ataupun *civil liberty* yang perlu diberi keutamaan sepenuhnya dan Ahli-ahli Yang Berhormat jangan bimbang mengenai perkara ini. Undang-undang baru ini juga memberi kuasa eksekutif kepada Menteri sebagaimana Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 pada ketika dulu tetapi kuasa tersebut telah diberi kepada sebuah Lembaga. Pengerusi mestilah mempunyai kelayakan undang-undang dengan pengalaman sekurang-kurangnya 15 tahun dalam bidang undang-undang dan dibantu oleh Timbalan Pengerusi berserta dengan ahli yang juga mempunyai pengalaman

yang luas dalam bidang keselamatan dan mempunyai integriti yang tinggi serta dihormati oleh masyarakat awam.

■1200

Sungguhpun undang-undang ini seakan-akan sama dengan POCA atau *Prevention of Crime Act*, namun undang-undang POCA itu sendiri telah memberikan kesan yang amat positif dalam menangani jenayah berat dan terancang. Spirit atau semangat undang-undang yang baru ini pun seakan-akan sama dengan POCA, tetapi beza daripada segi tindakan kerana tindakan akan diambil terhadap individu di bawah undang-undang ini hanya individu yang terlibat dengan militan dan ekstremis. Undang-undang sedia ada seperti SOSMA mencukupi untuk menghadapi keadaan sebegini, tetapi undang-undang baru yang akan diwujudkan boleh membantu daripada segi kes yang tidak boleh dibawa ke mahkamah kerana keperluan bukti yang amat tinggi.

Semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Kertas Putih yang bertajuk, "*Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State*" pada 26 November 2011 yang lalu dengan jelas menyatakan bahawa ancaman militan ini adalah amat serius kepada orang-orang yang tidak berdosa dengan menculik dan membunuh sekiranya mereka tidak mengikuti perjuangan mereka. Ahli-ahli Yang Berhormat pun sedia maklum semasa pembentangan Kertas Putih tersebut, kedua-dua pihak sama ada kerajaan ataupun sebelah sana telah bersetuju dan menyokong bahawa menjadi tanggungjawab kita sebagai Ahli Parlimen untuk memastikan keselamatan rakyat sentiasa terjamin dan terpelihara.

Oleh yang demikian, saya amat yakin dan percaya serta memberi jaminan sepenuhnya bahawa undang-undang ini tidak akan disalahgunakan oleh pihak berkuasa dalam melaksanakannya. Satu garis panduan yang komprehensif akan disediakan oleh pihak pelaksanaan supaya mereka memahami dan tidak akan menyalahgunakan kuasa. Saya tidak akan kompromi dalam hal ini. Tindakan tegas akan diambil sekiranya mereka melaksanakan tugas di luar batasan undang-undang. Dalam menghadapi ancaman sebegini, kita tidak boleh membaca minda dan hati seseorang. Sehubungan itu, satu modul pemulihan telah diwujudkan bagi meneutralkan ahli kumpulan ini supaya mereka kembali kepada ajaran dan fahaman Islam sebenarnya berlandaskan *Al-Quran* dan Hadis.

Antara modul yang akan dititikberatkan adalah berhubung dengan keagamaan, kerohanian dan jati diri, kenegaraan, psikologi serta nilai-nilai murni. Program ini turut melibatkan pihak berkuasa agama, agensi-agensi keselamatan kerajaan yang lain. Penglibatan isteri, ibu bapa dan ahli keluarga yang dekat adalah perlu bagi memberi sokongan moral kepada mereka dalam proses pemulihan nanti. Pada masa yang sama, bekas-bekas tahanan yang berfahaman militan dan telah pulih sepenuhnya akan menjadi *role model* kepada mereka yang terlibat agar dapat berkongsi pengalaman betapa pahitnya mereka terlibat dengan kegiatan militan ini. Oleh yang demikian, dengan mandat yang telah diberi oleh rakyat, kerajaan dengan penuh tanggungjawab akan memastikan bahawa rakyat Malaysia terlindung dan terus hidup dengan keadaan aman. Keamanan ini amat tinggi dan mahal harganya dan tidak boleh dinilai dengan wang dan ringgit.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa kumpulan pengganas ini adalah buta warna dan tidak mengira siapa pun mangsanya. Bagi mereka, siapa yang bukan pengikut mereka dianggap kufur ataupun kafir. Orang yang bukan Islam lagilah dan ia sangat merbahaya. Kita perlu menerima kenyataan ini sesungguhnya ia pahit untuk ditelan. Adakah kita mahu melihat KLCC ataupun KLIA itu musnah sekelip mata? Sudah pasti tidak. Inilah imej dan mercu kebanggaan negara dan tidak boleh diganti dengan serta-merta. *In shaa-Allah*, undang-undang yang digubal ini dapat mengekang aktiviti kumpulan ini.

Oleh yang demikian, saya menyeru agar semua pihak mengetepikan fahaman politik dan kepentingan diri masing-masing bagi membuat penilaian rasional demi kepentingan keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Kita boleh berbeza pendapat tetapi dalam soal keselamatan negara, jangan ada pertelingkahan sesama kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada siapa menyokong?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pencegahan perlakuan atau sokongan bagi perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas, tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing serta bagi kawalan terhadap orang yang terlibat dengan perbuatan sedemikian dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

12.05 tgh.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara sekalian. Utamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut berbahas dalam rang undang-undang yang cukup penting pada hari ini, iaitu Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015.

Saya secara peribadi mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dan kementerian kerana mendatangkan satu rang undang-undang yang amat diperlukan dalam suasana ketika kita berhadapan dengan pelbagai bentuk radikalisme dan ekstremisme yang hakikatnya boleh memberi kesan terhadap kerukunan, keamanan dan ketenteraman masyarakat majoriti di negara kita hari ini. Memang telah banyak yang dibincangkan di luar sana berkenaan dengan apakah rang undang-undang ini akan akhirnya memberi kesan terhadap isu-isu asas seperti hak asasi manusia. Akan tetapi dunia hari ini telah membuktikan bahawa negara memerlukan akta yang bersifat pencegahan seperti ini. Ini kerana yang kita

hendak jaga, yang kita hendak memelihara ialah hak kebebasan masyarakat majoriti yang lebih penting, kestabilan dan keamanan negara yang lebih mustahak.

Oleh sebab itulah saya kira negara-negara yang maju, bahkan dianggap sebagai ataupun selalu mendakwa sebagai pelopor ataupun peneraju ideologi ataupun idealisme hak asasi manusia ini seperti Amerika Syarikat, negara-negara Eropah seperti UK, Kanada dan sebagainya. Mereka juga turut memperkenalkan akta-akta yang bersifat pencegahan keganasan seperti ini. Bahkan kalau saya kira, akta-kata mereka yang diperkenalkan lebih dahsyat lagi ataupun lebih banyak dikritik, bahkan kalau kita membandingkan antara akta-akta tersebut dengan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ini, saya kira kita ini lebih baik lagi, jauh lebih baik.

Umpamanya saya bagi contoh, dalam Akta Patriot atau *Patriot Act* di Amerika Syarikat, yang diperkenalkan sejurus selepas peristiwa September 2011 yang berlaku apabila Amerika Syarikat dikejutkan dengan peristiwa keganasan di bumi mereka sendiri. Maka bertukar wajah daripada mereka mengkritik Malaysia dulu yang ada ISA, mereka sendiri perkenalkan suatu akta bahkan lebih keras lagi kerana seseorang itu boleh ditahan tanpa dibicarakan, tanpa disabitkan, boleh didera fizikalnya, bahkan telah terbukti beberapa kejadian di *Guantanamo Bay*, peristiwa-peristiwa penderaan fizikal. Apa yang lebih dahsyat lagi, harta mereka boleh dirampas dan boleh dibekukan.

Ini tidak berlaku dalam konteks Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015, tidak sampai ada peruntukkan yang boleh membekukan ataupun merampas harta orang-orang yang ditahan tanpa bicara ini. Dalam konteks Australia, *Anti Terrorism Act 2005* dengan izin, kebebasan seseorang itu bukan sahaja direntap, ditahan seperti mana Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan tetapi mereka juga diharamkan memiliki barangan serupa macam *Patriot Act* juga. Maknanya harta mereka boleh dirampas, harta mereka boleh dibekukan, keperluan untuk berada di tempat-tempat tertentu tidak kira masa, memakai peranti pengesanan seperti mana yang dicadangkan oleh rang undang-undang. Maknanya, mereka juga menggunakan prinsip yang sama seperti mana yang di cadangkan.

■1210

Kalau di UK ada *Anti-Terrorism Crime and Security 2001*. Warga asing boleh ditahan selamalamanya tanpa ikat jamin. Akan tetapi ini tidak berlaku dalam rang undang-undang ini, seperti mana dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Paling lama boleh ditahan mengikut rang undang-undang ini hanya 60 hari, 59 hari perlu dibawa kepada di peringkat mahkamah. Kalau kita lihat di Kanada sendiri pun, *Anti-Terrorism Act 2001* antara operasi anti keganasan Kanada yang dikenali sebagai *Project Thread* adalah dengan menghantar suspek penganas ke negara-negara luar di mana mereka menghadapi penyiksaan. Ini semua contoh bagaimana negara-negara lain mengamalkan juga akta-akta pencegahan ini tetapi dalam kerangka hak asasinya boleh dipersoalkan. Bahkan lebih dahsyat lagi berbanding dengan rang undang-undang ini.

Saya dalam konteks ini, saya menyokong penuh pendekatan kita memperkenalkan rang undang-undang ini walaupun akhirnya mungkin kita akan dikritik sebagai menafikan hak kebebasan ataupun hak asasi individu. Ini saya rasa penting untuk kita faham dalam kerangka Islamnya yang paling penting

seperti mana saya sebutkan tadi, *masalah* ataupun kepentingan awam yang lebih besar itu harus dipertahankan berbanding dengan kepentingan individu. Bahkan ada dalam Hadis Nabi SAW yang disebutkan... *[Membaca sepotong Hadis] "Bahawa Nabi SAW menahan ketika dalam penuduhan."* Dalam riwayat yang lain disebut... *[Membaca sepotong Hadis]. "Sesungguhnya Nabi SAW telah menahan seseorang kerana suatu pendakwaan, suatu pertuduhan dan kemudian baru dilepaskan."* Maknanya ditahan dulu sebelum dibuktikan bersalah, dibicarakan dan dibuktikan bersalah tetapi ditahan dahulu. Akan tetapi di sana sudah tentu akan ada pelbagai disebut dalam bahasa Arab *dhawabit* ataupun perimeter. Apakah garis panduan yang perlu dilakukan?

Dalam konteks ini, Imam Ahmad ibn Hanbal terutamanya dalam mazhab Hambali yang terkenal sebagai pelopor mazhab Hambali sendiri memberi komentar terhadap Hadis Sahih ini dengan mengatakan... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Maksudnya, *"Boleh ditahan sehingga terang bagi pemerintah akan hal penyiasatan"*. Maknanya inilah semangat yang ingin diambil dalam Rang Undang-undang Pencegahan ini. Maknanya ditahan dalam masa 59 hari untuk disoal, disiasat supaya tidak menimbulkan keadaan-keadaan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam. Oleh sebab itulah saya katakan tadi...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Mohon mencelah?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya, jemput

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya mohon mencelah. Apa yang disebut tadi 59 hari ditahan untuk siasatan. Saya mohon apa pandangan Yang Berhormat tentang perintah tahanan berikutnya yang selama dua tahun. Adakah itu *justified*? Maknanya ditahan dua tahun 59 hari. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey, saya kira dalam hal ini boleh diperjelaskan lagi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi dalam peruntukan undang-undang ini disebutkan bahawa sekiranya ada bukti yang jelas dan dibawa kepada lembaga. Kalau dulu itu di bawah kuasa Menteri sebab itulah saya amat tertarik dengan penerangan rang undang-undang ini. Maknanya kalau dulu di bawah Akta ISA umpamanya, kuasa Menteri itu dianggap sebagai kuasa yang tertinggi untuk menahan dan boleh ditahan sehingga dua tahun. Akan tetapi hari ini ditambah baik supaya kita memastikan bahawa kuasa itu tidak hanya terletak kepada seseorang individu tetapi hari ini terletak kepada satu Lembaga. Lembaga itu akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Saya kira ini salah satu cara penambahbaikan yang baik. Maknanya sudah tentulah kita tahu bahawa tidak mudah untuk kita membuktikan sesuatu perlakuan-perlakuan yang boleh menimbulkan keganasan. Contohnya, keganasan-keganasan yang hari ini berlaku mereka menggunakan pendekatan yang cukup canggih serta sofistikated. Oleh sebab itu saya katakan tadi, yang inilah dalam konteks ini sebagai pemerintah saya kira pemerintah dalam prinsip Islam pun... *[Berucap dalam bahasa Arab]* *"Pemerintah berhak untuk mengambil tindakan berasaskan masalah"*. *Maslahah* ini apa? Apakah dia maksud *masalah*? *Maslahah* maksudnya kalau mengikut Imam Shatibi, *"Apa sahaja yang boleh*

menimbulkan kemudaratan”... [Berucap dalam bahasa Arab] Ataupun mengelakkan kemudaratan. Itu pun dianggap sebagai *masalahah*.

Maknanya kalau kerajaan, kalau pemerintah memikirkan bahawa perlu untuk menahan seseorang itu kerana mempunyai kecenderungan dan melalui bukti-bukti penyiasatan, risikan dan sebagainya, contohnya dia terlibat dengan IS dan boleh menimbulkan huru-hara, dan boleh menimbulkan keadaan ketidaktertenteraman kepada masyarakat daripada segi keganasannya. Kita bukan bercakap dalam konteks orang itu boleh menimbulkan huru-hara kerana dia boleh menentang kerajaan. Itu memang ditiadakan dalam rang undang-undang ini, ini kita bercakap dalam soal keganasan. Kita harus membezakan antara melakukan keganasan dan mengkritik kerajaan dalam konteks negara kita negara demokrasi saya kira hari ini pun terbukti siapa sahaja hendak mengkritik tidak ada masalah. Bahkan yang menimbulkan huru-hara hari ini pun adalah kerana kritikan-kritikan yang tidak berasas dan tidak berfakta, yang mempunyai fakta yang kukuh pun berasaskan tohmahan dan fitnah dibiarkan berleluasa. Oleh sebab itulah saya kira itu soal lain, yang kita bercakap hari ini soal keganasan, yang boleh menimbulkan kemudaratan kepada hak majoriti.

Oleh sebab itu saya hendak tekankan dalam konteks ini Islam meletakkan asas yang kuat. Kalau misalannya betul Islam mengiktiraf hak seseorang individu Tuan Yang di-Pertua, hak individu untuk bersuara, hak individu untuk melepaskan apa jua rasa amarah di dalam hati mereka, hak untuk bercakap, hak untuk kebebasan seperti mana termaktub dalam Hak Asasi Manusia *Universal Convention* yang ada pada hari ini, dengan izin. Akan tetapi hak individu ini perlu ada batasannya, ia bukan bersifat mutlak. Kalau sehingga boleh mencetuskan kemudaratan yang lebih besar kepada masyarakat awam, kepada negara, kepada kestabilan, hak majoriti inilah yang harus diambil peduli, yang lebih harus diutamakan.

Dalam satu kaedah Fiqah yang masyhur disebut... *[Berucap dalam bahasa Arab]* “*Mengelakkan kemudaratan adalah lebih penting daripada mengambil kebaikan*”. Maknanya kemudaratan apa? Mengelakkan daripada hak awam ataupun hak majoriti untuk hidup dalam keadaan yang stabil, aman, tenteram itu adalah yang lebih harus diutamakan berbanding dengan mengambil kebaikan. Kebaikan dalam konteks ini kebaikan individu sahaja. Kebaikan mereka untuk menikmati kebebasan tetapi kebebasan itu disalahgunakan untuk menimbulkan dan mencetuskan keganasan dan kemudaratan yang lebih besar. Ini prinsip penting yang saya kira harus menjadi asas kepada perwujudan kepada rang undang-undang ini.

Oleh sebab itulah atas ini ada disebut sebagaimana yang saya sebutkan dalam Hadis Sahih tadi yang Nabi SAW sendiri pun- tetapi seperti mana yang dibincangkan oleh para ulama perlu ada garis panduan. Ini yang mungkin pihak kementerian boleh jelaskan kepada Dewan yang mulia ini. Apakah di sana daripada segi pentadbirannya? Adakah garis panduan yang jelas berkenaan dengan apabila ditahan itu? Boleh atau tidak melakukan penderaan fizikal umpamanya?

Ini saya kira tidak ada dalam rang undang-undang ini tetapi *administratively* dengan izin ataupun secara pentadbirannya kerajaan di bawah kementerian boleh mendatangkan satu garis panduan supaya dia akan menimbulkan rasa tidak resah di kalangan segelintir rakyat mengatakan bahawa apabila ditahan

ini mereka akan dirobek soal hak mereka, soal penindasan, penyeksaan seperti mana yang berada di Amerika Syarikat. Saya kira ini boleh dilakukan secara pentadbiran dan mungkin boleh dijelaskan oleh pihak kementerian yang saya ingin juga ajukan persoalan itu kepada kementerian untuk dijelaskan kepada kita soal garis panduan apabila mereka ditahan dalam tempoh 59 hari ataupun selama dua tahun tadi. Apakah garis panduan supaya mereka ini masih dijaga soal kebajikan, soal hak mereka secara individu? Itu yang pertama.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, banyak dibincangkan juga di luar sana berkenaan dengan siapa ahli lembaga ini? Walaupun dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi mendapat nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri. Ini dipersoalkan seolah-olah *back to square one* dengan izin. Maknanya Menteri boleh mencadangkan sesiapa, mungkin orang politik dan sebagainya. Akhirnya kredibiliti lembaga ini dipersoalkan. Saya kira ini boleh diperjelaskan. Saya mengharapkan pihak kementerian boleh memberikan pencerahan kepada Dewan yang mulia ini, apakah mungkin ada satu kriteria yang jelas, yang tidak ada dalam rang undang-undang ini tetapi daripada segi pentadbirannya boleh dilakukan? Supaya ia memberikan ataupun mencairkan segala keresahan dan keraguan yang timbul di kalangan rakyat di luar sana. Seolah-olah lembaga ini adalah daripada kalangan ahli politik yang sudah pun diorientasikan supaya mengambil tindakan kepada mereka yang tertentu.

■1220

Jadi, ini soal persepsi. Persepsi ini walaupun bagi kita, kita tidak boleh bersikap tidak adil untuk berasaskan persepsi tetapi persepsi ini perlu kita jernihkan dalam suasana hari ini dengan mungkin pihak kementerian boleh memberikan suatu kriteria asas, siapakah anggota Lembaga ini yang mempunyai kuasa dalam menentukan orang-orang yang akan ditahan itu benar-benar berasaskan fakta, berasaskan hujah, berasaskan penyiasatan yang ada meritnya untuk ditahan atas dasar boleh menimbulkan keganasan.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, disebutkan tadi soal modul-modul pemulihan yang akan dibangunkan untuk memutihkan kembali pemikiran kelompok-kelompok yang terlibat dalam aktiviti keganasan. Saya ingin pihak kementerian belajar daripada sejarah kita yang lampau. Banyak sekali mereka yang ditahan di bawah ISA ini yang akhirnya soal pemulihan itu tidak diberikan fokus yang penting. Kita selaku tumpukan soal sebelum ditangkap, semasa ditangkap. Akan tetapi selepas dibebaskan, contohnya apabila mereka ini sudah keluar dalam masyarakat. Apakah jaminan bahawa mereka ini sudah betul-betul diorientasikan ataupun sudah *turnover*, dengan izin, pemikiran mereka berkenaan dengan isu-isu yang melibatkan soal keselamatan negara?

Ini kerana kita tahu dalam laporan yang dibuat oleh pihak kementerian juga baru-baru ini, sebahagian yang terlibat dalam IS adalah bekas-bekas mereka yang pernah ditahan di dalam ISA dahulunya. Mereka yang pernah terlibat dalam kumpulan Jemaah Islamiah, dalam Kumpulan Militan Malaysia yang dulunya, seharusnya dan sepatutnya mereka telah pun menjalani bukan sahaja tahanan ISA selama dua tahun di Kamunting tetapi saya difahamkan, pihak kementerian juga dulunya ada program-program pemutihan kepada mereka, pasca tahanan. Akan tetapi kalau aspek ini tidak diberikan

perhatian dan penelitian, ia boleh menimbulkan ancaman sepertimana yang selalu saya bahaskan pada awal tadi pun, soal kefahaman-kefahaman asas dalam agama ini.

Ramai dalam kalangan kita, masyarakat kita hari ini, akibat daripada kedangkalan pemahaman agama yang tuntas, dia menyebabkan pemikiran seolah-olah ada jalan pintas untuk ke syurga. Setelah melalui kehidupan yang penuh dengan dosa dan noda, tiba-tiba dia insaf dan hendak bertaubat. Dia dapat ilmu untuk bertaubat, ilmu agama itu daripada tok guru yang salah. Tok guru yang memahamkan dia bahawa boleh kita menyucikan dosa-dosa ini, tetapi kena angkat senjata dengan cara jihad. Seolah-olah 'jihad al-qital' ataupun jihad dengan menghunuskan senjata, membunuh itu adalah satu jihad yang diberikan keutamaan dalam Islam dan diiktiraf oleh Islam untuk menganiaya orang yang tidak bersalah, untuk membunuh manusia yang tidak bersalah.

Walhal di dalam Islam, soal harta, darah dan kemanusiaan ini diberikan perhatian yang cukup serius. Bukan sahaja harta dan darah orang yang beragama Islam tetapi juga yang bukan beragama Islam. Bahkan banyak dalam hadis Nabi SAW diberikan apakah kriteria, apakah parameter kalau hendak berhadapan dengan peperangan. Tidak boleh orang Islam itu memulakan peperangan. Kalau dia disentak soal keselamatannya, barulah dia boleh memulakan peperangan. Akan tetapi kalau harus berperang, tidak boleh potong pokok, tidak boleh membunuh wanita, tidak boleh membunuh mereka yang, dengan izin, *refuge* atau mendapat perlindungan di rumah-rumah peribadatan, di gereja, di kuil dan sebagainya. Kalau mereka ini berada di kuil, tidak boleh kita cari mereka di kuil, bunuh mereka di kuil, tidak boleh. Tidak boleh membunuh anak-anak kecil, tidak boleh membunuh orang-orang tua yang tidak berdosa. Yang boleh kita berperang hanyalah dengan tentera.

Ini perkara-perkara asas yang kalau difahami dengan jelas, tidak timbul soal isu mengiktiraf, contohnya perlakuan-perlakuan yang diharamkan dalam Islam seperti *suicide bombing*, membunuh diri ataupun pengebom berani mati sehingga membunuh bukan sahaja tentera tetapi juga membunuh orang-orang yang tidak berdosa. Ini contohnya pemikiran-pemikiran dangkal dan menyeleweng yang perlu kita pastikan dalam modul pemulihan itu dimasukkan dengan tuntas. Bukan itu sahaja, kita harus memantau supaya mereka yang sudah pun terlibat - sekarang ini dilaporkan 90 orang lebih sudah ditahan. Katakan mereka ini akan menjalani proses-proses dan fasa-fasa pemulihan, kita minta pihak kerajaan, pihak kementerian memberikan jaminan bahawa program-program pemulihan ini perlu dipastikan modulnya diiktiraf oleh pakar-pakar yang benar-benar mempunyai keupayaan dan kepakaran dalam bidang agama yang tuntas. Kita takut...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Sedikit sahaja. Kita takut pemahaman-pemahaman yang menyeleweng pula yang timbul dan akhirnya mereka terdedah dengan perkara-perkara yang tidak dibenarkan oleh Islam dan sebagainya.

Saya kira, itu sahajalah antara perkara-perkara asas yang hendak saya timbulkan dan saya minta untuk beberapa perkara yang saya timbulkan tadi agar diperjelaskan oleh pihak kementerian. Saya

dengan ini menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 demi keamanan dan kestabilan negara. Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Setelah mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, saya minta Ahli Yang Berhormat semua ambil perhatian kalau sekiranya tajuk-tajuk atau isu-isu yang telah dibangkit itu, kalau boleh, jangan diulang. Pergi kepada benda yang masih lagi perlu dijawab. Untuk menjimatkan masa, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul.

12.26 tgh.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini ingin mengutarakan mengenai Akta RUU Pencegahan Keganasan 2015.

Seperti yang kita maklum, akta ini digubal dan dirangka bagi menangani ancaman penganas terutamanya militan IS di negara kita. Kumpulan-kumpulan penganas ini mempunyai pelbagai agenda yang dikaitkan dengan perjuangan agama, kaum dan politik yang mampu mengancam perdamaian dan keamanan dunia. Cara dan wajah kesejahteraan Islam cuba dirosakkan dengan wajah bengis kumpulan Islam IS yang kononnya berjihad, sedangkan Islam yang sebenar tidak mencerminkan ciri-ciri seperti yang mereka lakukan. Islam menentang segala bentuk penindasan, kezaliman dan keganasan. Pada masa yang sama, Islam memberatkan aspek kasih sayang serta sifat mengambil berat terhadap sesama Islam dan bukan Islam. Negara lain yang telah melaksanakan undang-undang pencegahan keganasan seperti Amerika Syarikat dengan Patriot Act 2001, Australian dengan *Anti-Terrorism Act 2005*, Canada dengan *Anti-Terrorism Act 2001*, India dengan *Prevention of Terrorism Act 2002* dengan izin, *United Kingdom* dengan *Anti-terrorism, Crime and Security 2001*.

Di negara kita, ada dua set undang-undang. Satunya ialah *punitive* dan satu lagi adalah *preventive*. Jadi, berkenaan dengan undang-undang *punitive* ini umpamanya, undang-undang berkaitan kes pembunuhan dan sebagainya ataupun yang menyebabkan kecederaan yang melibatkan kumpulan-kumpulan tertentu. Manakala satu lagi adalah yang berbentuk *preventive*, sepertimana undang-undang yang akan dibahaskan ini.

Ada pihak-pihak yang mempersoalkan berkenaan percanggahan hak asasi yang kononnya bila wujud POTA ini, mengatakan bahawa akan melanggar hak asasi manusia. Sebenarnya, dalam konteks penahanan POTA ini, adalah bersifat pencegahan. Konsep tahanan bagi tujuan penjagaan seperti yang terdapat di dalam POTA adalah amat penting, terutama dalam pengumpulan semua bukti yang diperlukan untuk mensabitkan kesalahan ke atas suspek kerana seseorang suspek itu tidak boleh ditahan atas kesalahan yang sama, pada masa yang lain.

Rang undang-undang ini juga jelas menyatakan bahawa, tidak lagi digubal bagi menyekat kebebasan bersuara, apatah lagi untuk menyekat hak asasi manusia. POTA tidak digunakan untuk menangkap individu yang berlainan pendapat. Akan tetapi POTA memang digunakan menangkap

individu-individu yang tidak kira fahaman politiknya sekiranya terlibat dalam aktiviti keganasan yang boleh mengancam keselamatan negara.

■1230

Terdapat juga dakwaan bahawa POTA akan disalahgunakan oleh ahli politik untuk menangkap ahli pembangkang atau mana-mana individu yang berlainan pendapat dengan kerajaan. Saya berharap perkara ini tidak patut dipolitikkan kerana kuasa penahanan dibuat oleh Lembaga Pencegahan Keganasan yang mana ahli-ahli lembaga ini akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong sendiri. Kuasa dalam penahanan akta ini terletak kepada lima orang yang menganggotai lembaga penasihat dan lembaga ini diketuai oleh seorang individu yang berpengalaman dalam bidang kehakiman sekurang-kurangnya selama 15 tahun.

Manakala anggota lainnya mestilah mempunyai latar belakang perundangan atau anggota polis mahir dalam bidang undang-undang dan sudah tentunya lembaga ini berperanan memastikan tidak akan wujud sebarang bentuk salah guna kuasa yang dirisaukan oleh sesetengah pihak. Sejauh mana RUU yang dibentangkan ini boleh membawa perkaitan dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dalam menangani gejala IS dan aktiviti melalui media sosial.

Sebagai contoh dikatakan terdapat sebanyak 46,000 hingga 70,000 buah akaun *Twitter* yang menyebarkan propaganda IS dan penggunaan *hashtag* yang seragam memudahkan penyebaran sesuatu bahan propaganda dan sekurang-kurangnya berpuluh-puluh ribu *tweets* dihasilkan dalam tempoh dua jam sahaja. Begitu juga yang kedua, *Facebook*. Kebanyakan pejuang IS menggunakan akaun peribadi mereka bagi menyebarkan propaganda dan selain daripada itu mereka juga menggunakan *pages* yang menggunakan pelbagai bahasa dalam menarik minat kumpulan sasaran mereka.

Ketiga ialah *Youtube*. Video-video kekejaman tentera Amerika Syarikat ketika menyerang bumi Iraq pada tahun 2001 diulang berulang kali bagi menimbulkan rasa marah penonton sehingga mereka tertarik untuk menyertai IS. Malaysia sebagai sebuah negara yang mempengerusikan ASEAN pada tahun ini dan juga anggota tidak tetap dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu sudah tentunya ingin menunjukkan bahawa kita pada landasan yang betul untuk memerangi IS ataupun keganasan ini.

Secara keseluruhannya saya yakin bahawa Kerajaan Malaysia akan terus komited untuk bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa menangani ancaman *radicalism*, *extremism*, keganasan serta militan. Dengan hujah-hujah sedemikian Tuan Yang di-Pertua saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Sekian, dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

12.33 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya membincang sebuah rang undang-undang yang sangat penting ini. Saya akan membincangkan atau membahaskan rang undang-undang ini secara umum dan memberikan gambaran yang luas kerana saya percaya teman-teman saya ada yang akan menghujahkan perkara-perkara yang *detail*.

Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa kami menentang dan tidak berkompromi dengan keganasan, terutama yang mengakibatkan buruk kepada keselamatan negara dan buruk kepada individu-individu tertentu. Akan tetapi kami juga ingin melihat keadilan dilakukan, keadilan diwujudkan. Untuk memahami apa yang saya maksudkan, izinkan saya memberikan satu gambaran sejarah dan gambaran perbandingan yang luas sedikit. Sebenarnya seperti yang kita ketahui apa yang disebut sebagai keganasan sekarang ini sudah mengancam bukan sahaja seluruh dunia tetapi sudah berjangkit juga ke negara-negara tertentu termasuk negara kita juga.

Walaupun keganasan telah wujud lebih awal, tetapi ia menjadi satu cetusan yang besar yang anggap berat khusus sekali selepas berlakunya peristiwa 9/11 iaitu 11 September dengan runtuhnya bangunan tinggi di Amerika. Ada juga tuduhan-tuduhan mengatakan keganasan pengganas-pengganas di belakang itu adalah yang berkaitan dengan Al-Qaeda, adalah yang berkaitan dengan Islam dan sebagainya. Oleh sebab itu timbullah Presiden Bush mengisytiharkan perang terhadap apa yang didakwanya sebagai *exist of evil* dan *evil* yang paling tertonjol waktu itu ialah *evil* yang dilakukan oleh pengganas-pengganas yang dikaitkan dengan Islam.

Sekarang ini kita ada pula ancaman yang saya anggap lebih besar iaitu daripada IS. Kalau Al-Qaeda ataupun orang yang menyerang Twin Tower di Amerika itu merupakan organisasi ataupun individu. IS merupakan satu *state* kerana bukan sahaja mereka menganggap mereka itu satu *state* bahkan ia dapat dianggap sebagai satu *state* kerana mereka mengawasi dan memerintah di kawasan-kawasan tertentu yang mencakupi sebahagian kawasan Iraq dan juga Syria. Mereka ini mempunyai sumber kewangan yang sangat besar, lebih besar daripada apa yang ada misalnya pada Al-Qaeda. Sumber kewangan itu timbul oleh sebab mereka menguasai kawasan dan dalam kawasan-kawasan itu ada misalnya sumber minyak dan katanya lebih daripada separuh minyak yang dikeluarkan di Iraq sekarang ini adalah di bawah kuasa mereka.

Mereka menguasai kawasan-kawasan di mana mereka dapat mengambil wang dari bank-bank yang tertentu yang mereka tidak setuju dan juga mengambil wang daripada orang-orang yang tertentu. Jadi sumber kewangan mereka adalah kuat dan kawasan yang mereka kuasai adalah luas. Jadi daripada segi ini sebagai satu *state*, ancaman mereka adalah jauh lebih besar misalnya daripada ancaman Al-Qaeda ataupun mana-mana pertubuhan yang lain. Oleh sebab besarnya ancaman mereka itu maka diambillah tindakan-tindakan yang sangat berat, sangat agresif terutamanya sekali oleh Presiden Obama, Presiden Amerika Syarikat. Beliau telah memulakan kempen serangan terhadap golongan-golongan IS ini dengan harapan bahawa dengan mengebom mereka akan membantu rakyat ataupun tentera di kawasan-kawasan tersebut dapat menguasai balik kawasan-kawasan yang telah diambil oleh IS.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi sekarang ini keganasan banyak dikaitkan dengan Islam. Walaupun misalannya golongan yang terlibat itu masih merupakan minoriti, tidak ramai. Sungguhpun IS merupakan *state* dan ramai pengikutnya, pengikut kepada khalifahannya ia golongan minoriti yang masih ditentang oleh majoriti. Akan tetapi apabila Amerika dan Obama misalnya mengambil satu tindakan seolah-olah ada cara mengikut pak turut yang membabi buta oleh negara-negara Islam sendiri. Amerika bom dia pun kata dia hendak bom kerana Amerika ambil dan buat undang-undang mereka hendak buat undang-undang.

Jadi saya harap bahawa serangan yang dilakukan oleh Amerika itu terhadap IS itu walaupun *justified* tidak harus dengan membabi buta diturut sahaja oleh sebab *collateral damage* yang berlaku adalah banyak. Banyak misalnya yang terbunuh daripada kalangan anak-anak kecil, orang perempuan dan orang awam. Jadi soal-soal inilah saya rasa yang harus dikirakan. Bukan sahaja misalnya pengeboman oleh Amerika ini, bahkan pengeboman umpamanya oleh Arab Saudi dengan negara-negara yang menyokongnya ke atas Yaman juga mempunyai *collateral damage* yang sangat besar.

■1240

Inilah yang sangat membimbangkan. Sekiranya kita tidak mengambil sikap yang bukan 'pak turut', nanti kita akan membenarkan seolah-olah globalisasi ini meluas daripada hanya bidang ekonomi. Dari satu segi, globalisasi pengawasan, pengawalan dan juga penguasaan oleh Amerika terhadap banyak soal ekonomi dalam negara-negara luar daripada Amerika Syarikat.

Daripada segi komunikasi misalnya, mereka menguasai kebanyakan daripada agensi-agensi berita, menguasai program-program optik TV dan sebagainya yang merosakkan kadang-kadang nilai moral dan keagamaan di negara-negara dan di kalangan rakyat Islam. Sekarang ini sudah timbul pula globalisasi *security* iaitu globalisasi keamanan, ketenteraman dan keselamatan. Di mana Amerika menentukan apa tindakan yang harus dilakukan dan dengan sendiri sahaja yang lain mengikut.

Trend ini saya rasa harus kita atasi, kita fikirkan. Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap tentang keganasan. Kita selalu bercakap tentang keganasan oleh individu atau kumpulan atau sekarang ini oleh *state* seperti IS. Akan tetapi apa yang kita lupa ialah dua perkara. Satu, keganasan yang berlaku daripada segi sejarah dan juga perbandingan keadaan sekarang ini bukan hanya oleh golongan Islam walaupun minoriti. Keganasan yang dilakukan oleh sesetengah daripada kuasa barat yang besar sekarang ini, pada masa lalu adalah jauh lebih teruk.

Keganasan yang mereka lakukan ke atas rakyat Afrika yang mereka jadikan hamba. Keganasan membunuh misalnya, golongan Red Indians hampir pupus sama sekali. Keganasan yang berlaku apabila berlaku pertembungan di antara Katolik dan Protestan di Eropah. Jadi, ini menunjukkan bahawa kita tidak boleh dipengaruhi dengan anggapan bahawa keganasan ini suatu perkara yang baru yang tertumpu hanya kepada perlakuan orang-orang Islam.

Perkara yang kedua ialah bahawa walaupun keganasan itu kita kaitkan dengan individu dan golongan, dengan kumpulan organisasi. Akan tetapi yang lebih serius saya percaya ialah keganasan yang dilakukan oleh *state*. Apabila misalnya, Amerika dengan tindakannya terhadap *Red Indians*, itu

adalah *state terrorism* ke atas *Red Indians*. Apabila misalnya, zionis Israel menyerang golongan-golongan yang tidak bersalah di Gaza, sampai musnah harta benda mereka, hilang nyawa mereka, ini adalah *state terrorism*.

Memang kita tidak boleh mengadakan undang-undang untuk mencegah, misalnya *state terrorism* yang ditentukan oleh *state* tertentu. Akan tetapi kadang-kadang ada unsur-unsur *state terrorism* yang kita sebagai negara lakukan juga. *State terrorism* itu berlaku misalnya, kalau kita menahan orang tanpa bicara dan kita dera dia dengan teruk semasa dalam tahanan. Orang yang ditahan itu tidak ada kuasa, yang berkuasa adalah yang menderanya, yang mewakili *state*. Itulah *state terrorism*. *State terrorism* seumpama ini harus kita atasi.

Soal *state terrorism* seumpama ini tidak ada disebut dalam akta ini. Tuan Yang di-Pertua, ada pihak mengatakan bahawa kita bukan bersendirian, mempunyai undang-undang keganasan. Amerika ada, Kanada ada, Australia ada, India ada dan Indonesia ada. Memang betul dan kebanyakan undang-undang ini ditimbulkan terutama selepas 9 September 2001. Apa yang teruk misalnya, di Amerika seperti disebutkan tadi tentang soal Undang-undang Patriot. Undang-undang Patriot ini hanya dikenakan ke atas orang asing, bukan rakyat Amerika.

Mereka di tahan tidak tentu berapa lama tanpa apa-apa perbicaraan. Akan tetapi bagi rakyat mereka sendiri, macam-macam proses untuk menahan dan bila sudah ditahan, boleh dibawa ke muka penghakiman. Jadi, masalah di sini ialah ada *double standard* yang dilakukan. Tentulah kita tidak mahu misalnya apa-apa *double standard* berlaku di negara ini. Setahu saya, di negara-negara yang disebutkan tadi, Amerika, Kanada dan sebagainya, mereka mempunyai hanya satu Undang-undang Anti Keganasan.

Ini berbeza dengan keadaan kita di sini. Keadaan kita di sini, kita mempunyai banyak undang-undang, tidak kurang lima atau enam misalnya, yang sudah wujud sebelum daripada adanya POTA ini. Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mempunyai misalnya...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan? Tadi kata akta-akta di Amerika kah, semua terhadap kepada orang asing. Apa kata kita ambil contoh di negara jiran kita iaitu *Singapore*, di mana akta ini diambil terhadap rakyat sendiri. Orang itu boleh dipenjarakan 20 tahun, berbanding dengan Yang Berhormat jarak itu, masa itu memanglah sangat lama dan panjang. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang ini?

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak jawab ringkas sahaja. Saya hendak membezakan *double standard* di Amerika itu. Kalau diambil contoh Singapura misalnya, mereka masih mengamalkan lagi ISA. Memang dengan ISA itu mereka mengambil tindakan dan menahan orang ada yang sampai 27 tahun, bukan 20 tahun, 27 tahun dan ramai yang lebih daripada 10 tahun. Akan tetapi pergi kepada apa yang saya hendak katakan tadi. Di negara ini kita mempunyai sudah banyak undang-undang yang sebenarnya telah dan boleh digunakan terus untuk menangani masalah keganasan. Kita mempunyai, misalnya Kanun Keseksaan (Penal Code), seksyen 121. Seksyen ini telah pernah digunakan ke atas Al-Maunah dan golongan Al-Maunah, pemimpin dan sebagainya dibawa ke

mahkamah dan didapati bersalah dan dihukum. Mereka dituduh sebagai hendak menentang raja. Hendak *wage war against the King*, dengan izin.

Jadi, bukan kita tidak ada undang-undang. Kemudian kita ada pula, misalnya SOSMA. SOSMA ini telah pula digunakan juga untuk menangani apa yang dianggap sebagai pengganas. Umpamanya yang telah digunakan ke atas Yazid Sufaat. Yazid Sufaat ini dituduh sebagai operatif Al-Qaeda dan bersama-sama mereka, di tahan juga orang-orang yang lain. Apa yang membezakannya ialah mereka dibawa ke mahkamah. Entah macam mana, bebas dan kemudian di tahan semula.

Ada juga Akta Anti Keganasan yang boleh digunakan dan telah digunakan untuk menangani seumpama ini. Adakah perlu, misalnya POTA pula mengatasi, menambahkan lagi undang-undang yang sudah ada. Kita mesti ada justifikasi yang kuat mengapa kita hendak undang-undang yang baru. Kalau kita tidak ada undang-undang Anti Keganasan seperti di India dulu atau pun di Indonesia, okeylah. Akan tetapi kita sudah ada. Jadi, justifikasi itu harus dijelaskan mengapa kita hendak POTA itu.

Tuan Yang di-Pertua, selalu orang mengatakan POTA lanjutan daripada ISA. Kita mungkin bersetuju ini atau pun tidak. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri tidak setuju. Dia mengatakan POTA berbeza sekali dengan ISA.

■1250

Dia mengatakan ini ialah kerana kalau ISA menteri yang bertanggungjawab, sekarang ini lembaga yang bertanggungjawab untuk membuat tahanan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, asas ataupun inti daripada kedua-duanya adalah sama. Pertama, ia membenarkan penahanan untuk siasatan selama satu bulan. ISA 60 hari dan POTA 21 hari campur 38 hari, 59 hari. Selepas siasatan dilakukan, maka penyiasat boleh memberikan perakuan kepada lembaga dan lembaga membuat keputusan untuk menahan seseorang itu selama dua tahun kalau dia dianggap sebagai mengancam keselamatan ataupun terlibat dalam aktiviti keganasan ataupun menyokong aktiviti keganasan. Selepas dua tahun itu pula, dia boleh ditahan lagi selama dua tahun lagi, dua tahun lagi dan dua tahun lagi sampai seperti saya misalnya, enam tahun. Enam tahun itu boleh misalnya pergi kepada *eternity*, tidak ada batasnya. Ada yang sampai lima belas tahun macam Singapura itu ada yang 27 tahun iaitu di bawah akta itu.

Jadi persamaannya ada. Kalau benda itu sama, tidak tahu fasal apa hendak, dulu kita dah buang ISA dan *emergency law* dan sebagainya dan kami sebenarnya mengalu-alukan sangat tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri pada waktu itu untuk menghapuskan undang-undang tersebut. Akan tetapi oleh sebab desakan daripada pihak tertentu, ada mantan Perdana Menteri, ada badan-badan tertentu yang bersifat kaum sedikit ya, mereka mendesak supaya dihidupkan semula. Jadi saya lihat bahawa POTA ini sebenarnya adalah untuk respons kepada desakan-desakan ini dan respons menjadikan apa yang ada seperti ISA iaitu undang-undang untuk menahan orang tanpa bicara. Kalau misalannya dengan *penal code* tadi, Al-Maunah ada bicara dan SOSMA dengan syafaat tadi ada bicara. Jadi dengan POTA ini tidak payah bicara. Jadi kelihatanlah bahawa tujuan ialah untuk ada undang-undang tanpa bicara.

Bila tanpa bicara ini, tentulah tidak adil Tuan Yang di-Pertua. Kalau misalnya ketidakadilan dilakukan walaupun ke atas seorang, maka saya rasa daripada segi seorang Islam, saya akan merasa

bertanggungjawab untuk membela seseorang itu sekiranya keadilan itu tidak berlaku. Jadi saya setuju misalnya kepentingan majoriti itu harus dipandang lebih penting tetapi tidak bererti bila kita memandang penting, kepentingan majoriti itu kita menafikan sama sekali hak minoriti. Itu perbuatan yang salah walaupun minoriti itu merupakan minoriti seorang.

Tuan Yang di-Pertua, POTA membenarkan penahanan seseorang, pelanjutan tahanan seseorang ataupun pembebasan seseorang selepas mula-mula ditahan atau selepas dua tahun ditahan. Akan tetapi ini bergantung pada laporan atau siasatan yang dibuat oleh pegawai penyiasat. Keputusannya adalah oleh lembaga. Soal laporan yang dibuat ini, saya takut mungkin ada persamaan antara cara penyiasatan POTA dengan apa yang berlaku dengan ISA. Dalam ISA Tuan Yang di-Pertua, ini pengalaman saya sendiri. Saya tidak begitu disoal dalam tempoh satu bulan yang awal itu. Alih-alih akhir sebulan itu, datang pertuduhan saya melakukan ini, ini, *the grounds of detention* dan saya ditahan dua tahun. Saya kaji tuduhan itu dan saya dapati banyak yang *factually wrong*.

Saya pun pergi ke *advisory board*. Dalam POTA ini ada disebut *advisory board*, lembaga penasihat walaupun dalam POTA ini tidak disebut siapakah dia yang akan menjadi anggota-anggota *advisory board* itu. Akan tetapi bila saya pergi kepada *advisory board*, saya dengan bantuan peguam yang dibenarkan hadir tetapi dalam POTA tidak dibenarkan peguam hadir dan kami tunjukkan dengan *evidence*, dengan *witness* bahawa tuduhan-tuduhan itu adalah palsu tetapi saya terus ditahan. Kenapakah saya terus ditahan? Ia kerana pegawai penyiasat sebelum itu berjumpa dengan saya dan tanya, '*awak menyesal tak?*'. Saya kata '*hendak menyesal apa?*'. '*Awak menyesal tak awak buat itu semua?*'. Saya kata '*saya tidak buat kenapa saya menyesal?*'. Jadi laporannya ialah Syed Husin belum lagi *rehabilitated*, belum lagi dipulihkan. Maksud pemulihan ialah saya mesti mengaku salah. Tentulah saya tidak mahu mengaku salah.

Jadi oleh sebab itu, saya dibawa pula ke satu tempat yang tidak diketahui di mana selama enam bulan dalam gelap, dalam terang, di ludah, ditempeleng, dipukul, tidak dibenarkan tidur dan dia tanya, '*Awak menyesal tak?*' '*Menyesal apa?*' Saya kata, saya tidak buat itu semua. Kalau awak tidak menyesal, awak akan duduk lebih lama. Saya kata '*apa boleh buat, saya tidak akan mengaku benda yang saya tidak lakukan?*'. Tidak lama selepas itu datang tuduhan, '*Kami tahu awak perantara di antara komunis bawah tanah dengan Timbalan Perdana Menteri?*' Waktu itu yang kemudiannya menjadi Perdana Menteri. '*Awak jadi pengantara, awak komunis. Kalau awak mengaku ini, esok awak bebas. Kalau awak tak mengaku, awak terus dalam tahanan?*'

Saya kata saya tidak boleh mengaku, saya bukan komunis. Kalau saya mengaku, orang itu akan ditahan. Orang itu ditahan fasal apa, fasal ada seorang Menteri Dalam Negeri yang mahu dia ditahan supaya Menteri Dalam Negeri yang *ambitious* itu akan jadi Timbalan Perdana Menteri. Jadi saya kata macam mana saya boleh lihat muka saya dalam cermin kalau kerana kenyataan palsu saya, orang itu yang bakal menjadi Perdana Menteri itu akan ditahan. Saya tidak mahu mengaku. Okey, kalau tidak mahu mengaku, awak balik Kamunting, tambah dua tahun lagi, tambah dua tahun lagi. Jadi saya harap...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Minta mencelah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah, saya mendengar dan saya merasa sedih jugalah dengan cerita Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat katakan tadi alasan Yang Berhormat bagi sekiranya mengaku ada orang yang akan ditangkap. Adakah itu *assumption* ataupun adakah kebenaran. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya itu kebenaran. Baik saya sebut nama kalau dibenarkan ya. Nama Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah, tidak payahlah.

Dr. Syed Husin Ali: Dia mantan Perdana Menteri sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Benda itu pun, ISA dah tak ada dah. Sekarang kita membahaskan berkenaan akta baru.

Dr. Syed Husin Ali: Ya, ya tetapi ini saya hendak kaitkan dengan *state terrorism* tadi. Jadi memang benda itu betul fasal dia ada jawatan dan ada Menteri Dalam Negeri pada waktu itu yang *ambitious* hendak jadi. Sebelum daripada diminta saya membuat pengakuan ini, juga dia pernah dituduh, dia punya *political secretary* seorang ejen KGP, dituduh begitu. Orang itu ditahan tetapi di Jerman waktu itu, seorang canselor di Jerman, sekretarinya dituduh sebagai ejen IGB dan dia terpaksa letak jawatan. Tentulah timbalan yang di sini tidak letak jawatan, kita tidak pernah ada orang yang letak jawatan atas tuduhan seumpama itu. Oleh sebab itu timbul tuduhan dia ini ada hubungan dengan *underground* dan awak jadi pengantara. Jadi itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa tepat jam 1. Maka Yang Berhormat ada satu minit lagi selepas ini.

Dr. Syed Husin Ali: Boleh minta lima minit?

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit?

Dr. Syed Husin Ali: Lima minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya lah, saya bagilah lepas ini lima minit.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kita rehat dan kita sambung semula jam 2.30 petang nanti. Sekian terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Timbalan Yang di-Pertua: Mengikut catatan di sini, Dr. Syed Husin menyambung perbahasan tetapi cuma ada lima minit Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat boleh mula gulung. Teruskan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba selesaikan dalam masa lima minit. Tadi saya menyentuh pelbagai perkara tentang apa yang pernah berlaku. Tujuannya hanya dua iaitu untuk menyatakan bahawa tidak harus ada penderaan waktu dalam tahanan, jikalau negara menggunakan alat-alat untuk mendera, maka itu menjadi sebahagian daripada apa yang dikatakan *state terrorism*. Sehubungan dengan itu ialah soal *punitive* dan *preventive detention* yang telah disebut oleh seorang pembahas lebih awal. Sebenarnya walaupun dianggap ISA dan POTA ini sebagai *preventive detention*, daripada pengalaman-pengalaman bukan sahaja saya tetapi orang lain, ISA dulu dan kemungkinannya POTA sekarang ini akan menjadi punitif juga. Kita mengharap bahawa ia tidak akan menjadi punitif.

Tuan Yang di-Pertua, tekanan tahanan tanpa bicara dan memaksa orang tahanan mengaku bersalah adalah bertentangan dan mencabul hak asasi. Bukan itu sahaja, ia bertentangan juga dengan nilai-nilai kemanusiaan dan asas ajaran agama khususnya Islam. Kita tahu bahawa Islam tidak membenarkan seseorang itu dihukum tanpa dibicarakan terlebih dahulu. Kalau didapati bersalah, barulah dihukum selepas bicara. Terdapat ayat-ayat yang mengatakan bahawa kita mesti berlaku adil seperti [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Kita mesti adil dari ihsan, menyeru kepada keadilan dan keihsanan.*”

[*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Lakukan kehakiman ke atas manusia dengan cara yang adil.*” Jadi kita mesti adil dan kalau kita tidak adil dengan menahan tanpa bicara, dengan melakukan penyeksaan, bererti kita sudah menentang ajaran-ajaran yang murni ini. Jadi saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, sama ada dalam menggubal undang-undang ini telah dirujuk kepada ulama-ulama terutama ulama-ulama yang bukan merupakan jenis-jenis upahan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada suatu keputusan atau resolusi yang telah dibuat oleh *United Nations Security Council*. Resolusi itu ialah Resolusi 2178 yang telah diluluskan dengan sebulat suara pada 24 September 2014. Bunyinya ialah sedemikian, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “*The Security Council reaffirms that Member States must ensure that any measures taken to counter terrorism comply with the UN Charter and all their other obligations under international law, in particular international human rights law, international refugee law, and international humanitarian law. “And underscores that respect for human rights, fundamental freedoms and the rule of law are complementary and mutually reinforcing with effective counter-terrorism measures, and are an essential part of a successful counter-terrorism efforts and notes the important of respect for rule of law so as to effectively prevent and combat terrorism, and notes that failure to comply with these and other international obligations, including under the Charter of United Nations, is one of the factors contributing to increase radicalization and fosters a sense of impunity’.*”

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ini sudah menjadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi, Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: ...Anggota tidak tetap dalam *Securities Council*, dan saya harap kita harus menghormati resolusi seperti ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kalau boleh mencadangkan supaya dikaji lebih mendalam lagi akta ini, diserahkan kepada sebuah Jawatankuasa Khas Parlimen dan diminta dirujuk kepada ulama-ulama dan sebagainya supaya bila kita kemukakan sesuatu yang, kalau ada masa lagilah, sesuatu yang betul-betul dapat diterima. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani. Silakan Yang Berhormat Senator.

2.37 ptg.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan menggubal undang-undang ini memandangkan ancaman keganasan yang semakin menjadi-jadi. Jika tidak dibendung dan akan memberi impak yang amat buruk terhadap keselamatan dan kesejahteraan rakyat kita. Justeru itu saya amat bersetuju dengan langkah kerajaan untuk bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menyahut dan melaksanakan Resolusi 2178 untuk menangani ancaman kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa yang disebabkan oleh perbuatan keganasan.

Sebelum ini kita tahu adanya ancaman daripada kumpulan militan Al-Qaeda, Jihad Islamiah, Abu Sayyaf, Boko Haram, Al-Sabar, kumpulan militan Malaysia dan beberapa lagi. Akan tetapi dengan tampilnya ancaman daripada kumpulan IS, *Islamic State* menampakkan ancaman dan bahaya yang lebih besar kepada negara Malaysia. Golongan muda tentunya daripada kalangan pelajar profesional bahkan daripada kalangan cendekiawan agama sendiri pun telah semakin ramai yang terpengaruh dengan diayah kumpulan IS yang berlindung atas slogan jihad. Diwartakan semenjak merebaknya pengaruh IS ini, seramai 75 orang rakyat Malaysia telah menyertai gerakan IS dan 10 orang daripadanya dipercayai telah terbunuh dalam serangan bom berani mati ataupun pertempuran.

■1440

Melalui tafsiran hadis yang telah disalahertikan, kumpulan IS telah berjaya memesongkan ramai umat Islam. Dianggarkan seramai 20,000 orang dari serata pelosok dunia telah pergi ke Syria semata-mata untuk berjihad dengan matlamat untuk mati syahid.

Tuan Yang di-Pertua, gerakan IS ini telah menanam satu ideologi baru kepada umat Islam dengan tujuan untuk mempengaruhi mereka untuk bertindak secara agresif dan ganas sehingga tergamak membunuh orang dengan cara penyembelihan dan pembakaran yang kemudiannya disebarkan melalui media sosial *YouTube*, *Facebook* ataupun *Twitter*.

Oleh itu, perlunya ada sebuah undang-undang yang kuat untuk menentang ancaman kumpulan IS ini. Dahulu negara mempunyai Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, ISA 1960 untuk membendung

ancaman komunis yang terbukti berjaya. Akan tetapi apabila akta tersebut dimansuhkan, tiada undang-undang yang kuat dan kukuh untuk melawan gerakan keganasan seperti IS ini.

Mereka yang tidak bersetuju dengan rang undang-undang ini menyatakan bahawa ia rang undang-undang baru jelmaan Akta ISA yang boleh disalah guna untuk menahan tahanan politik yang menentang kerajaan. Itu tanggapan yang tidak betul kerana rang undang-undang ini dengan jelasnya telah menyatakan bahawa tiada tahanan yang melibatkan kepercayaan politik atau aktiviti politiknya seperti mana yang dinyatakan dalam fasal 4(3).

Namun begitu, diharapkan juga jangan ada pula parti politik yang cuba mendukung perjuangan militan ini baik IS atau lain-lain kumpulan pengganas semata-mata untuk mendapat sokongan mudah daripada rakyat demi mencapai matlamat politik mereka.

Saya agak pelik Tuan Yang di-Pertua, dengan sikap sesetengah daripada kita khususnya daripada pihak pembangkang. Kita digambarkan pada persidangan Dewan Rakyat yang lepas untuk membincangkan isu ini, untuk membincangkan rang undang-undang ini sampai ke pukul 4 pagi kerana ramai yang membantah.

Saya hendak tanyalah Ahli Dewan, kalau kita tak buat salah, kita hendak takut apa, Tuan Yang di-Pertua? Orang yang takut pada rang undang-undang ini, rang undang-undang ini adalah untuk kepentingan negara dan rakyat dalam negara kita. Orang yang takut, bimbang rang undang-undang ini kerana dia sering buat salah, sering menganjurkan perhimpunan-perhimpunan yang menentang kerajaan, sering memfitnah dan sebagainya. Ini yang jadi masalah. Kalau baik-baik macam kita orang Barisan Nasional ini, macam Yang Berhormat Dato' Khairudin, rasanya tak takut. Hendak takut apa? Biarlah. Ini untuk kerajaan, untuk negara, untuk keamanan negara [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, malangnya bagi golongan yang menentang, sanggup mengetepikan rang undang-undang ini semata-mata atas kehendak dasar hak asasi manusia tetapi gagal melihat kepentingan rang undang-undang kepada rakyat dan negara. Yang Berhormat tadi bercakap, dia kata atas dasar hak asasi manusia. Rata-rata pihak pembangkang, puak-puak pembangkang bercakap atas hak asasi manusia. Itu sahaja yang mereka pertahankan. Akan tetapi pada kita yang jelasnya, yang lebih penting kepada kita Ahli-ahli Dewan sekalian keselamatan negara, kesejahteraan rakyat. Hidup negara kita hari ini, kehidupan rakyat aman makmur, bahagia. Kalau ada fitnah, ada perkara-perkara yang melanda negara yang tidak diingini, implikasinya kepada kita, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jangan pandai bercakap macam burung merbuk sahaja. Kadang-kadang burung merbuk bercakap, Tuan Yang di-Pertua, dia tak tahu apa yang dia cakap. Dia ikut tuan dia, selamat pagi, selamat pagi, selamat pagi. Selamat pagi tetapi dia tak tahu apa yang dia cakap sebenarnya. Ini yang berlaku Yang Berhormat... [*Disampuk*] Ya, burung kakak tua. Apa pun, penyebaran ideologi IS ini berlaku dengan begitu pantas dan berleluasa dengan menggunakan secara maksimum kemampuan media sosial. Ramai umat Islam di serata dunia begitu terpengaruh dengan ideologi jihad yang dilaungkan.

Begitu juga dengan Malaysia, ramai rakyat Malaysia telah terpengaruh dan ingin pergi berjuang di Syria sehingga ada yang sanggup membawa bersama anak isteri mereka ke sana dan meninggalkan

kepentingan perniagaan dan kerjaya mereka di sini. Ini yang berlaku hari ini. Apa yang sangat membimbangkan ialah dengan hanya melalui penggunaan saluran *Facebook* dan *Twitter*, mereka telah berupaya mengisytiharkan baiah mereka kepada perjuangan IS. Inilah yang berlaku apabila seorang remaja perempuan semuda umur 14 tahun pun sanggup meninggalkan negara dalam cubaan pergi ke Syria untuk berjihad. Ini yang bahaya kepada kita. Baiah yang dilafazkan bukanlah sebarang ikrar. Ia adalah ikrar sanggup mati dengan apa cara pun demi mencapai matlamat perjuangan mereka. Maklumat daripada sumber PDRM menyatakan bahawa telah wujud rangkaian kumpulan IS yang bergerak di Malaysia yang cuba untuk merekrut ahli baru dan mengatur rancangan untuk menyerang lokasi-lokasi tertentu di Malaysia. Ini terbukti dengan tertangkapnya beberapa orang yang disyaki militan IS di Malaysia.

Selain daripada itu, kumpulan militan di selatan Filipina seperti Pejuang Kebebasan Bangsamoro (BIFF), kumpulan Abu Sayyaf dan Barisan Pembebasan Islam Moro dikatakan telah mengikat baiah dengan kumpulan IS dan menyuarakan sokongan secara terbuka terhadap kumpulan tersebut. Perkembangan ini merupakan satu indikator yang serius yang perlu diberi perhatian oleh segenap lapisan rakyat dan Kerajaan Malaysia kerana sebelum ini telah ada usaha untuk kumpulan penganas dari Kesultanan Sulu yang disokong oleh MILF untuk menyerang dan menawan Sabah. Ancaman ini masih terus berlarutan sehingga sekarang sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa mewujudkan ESSCOM dan ESSZONE bagi mengekang ancaman penganas yang bergerak dari selatan Filipina.

Pagi tadi kita dihidangkan oleh jawapan Yang Berhormat Menteri Pertahanan mengenai apa yang berlaku di selatan Filipina dan di negeri Sabah. Mereka tidak akan berhenti setakat itu, untuk pengetahuan. Mereka akan terus merencanakan bagaimana untuk mengambil ataupun menuntut Sabah kepada mereka. Ini yang kita kena berhati-hati. Oleh sebab itulah saya sangat menyokong rang undang-undang ini diwujudkan, Tuan Yang di-Pertua. Sudah pasti...

Dato' Dr. Johari bin Mat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah ini.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Ya, boleh Datuk?

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Ya, ya, Ustaz.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk. Disebut tadi berhubung dengan golongan-golongan yang ada di selatan Filipina juga telah memberi baiah kepada golongan yang mengaku negara Islam di Iraq, Syria dan begitu juga pengaruh-pengaruh rekrut melalui media masa melalui internet dan sebagainya. Pada pandangan Yang Berhormat Datuk, sejauh mana yang telah dikesan oleh pihak yang bertanggungjawab menjaga keamanan kita, kesan-kesan daripada kedua-dua pihak ini yang boleh memberi ancaman kepada negara kita? Terima kasih.

■1450

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Saudara ambo itu juga sebenarnya. Sebenarnya persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat sebentar tadi saya tidak

mampu hendak menjawab. Kita bagi peluang kepada Menteri. Biasanya Menteri mendengar semua persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari sebentar tadi. Saya hendak sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Sudah pasti jika tidak dibendung kumpulan militan IS akan bergabung dengan kumpulan ini untuk mengancam dan mengganggu-gugat keselamatan Malaysia dan boleh menyebabkan berlakunya konflik bersenjata seperti apa yang berlaku di Syria, apa yang berlaku di Iraq, apa yang berlaku di Libya dan Yaman. Justeru saya amat menyokong RUU ini diluluskan supaya pihak berkuasa dapat bertindak dengan sebaiknya untuk menentang ancaman ini.

Oleh itu saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah langkah tindakan kerajaan untuk membendung penyebaran ideologi IS ini. Kita lihat sasaran utama IS ialah untuk merekrut golongan belia terutamanya daripada kalangan pelajar. Usaha untuk membendung dakwah IS perlu diperluaskan. Setakat ini kita lihat hanya pihak PDRM sahaja yang bertungkus-lumus untuk bertindak terhadap kumpulan IS ini.

Oleh itu satu langkah yang bersepadu daripada semua agensi perlu berganding bahu untuk menentang IS. Pihak JAKIM juga khususnya perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam usaha ini bagi menghindar masyarakat Islam Malaysia dari mudah terpengaruh dengan ideologi IS. Program kesedaran yang menyeluruh perlu dilaksanakan terutamanya di kalangan belia dan pelajar.

Dalam soal ini Kementerian Pendidikan juga perlu memikirkan langkah tindakan yang sebaiknya untuk jangka panjang bagi bersama-sama menggembelng tenaga dengan menyekat untuk menyekat ideologi IS dan termasuklah juga lain-lain ajaran sesat yang berbentuk ekstrem dan salah di sisi Islam. Saya cadangkan supaya pelajaran berkaitan IS diajar dan ajaran sesat ini dapat diadakan dalam silibus persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pokok kepada meningkatnya ancaman kumpulan IS ini adalah disebabkan oleh kegagalan pihak berkuasa untuk mengekang penularan pengaruh IS melalui penggunaan media sosial seperti yang saya nyatakan pada awal perbahasan saya tadi. Media sosial merupakan saluran utama bagi kumpulan militan IS ini untuk menyebarkan pengaruh dan dakwah mereka. Banyak maklumat yang mengelirukan telah berjaya disampaikan melalui laman web dan *online* TV yang digunakan oleh IS di samping menggunakan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *WhatsApp* serta *Instagram*.

Selain daripada itu mereka juga menayangkan rakaman video yang memaparkan peristiwa ngeri mangsa pembunuhan, pertempuran yang dihebahkan melalui *YouTube*. Ucapan tokoh-tokoh pemimpin mereka yang begitu berkharisma juga dimuat turun dalam internet bagi menjelaskan dan memperkukuhkan perjuangan mereka. Namun yang paling hebat ialah kemampuan mereka untuk membentuk satu kumpulan *cyber troopers* yang begitu ramai bilangannya untuk menangkis dan melancarkan propaganda mereka melalui internet.

Saya dapati pihak kerajaan tidak mempunyai tenaga pakar yang cukup di samping tiada pelan strategi yang jelas untuk menentang *cyber troopers* IS ini. Saya mencadangkan supaya sudah tiba masanya kerajaan membentuk satu pasukan *cyber troopers* yang berupaya untuk menentang aktiviti militan ini yang bukan sahaja terhadap IS malah kumpulan militan lain yang boleh mengancam keselamatan negara. Saya juga melihat tindakan militan IS menayangkan rakaman kekejaman IS seperti aksi membakar dan menyembelih manusia melalui media sosial keterlaluan dan boleh mengancam psikologi masyarakat. Paparan sedemikian adalah tidak sesuai untuk ditonton oleh golongan muda khususnya kanak-kanak. Pengaruh video IS ini mudah meresapi minda kanak-kanak yang belum matang.

Justeru itu saya mencadangkan supaya perlu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bertindak untuk menyekat sebarang bentuk rakaman kekejaman militan IS melalui media sosial. Ini termasuk juga lain-lain aksi rakaman kekejaman yang melibatkan lain-lain kumpulan yang ekstrem. Oleh itu saya berharap di bawah fasal 10 mereka yang menyebarkan dakwah dan video kekejaman, keganasan melalui media sosial hendaklah juga disiasat dan diambil tindakan yang sewajarnya di bawah RUU ini.

Lantas bagi mengawal gejala ini SKMM perlu memperkuatkan dan memperkukuhkan badan penguatkuasaan mereka agar jangan undang-undang sahaja mantap tetapi tindakan penguatkuasaannya sangat lemah. Berhubung dengan isu ini saya ingin mengulangi pertanyaan yang sama yang pernah dibangkitkan sebelum ini di dalam Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Menteri.

Adakah masih relevan lagi kah kerajaan membenarkan masyarakat menggunakan media sosial memandangkan peningkatan ketara elemen-elemen negatif yang tidak sihat yang boleh menjejaskan keamanan, keselamatan, keharmonian rakyat negara kita. Adakah perlu penggunaan media sosial ini dimansuh atau perlu kementerian yang berkaitan mewujudkan mekanisme yang lebih kukuh lagi supaya dapat membendung segala bentuk pengaruh keganasan dan sosial yang tidak sihat di kalangan masyarakat. Perlu diingat sebutir sel kanser jika tidak dikawal boleh mengakibatkan ketumbuhan penyakit kanser yang lebih kronik yang boleh membawa maut kepada manusia.

Saya rasa itu sahaja perbahasan saya pada petang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun tidak mengganggu saya sebab ucapan saya pun pendek hari ini, terima kasih banyak-banyak dan saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat itu. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dayang Madinah.

2.57 ptg.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas ruang dan kebenaran yang diberikan kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 (POTA). *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam perpaduan dan salam 1 Malaysia.

Seperti yang kita sedia maklum, Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan atau *Prevention of Terrorism Act* ringkasnya POTA bahawa pembentangan Kertas Putih yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun lalu membuktikan keseriusan Kerajaan Barisan Nasional menangani ancaman ideologi kumpulan militan IS di negara ini. Jelas gerakan IS merupakan ancaman global yang nyata dan ia bukan sahaja membabitkan kepada negara-negara Timur Tengah lagi malah ia turut merebak ke seluruh dunia termasuk Malaysia dan Asia Tenggara.

Jika tidak ditangani awal, militan akan mewujudkan sel-sel kegiatan keganasan dengan mempengaruhi golongan remaja kita yang terdedah melalui media sosial dan internet kepada diayah mereka untuk berjihad. Ada yang terlalu mudah terpengaruh jika tidak diberi penerangan dan bimbingan yang betul dan jelas. Yang paling menyedihkan kita yang beragama Islam, ialah nama baik Islam telah disalah gunakan untuk menghalalkan keganasan dan pembunuhan yang dilakukan.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa kita sebelum ini telah mengumumkan bilangan tertentu warga negara kita yang tertipu berjuang untuk IS, malah ada yang turut terbunuh. Kekhawatiran kerajaan kita mengenai ancaman keganasan merebak ke negara kita bukanlah sesuatu yang tidak berasas. Kita sering menerima berita melalui media massa dan menonton rakaman berita dan peristiwa di kaca TV mengenai kekejaman dan pembunuhan dilakukan yang amat menyayat hati kita dan mangsa-mangsa yang terlibat termasuklah wanita dan juga kanak-kanak.

Dewan yang mulia, segala bentuk pembunuhan dan kekejaman yang didedahkan kepada kita perlu dijadikan iktibar kepada kita rakyat Malaysia yang cinta keamanan. Kita difahamkan bahawa Rang Undang-undang POTA ini kelak tidak hanya fokus IS semata-mata, tetapi membabitkan juga semua bentuk keganasan. Pendekatan holistik untuk menangani sesiapa sahaja yang akan menggugat keselamatan Malaysia negara tercinta ini dengan keganasan, harus diambil serius oleh kerajaan dan semua lapisan rakyat harus menyokongnya. Kita juga difahamkan bahawa Rang Undang-undang POTA ini akan menyeluruh dari sudut hukuman, pencegahan dan pemulihan kerana keganasan seperti kumpulan Negara Islam (IS) menyebarkan ideologi mereka yang memerlukan pendekatan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang bagi menangani ancaman keganasan atau POTA ini perlu disokong oleh semua pihak termasuk semua anggota Parlimen kerana ia bukan menggantikan mana-mana undang-undang yang sedia ada, malah ia mengisi kekosongan di dalam infrastruktur undang-undang negara atau *legal infrastructure*, dengan izin. Saya kira rakyat akan memahami hasrat murni kerajaan untuk memperkenalkan undang-undang bagi membendung keganasan jika mereka sedar akan tahap ancaman yang ditimbulkan oleh IS atau kumpulan pengganas lain.

Malaysia turut terdedah kepada ancaman-ancaman keganasan, bukan sahaja ruang siber kita begitu terdedah tetapi sempadan lautan atau darat senang dicerobohi. Pergerakan rakyat kita ke luar negara pun sudah semakin mudah dan pantas, begitu juga sebaliknya. Maka, segala bentuk ancaman keganasan perlu dibendung dari menular dan langkah-langkah menanganinya perlu diambil secara holistik, profesional dan berkesan melalui undang-undang seperti POTA ini agar negara dan rakyat

sentiasa selamat. Keamanan negara dan keselamatan rakyat begitu tinggi nilainya. Justeru, usaha pihak kerajaan ke arah menjamin keberkesanan POTA ini demi keselamatan negara dan rakyat, termasuklah kita dalam Dewan yang mulia ini, jangan pula ada mempolitikkannya. Keselamatan negara dan rakyat kita adalah paling utama. *The security of our nations is Parliament's paramount importance*, dengan izin.

Oleh itu, saya berharap pihak polis dan mereka yang diamanahkan untuk membuat langkah-langkah pencegahan itu benar-benar mengambil langkah yang bijak, telus, berkesan serta penuh amanah agar dapat mengesan setiap langkah sumbang atau memintas setiap pergerakan yang mencurigakan dengan kaedah dan tindakan yang berkesan supaya dapat dimusnah segala angkara yang dirancang pihak musuh.

Tuan Yang di-Pertua, ungkapan *prevention is better than cure* dengan izin, amatlah bertepatan. Dengan kata-kata demikian, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan atau POTA 2015. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Silakan Yang Berhormat.

3.06 ptg.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang setuju bahawa negara kita ini menghadapi ancaman, ancaman daripada pengganas. Akan tetapi kalau kita hendak kaji latar belakang ancaman ini, kita mesti mempunyai satu pandangan yang lebih luas. Bagi saya, rang undang-undang ini sebenarnya kalau diluluskan, akan membuktikan bahawa kita lebih-lebih lagi telah jatuh di bawah pengaruh Amerika Syarikat. Apakah sebabnya saya buat kenyataan seperti ini? Masalah yang didapati di Timur Tengah di mana IS sedang berkembang dan begitu berpengaruh dan begitu berkuasa, sebenarnya berpunca dari dasar yang Amerika amal terhadap negara-negara Muslim.

Amerika telah masuk campur dalam hal ehwal mereka, meruntuhkan kerajaan mereka, cuba menggantikan kerajaan mereka dengan sebuah kerajaan boneka, maka inilah reaksi orang tempatan untuk menghadapi satu kuasa yang zalim dan ganas. Tindakan Amerika di Timur Tengah yang mengakibatkan munculnya IS, inilah keganasan di peringkat antarabangsa. Siapakah yang boleh menafikan perkara ini? Maka kita mesti bertanya, kalau warga negara Malaysia...

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Saya hendak minta celah ah sikit.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Silakan.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Sebab baru-baru ini bila saya buat *research*, Yang Berhormat Senator berbahas menyatakan ini sebab orang Amerika. Akan tetapi kenapa pula mereka lawan ataupun membunuh satu sama sendiri seperti di Jordan. Mereka membunuh seorang pilot Jordan, bukan seorang Amerika. Kenapakah macam itu? Apakah pandangan Yang Berhormat Senator?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Dalam pertempuran yang sedang berterusan di sana, dengan kemunculan IS, IS mempunyai satu pegangan. Pegangan ini ialah kalau *you* tidak menyebelahi saya, bermakna *you* menentang saya. Jordan itu merupakan salah satu daripada sekutu Amerika Syarikat. Ini

kita tidak boleh menafikan. Pilot yang ditangkap oleh IS itu, sebenarnya ialah pilot yang memandu jet untuk menyerang kubu-kubu IS. Maka setelah ditangkap, inilah nasibnya. Memang saya tidak setuju dengan cara IS bertindak, pembunuhan yang begitu kejam, rogol...

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Kebanyakannya hak asasi manusia dan sebagainya dan parti Yang Berhormat ini sering mengaitkan dengan Amerika Syarikat ini jaguh *human rights*, dengan izin, tetapi hari ini pula pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat ini bertentangan dengan Amerika Syarikat. Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan parti-parti Yang Berhormat yang sering lari pada Amerika Syarikat?

■1510

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Bolehkah Yang Berhormat beri bukti bahawa parti kami pernah menyanjung Amerika sebagai *defender of human rights*? Kita telah kecam Amerika tentang Guantanamo dan banyak lagi perkara yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dalam penulisan kami, dalam ucapan kami dan saya sendiri tidak pro Amerika. Saya tidak tahu di mana Yang Berhormat dapat maklumat itu. Saya tidak setuju dengan apa yang dilakukan oleh IS tetapi kalau kita tengok...

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada hendak mencelah Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: ...Apa yang telah dibuat oleh Amerika Syarikat, jumlah orang yang dibunuh oleh IS itu sudah sampai...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Yang Berhormat izinkan?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini tidak izinkan.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Tidak izin?... Okey.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Jumlah orang yang dibunuh oleh Amerika Syarikat di Timur Tengah berjuta-juta dengan cara yang kejam hanya tidak dipamerkan di *Facebook*. Saya bukan sokong IS. Saya tidak setuju dengan apa yang mereka lakukan tetapi kita mesti mempunyai satu pandangan yang saya rasa seimbang dan saya ada sebab kenapa saya buat kenyataan seperti ini. Ya, ada warganegara Malaysia yang menyertai IS tetapi bukan semua mereka didorong oleh fanatik Islam. Ada juga yang didorong oleh fahaman politik yang hendak menentang *American Imperialism*. Sama juga semasa Perang Spanish pada tahun 1936. Ramai daripada warganegara di Amerika, Britain, *France* menyertai *the International Brigade* untuk menentang *fascism* maka sekarang ramai yang menyertai IS itu menyertai kerana menentang imperialisme, penjajahan dan kezaliman Amerika Syarikat.

Akan tetapi ada kelompok-kelompok yang begitu berpegang kepada fahaman fanatik dan dipengaruhi sehingga mereka hendak bawa balik fahaman itu ke negara ini, yang itu saya setuju.

Mungkin itu sebabnya terpaksa kita menggubal Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan tetapi kita harus sedar bahawa akta ini tidak boleh dipandang ringan kerana terdapat banyak percanggahan dengan fasal-fasal penting dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menjamin hak-hak warganegara kita sejak negara ini mencapai kemerdekaan.

Kalau kita rujuk kepada butir-butir yang dikumpulkan dalam Kertas Putih yang telah dikemukakan di Parlimen, berapa ramai yang telah menyertai IS itu? Seramai 39 orang rakyat Malaysia yang terlibat dalam peperangan di Syria dan Iraq sehingga November 2014. Kertas Putih ini menerangkan bahawa 40 orang berjaya diberkas dan kalau kita mendapati bahawa mereka senang diberkas, kita dapat kesan siapa yang masuk menyertai IS maka kalau kita hendak menggubal undang-undang seperti ini buat apa pula undang-undang ini begitu ketat sehingga hak-hak asasi di negara ini disekat? Jika warga kita yang menyertai IS kembali ke negara ini dengan tujuan hendak menimbulkan huru-hara adakah kelulusan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ini dapat mengatasi masalah ini?

Apakah sebabnya saya mempersoalkan rang undang-undang ini? Terdapat lima perkara yang saya hendak sentuh di sini dalam rang undang-undang ini yang mengancam hak asasi setiap warganegara ini. Misalnya seperti berikut:

- (i) seorang yang diberkas boleh ditahan selama 59 sebelum dihadapkan di hadapan satu lembaga;
- (ii) gerak-geri individu akan dipantau selama dua bulan;
- (iii) seorang pengawal siasatan yang mempunyai kuasa tidak terbatas mempunyai kuasa untuk menentukan nasib seseorang yang diberkas yang tidak mempunyai hak untuk merujuk kepada peguam atau wakilnya;
- (iv) sesiapa yang diberkas boleh ditahan selama dua tahun dan jika pegawai siasatan berpuas hati yang diberkas itu masih merupakan seorang militan maka tempoh masa tahanan orang itu boleh dilanjutkan tanpa had;
- (v) orang yang diberkas tiada peluang untuk mengemukakan kesnya ke mahkamah; dan
- (vi) pegawai siasatan ataupun pegawai awam yang terlibat dalam kes-kes orang yang diberkas tidak dibenarkan memberi keterangan atau maklumat tentang kes-kes orang yang ditahan.

Maka macam mana kita boleh tahu apa yang telah terjadi kepada dia? Tuan Yang di-Pertua, jelaslah bahawa rang undang-undang ini bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Persetujuan-persetujuan antarabangsa serta prinsip hak-hak asasi yang didapati di dalam *Universal Declaration of Human Rights*. Sebenarnya apa yang telah disampaikan baru-baru tadi oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali tentang sudah ada undang-undang yang cukup untuk mencegah keganasan. Buat apalah kita hendak adakan satu undang-undang yang begitu teruk sekali seperti undang-undang ini?

Undang-undang ini sebenarnya hampir mirip ISA dan juga Akta Hasutan dan jika kita rujuk cara kedua-dua undang-undang itu dikuatkuasakan kita mendapati pada akhirnya yang jadi mangsa itu bukan

orang pengganas tetapi orang biasa. Walaupun jaminan telah diberi bahawa atas fahaman politik orang itu tidak akan ditahan tetapi malangnya tidak ada jaminan untuk menjamin jaminan itu. Ini yang jadi masalah.

Saya bimbang bahawa dengan kelulusan undang-undang ini, negara ini akan menghadapi bahaya yang lebih dahsyat. Ada kelompok-kelompok IS yang akan menganggap negara ini sebagai negara yang telah bersubahat dan bersekutu dengan Amerika Syarikat dan sudah pastilah ada kemungkinan kita akan jadi sasaran. Kalau dahulu sasaran itu tidak begitu menonjol tetapi dengan kelulusan undang-undang ini ada kemungkinan kita akan jadi sasaran kepada militan-militan IS yang telah anggap negara ini sebagai dengan izin, *crime state of the United States of America*.

Pada akhirnya saya memang setuju lebih elok *prevention is better than cure*, dengan izin, tetapi kita mesti ingat kadangkala ubat yang digunakan untuk mengubati sesuatu penyakit jauh lebih dahsyat daripada penyakit itu. Maka nilaikan semula rang undang-undang ini. Kalau hendak diluluskan eloklah buat sedikit perubahan supaya undang-undang ini tidak akan menjejaskan hak asasi manusia warganegara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee.

3.18 ptg.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang berbahas dalam Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Syabas kepada pihak kementerian kerana dapat merangka suatu undang-undang supaya kita dapat menangani keganasan agar tidak menimpa ke atas negara kita ini. Selepas jatuhnya ISA kita dapat IS dan sebelum ISA iaitu *Islamic State Activity* kita sudah ada satu akta iaitu POTA.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menceritakan sebuah kisah yang berlaku kepada diri saya iaitu bila kerajaan Israel menyerang selatan Lebanon. Masa itu saya selaku Ketua Pemuda MIC diberi arahan oleh Ketua Pemuda saya, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein untuk meraih sokongan, pergi ke India dapatkan sokongan dari dua buah parti yang terbesar iaitu Kongres dan juga BJP. So, saya pergi sana, Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin pergi Indonesia, Dato' Seri Liow Tiong Lai pergi China. Kita pergi sana.

■1520

Fasal kita hendak meraih sokongan, fasal sudah *fed up* hendak *demonstrate* depan *Embassy* Israel ini supaya tidak menyerang. So saya pergi ke India, saya jumpa dengan Parti Kongres, tidak ada masalah. Mereka turut *sign* kita punya deklarasi. Deklarasi supaya kita menolak sebarang kesalahan dengan izin, *sovereignty* sesebuah negara dan juga tidak ada alasan yang munasabah dapat memberi kesan bahawa pembunuhan orang yang tidak bersalah itu diterima.

Selepas saya jumpa dengan Parti Kongres, tidak ada masalah, mereka sudah *sign*. Saya jumpa juga dengan parti BJP yang pada hari ini membentuk kerajaan di negara India. Bila saya jumpa dengan

Ketua Pemuda dengan setiausaha dengan bendahari, mereka tanya apa fasal saya hendak jumpa saya. So, saya selaku ketua delegasi, berjumpa dengan dia, saya cakap dengan dia, ini berkenaan dengan ini, masalah macam ini tidak boleh ulang aliklah.

Kita hendak buat satu isu yang besar yang mana negara-negara jiran semua bersetuju untuk menandatangani satu perjanjian. Di mana isu berkenaan dengan Israel dan Lebanon, pembunuhan atas alasan mana pun *collateral damage*, dengan izin, tidak dapat diterima ialah alasan yang munasabah. Apabila bercerita dengan dia, dia tanya saya masa itu, "*Ada pengeboman kereta api di Delhi?*". So dia terima satu SMS, dia tanya saya, "*Eh! Boleh saya tanya you? You macam Hindu?*". Lain-lain semua ini kawan-kawan saya Islam, ada banyak Cina, semua ikut saya. So dia tanya saya, "*Ini ada satu SMS. Saya boleh tunjuk youkah?*" Saya cakap "*Bolehlah*". Dia cakap, "*Bukan semua orang Islam adalah terrorist tetapi semua terrorist di India adalah orang Islam*".

So ini di depan delegasi saya. Dia cakap, "*Apa you punya pandangan?*". Saya pun terkejutlah tiba-tiba dia tanya saya, saya punya delegasi semua budak saya tengok saya. Kalau saya tidak jawab, macam mana pula saya hendak balik negara sini. Saya kena jumpa dengan saya punya Ketua Pemuda. Saya imbas kembali apa negara saya ini, negara Malaysia. So lepas dua minit atau tiga minit, saya memberitahu kepada Ketua Pemuda BJP, saya cakap "*Ini adalah satu jokelah*".

Dia cakap "*Apa joke? Ini serius, tahu*". Saya cakap, "*Tidak, untuk saya joke*". Dia cakap "*Fasal apa?*". Saya cakap, "*Fasal negara saya ini- saya lahir sudah beberapa tahun sudah. Kuli-kuli saya semua diberi perlindungan oleh kerajaan Islam*". Kita boleh buat apa sahaja daripada segi sembahyang, hendak buat apa juga, tidak ada masalah. Kita ada patung Murga yang besar diberi perlindungan oleh Kerajaan Islam. Okeylah, Kerajaan Islam UMNO lah tetapi diberi- 55 tahun ini kita tidak ada masalah.

So pada hari ini, bila saya tengok Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan, saya memang gembira kerana ini ialah prinsip negara ini di bawah Rukun Negara kita ini adalah ideologi-ideologi yang memeluk semua agama dan semua menerima bahawa Islam agama rasmi. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, keganasan ini bukan sahaja untuk orang Islam. Ini keganasan untuk semua. Kita ada jumpa, ada tengok juga Hindraf bukan ganaslah tetapi kemungkinan.

Takkan kita hendak buat undang-undang, bila sudah dapat keganasan dari semua kaum, baru kita hendak keluarkan macam ini. Ini saya tidak bersetuju dengan hujah-hujah oleh kawan-kawan saya Yang Berhormat daripada parti-parti pembangkang sebentar tadi yang mengatakan kita mengikut Amerika Syarikat. Kita tidak pernah ikut Amerika Syarikat. Memang merekalah yang lari, Ketua Pembangkang yang lari pergi jumpa dia. Kita tidak ada.

Ini berkenaan dengan keganasan negara. Tidakkah kita hendak buat satu akta, bila kita tengok *Twin Towers* macam sebentar tadi Menteri cakap jatuh ataupun kita dapat *terrorist attack, Islamic State (IS) activity*. Bila berlaku, tidakkah kita hendak lompat? Negara kita sekarang ini aman, damai, tenteram. Kita tidak ada masalah. So, akta sebegini kita sudah ada. Bila ISA jatuh, semua akta yang bergantung pada ISA pun jatuh iaitu *Emergency Ordinance* yang mana kita dapati budak-budak, pengedar dadah

semua bermaharajalela. Kita keluarkan POCA. Ini kerana apa? Kita tidak ada undang-undang yang boleh menghalang mereka.

So kita keluarkan POCA, semua sokong. Ini kerana apa? Ini kerana masalahnya kita bergantung kepada ISA, lepas itu tiba-tiba pula jatuh, huru-hara pula negara kita. Sekarang, yang kita cakapkan kita ada SOSMA tetapi akta mana yang bersesuaian dengan keadaan ataupun dengan izin, *offence* tersebut.

Saya tengok ini akta yang betul-betul memadai. Ada juga isu, ya, betul. Kalau kita bandingkan dengan ISA, memang tidak ada apa-apa pun. Dua tahun pun - macam saya punya kawan cakap "*Dua tahun, dua tahun*". Ya, itu lama. Itu masalah daripada Komunis. Masalah kita berterusan, kita ada guna pakai, ada juga kesalahan dan Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memastikan bahawa kita menggubal ataupun kita tukar IC. Akan tetapi masalah itu- apa yang jadi selepas itu? Supaya semua orang bermaharajalela. Masalah ini walaupun ia ialah permulaan atas alasan IS tetapi sebentar tadi Yang Berhormat ada beritahu bahawa ini untuk semua kaum, ini untuk semua yang bertentangan dengan prinsip Rukun Negara di negara kita ini.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Hujah-hujah Yang Berhormat, sangat tepat pada saya. Cuma saya hendak kongsi dengan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju setelah kita kehilangan Akta ISA 1960, selepas daripada itu keadaan negara kita agak sedikit huru-hara dengan tidak ada ISA? Puak-puak sebelah sana... [*Merujuk kepada blok pembangkang*] Dia takut. ISA tidak ada sahaja, dia melompat kiri dan kanan, atas bawah dia melompat lagi. Buat reformasi jalanan, buat berbagai-bagai yang melanggar undang-undang. Adakah Yang Berhormat bersetuju selama ISA ini telah dihapuskan, berlakunya perkara-perkara sedemikian rupa? Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Terima kasih Yang Berhormat. Puak-puak itu memang berdemonstrasi, tidak ada sebab pun dia hendak *demonstrate*. Itu tidak ada masalah tetapi yang berkenaan dengan ISA ini, memang tepatlah. Ini kerana kita dari tahun dahulu, 20 tahun yang lalu pun kita ada masalah berkenaan dengan semi *terrorism*. Memang mereka tidak buat *attacks* dan sebagainya tetapi pemahaman adalah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara. So pada hari ini, kita ada yang tadi Yang Berhormat memberitahu bahawa yang berkenaan dengan ISA, saya ingat saya sudah berhujah. Saya ingat Timbalan Menteri yang bijaksana itu akan memberi pendedahan yang lebih dalam berkenaan dengan ISA dan sebagainya.

Akan tetapi saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa semua kebenaran dan hak-hak yang diberi kepada pihak pembangkang sendiri pun diberi oleh kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional. Hari ini kita jatuhkan ISA kerana pada masa itu tidak ada ISIS. Kalau ada IS, kita sudah jatuhkan pun. So, Kerajaan Barisan Nasional memahami bahawa masanya tepat untuk menjatuhkannya, kita membuat keputusan untuk menjatuhkan iaitu keputusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi pada hari ini selepas kita menjatuhkan atas prinsip-prinsip yang berikut tetapi ada juga masalah besar yang saya cakap tadi, macam POCA sekarang POTA.

Yang Berhormat, saya hendak tanya kepada Menteri, bahawa di bawah Bahagian II 4(3) ini ada memberitahu bahawa pemahaman seseorang berkenaan dengan pemahaman politik ini tidak akan dibawa di bawah akta ini.

■1530

Saya nak tanya Yang Berhormat ini. Kita ada macam parti kawan-kawan saya itu yang berfahaman atas prinsip agama. ISIS pada masa ini fahaman, kalau tak silap saya orang Wahabi, di mana kalau bertentangan mereka itu tidak salah, semua kafir. Saya duduk di negara ini, negara Islam, selama 50 tahun ini, saya pun diberitahu bahawa dalam Quran pun ada beritahu bahawa semua yang dicipta di dunia ini ciptaan Tuhan, termasuklah saya.

So, saya nak tanya kawan-kawan saya, tanya Yang Berhormat Menteri, kefahaman politik parti pembangkang seperti PAS adalah ideologi agama. Ini bukan saya nak cakap fasal politik, ini saya nak cakap fasal unsur berkenaan dengan undang-undang keganasan. Jikalau ada juga ahli-ahli politik dari parti-parti tersebut yang memulakan atau nak menggunakan keganasan, tidak kah akta ini digunakan ke atas mereka ataupun dia sebagai sesiapa yang menggunakan keganasan? Akan tetapi saya tengok dalam 4(iii) ini bahawa ahli politik ini tidak digunakan. Fasal apa tidak digunakan? Esok saya nak jadi ganas, saya nak minta lebih ekuiti bolehkah?

Sesiapa yang gunakan keganasan itu bukan bermakna- fasal ini saya tengok ini bukan untuk ISIS. Dia nak cakap banyak-banyak fasal Amerika Syarikat, kita ikut-ikut Amerika Syarikat fasal apa? Kita nak jaga negara kita ini. Ini untuk keganasan, *terrorist attack by anybody*. Bukan ISIS. Manakah ada tulis ISIS?... IS mana ada tulis? Ini keganasan. Esok saya boleh jadi ganas, dia boleh jadi ganas. Depa boleh jadi ganas. Siapa jadi ganas, nak guna keganasan bertentangan dengan prinsip Rukun Negara harus digunakan akta ini. So, saya minta...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Mencilah sedikit Yang Berhormat.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada nak mencilah. Mana satukah Yang Berhormat?

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Dua-dua pun boleh.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Suhaimi dulu.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Abang dulu abang. Adik tunggu sat. Terima kasih. Saya tertarik dengan Yang Berhormat bila Yang Berhormat menyatakan bahawa esok dia buat jahat, lusa kawan ini buat jahat. Akan tetapi saya juga nak mempersoalkan Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat bersetuju kah kalau dalam kerajaan sendiri pun ada yang jahat, maka akta ini juga boleh diambil tindakan. Maknanya, akta ini bukan sahaja untuk pembangkang, bukan sahaja untuk orang jahat yang menyokong pembangkang tetapi orang jahat yang menyokong kerajaan. Terima kasih.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Terima kasih. Memang Yang Berhormat, ini untuk semua. Esok mereka jadi kerajaan pun dia boleh pakai atas kita pun. Akan tetapi saya harap mereka tak jadi kerajaan lah. Akta ini...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Boleh celah Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tambah sedikit sahaja. Cuma saya nak tanya Yang Berhormat. Saya tertarik bila Yang Berhormat sebut fasal ia bukan soal parti ya. Ini soal semua. Cuma mungkin Yang Berhormat bersetuju juga. Apakah definisi keganasan ini? Sama ada ia terlibat dalam *militant activities*, dengan izin, satu ataupun yang buat rusuhan terbalikkan kereta, pecahkan kereta polis, cederakan anggota polis.

Boleh tak Yang Berhormat bagi pandangan? Setuju atau tidak? Itu juga kita boleh masukkan dalam keganasan ini. Macam mana berlaku dekat SOGO, hari Sabtu ini— itu orang gila punya tempat perhimpunanlah. Ada sebahagian itu, rakyat punya masalah pun semua terganggu. Orang nak pergi *shopping* pun tak boleh. Akhirnya, fasal ada *bundle or bunch of people* ini yang buat perkara-perkara keganasan seperti itu. Adakah Yang Berhormat setuju? Terima kasih.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Yang Berhormat, saya apa juga Yang Berhormat cakap saya setuju. Siapa juga, apa orang BN cakap saya setuju Yang Berhormat. Itu prinsip saya. Akan tetapi, kita ada akta-akta lain yang memadai situasi-situasi tersebut. Ini untuk keganasan ini, saya ingat ini *terrorist* yang lebih sedikitlah dia punya standard. Ini terbalik punya bagi merekalah. Nanti mereka terkejut, lompat.

Tuan Yang di-Pertua, tadi seperti mana yang Senator beritahu, ini seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kawan abang-abang saya. Akta ini untuk keganasan. *Terrorist*. So, ancaman yang besar bertentangan dengan- yang melawan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku. So, ini negara kita bila kita dah ada aktiviti-aktiviti sebagai ini, walaupun sebahagian kecil, kita kena ada akta. Akta ini bukan untuk menangkap ahli-ahli politik, akta ini bukan untuk pencuri. Tak. Itu semua kita ada. Ini khusus kepada keganasan.

Kalau akta ini tidak ada, kita tidak memberitahu kepada anak-anak muda kita bahawa ada sebuah akta yang akan memastikan bahawa kalau mereka menggiatkan diri dengan isu-isu berkenaan dengan keganasan ataupun kefahaman-kefahaman yang ada keganasan, mesti mereka tidak ikut. Masa sekarang tidak ada. Tidak ada akta. Kita boleh cakap SOSMA itu semua tapi itu tak berpatutan. Kalau kita nak bimbing, kita nak cakap kepada anak-anak muda kita, jangan masuk campur dengan isu ISIS dan sebagainya, apakah kita nak cakap? Kita tunjuklah akta ini. Kementerian KDN dah keluarkan. Jangan mereka pergi jumpa siapa-siapa dalam *internet*. Anak-anak muda kita, apakah kita mahu cakap?

Ini kita boleh cakap. Kalau *you* buat macam ini, macam ini, habis *you* kena. So Tuan Yang di-Pertua, saya pun tak nak fasal saya ini menyokong kan? Apa saya nak cakap banyak [*Ketawa*] Akan tetapi saya nak juga Yang Berhormat Menteri memberitahu bahawa dalam 4(iii) ini, ini tidak berfahaman politik yang berunsur agama yang menyebabkan keganasan. Adakah Yang Berhormat, akta ini boleh diguna pakai? Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya. Silakan Yang Berhormat.

4.36 ptg.

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berucap mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 kalau dalam singkatnya hanya POTA, saya akan ungkapkan ialah di bentang bukan semata-mata untuk bertindak balas kepada apa yang berlaku di negara-negara Timur Tengah akibat perbuatan yang ditindas- penindasan yang dibuat oleh Amerika Syarikat.

Akan tetapi ialah lebih kepada ekor daripada penglibatan rakyat Malaysia yang telah didapati mengikuti perjuangan dalam IS ini, maka kita perlu untuk mencegah berlakunya penglibatan yang berterusan. Ia lebih untuk mencegah kerosakan di dalam negara kita daripada mengikuti apa yang telah dibuat oleh orang lain. Kalau kita kaji POTA ini, kita dapat tahu bahawa ia satu undang-undang yang *preventive in nature*, dengan izin.

Oleh itu, pihak anggota keselamatan dapat menghalang sesuatu perkara berlaku. Alangkah baiknya jika pada tahun 2012 semasa ISA dimansuhkan, POTA ini terus diwujudkan. Ada kemungkinannya pencerobohan di Tanduo dan pencerobohan di Kampung Simunul di Semporna tidak akan berlaku. Akan tetapi malangnya kita tidak ada undang-undang pada masa itu. Apa yang berlaku ialah hanya sekadar sekarang untuk membicarakan mereka di bawah undang-undang yang ada, *to wage war against* Yang di-Pertuan Agong yang hingga sekarang ini belum selesai perbicaraannya. Akan tetapi akibatnya, nyawa telah hilang, harta benda sudah musnah.

Ancaman daripada pencerobohan secara militan di Lahad Datu dan di Semporna itu masih berterusan sekarang. Walaupun dapat dikekang dengan kewujudan ESSCOM di sana dan ancaman-ancamannya ialah tidak ketara. Oleh sebab pergerakan mereka mempunyai banyak *sleeping cells*, dengan izin, yang menetap atau tinggal atau yang bersaudara dengan mereka sendiri.

■1540

Diharap dengan wujudnya POTA ini kelak, melalui peruntukan mengenai perlindungan, maka *sleeping cells* yang berkeliaran yang khususnya yang berkeliaran di Pantai Timur Sabah dapat dibersihkan demi keselamatan yang lebih selamat di kawasan Pantai Timur Sabah. Bagi saya, dakwaan bahawa POTA ini adalah serupa kepada ISA, ya serupa tapi tidak sama. *Sounds like ISA, appears like ISA but it is not ISA*, dengan izin. Oleh sebabnya ia jelas. Ia hanyalah untuk menyasarkan kegiatan aktiviti-aktiviti yang mengganas atau mengancam keselamatan negara dan bukannya terhadap aktiviti-aktiviti *illegal* atau fahaman-fahaman politik.

Jadi sebarang salah guna tidak boleh kita *preamp* sebelum akta ini termaktub. Kalau ditengok selepas ISA dimansuhkan, kita panggil masa bebas ISA, masa itulah yang banyak salah guna digunakan.

Jadi adakah POTA ini akan disalah gunakan atau tanpa undang-undang pencegahan telah disalahgunakan? Bagi saya banyak yang penyalahgunaan tanpa rang undang-undang pencegahan.

Jadi untuk mengatakan bahawa POTA adalah jelmaan daripada ISA, tidaklah wajar. Nama pun sudah lain. ISA, satu POTA. Jadi penjelmaan itu tidak adalah. So, ISA serupa tapi tidak sama. Di samping itu, juga saya yakin sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, penguatkuasaan POTA ini tidak akan mendatangkan masalah kerana ia akan ditadbir sebuah Lembaga Pencegahan Keganasan. Sudah tentu yang menduduki lembaga ini akan bertindak dengan penuh kebijaksanaan.

Kalau ada persoalan bahawa pelantikan mereka ini adalah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi atas nasihat Menteri sudah wajarlah atas nasihat Menteri. Tidakkah *aspect* Yang di-Pertuan Agong pula hendak pergi satu-satu hendak tanya, kau jadi ahli lembaga kan. Ini mesti atas nasihat. So, *it is a details the government of the day*, dengan izin, untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong siapa yang wajar untuk dilantik menduduki di Lembaga Pencegahan Penganas itu. Saya rasa saya pun tidak mahu banyak panjang lebar lagi.

Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani tadi itu mengenai kalau kita tidak buat salah, buat apa kita hendak takut. Oleh sebab undang-undang biasa. Mencuri pun mahu cakap mencuri. Kenapa tidak letak undang-undang mencuri bukan. So, dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Silakan Yang Berhormat.

3.44 ptg.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi ruang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 atau dikenali sebagai POTA dalam Dewan Negara yang mulia ini. Kita sedia maklum bahawa tujuan rang undang-undang ini ialah mencegah perlakuan atau sokongan bagi perbuatan keganasan yang membabitkan organisasi penganas dari sesuatu negara asing serta bagi kawalan terhadap orang yang terbabit dengan perbuatan sedemikian.

Saya mengalu-alukan langkah *offensive* dan kerajaan dalam menangani keganasan. Saya percaya dalam hal-hal memerangi keganasan tidak ada sebab Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan Negara ini menidakkan soal sebegitu kerana sudah tentu soal keganasan itu akan mengganggu-gugat keselamatan negara dan rakyat secara keseluruhannya.

Institusi Parlimen harus berperanan sebagai benteng pertahanan *offensive* yang perlu dilaksanakan secara bijak dan strategi terancang. Soalnya sekarang *Islamic State* ataupun IS penganas bukan lagi semata-mata kumpulan militan tetapi sebuah kumpulan penganas yang bertopengkan syiar Islam. Buktinya, Polis Diraja Malaysia sudah menahan 75 individu dan disiasat kerana pembabitkan dalam kumpulan militan IS sehingga 31 Mac 2015 yang lalu. Terbaru, PDRM telah menahan 17 orang yang disyaki merancang melakukan keganasan di Kuala Lumpur. Daripada jumlah itu, dua orang suspek baru

pulang dari Syria. Ini sesuatu yang memeranjatkan kerana kumpulan IS semakin berupaya beroperasi di negara kita.

Namun, kita amat berterima kasih atas keupayaan dan kecekapan polis terutama daripada bahagian *Counter Terrorism*. Saya juga hendak mengambil kira keseriusan kenyataan Ketua Penolong Pengarah Counter Terrorism, Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay yang memaklumkan bahawa IS mungkin serang Malaysia. Ini satu kenyataan yang perlu diambil berat. Saya hendak tahu setakat mana sebenarnya tahap keselamatan di negara kita ini. Saya juga hendak tahu apakah bangunan-bangunan penting sudah diambil kira aspek keselamatannya. Bagaimanakah dengan bangunan Parlimen ini? Adakah ia benar-benar selamat? Apakah sudah ada langkah-langkah keselamatan diperketat? Ini kerana kenyataan bahawa Kuala Lumpur dan Malaysia boleh berkemungkinan diserang.

Jadi saya harap dalam hal ini Rang Undang-undang POTA selain Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan, yang akan dibentangkan mengekang aktiviti keganasan sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bukan lagi soal menyentuh peruntukan yang kononnya rang undang-undang ini dicipta untuk menangkap dan ditahan semata-mata atas kepercayaan atau aktiviti politiknya. Di bawah Fasal 4 sudah menerangkan sejelas-jelasnya. Jadi apakah yang hendak kita kecohkan. Ini soal keselamatan negara, soal kedaulatan negara, soal keselamatan rakyat. Kita sebagai Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk meluluskan rang undang-undang ini sebagai senjata dalam mempertahankan negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang POTA di bentang berdasarkan syor Kertas Putih yang menegaskan komitmen kerajaan dalam membanteras ancaman ditimbulkan oleh kumpulan IS bersama masyarakat antarabangsa lain yang memperuntukkan cadangan langkah bagi menangani ancaman berkenaan. Menurut Kertas Putih, rang undang-undang itu bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pencegahan perlakuan atau sokongan perbuatan keganasan yang membabitkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing serta bagi kawalan terhadap orang yang terbabit dalam perbuatan sedemikian.

Masalah aktiviti keganasan IS bukan dihadapi Malaysia sahaja tetapi turut dihadapi masyarakat global. Masyarakat atau rakyat Malaysia perlu memahami secara lebih dekat bahawa untuk memerangi atau mencegah IS militan bukan setakat berperang, menangkap dan memberi kaunseling kepada tahanan tetapi paling penting ialah memerangi ideologi militan IS itu sendiri.

■1550

Ideologi-ideologi IS militan bergerak melintasi tanpa sempadan, dikawal oleh tentera *cyber troopers* militan IS yang tidak terkira ramainya dan kita sendiri pun tidak tahu di mana mereka berada dan beroperasi dalam dunia alam maya berpaksikan kepada media sosial baru.

Atas faktor itu, ideologi militan IS dikatakan mudah meresapi minda masyarakat global termasuk di Malaysia. Anak-anak muda dan kumpulan pelajar universiti sasaran utama kerana kelompok ini paling ramai mengakses dunia media sosial baru. Penyampaian dan penyebaran menarik dalam ideologi militan

IS dalam bentuk multimedia interaktif di media sosial baru digunakan seluas-luasnya dalam langit yang terbuka ini.

Tidak ramai yang terperasan akan pembawaan sesuatu ideologi itu. Menurut sarjana James C. Scott dalam, *“Political Ideology in Malaysia: Reality...”*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ada usul Menteri. Saya minta ruang daripada Yang Berhormat buat sementara. Silakan Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.51 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato’ Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 27 April 2015. Terima kasih.”

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat. Sebelum itu saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian kita ada seramai 17 orang lagi yang hendak membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Jadi saya mohon kerjasama Yang Berhormat kalau berbahas itu tolong jangan buat terlampau panjang lebar. *Straight to the point* supaya kita tidak melengah-lengahkan masa. Silakan Yang Berhormat teruskan.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak ramai yang terperasan akan pembawaan sesuatu ideologi itu. Menurut sarjana James C. Scott dalam *“Political Ideology In Malaysia: Reality and the Beliefs of an Elite”*, dengan izin, definisi pertama ideologi ialah satu aliran pemikiran seorang individu berdasarkan nilai-nilai murni, pendapat dan sikap seseorang terhadap

suatu peristiwa atau subjek. Bagi definisi kedua pula, ideologi boleh dianggap sebagai satu doktrin falsafah kehidupan manusia seperti sosialisme, kapitalisme dan komunisme.

Sementara definisi ketiga ialah falsafah kehidupan yang telah dipolitikkan dengan ajaran agama, teori-teori ekonomi dan sistem hubungan sosial serta definisi keempat pula ideologi diibaratkan suatu fahaman yang diterima umum oleh sekelompok kumpulan berkepentingan di dalam sesebuah masyarakat.

Inilah cabaran kerajaan, Kementerian Dalam Negeri dan PDRM dalam dunia realiti yang sebenarnya. Kebiasaannya ideologi ini dilihat sebagai idea politik yang dicetuskan atau diperkenalkan oleh golongan yang mempunyai kepentingan seperti IS bagi memantapkan kedudukan sesebuah sistem pemerintahan khalifah seperti yang diuar-uarkan. Kebanyakan idea konsep ideologi politik sebegini sering berkait rapat dengan unsur-unsur kepercayaan dan ketuhanan. Contoh lain ideologi sebegini diperkenalkan oleh seorang pemerintah dalam ajaran falsafah politik seperti konsep mandat Tuhan, konsep anak Tuhan, konsep anti komunisme, konsep Dharma dan konsep anti kolonialisme, nasionalisme.

Sejarah membuktikan cetusan ideologi di bawah ideologi falsafah politik seperti yang dicetuskan oleh Confucius Lao Tzu, Plato, Karl Marx, Adam Smith, John Locke, Lennon, Mao Tse-Tung, Adolf Hitler dan tokoh-tokoh falsafah politik yang lain mengubah pandangan dan fahaman politik manusia terhadap perjalanan sistem politik tradisional. Malah ia telah membawa satu perubahan besar terhadap sistem politik yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pendedahan China bahawa ada rakyatnya menjadikan Malaysia sebagai transit sebelum meneruskan perjalanan untuk menyertai kumpulan bersenjata di Syria dan Iraq agak membimbangkan kita. Saya difahamkan perkara ini sudah dimaklumkan Timbalan Menteri Keselamatan Awam China, Meng Hongwei ketika pertemuan dengan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan saya ingin tahu apakah langkah kerajaan seterusnya dalam hal ini.

Kita menolak sama sekali bahawa Malaysia akan dijadikan hab operasi kegiatan IS. Tidak syah lagi isu militan sudah memasuki definisi antarabangsa, agensi perisikan barat menyatakan sekurang-kurangnya 18,000 orang warga asing termasuk 3,000 orang rakyat negara Eropah dan barat lain berada di Asia Barat sejak konflik Syria meletus pada tahun 2011. Seramai 67 orang rakyat negara kita juga disahkan menyertai medan konflik di dua buah negara itu.

Meskipun bilangan rakyat China yang menjadikan Malaysia sebagai transit itu belum dipastikan, dianggarkan 300 orang sudah pun berada di medan perang dua buah negara berkenaan. Ini bermakna kita perlu membuat penilaian lebih ketat terhadap rakyat negara berkenaan. Saya juga bimbang mungkin ada rakyat negara lain turut mengambil jalan yang sama. Sudah tentu perkara ini bukannya suatu yang mudah, suatu yang sudah lama berlaku. Sudah tentu perkara ini bukannya sesuatu yang sudah lama berlaku kerana konflik di dua buah negara itu membabitkan kumpulan IS yang baru dibentuk.

Tuan Yang di-Pertua, malahan serangan terhadap pejabat akhbar satira Perancis Charlie Hebdo baru-baru ini membuktikan bahawa warga tempatan yang militan juga menjadi ancaman kepada

keselamatan negara dan Kerajaan Eropah mengakui gusar dengan impak rakyatnya yang militan dengan pendedahan media bahawa dua orang penyerang pejabat akhbar mendapat latihan di Yaman oleh kumpulan Al-Qaeda di Semenanjung Arab.

Justeru saya amat menyokong usaha pihak berkuasa untuk mencegah sesiapa juga yang menjadikan Malaysia sebagai tempat berlindung untuk meneruskan perjalanan ke medan konflik di Asia Barat. Kita perlu kenal pasti identiti mereka dengan membongkar apa juga rangkaian militan yang kini membabitkan warga banyak negara selain membabitkan rakyat negara kita sendiri.

Saya percaya Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menekankan bahawa tindakan tertentu perlu diambil bagi mencegah keganasan sebelum ia berlaku. Oleh sebab itulah kita melihat banyak pihak luar menggunakan rakyat Malaysia sebagai alat mereka. Oleh sebab itulah adalah lebih baik rakyat Malaysia jangan terlibat dalam kegiatan-kegiatan keganasan diambil tindakan tanpa perlu dibawa ke pengadilan dahulu. Mereka ini patut ditahan seperti akta ini. Tahan, reman dan selepas itu boleh dibawa ke mahkamah dan diambil tindakan yang sewajarnya. Ini adalah lebih baik daripada semuanya telah terlambat. Oleh sebab itulah pandangan-pandangan pihak pembangkang seolah-olah kita tidak memberi hak kebebasan manusia ini adalah tidak betul. Sebenarnya kita hanya menahan mereka yang ingin merosakkan keamanan negara. Oleh sebab itulah Dewan Rakyat telah pun meluluskannya. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat pihak pembangkang juga hari ini akan sama-sama meluluskannya.

Sehubungan dengan itu semua pihak tentu boleh faham dan menerima langkah kerajaan untuk meluluskan Rang Undang-undang POTA ini menerusi Parlimen dan Dewan Negara.

■1600

Saya percaya negara kita sebenarnya tidak bersendirian dalam soal ini. Ada negara yang memantau rangkaian media sosial bagi mengenal pasti mereka yang berpotensi merancang ke medan konflik selain meluluskan undang-undang melarang rakyatnya daripada pergi berperang. Malah, undang-undang memerangi keganasan ini sudah pun dikuatkuasakan di Albania, Australia, Bosnia Herzegovina, Perancis, Kosovo, Macedonia dan juga Serbia yang mengharamkan perjalanan ke medan konflik asing termasuk Yaman, Syria dan Iraq. Kita menaruh harapan langkah yang sedang dan akan dilaksanakan kerajaan mampu mengekang mana-mana pihak mengeksploitasi negara kita selain menyekat serangan seperti di Perancis berlaku di sini. Atas rasa tanggungjawab bersama, tiba masanya Ahli-ahli Dewan Negara memahami peranan dan fungsi sebagai penggubal undang-undang yang sayang masa depan negara, masa depan rakyat, masa depan institusi Parlimen dan masa depan kedaulatan negara yang kita kecapai hampir 58 tahun kemerdekaan. Moga Malaysia terus dilindungi dan dirahmati oleh Allah SWT.

Dengan itu, saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan. Silakan, Yang Berhormat.

4.01 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut sama bangun dan mengambil bahagian berbahas dalam rang undang-undang ini. Ringkas sahaja ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Pertama, saya ingin menegaskan di sini bahawa tohmahan pihak pembangkang bahawa akta ini merupakan jelmaan Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah meleset kerana jelas kandungannya berbeza. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Dalam Negeri kerana berjaya membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 dan sebagai rakyat Malaysia, saya merasa bangga dengan kewujudan satu undang-undang yang menentang keganasan.

Dengan terbentangnya rang undang-undang ini, saya boleh menarik nafas lega kerana ia akan dapat mengekang aktiviti-aktiviti keganasan yang mana boleh menghancurkan negara dan menggugat kestabilan ekonomi dan politik. Kita sebagai rakyat Malaysia patut berdiri teguh di belakang Menteri Dalam Negeri yang menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini kerana keselamatan negara hendaklah diletakkan di tempat yang tertinggi dalam pertimbangan kita tanpa mengira fahaman politik dan agenda peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat, rang undang-undang ini dibuat di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan satu perintah tahanan atau perintah sekatan dikenakan ke atas orang yang ditahan oleh satu Lembaga yang dinamakan Lembaga Pencegahan Keganasan. Hak-hak orang yang ditahan tersebut daripada mula ditangkap hinggalah tamat tempoh tahanan atau sekatan telah dinyatakan secara jelas dalam rang undang-undang ini.

Jika dilihat, hak-hak kebebasan asasi orang yang ditangkap oleh pihak polis telah tidak dinafikan apabila ditangkap atas alasan penangkapan akan dimaklumkan kepada orang yang ditangkap tersebut. Begitu juga selepas alasan tangkapan dimaklumkan, pihak polis akan memaklumkan kepada waris berkenaan tangkapan tersebut dan keberadaan orang tangkapan tersebut berada.

Kebebasan kepada orang yang ditangkap untuk mendapat khidmat peguam pilihannya. Oleh itu, orang yang ditangkap boleh mendapat pembelaan yang sewajarnya oleh peguam dan keluarganya.

Tahanan reman akan dipohon melalui proses mahkamah. Oleh itu, hak-hak orang yang ditahan adalah terpelihara. Orang yang ditangkap selepas proses reman diperoleh daripada pihak mahkamah, satu proses *inquiry* akan dijalankan oleh pegawai *inquiry* sebagai satu proses *check and balance* bagi mendapat keterangan daripada orang yang kena tangkap sendiri dan juga saksi-saksi bebas. Di dalam *inquiry* ini juga, orang yang ditangkap tersebut boleh melantik peguam atau mewakilinya semasa proses *inquiry* dijalankan ke atas orang tersebut. Ini untuk memastikan bahawa hak orang yang ditangkap diberi keutamaan bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan seadil-adilnya.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai *inquiry* yang menjalankan *inquiry* ke atas orang yang ditangkap tersebut akan membuat satu laporan dihantar ke Lembaga Pencegahan Keganasan untuk membolehkan lembaga membuat keputusan sewajarnya ke atas orang yang ditangkap tersebut. Lembaga Pencegahan Jenayah yang terdiri daripada orang-orang berpengalaman dan dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan meneliti laporan yang disediakan oleh pegawai *inquiry* dan laporan siasatan pegawai polis dan seterusnya membuat keputusan terhadap orang yang ditangkap tersebut.

Jika satu perintah tahanan selama dua tahun dikeluarkan terhadap orang yang ditangkap tersebut iaitu orang tahanan, orang tahanan tersebut boleh membuat satu representasi ke Lembaga Penasihat yang ditubuhkan oleh Jabatan Perdana Menteri di bawah Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan. Lembaga Penasihat ini akan mendengar representasi orang tahanan tersebut yang mana orang tahanan tersebut boleh diwakili oleh peguam mereka sendiri. Orang tahanan diberi hak untuk memanggil saksi-saksi mereka di hadapan Lembaga Penasihat tersebut.

Kesemua perkara ini menunjukkan betapa menentukan sebarang keputusan yang disyorkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memperkenankan perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Keganasan adalah betul dan wajar. Proses-proses ini jelas menggambarkan keputusan untuk menahan seseorang di bawah Undang-undang Pencegahan dibuat bukan secara sewenang-wenangnya. Ia dibuat melalui proses yang teliti dan terperinci.

Orang tahanan jika masih tidak berpuas hati dengan perintah tahanan selepas melalui proses-proses ini, boleh membuat satu permohonan *writ of habeas corpus* di Mahkamah Tinggi melalui peguam pilihan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika diteliti, rang undang-undang ini juga memperuntukkan kuasa semakan terhadap perintah tahanan oleh Lembaga Penasihat terhadap mana-mana orang tahanan yang menjalani hukuman tahanan dengan membuat kajian terhadap perintah tahanan itu sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tamat tempoh tahanan atau satu tahun selepas menjalani suatu perintah tahanan. Ini menunjukkan kerajaan begitu mengambil berat terhadap elemen-elemen hak asasi manusia seperti mana yang pernah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Mesyuarat Program Transformasi Politik.

Oleh itu, tidak perlu merasa gusar dan gulana dengan kewujudan rang undang-undang ini kerana hak asasi orang yang ditahan terpelihara di samping keamanan dan ketenteraman rakyat keseluruhannya dapat dikekalkan. Kerajaan tidak mengetepikan fundamental liabiliti di dalam memastikan keselamatan negara terus menjadi tunjang utama walaupun undang-undang ini dibuat di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan.

Saya menyeru kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang berada di Dewan yang mulia ini untuk memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan khususnya kepada Menteri Dalam Negeri dalam merealisasikan undang-undang yang dibentangkan ini. Saya meminjam kata-kata Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tadi yang mengatakan bahawa kita boleh beza pendapat tetapi dalam

soal keselamatan negara, jangan ada pertelingkahan di kalangan kita. Akhir kalam, saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

4.09 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengambil inisiatif yang cukup-cukup bermakna demi kepentingan kesejahteraan, keharmonian dan kestabilan negara kita di dalam membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa sedikit, kalau terlebih masa tolong beritahu kerana saya hendak terangkan serba sedikit tentang apakah masalah kita yang sebenarnya. Saya telah mendengar hujah-hujah yang telah diberikan oleh rakan-rakan saya tadi dan saya perhatikan kita banyak yang tidak jelas dan tidak faham tentang betapa peritnya negara kita pada hari ini. Kita menghadapi satu suasana yang cukup getir. Kita menghadapi cabaran bukan sahaja dari dalam negara berbentuk dalaman tetapi yang lebih merumitkan cabaran-cabaran yang berbentuk *external*, luaran.

Kita dalam suasana era global ini membuatkan suasana lebih kompleks yang saya harapkan sahabat-sahabat saya di dalam Dewan ini memahami dan akhirnya bersetuju dan menyokong rang undang-undang ini, demi kepentingan anak cucu cicit kita pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin menyatakan perkataan *prevention* pencegahan ini penting. Ini dasar kerajaan negara kita, kita bukan bersikap untuk mengambil tindakan yang berbentuk primitif. Kita mempunyai satu cara iaitu *prevention*, kita cuba mencegah dan bukan itu sahaja saya dengar apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi terima kasih dengan jelas. Menjelaskan dalam rang undang-undang ini kita bukan sahaja cuba memperbaiki keadaan negara tetapi kita cuba membetulkan mereka yang kita tuduh tadi, bahkan mereka yang dituduh yang terlibat dalam isu ini kita akan bagi kaunseling. Kita akan memberi peluang dalam proses-proses pemulihan dan juga kita akan melihat daripada segi psikologinya. Mengapa perkara itu berlaku, mengapa pihak yang tertuduh itu mengambil tindakan-tindakan yang tidak patut diambil sebagai seorang rakyat Malaysia yang sayang negara kita.

Bercakap tentang isu ini, saya bersetuju dengan rakan-rakan saya tadi, kita bukan sahaja bercakap tentang IS. Kita menekankan aspek sesiapa sahaja yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan keganasan mereka perlu di pertanggungjawabkan. Kita juga menekan suasana kita pada hari ini, kita bukan sahaja bercakap daripada segi hak asasi tetapi juga kita bercakap daripada segi tanggungjawab.

Kita bertanggungjawab apatah lagi negara kita, *alhamdulillah*. Yang Berhormat semua negara kita ini kalau kita bandingkan dengan kebanyakan negara di seluruh dunia kita patut bersyukur. Dengan

keharmonian kita walaupun kita majmuk, dengan ekonomi kita masih anak cucu kita dapat makan dan minum, pakaian kita cantik, suasana kita cukup berbeza kalau kita berkesempatan melawat kebanyakan negara-negara di seluruh dunia termasuk negara-negara jiran.

Saya hendak terangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keganasan dalam aspek cabaran di peringkat global. Saya hendak terangkan terutama kepada sahabat-sahabat saya yang masih tidak memahami tentang aspek cabaran global ini. Bahkan saya mencadangkan, saya akan memberikan nama beberapa buah buku yang patut dibaca, bahkan baru-baru ini saya berkesempatan berbual dengan seorang penulis buku dari Amerika Syarikat dan telah menulis buku tentang kegiatan-kegiatan untuk menjahanamkan Islam di seluruh pelosok dunia yang bernama Ian Buchanan.

Saya berjumpa beliau dan berbincang, beliau mengatakan Ibrahim, kalau orang bukan Islam berbuat demikian saya tidak berapa marah tapi di negara *you* ini di Malaysia, orang Islam sendiri bersekongkol untuk menjahanamkan agama sendiri, bangsa sendiri. Buku ini contohnya, saya hendak terang tuan-tuan kerana bercakap tentang keganasan di Malaysia pada hari ini juga kita mengaitkan dengan hasutan.

Saya hendak kaitkan sedikit mengapa perkara berlaku terlampau teruk pada hari ini. Tiap-tiap hari kita melihat orang-orang bukan Islam menghentam orang Islam, orang Islam pun melawan balik, kenapa ia berlaku. Saya *quote* buku ini, ini yang sebenarnya berlaku ia buku, "*The Art of Deception*", by *Jerry D. Gray*, beliau mengatakan golongan ini sebenarnya menginginkan pergaduhan dan perpecahan antara umat Islam dan masyarakat beragama Kristian.

Golongan ini, apa yang berlaku di dunia pada hari ini ada satu kumpulan yang menginginkan supaya Islam dan Kristian bergaduh. Bahkan anak kepada Billy Graham yang bernama Franklin, "*The Third World War today is between the Muslims and the Christian*". Bahkan dalam buku satu lagi ini menegaskan betapa hubungan ini telah mengatakan, "*If the whole world wish war on Islam and Islam will slowly disappear, unless Islam converts itself.*"

Kita sebagai orang Islam Yang Berhormat kita faham itu amat selari dengan surah Al-Baqarah ayat 120. Ia mengatakan lagi, siapakah golongan ini? Tidakkah kita merasakan seolah-olah ada kerajaan lain dalam kerajaan Amerika Syarikat sepatut kita harus bertanya kepada kerajaan rahsia ini. Siapa yang melakukan serangan 911, kita menuduh Amerika Syarikat. Buku ini mengatakan ada *invisible hand* siapakah kerajaan itu. Bahkan Yang Berhormat sedia maklum ini setelah menjadi satu perkara yang telah dijelaskan oleh bahkan media-media Barat.

Serangan 911 bukan kita tidak boleh menuduh sepenuhnya kepada orang-orang Islam. Bukan Yang Berhormat buka *the latest* video pun ada. Dia dalam web kerana apabila *World Trade Centre* dirobhkan, ada 4,000 orang Yahudi yang sepatut datang bekerja pada hari itu tetapi tidak hadir. Bahkan tiga hari yang lepas, saya tengok sebuah video menerangkan dengan lebih jelas, dia kata tidak mungkin, tidak mungkin, tidak mungkin sebuah kapal terbang boleh merobhkan *World Trade Centre* dan hujahnya beliau bakal mencabar Amerika Syarikat, mencabar kalau *statement* dia salah kerana di bangunan itu

sebelum kapal terbang itu melanggar *World Trade Centre* telah diletakkan bahan-bahan *explosive*. Tidak mungkin sebuah kapal terbang boleh merobohkan bangunan yang besar.

Saya hendak katakan Yang Berhormat buku ini bertanya siapakah di belakang itu. Di sini beliau mengatakan di belakang itu kumpulan Zionis Yahudi. Bagaimanakah kaitan dengan orang Kristian? Yang Berhormat, Kristian bukan agama baru di negara kita. Di Sabah dan Sarawak telah lama di kampung saya pun ada dua *church*. Tidak ada hal. Tidak ada hal. Tetapi apakah yang sebenarnya berlaku? Dalam buku ini menerangkan semua buku ini menerangkan satu agama baru saya hendak jawab soalan sahabat saya tadi, di mana agama dan politik *dicombinekan*.

laitu agama baru yang dipanggil bahkan Yang Berhormat *please open* helenang.wordpress.com. Cukup jelas, Yang Berhormat akan faham apa yang saya katakan. Beliau mengatakan satu kumpulan Kristian *evangelical*. Kristian *evangelical*, "*The Armies of God: A Study in Militant Christianity*" by Ian Buchanan. Mana-mana agama yang bertujuan ganas mereka dianggap sebagai *terrorist*. *Christian*-bukan semua Kristian itu jahat, tetapi apabila agama itu bertujuan jahat apatah lagi agama ini telah juga dimasukkan unsur-unsur politik dan agama ini dikatakan satu agama antara Zionis dengan *Christianity* dipanggil *evangelical*, Yang Berhormat buka helenang.wordpress.com..

■1620

Bahkan Helen Ang mengatakan sebuah parti politik di negara ini pengikutnya *almost* 100%, mengikut fahaman *evangelical Christians*. Di dalam buku ini juga kata pada lima tahun lepas, "*One third of Members of Parliaments Singapore, PAP* adalah pengikut *Christian evangelical*." *The problem is* dia kata, "*The Christian evangelical now in Singapore is increasingly and strongly evangelical*". Maksudnya kalau setakat Kristian sahaja tidak ada hal, tetapi *when it becomes increasingly and strongly evangelical*, itu masalah besar.

Di Malaysia pun sama, mengatakan parti politik itu pengikut *strong believer in this new cult*. *I called it as cult, not as religion because religion* tidak berlaku benda ini. Helen Ang banyak menerangkan hujah-hujah ini, saya tidak mahu cakap parti apa. Itu sebab Ian Buchanan penulis buku ini bertanya saya, saya tidak faham orang Islam di Malaysia, Parti Islam di Malaysia bersekongkol dengan parti yang telah bersumpah kami akan menjahanamkan Islam di seluruh pelosok dunia. *Quote, unquote, this is the book*. Saya sempat bawa buku, saya suruh *driver* saya balik tadi ambil buku. Saya takut nanti orang soal saya.

Itu realitinya Yang Berhormat, pada hari ini apabila kumpulan ini *combinekan* fahaman Zionis dan *Christianity* dipanggil *evangelical*, mereka telah dapat mempengaruhi Kerajaan Amerika Syarikat dan Amerika Syarikat telah dipengaruhi. Itu sebab penulis buku ini kecil hati. Dia askar 17 tahun, bahkan terlibat dalam Iraq. Yang Berhormat, lihat bagaimana kejamnya, tidak adanya hak asasi. Askar-askar Amerika Syarikat menghina dan *torture* orang-orang Islam, dikencingkan dan ketawa ramai-ramai, Al-Quran dibaling dalam tandas, Al-Quran dikoyak-koyakkan jadi *football*. Askar perempuan Amerika ikat kepala orang Islam dan ditarik seperti anjing dan ketawa ramai-ramai. Kita tidak tahu, tetapi bukan semua orang Kristian jahat. Beliau ini orang Kristian, tetapi dia kata, "*This is not right*". Orang Islam tidak berdosa. Ini kerana banyak tindakan di Guantanamo tanpa ada langsung keadilan dan hak asasi. Mereka

dibunuh, mereka ditorture sesuka hati kerana buku ini mengatakan, “*The whole world will reach war on Islam*”. Mereka akan mencucuk bukan sahaja orang Kristian, bahkan orang agama lain.

Kita lihat di *Southern Thailand* apa berlaku kepada saudara-saudara kita yang mati seperti katak. Mati dalam van tanpa udara. Mati dalam sebuah kereta hendak pergi kenduri kahwin saudara, dibunuh atas tuduhan mereka disyaki sebagai *terrorist*. Kita lihat orang Islam di Myanmar, *the Rohingya*. Apa dosa mereka? Dosa mereka kerana mereka Islam. Ini kerana gerakan *evangelical* ini telah mempengaruhi satu parti politik di Malaysia ini, juga bertujuan jahat untuk menjahanamkan negara kita dan buku ini memberi *warning*. Saya baca sikit Tuan Yang di-Pertua, supaya kita faham. Kita sepatutnya bersama-sama dengan kerajaan kita mempertahankan kedaulatan negara kita. Ini kerana ada kuasa di luar ingin menjahanamkan negara kita. Ini kerana kita sebuah negara majmuk yang cukup harmoni, yang cukup aman dan tenteram.

Buku ini mengatakan bahawa Malaysia ini sebuah negara yang majmuk, sebuah negara Islam yang cukup moden, yang mempunyai teknologi sofisticated tetapi satu cara untuk menjahanamkan negara ini melalui perbezaan agama. Bukan sahaja antara agama Islam dan bukan Islam tetapi antara Islam dengan Islam, gunakan isu itu. Itu sebab pada hari ini puak-puak parti pembangkang tersebut, anak muda mereka menggunakan isu memberi provokasi setiap hari supaya kita melatah, supaya kita bergaduh kerana ini yang mereka hendak. “*The Armies of God: A Study in Militant Christianity*”, militan yang berlaku di Iraq, yang berlaku di Syria. Di samping *militant Christianity*, juga mereka mempunyai cara yang *psychological*. Kalimah “Allah” sebagai contoh. Yang Berhormat, kalimah “Allah” sebagai contoh. Saya hendak katakan, semua tertulis dalam buku ini.

Ini kerana supaya kita bergaduh dan kita yang tidak faham tentang *reality global politic*, kita menerima dan kita bergaduh sesama sendiri. Tidak ada sebab untuk kita bergaduh seperti sahabat saya kata tadi, kita sudah hidup rukun dan damai begitu lama. Tidak kira kita Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak, kita hidup cukup makmur. Kita bukan negara-negara mundur macam negara lain tetapi Malaysia sebuah negara yang cukup tegas. Bahkan untuk pengetahuan Yang Berhormat, Malaysia satu-satunya negara dalam dunia yang cap dalam pasport ia boleh melawat negara-negara lain melainkan Israel. Kita tegas.

Oleh sebab itu berlakunya IS Yang Berhormat. Oleh sebab IS ini berlaku yang sebenarnya mereka marah. Negara Amerika Syarikat dan Zionis membunuh orang-orang Islam tanpa sebab. Mereka marah, maka wujudnya IS untuk melawan balik. Bahkan buku ini juga mengatakan kalau Yang Berhormat pernah dengar *the concept one New World Order, New World Order* juga mempunyai tujuan yang sama untuk memastikan bahawa seluruh dunia ini adalah di bawah satu pentadbiran kerajaan yang dipelopori oleh Zionis dan Amerika Syarikat. Itu sebab Amerika mempunyai yang kuasa cukup besar, akan *dictate* kita kalau kita tidak ikut. Mereka pun menubuhkan IS. Kalau kamu boleh, kami pun boleh.

Saya hendak katakan Yang Berhormat, kalau saya tadi mengatakan *World Trade Centre* satu cara *the invisible hand* untuk membusukkan nama orang-orang Islam supaya kita bergaduh sesama sendiri, begitu juga dalam buku ini menerangkan yang berlaku di Bali. Dikatakan Bali dibom kerana

marah kepada Amerika Syarikat dan Yahudi. Buku ini mengatakan mengapa hendak bom Bali? Sepatutnya bom *Singapore*, sebab *Singapore*lah mempunyai Ibu Pejabat MOSAC dan Ibu Pejabat CIA yang terbesar di Asia. Jadi ini kita kena jelas, senario politik di peringkat global iaitu Malaysia satu-satunya negara yang masih tinggal aman. Negara-negara Islam lain telah satu persatu dijatuhkan. Buku ini mengatakan kami akan menentukan siapa yang akan menjadi pemimpin, siapa yang akan dibunuh, siapa yang akan terus hidup.

Kalau tuan-tuan tengok video 'Salam from Jerusalem' sebelum PRUKe-13, biasa tengok? Ia satu kumpulan daripada Jerusalem, puak *the evangelical* telah memberi tahniah kepada parti pembangkang, tahniah kepada kamu kerana kamu telah bersetuju untuk menerima Israel dan negara kamu pada hari ini, ia akan menjadi sebuah negara yang bukan Islam lagi. Saya hendak *quote* balik, minta maaf. Kalau Yang Berhormat masih ingat Jeff Ooi, walaupun menafikan tetapi saudara Razali Abdul Rahman membuat laporan polis. Dalam upacara kesyukuran, *dinner* kesyukuran anjuran Jeff Ooi di bawah Parlimen Jelutong. Mereka berpegang tangan bersama-sama dengan paderi. Apa kena mengena dengan paderi? Apa kena mengena dengan parti politik? Berpegangan tangan dengan paderi dari Sarawak dan beberapa orang wakil paderi dari luar negara, daripada kumpulan *evangelical*. Berpegangan tangan, kami bersumpah dengan nama tuhan kami, Malaysia akan menjadi negara Kristian dan Perdana Menteri adalah orang Kristian. yang Berhormat kena faham ini, walaupun dia menafikan tetapi beliau tidak pernah mengambil tindakan undang-undang terhadap saudara Razali Abdul Rahman.

Apa yang saya hendak katakan, buku ini mengatakan negara lain telah kita hancurkan, Saddam telah kita hancurkan, Gaddafi telah kita hancurkan, Syria, Iraq semua akan kita hancurkan. Ini kerja-kerja Yahudi, Zionis. Akan tetapi Malaysia satu-satunya yang tinggal yang masih aman, yang masih cantik, yang masih murni. Orang Cina masih tidak bergaduh, orang India masih tidak bergaduh dengan orang Melayu. Walhal selepas 13 Mei, ada satu teori, domino teori, mengatakan Malaysia akan hancur automatik. Akan tetapi dia hairan kita masih tidak gaduh, kita masih boleh bekerjasama, kita masih boleh berkasih sayang. Buku ini mengatakan satu sahaja cara yang tinggal, kamu gunakan isu agama. Kamu cucuk mereka.

■1630

Ya, supaya orang Kristian, orang Islam, orang *Buddhist*, orang Hindu akan bergaduh sebab isu agama memang isu yang paling kuat. Bukan sahaja antara agama tetapi antara Islam dengan Islam. Buku ini menerangkan bagaimana di Malaysia ini mereka menggunakan dua kumpulan di Malaysia untuk menjatuhkan, menjahanamkan negara ini. Untuk memecahbelahkan negara ini.

Satu, melalui parti politik yang saya katakan tadi. Perkataan yang mereka gunakan, melalui *the ethnic Chinese*. Kedua, mereka gunakan pemimpin-pemimpin Islam Melayu. Nama beliau pun ada dalam buku ini. Ada dalam ini. Hendak tahu nama dia? Anwar Ibrahim [*Ketawa*] Dalam buku ini ada. Saya bawa buku saya sebab saya takut kena *sue*. Saya bawa buku ini [*Ketawa*] Maksudnya ada dua kumpulan. Kumpulan tadi yang mana lain Buchanan tanya saya, saya tak faham orang Islam boleh sokong benda ini... [*Menunjukkan buku berkaitan*] Orang Islam di tempat kamu yang Parti PAS ini, kuat Islam,

kenapakah sokong benda ini? Dia tak tahu, dia tak baca kah? Puak ini sudah mengatakan, "*Kami akan menghancurkan kamu*".

Itu sebab Helen Ang, Yang Berhormat baca Helen Ang empat lima hari yang lepas, buka dia punya blog, dia kata parti tersebut *almost 100%* adalah *believer in Evangelical Christian*, bukan Kristian, *Evangelical*. Buku ini kata *Evangelical* ini bahaya, dan bersumpah "*Kami akan menjahanamkan kamu*". *The whole world wage war on Islam* dan saya setuju memang benda ini berlaku selepas 9/11 yang sebenarnya Yang Berhormat. Selepas 9/11 ini, pihak Zionis ambil kesempatan mencucuk Amerika Syarikat, itu sebab kawan ini marah. Keluar daripada jadi askar, *17 years* dalam askar, cabut lari ke Indonesia dan tulis buku ini dan *warning* orang Malaysia, "*Kamu jangan buatlah. Kamu sudah elok duduk itu, duduk elok-elok. Ya, kawan elok-elok. Cina, India, Melayu, kawan elok-elok. Jangan gaduh-gaduh. Sebab semua negara Islam sudah habis. Tinggal kamu sahaja seorang*".

Jadi Yang Berhormat, saya hendak katakan di sini, saya merayu. Terutama kepada sahabat-sahabat saya parti pembangkang. Kita kena sedar, kita kena insaf. Bahkan saya hendak kata kita kena bertaubat. Kalau kita sama-sama bersekongkol dengan parti-parti yang terlibat yang ditulis dalam buku ini, yang ditulis oleh Helen Ang, apakah hukumnya kepada orang Islam sendiri saya hendak tanya? Saya hendak tanya orang yang seagama dengan saya, sama-sama bersekongkol dengan parti yang hendak menjahanamkan negara ini. Tak perlu baca saya punya perkataan, baca Helen Ang cukup. Dia orang Cina ya. Kalau saya cakap, saya orang Melayu, mungkin tak percaya. Baca Helen Ang. Tiap-tiap kali Helen Ang menerangkan *Evangelical, Evangelical, Evangelical!* Helen Ang mengatakan DAP majoriti adalah *believers of Evangelical Christianity*. Sama juga PAP, 80% adalah *believers of Evangelical. Headquarters Evangelical* yang paling besar, paling hebat dalam dunia adalah terletak di *Singapore. Everything is written in this book.*

Yang Berhormat, saya minta kita sedar. Saya merayu kepada rakyat Malaysia yang lepas, lepas. ISA benda lepas. *No more ISA*. Kalau dahulu memang lah saya masih ingat, anak buah saya beberapa tahun yang lepas semasa ada ISA, disyaki curi motosikal. Budak umur 14 tahun, polis bawa ke balai polis, dia punya "*buah*" itu, kena tekan sampai menjerit-jerit budak itu. "*Telur*" dia kena tekan, di *torture*. Itu zaman dahulu. Sekarang tak boleh lagi sudah. Sekarang mana boleh. Sekarang kena tumbuk sedikit, kita akan ambil tindakan. Polis pun sudah tak berani. Polis menjadi lebih takut pada hari ini. *No more*. Kita bercakap daripada segi *new era*, kerajaan telah berjanji akan menjadi kerajaan yang terbaik kepada semua orang tidak kira siapa. Kita bagi peluang kepada kerajaan yang ada.

Saya hendak katakan, kalau daripada pembacaan buku ini, kalau parti lain, kalau bukan BN yang memerintah negara ini, saya hendak katakan kepada tuan-tuan, kita akan hancur. Kalau ikut apa yang ditulis dalam buku ini, kita akan hancur. Orang Melayu, orang Cina, orang India, Sabah, Sarawak kena faham ini. Hanya BN sahaja yang boleh mempertahankan keharmonian dan kestabilan negara ini, negara kita yang tercinta.

Yang Berhormat, saya merayu untuk kepentingan anak cucu cicit kita, marilah kita bersama-sama bekerjasama untuk memperkukuhkan lagi negara kita ini. Supaya kalau kita tidak ada pun esok,

anak cucu cicit kita dapat hidup dengan sempurna. Saya tidak boleh bayangkan dan saya tidak mahu mimpikan yang anak cucu cicit kita bergaduh sesama sendiri, berlainan ideologi, berlainan politik, bergaduh setiap hari, untuk apa? Kita hendak sebuah negara yang harmoni, yang stabil. Kita hendak semua rakyat Malaysia bersatu dan sama-sama mengukuhkan negara kita untuk kepentingan anak cucu cicit kita.

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

4.35 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillahi Rahman Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana sudi memberi ruang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 atau dikenali sebagai POTA dalam Dewan Negara yang mulia ini.

Kita sedia maklum bahawa tujuan rang undang-undang ini mencegah perlakuan atau sokongan bagi perbuatan keganasan yang membabitkan organisasi pengganas daripada sesuatu negara asing serta bagi kawalan terhadap orang yang terbabit dengan perbuatan sedemikian. Ia juga bertujuan memastikan, tiada individu terlepas daripada sebarang tindakan perundangan sekiranya mereka terbabit dalam kegiatan keganasan. Jelas kepada kita ialah POTA diperkenalkan untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan keamanan negara tidak diganggu gugat oleh pihak yang terbabit dalam aktiviti militan dan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali yang saya hendak bangkitkan dalam rang undang-undang ini ialah POTA ini adalah berbentuk pencegahan dan bersifat melangkaui sempadan atau dengan izin, *Extra-territorial*. Maksudnya ia bukan setakat dalam negara ini sahaja tetapi pencegahan itu melampaui ke peringkat antarabangsa. Jadi, jangan ingat seperti fasal 13, ada menyentuh soal kuasa memerintahkan penahanan atau sekatan mana-mana orang yang terlibat dalam melakukan atau menyokong perbuatan keganasan, membawa juga kepada implikasi kepada orang politik atau yang berasaskan parti politik semata-mata. Bukan begitu maksudnya kerana sudah pasti Rang Undang-undang POTA ini tidak berasaskan agenda politik. Cuma yang saya pelik, pembangkang begitu fobia dengan penahanan atau takut peruntukan yang ada penahanan terus tanpa perbicaraan yang tidak boleh dicabar di mahkamah. Malahan, untuk samakan POTA dengan ISA pun tidak boleh dibandingkan begitu sahaja. Saya percaya Rang Undang-undang POTA ini mempunyai asas-asas yang kuat apatah lagi untuk memerangi aktiviti keganasan.

Soalnya sekarang, kenapakah pihak tertentu atau pihak pembangkang begitu takut dan bimbang dengan POTA ini? Kalau kita tak salah, mengapa kita hendak takut. Saya ulang seperti kata-kata Yang Berhormat Datuk Abas, kalau kita tidak buat salah mengapa kita takut? Di bawah satu fasal di bawah

rang undang-undang ini ada menyebut suspek boleh ditahan sehingga 59 hari sebelum dibawa ke Lembaga Pencegahan Keganasan yang mana boleh dikenakan hukuman penahanan selama dua tahun. Soal sebegini penting kerana kita berdepan dengan pengganas. Sebarang tindakan mencegah secara drastik adalah sangat perlu.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham, kuasa membuat keputusan di bawah Rang Undang-undang POTA ialah sebuah Lembaga berbanding di mahkamah terbuka. Di samping itu, kuasa eksekutif tidak diberikan kepada Menteri Dalam Negeri, sebaliknya ke lembaga bebas dengan Pengerusi dan ahli-ahlinya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau tajuk atau topik itu sudah disebut, cuba Yang Berhormat pergi kepada yang lain ya sebab dia berulang-ulang itu agaknya buang masa.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tegaskan di sini, baru-baru ini ada kenyataan Majlis Peguam yang menolak Rang Undang-undang POTA. Perkara sebegini yang saya hairan, mengapa peguam yang hendak menolak rang undang-undang yang sebegini. Kita hendak tahu mengapa Majlis Peguam menolak yang kononnya mereka mendakwa yang POTA telah melanggar prinsip keadilan biasa dan menyamakan rang undang-undang ini dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Kediaman Terhad 1933, Akta Buang Negeri 1959, dan Ordinan Darurat 1969 yang telah pun dimansuhkan.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan kepada kementerian supaya siasat siapa Steven Thiru ini. Mungkinkah dia ini mempunyai kaitan dengan IS yang begitu nampak beria-ria menolak rang undang-undang POTA. Kita bimbang orang sebegini atau rakyat Malaysia sebegini yang tidak memandang jauh akan kepentingan rang undang-undang POTA diwujudkan dan kita tidak mahu rakyat Malaysia cetek minda.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan supaya polis menubuhkan pasukan khas dengan kadar segera bagi memerangi penyebaran propaganda kumpulan militan IS secara sistematik. Saya berharap di bawah pasukan khas itu perlu dianggotai pelbagai agensi termasuk polis, Jabatan Agama, Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Ketika ini saya lihat memang ada beberapa buah agensi yang berusaha memerangi kumpulan militan IS, namun, ia dilakukan secara berasingan.

Justeru itu, saya berharap ada kerjasama semua pihak perlu bagi memastikan pengaruh negatif kumpulan terbabit tidak terus dibiarkan meracuni fikiran masyarakat. Aspek pemantauan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang perlu diambil dengan segera oleh pihak yang berkaitan dengan isu ini seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang mempunyai kuasa di bawah akta masing-masing untuk mengambil langkah pemantauan, pencegahan serta tindakan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, menjadi kerisauan saya sekarang ini, ancaman pengaruh kumpulan pengganas serta militan bukan sahaja kepada golongan dewasa, malah, generasi muda yang masih belajar di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara dan anak-anak seusia anak saya di bangku sekolah. Apabila seorang pelajar perempuan berusia 14 tahun dilaporkan ditahan polis di lapangan terbang KLIA kerana dipercayai cuba menyertai kumpulan pengganas militan negara Islam (IS) di Syria, saya rasa tersentuh hati, saya rasa bimbang, saya rasa takut anak ini berusia 14 tahun masih lagi pelajar, pelajar perempuan yang berasal dari Muar, Johor dan belajar di pengajian tahfiz, pengajian agama di sebuah institut tahfiz di Shah Alam, Selangor.

Saya sebagai seorang ibu merasa amat takut dan bimbang dengan keadaan ini. Anak-anak seusia 14 tahun ini, yang masih belajar di bangku sekolah telah terpengaruh. Mengikut laporan, pelajar perempuan terbabit telah membuat persiapan yang rapi untuk melakukan satu perjalanan dari Syria menerusi Mesir dan pihak polis juga percaya gadis berkenaan terpengaruh dengan diayah yang diperoleh melalui *Facebook*. Tuan Yang di-Pertua, gadis ini merancang untuk berkahwin, berkahwin dengan seorang rakyat Malaysia yang sedang melanjutkan pelajaran di Mesir.

Jadi persoalannya, mengapakah kumpulan pelajar yang berada di IPT dan sekolah menjadi sasaran kumpulan terbabit? Jawapannya agak mudah. Mereka yang dalam lingkungan umur 13 hingga 25 tahun ialah golongan yang paling mudah dipengaruhi. Antara sebab lain yang saya ingin maklumkan kepada semua adalah kerana penggunaan media sosial bentuk baru seperti *Facebook*, *Twitter* dan lain-lain menjadi kelaziman dalam kehidupan seharian golongan terbabit. Bukan sahaja landasan media sosial menjadi saluran komunikasi utama kumpulan anak-anak muda, malah, ia juga sentiasa dianggap sebagai satu-satunya sumber oleh anak-anak kita sebagai sumber maklumat utama dan sah bagi mereka.

Di sinilah saya ingin menyeru, memohon kepada pihak SKMM untuk memainkan peranan supaya dapat membuat pemantauan kepada *Facebook*, *Twitter* dan lain-lainnya supaya anak-anak kita tidak terpengaruh. Tuan Yang di-Pertua, selain agensi dan NGO, peranan ibu bapa juga penting bagi membendung masalah yang membabitkan anak-anak kita daripada menjadi serius. Suka atau tidak, ibu bapa kini menggalas tanggungjawab besar untuk memastikan anak-anak kita menggunakan kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat ICT dengan cara betul serta selamat daripada sebarang pengaruh yang boleh merosakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri apabila saya sebut saya rasa bimbang. Saya mempunyai dua orang anak di IPTA, dua orang anak di sekolah berasrama, saya- untuk makluman, anak saya sudah berusia 21 tahun dan 19 tahun. Dua orang anak saya berada di IPTA dan dua orang berada di sekolah berasrama, saya tidak boleh untuk selalu bersama mereka dan hendak melihat keadaan mereka yang selalu menggunakan *Facebook* dan *Twitter*. Jadi, saya tidak mampu hendak kawal mereka. Oleh itu saya sangat menyokong RUU ini kerana bagi saya, RUU ini mampu untuk membantu rakyat Malaysia. Bak kata pepatah, 'mencegah lebih baik daripada merawat'.

Justeru, ibu bapa yang berada di rumah perlulah sentiasa memantau penggunaan internet oleh anak dan sentiasa peka jika ada perubahan ketara terhadap kelakuan karakter atau personaliti anak-anak mereka. Guru serta pihak pentadbir di universiti dan kolej juga berperanan membendung masalah terbabit dengan sentiasa memantau aktiviti dan program yang dijalankan oleh pelajar serta penuntut. Jika ada perkara yang meragukan, ia hendaklah dilaporkan kepada pihak berwajib dengan segera.

Di kesempatan ini, saya hendak ucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Dalam Negeri yang saya lihat banyak melakukan dan membuat taklimat POTA di IPTA-IPTA dan saya mohon, taklimat POTA ini haruslah diteruskan selalu di peringkat IPTA dan IPTS. Pada masa yang sama, pelajar atau penuntut yang disyaki, yang terlibat perlulah dihantar segera untuk kaunseling bagi proses penilaian. Pihak kerajaan boleh menguatkuasakan segala peruntukan berkaitan bagi membendung masalah terbabit daripada menular dan mempengaruhi kanak-kanak dan remaja seperti yang terdapat di dalam Kanun Keseksaan yang baru dipinda pada tahun 2012, yang telah mewujudkan kesalahan baru untuk menangani ancaman pengganas, sabotaj, pengintipan dan aktiviti yang mungkin dapat menjejaskan demokrasi berparlimen negara kita serta Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Dengan itu, saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Chong Sin Woon.

4.47 ptg.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk terus membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Saya terus kepada akta ataupun *bill* dan memberikan pandangan saya dan meminta jawapan dan penjelasan daripada Menteri.

Perkara pertama yang ingin saya sentuh adalah berkenaan dengan Bahagian II, fasal 3(2) iaitu persoalan ialah kenapa adanya perbezaan antara masa dan waktu apabila seseorang itu ditangkap? Fasal 3(2) mengatakan bahawa, *“Apabila seseorang ditangkap di bawah subseksyen (1), kes itu hendaklah dirujuk oleh pegawai polis kepada Pendakwa Raya untuk mendapatkan arahan tidak lewat daripada tujuh hari daripada tarikh penangkapan”*.

Akan tetapi dalam peringkat (3) *“Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) hendaklah, melainkan jika dilepaskan terlebih dahulu, dibawa tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan dalam mana-mana hal dalam masa dua puluh empat jam di hadapan seorang Majistret”*. Saya setuju kalau kita menangkap seseorang yang disyaki, kenalah cepat merujuknya kepada Majistret supaya hak seseorang itu dipelihara juga. Akan tetapi kenapa perlunya tidak lewat daripada tujuh hari apabila seorang pegawai polis dibenarkan untuk merujuk kepada Pendakwa Raya?

Di bawah fasal yang sama (4), apabila seseorang pegawai polis itu membuat penyiasatan, dia perlu membuatkan salinan laporan lengkap. Akan tetapi laporan itu tidak ada masa yang ditetapkan di

sini perlu disiapkan tetapi dalam apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Menteri. Maka, saya ingin hendak tanya, kalau tidak ada masa untuk diperuntukkan dalam fasal dan peringkat ini, maka terlalu longgar Menteri dapat memberikan masa.

■1650

Kita tak tahu sampai bila Yang Berhormat Menteri akan menetapkan masa untuk membuat laporan yang lengkap. Saya ingin membahaskan isu ini sebab banyak isu sudah dibahaskan. Maka, saya ingin melihat dari beberapa peringkat dari sudut bagaimana penjagaan kita kepada mereka yang ditangkap.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh di sini ialah berkenaan dengan tatacara di hadapan majistret. Saya menyokong tentang bahagian di mana tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya dan aktiviti politiknya. Saya rasa ini satu perenggan yang sangat penting supaya orang ramai dapat melihat bahawa POTA ini sememangnya diwujudkan khusus untuk kita menangani isu keganasan dan bukannya untuk penangkapan ahli-ahli politik. Dalam perenggan fasal 5 iaitu orang dalam jagaan hendaklah dibawa ke hadapan pegawai siasatan. Di sini dituliskan tiap-tiap orang yang direman dalam jagaan di bawah seksyen 4 hendaklah jika tidak dilepaskan terlebih dahulu, 'seberapa segera' yang boleh dibawa di hadapan seorang pegawai siasatan. "Seberapa segera" di sini satu ungkapan ayat yang terlalu longgar. "Seberapa segera" patut diberikan satu masa berapa hari, lebih sesuai supaya tidaklah kita terlonggar dalam akta ini. Perkara yang ketiga yang ingin saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan Lembaga Pencegahan Keganasan.

Di sini di bawah fasal 9(2), tiada seorang pun pegawai polis boleh dilantik sebagai pegawai siasatan. Maka, yang saya ingin tanya, pelantikan pegawai siasatan yang sangat penting ini kalau bukannya tidak boleh pegawai polis, siapakah yang akan dilantik? Apakah kriteria untuk dilantik menjadi seorang pegawai siasatan?

Di bawah fasal 10, kewajipan dan kuasa pegawai siasatan (3) yang mengatakan bahawa pegawai siasatan boleh bagi maksud mana-mana siasatan di bawah akta ini (a) mendapatkan dan menerima segala keterangan "dalam apa-apa bentuk". Apa maksudnya "dalam apa-apa bentuk"? Adakah pegawai siasatan ini mempunyai kuasa yang mutlak untuk mendapatkan segala keterangan dan maklumat-maklumat yang dikehendaki.

Di bawah fasal yang sama, (b) memanggil dan memeriksa saksi atas sumpah atau ikrar dan boleh bagi maksud itu mengendalikan apa-apa sumpah dan ikrar. Maksudnya, adakah mereka yang disyaki itu boleh mengambil sumpah di hadapan seorang pegawai siasatan ataupun pegawai siasatan ini boleh atau perlu membawanya ke hadapan seorang hakim atau majistret.

Perkara yang lebih mengejutkan saya pada fasal 4, perenggan 5 yang menyentuh tentang saksi. Perenggan 5 dibacanya begini, mana-mana orang yang dipanggil sebagai saksi di bawah subseksyen 3 yang tanpa alasan yang munasabah, tidak hadir pada masa dan di tempat yang disebut dalam saman itu atau, yang setelah hadir enggan menjawab mana-mana soalan yang dikemukakan kepadanya dengan sah atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda yang ada dalam kuasanya untuk dikemukakan,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya.

Jadi, kalau seseorang itu dijadikan sebagai saksi, kalau saya faham dengan perenggan ini, saksi itu dihukum seperti dia penjenayah. Kalau dia tidak dapat hadir dalam tempat dan tarikh yang ditetapkan atau pun dia enggan menjawab soalan, maka dia akan dihukum penjara enam bulan atau RM2,000 atau kedua-duanya. Kenapa adanya di sini saksi yang sepatutnya membantu untuk penyiasatan, menjadi boleh dihukum begini? Mereka juga tidak boleh diwakili oleh peguam. Saya minta penjelasan sedikit tentang ini.

Dalam perenggan 8 menyatakan bahawa Menteri boleh melalui peraturan-peraturan menetapkan elaun yang kena dibayar kepada saksi yang dipanggil di bawah subseksyen 3. Adakah ini bermaksud Menteri boleh memberikan wang ringgit yang seberapa yang ditetapkan sendiri oleh Menteri untuk kita memberikan kepada saksi? Adakah ini satu praktis yang biasa dalam perbicaraan sebelum ini ataupun boleh dilihat sebagai suatu rasuah yang diberikan kepada saksi untuk membantu kes ini?

Perkara yang seterusnya, adalah berkenaan dengan kajian semula kehakiman atas tindakan atau keputusan perlembagaan di bawah fasal 19. Di Malaysia ini kita mempraktikkan sistem pembahagian kuasa di mana kita ada bahagian eksekutif, perundangan seperti Parlimen dan kehakiman. Akan tetapi dalam fasal ini tidak membenarkan sebarang kajian semula kehakiman (*judicial review*). Sekiranya berlakunya kes-kes di mana seseorang itu dilihat sebagai ditangkap, dihukum ataupun dituduh tanpa satu *concrete evidence*, dengan izin, apakah pilihan seseorang itu untuk mendapatkan keadilan ataupun pembelaan? Sekiranya kehakiman itu ditarik, tidak dibenarkan untuk dibantu kepada mereka yang tersabit dalam kesalahan?

Perkara yang terakhir yang ingin saya dapatkan penjelasan ialah dalam fasal 31, pengambilan gambar foto dan cap jari. Fasal 31, perenggan 1 berbunyi, "seseorang pegawai polis boleh mengambil atau menyebabkan supaya diambil gambar foto dan cap jari mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen 3(1) atau yang namanya dikehendaki dicatat dalam daftar di bawah seksyen 22 dan hendaklah menghantar gambar foto dan cap jari itu kepada pendaftar untuk pengenalpastian dan laporan dan tiap-tiap orang sedemikian adalah terikat di sisi undang-undang supaya patuh kepada pengambilan gambar foto dan cap jarinya dan boleh dipaksa bagi maksud itu dengan menggunakan kekerasan jika diperlukan.

Apakah maksud boleh dipaksa dan menggunakan kekerasan? Sampai tahap apa kekerasan yang dibenarkan? Adakah boleh sampai menyebabkan kecederaan kepada orang daftar tersebut? Mereka yang enggan berbuat demikian boleh dihukum selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya. Soalan yang sama, adakah ini praktis yang biasa dalam penyiasatan sekiranya tidak memberikan foto dan cap jari selain daripada penggunaan kekerasan ini, termasuk hukuman penjara enam bulan dan RM2,000?

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya timbulkan di sini bukan bermaksud saya tidak menyokong *bill* ini. Kita sedar bahawa memang ancaman IS ataupun ancaman keganasan sudah

menjadi fenomena antarabangsa. Malaysia dan negara-negara ASEAN memang tergolong sebagai negara yang terancam. Akan tetapi apabila kita sebagai penggubal undang-undang, kita perlu melihat teliti apabila adanya undang-undang yang diluluskan di Dewan yang mulia ini sama ada ia dalam masa memelihara keamanan negara, juga pada masa yang sama memelihara hak individu. Oleh sebab kita pada suatu hari nanti mungkin juga sama akan terlibat, mungkin yang digunakan oleh akta ini. Bukannya kata kalau kamu jangan takut kalau kamu tak buat, bukannya dari situ. Kita patut adakan satu akta yang memelihara dari semua pihak, dari semua aspek. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

■1700

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir.

5.00 ptg.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Banyak telah diperkatakan oleh Senator-senator sebelum saya dan saya hanya akan pergi kepada beberapa point yang saya fikir perlu diketengahkan dan seperti yang kita maklum bahawa Malaysia bukanlah berada di satu tempat yang tidak bersempadan. Ertinya kita tidak terasing. Kita berada dalam sebuah masyarakat internasional ataupun komuniti internasional.

Lebih daripada itu Malaysia juga merupakan anggota kepada PBB atau *United Nations* yang mana terakhir, mutakhir kita telah terpilih sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan PBB. Ertinya kita sudah diangkat kepada satu tahap yang lebih tinggi selain daripada menjadi anggota kepada badan-badan *internasional* yang lain.

Sebentar tadi Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin telah memetik resolusi *United Nations Securities Council Resolution 2178* dan saya tidak mahu membacanya. Cuma saya ingin menyebut di sini dengan izin, bahawa antara lain dalam resolusi *United Nations Securities Council* ini saya petik, dengan izin, "*In formulating any new anti-terrorism legislation, the government should abide by any give effect to the United Nations Securities Council Resolution 2178 to took quotation*" dan sebagai anggota tidak tetap ertinya Malaysia juga tidak dapat tidak akur, kena akur dengan resolusi ini.

Ertinya apabila kita menggubal undang-undang *anti-terrorism* ini kita kena mengambil kira bacaan awal resolusi tersebut seperti yang telah pun dipetik dari awal. Saya ingin pihak yang berkenaan mengambil iktibar daripada resolusi ini jika tidak nanti kita akan dilihat sebagai semacam ada *double standard*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin terus pergi kepada beberapa fasal dalam rang undang-undang ini. Pertamanya fasal 4 berhubung dengan tatacara di hadapan majistret tetapi dalam fasal yang lain kita menyebut tatacara, bukan tatacara tetapi hendaklah dibawa di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen. Saya ingin menyatakan bahawa mengapa ada perbezaan itu. Sepatutnya kalau ada Mahkamah Sesyen di sini juga Mahkamah Sesyen. Ertinya mengangkat, menunjukkan bahawa begitu besarnya dan pentingnya hal ini. Itu yang pertama.

Keduanya ialah di bawah fasal 3 seseorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan yang menjustifikasikan siasatan diadakan mengenai kes orang itu berada di bawah akta ini. Ini merupakan satu hal yang perlu diberikan perhatian. Ertinya seorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran. Kalau biasanya penangkapan mestilah dibuat dengan waran tetapi dengan adanya akta ini dia tidak payah waran. Persoalannya sekarang ini kita tahu banyak juga kedapatan yang kumpulan yang menyamar sebagai pegawai penguat kuasa.

Kalau misalnya ada sesuatu perkara yang kita bimbang akan berlaku, maka hal ini perlu diberikan perhatian. Mungkin ada yang menyatakan bahawa ya, kalau hendak tangkap mesti tanya dahulu sama ada pegawai yang menangkap itu ada identifikasi tetapi kita maklum dalam zaman sekarang ini identifikasi itu boleh dibuat.

Perkara ketiga Tuan Yang di-Pertua adalah berhubung dengan soal pegawai yang membawa orang yang ditangkap itu di hadapan Majistret. Kalau mengikut fasal 4(1)(a) ia menyatakan pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor. Mengapa misalnya kita tidak cadangkan supaya pegawai yang tidak rendah dari Superintenden untuk- ini fasal bukan untuk satu perkara yang remeh, ini perkara yang berat, ini perkara yang serius. Jadi maknanya bukan Inspektor, paling tidak superintenden misalnya sebagai contoh.

Saya juga ingin mendapat tahu jika sekiranya seseorang itu ditangkap apakah peluang beliau untuk memaklumkan hal penangkapan itu kepada keluarganya. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam rang undang-undang ini di manakah peluang untuk orang yang ditahan itu memaklumkan paling tidak kepada keluarganya bahawa dia ditahan. Sama ada dia salah atau tidak itu satu hal yang lain tetapi setidaknya-tidaknya keluarganya mengetahui bahawa dia telah ditangkap atau dia telah ditahan di bawah undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sama juga dengan apa yang telah baru disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi yakni di bawah fasal 19 berhubung dengan kajian semula kehakiman atas tindakan atas keputusan Lembaga. Dalam teks Bahasa Melayu jelas tetapi saya fikir teks dalam Bahasa Inggeris itu menyebut ‘...*judicial review of act or decision of the board*’ dan dia mulakan dan saya petik dengan izin, “*There shall be no judicial review...*” dan pada Fasal 19(2), “*In this Act, “judicial review” includes proceedings instituted by way of...*”, antara lain *mandamus, prohibition, certiorari, application for declaration or an injunction, writ of habeas corpus* dan sebagainya. Jadi maknanya tidak ada *judicial review*. Kalau dahulu di bawah undang-undang yang telah dimansuhkan iaitu ISA, ada kes yang dibawa ke mahkamah di bawah *habeas corpus*. Misalnya kes Mendiang Karpal Singh yang ditahan di bawah ISA dan dia bawa kes ini di bawah *habeas corpus* dan menang di Mahkamah Tinggi.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua beberapa persoalan ini perlu dijelaskan dan alangkah baiknya kalau perkara ini dapat dirujuk kepada Jawatankuasa Khas Parlimen untuk melihat aspek-aspek yang telah pun disebut oleh rakan-rakan tadi supaya undang-undang ini boleh dipertahankan. Terima kasih.

■1710

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

5.10 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 atau POTA. Tahniah kepada pihak kementerian atas inisiatif kerajaan membentangkan Rang Undang-undang POTA ini selaras dengan senario semasa di mana dunia telah digemparkan dengan gerakan militan dan ekstremis *Islamic State* yang telah memberi kesan sedikit sebanyak pada Malaysia. Malah beberapa buah negara telah pun mengambil beberapa langkah menggubal undang-undang bagi menangani ancaman keganasan seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan juga Indonesia.

Sebagai contoh Amerika Syarikat telah menggubal rang undang-undang ini bagi menangani isu ini dengan mewujudkan *Patrol Act 2011*. Selepas kewujudan IS ini, masyarakat antarabangsa telah mengambil langkah segera bagi menetap dengan mewujudkan undang-undang anti pengganas untuk menangani ancaman ini setakat ini ialah Amerika Syarikat, *Britain*, Australia termasuklah negara kita Malaysia. Dalam kalangan negara ASEAN pula seperti Myanmar, Brunei dan Filipina telah pun mempunyai undang-undang khusus untuk menangani ancaman keganasan ini.

Selaras dengan resolusi 2178 bertarikh 24 September 2014 yang diluluskan di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dan selaras dengan Kertas Putih yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 2 November 2014, maka RUU ini telah dibentangkan. Saya sangat menyokong RUU ini. Rang undang-undang ini mempunyai Bahagian I dan Bahagian II yang menyebut tentang penangkapan dan memperkatakan langkah-langkah keselamatan sebelum disiasat. Bahagian III yang memperkatakan siasatan.

Bahagian IV yang menyatakan tentang perintah tahanan dan sekatan dan akhir sekali Bahagian V yang memperuntukkan hal am dan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bercakap panjang mengenai dengan hal ini kerana rang undang-undang ini memang penting dan baik dan patut diluluskan malah kalau boleh tidak payah dibahaskan kerana kita sedar keganasan-keganasan yang berlaku ini melampaui hak-hak manusia. Mereka yang terlibat dengan keganasan seperti IS ini telah tidak diiktiraf hak manusia malah mereka menganggap kalau individu atau masyarakat atau negara ataupun pemimpin atau tidak bersama dengan ideologi mereka, maka mereka anggap ia jihad. Islam tidak mengajar manusia bersikap demikian. Islam mengajar manusia menghormati sesama masing-masing.

[Membaca sepotong ayat Al-Quran]... Siapa yang tidak mengasihi saudaranya, Allah tidak akan mengasihi kita. Allah jadikan pelbagai kaum dan bangsa atau hidup bersama saling hormat-menghormati dan memahami hak dan tanggungjawab masing-masing. Kebebasan di dalam Islam itu bukan bersifat

mutlak kerana Islam agama yang sangat dekat dengan nilai-nilai murni, kemanusiaan, hak itu datang bersama tanggungjawab dan kita boleh bercakap apa yang kita suka tetapi kita ada tanggungjawab untuk memastikan kita tidak menyebabkan huru-hara berlaku di negara kita. Kita mempunyai tanggungjawab untuk jaga kedaulatan negara. Pembangkang kena belajar lagi fasal hak dan tanggungjawab itu. Mereka sibuk cerita *freedom, freedom* tapi ada mereka kisah fasal tanggungjawab?

Tuan Yang di-Pertua, saya terus ingin merujuk kepada POTA ini yang menerangkan prosedur-prosedur penangkapan dan dibawa kepada majistret. Sesungguhnya kita perlu ada undang-undang yang boleh menangani jenayah keganasan ini mengikut edaran masa dan kaedah. Sekarang jenayah banyak berlaku melalui media massa dan cepat, jadi pencegahan juga perlu pantas dan efisien. Meskipun begitu, Bahagian II undang-undang ini amat tepat dengan senario bentuk jenayah keganasan semasa. Difahamkan IS ini mempunyai 3,000 *cyber troopers* yang mampu mempengaruhi pelbagai umur terutamanya remaja dan kanak-kanak melalui media massa dan keadaan inilah perlu dihadapi oleh negara kita dan pihak berkuasa.

Seterusnya di Bahagian II berkaitan dengan siasatan. Saya mencadangkan agar Lembaga yang dilantik tersebut bagi peluanglah kepada wanita kerana saya lihat jumlah tangkapan IS ini sebahagiannya wanita dan kanak-kanak dan saya percaya sentuhan ahli lembaga wanita perlu juga. Saya percaya wanita yang memenuhi syarat pelantikan ahli lembaga yang mempunyai kelayakan undang-undang dan pengalaman 15 tahun juga ramai. Begitu juga dengan pelantikan Pengawal Pegawai Siasatan. Memandangkan jawatan ini sangat penting dan mencabar, diharap mereka yang dilantik sebagai pegawai siasatan perlu pakar dalam bidang-bidang yang tertentu dan diharap mereka ini mestilah mendapat latihan yang mencukupi dalam bidang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan Bahagian Empat. Peruntukan mengenai perintah tahanan dan sekatan. Peruntukan ini memberi kuasa kepada lembaga sama ada memerintah tahanan ataupun sekatan kepada pesalah. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada peruntukan 27 yang menyentuh tentang pesalah pihak lain yang melindungi pesalah. Di sini kita memohon agar kerajaan dapat menguar-uarkan tentang undang-undang ini pada rakyat dengan sewajarnya. Kita mahu rakyat mengetahui tentang undang-undang ini secara tepat dan terperinci agar undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan berkesan.

Seterusnya saya mohon agar pesalah-pesalah wanita yang ditahan diberi layanan yang sewajarnya. Begitu juga bagaimanakah proses pemulihan pesalah-pesalah yang ditahan dalam tahanan ataupun sekatan ini? Adakah pihak kerajaan akan bekerjasama dengan agensi lain seperti Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, JAKIM dan sebagainya bagi memberi kaunseling dan sebagainya kerana kita difahamkan mereka yang dipengaruhi dengan fahaman ekstrem seperti IS ini mereka seolah-olah lupa diri. Malah sanggup menjadi pengebom berani mati serta berhati kering hingga mampu sembelih orang tanpa belas kasihan. Mereka ini sakit daripada segi psikologi dan perlu ditangani secara profesional.

Satu lagi saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkataan yang digunakan dalam rang undang-undang ini. Kita berharap pihak berkenaan dapat menggunakan bahasa Melayu yang sebaik mungkin. Saya rasa kalau ditukar perkataan “*mengcancel*” yang diguna dalam seksyen 13(4) digantikan “membatalkan”, rasanya lebih Malaysia lagi dan Tuan Yang di-Pertua saya tidak berhajat untuk meneruskan perbahasan ini. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

■1720

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

5.20 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih kerana diberi peluang ikut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Saya menyokong kewujudan akta ini supaya kita mempunyai satu undang-undang khusus yang tegas bagi membanteras aktiviti keganasan yang semakin menular.

Sejak ISA dan Ordinan Darurat yang mempunyai elemen tegas mencegah keganasan dihapuskan, kita dapati kejadian keganasan dan jenayah makin meningkat. Kerajaan patut menjelaskan peratus peningkatan kes-kes jenayah dan keganasan sejak kekosongan yang ditinggalkan oleh ISA dan Ordinan Darurat.

Ini mustahak bagi menunjukkan peri pentingnya undang-undang baru seperti POTA ini diwujudkan demi keamanan negara. Jika dibiarkan tanpa undang-undang baru yang tegas dan bersifat mencegah, tidak mustahil Malaysia akan menjadi sebuah negara yang dianggap tidak selamat untuk didiami dan dikunjungi. Ini amat teruk padahnya kepada masa depan negara.

Keperluan mendesak Undang-undang Pencegahan seperti POTA ini lebih-lebih lagi dirasakan bila kini muncul pula satu ancaman keganasan bentuk baru daripada kumpulan militan IS sebagaimana terdapat dalam Kertas Putih yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sidang Parlimen Ketiga Belas pada 23 November 2014.

Tadi Tuan Yang di-Pertua telah terangkan, saya rasa, dengan panjang lebar. Ini saya rasa kerja-kerja Yahudi kerana Yahudi ini dalam Al-Quran juga Tuhan berfirman... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yahudi dan Nasrani ini dia tidak akan berdiam diri sehingga kita semua mengikutnya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah sedikit, Yang Berhormat?

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Ya, sila.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak terangkan perkataan daripada surah Al-Baqarah itu, Yahudi dan Nasrani. Jangan salah faham. Dia tidak

kata Yahudi atau Nasrani, dia kata Yahudi dan Nasrani. Bukan semua orang Yahudi jahat, bukan semua orang Kristian jahat, banyak yang baik. Akan tetapi perkataan Yahudi dan Nasrani, bukan “atau”.

Yahudi dan Nasrani ini Tuan Yang di-Pertua, dalam buku ini menjelaskan cukup *clear*, cukup terang... [*Menunjukkan sebuah buku*] Maksudnya ini ialah satu gerakan agama yang cukup benci kepada Islam, *combination* antara Yahudi dan Nasrani. Bukan Yahudi, bukan Nasrani tetapi Yahudi dan Nasrani. Itu kena faham sebab saya tidak mahu sahabat-sahabat daripada agama Kristian salah faham. Iaitu apabila *dicombinekan* agama Yahudi dan Nasrani dan telah bersumpah untuk menghancurkan Islam, itu dia. Ini buku ini... [*Sambil menunjukkan sebuah buku*] *I can quote from the book*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menyokong saya.

Sebagai pemimpin, sama ada kerajaan atau pembangkang, kita seharusnya sama-sama bertanggungjawab memastikan negara ini bebas daripada sebarang bentuk keganasan dan POTA adalah salah satu daripada jawapannya. Janganlah pihak kerajaan sahaja berhempas pulas, berikhtiar untuk mewujudkan iklim negara yang aman dan harmoni tetapi pihak pembangkang di sebaliknya. Kita bertanggungjawab dalam mencorak dan menyediakan masa depan yang selamat untuk generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, elemen penting yang mencirikan POTA ialah mencegah, bukannya menghukum. Mencegah adalah lebih berkesan daripada bertindak setelah sesuatu berlaku. Apakah kita mahu melihat misalnya KLCC ataupun KLIA diletupkan oleh pengganas terlebih dahulu baru kita hendak ambil tindakan? Apakah setelah anak muda kita terlibat dengan keganasan, setelah nasi menjadi bubur baru tindakan hendak diambil?

POTA sebenarnya mencerminkan ketelusan dan keterbukaan kerajaan. POTA tidak sewenang-wenangnya boleh digunakan untuk menahan seseorang kerana fahaman politik. Kuasa mutlak Menteri untuk menahan dipinda pada Lembaga Pencegahan Keganasan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Pada masa yang sama, ada unsur kemanusiaan di mana orang yang ditahan boleh menemui waris dan boleh mendapat khidmat peguam masing-masing. Maka marilah kita sama-sama menyokong rang undang-undang ini. Janganlah kerana bimbang dan takut kepada bayang-bayang sendiri maka akta ini dipersenda dan dicemuh dengan pelbagai gelaran, misalnya Akta ISA 2 sebagai gelaran ataupun akta larut malam kerana habis pada jam 4.00 pagi dan pelbagai lagi.

Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Sekian, *Wabillahitaufik wasssalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh*, Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman.

5.26 ptg.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terlibat dalam menyokong rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015.

Ancaman penganas ke atas Malaysia khususnya Sabah telah lama wujud. Mereka berusaha untuk berjuang untuk mengeluarkan Sabah dari Malaysia. Faktor geografi Sabah sendiri yang berjiran dengan negara jiran menjadi sasaran kepada ancaman keganasan. Jika diimbaz kembali, kita telah dikejutkan dengan insiden di Lahad Datu dan Semporna yang memaksa kita untuk menggunakan kuasa ketenteraan. Seramai 10 orang anggota keselamatan telah terkorban. Setakat hari ini, seramai 31 orang telah ditangkap di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) atau SOSMA 2012.

Umum juga mengetahui bahawa kumpulan penganas ini telah menjadikan tempat-tempat tertentu di Sabah sebagai transit bagi kumpulan mereka untuk menyeludup senjata dan menjalankan aktiviti-aktiviti jenayah dan keganasan. *Alhamdulillah*, dengan tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa, kita dapat melumpuhkan niat mereka. Ada antara mereka telah pun diambil tindakan dan dihadapkan ke muka pengadilan. Umum sedia maklum, pada masa ini mereka sedang dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu. Sesungguhnya, mereka ini bukanlah pejuang tetapi berhasrat untuk menakluki Sabah. Mereka ini tidak mengenal sesiapa dan sanggup membunuh pihak keselamatan dan rakyat tempatan. Mereka bertindak di luar kawalan dan mencabar sistem pemerintahan negara. Perbuatan mereka ini satu perbuatan yang ganas dan tidak bertanggungjawab.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana berjaya dalam menetralkan para penganas Sulu ini dengan program-program pemulihan yang dijalankan kepada mereka ketika mereka sedang menunggu perbicaraan dan ada di antara mereka yang telah dijatuhkan hukuman penjara.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

■1730

Ada di antara mereka yang telah dijatuhkan hukuman penjara. Saya juga dimaklumkan bahawa ada di kalangan penganas ini yang mengaku mereka berjuang kerana ingin menubuhkan negara Islam. Ini kerana mereka terpengaruh dengan perjuangan kumpulan mereka yang berlandaskan kepada ajaran agama yang terpesong. *Syukur Alhamdulillah*, semasa mereka menjalani hukuman penjara yang lama, mereka telah mendapat pendidikan agama Islam yang sebenar dan mempunyai masa untuk bermuhasabah diri dan insaf di atas segala perbuatan kejam mereka sebelum ini.

Berbalik kepada ancaman militan *Islamic State* (IS) ia merupakan ancaman baru. Bukan sahaja ke Malaysia tetapi kepada dunia keseluruhannya. Mereka sanggup untuk membunuh sesiapa sahaja jika mereka tidak mengikut telunjuk perjuangan mereka. Mereka bukan sahaja sanggup membunuh orang Islam tetapi juga kepada bukan Islam. Sabah juga tidak terlepas daripada cengkaman ancaman

kumpulan ini apabila ada di antara pengikut-pengikut militan IS ini mengibaratkan untuk merekrut rakyat Malaysia khususnya.

Oleh itu, saya menggesa kerajaan untuk memastikan keamanan khususnya negeri Sabah dan Malaysia pada amnya yang dikecap selama ini terjamin sepenuhnya. Walaupun undang-undang pencegahan dikatakan mengeneipkan batas kemanusiaan, namun melihat kepada situasi semasa saya mencadangkan supaya kerajaan melihat segala ancaman ini secara holistik demi menjamin keselamatan, ketenteraman dan kedaulatan negara Malaysia.

Ancaman pengganas ini tidaklah hanya terhadap rakyat Semenanjung Malaysia tetapi juga kepada rakyat Sabah dan Sarawak yang ternyata terdedah kepada ancaman keganasan daripada pengganas-pengganas yang berpangkalan di sempadan Malaysia. Saya mencadangkan supaya kerajaan memperketat semua kawalan di pintu-pintu masuk utama yang diwartakan dan juga pintu-pintu masuk yang haram yang sering dikatakan ialah lorong-lorong tikus.

Sebagai contoh, kawasan keselamatan khas Timur Sabah ataupun ESSCOM yang merangkumi lebih kurang 1,400 kilometer panjangnya dari Kudat sehingga ke Tawau telah diwujudkan bagi menguatkan lagi keselamatan maritim di kawasan tersebut yang bersempadan dengan negara jiran. Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim. Silakan Yang Berhormat.

■5.34 ptg.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya ini berbahas yang penghujung. Ibarat pergi kenduri makan yang hujung, tak ada lagi lauk cuma tulang-tulang yang ada. Jadi saya cubalah untuk terus kepada perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015.

Apa yang saya mendengar semua tadi perbahasan sahabat-sahabat Yang Berhormat sekalian. Cuma POTA 2015 ini bukanlah roh daripada ISA 1960. Itu sangat penting. Di atas inilah ada beberapa pihak yang merasa risau, bimbang, takut dan sebagainya kerana ISA ini membawakan sampai ke hari ini. Sampai dua tahun tidak mengaku, tambah lagi dua tahun tidak mengaku dan akhirnya enam tahun. Jadi akta ini pun, kalau tahanan dua tahun itu masih tidak cukup, kita boleh buat pindaan dalam rang undang-undang supaya diletakkan tiga tahun. Jadi itu yang saya hendak sebut.

Keduanya soal sebenarnya kita sudah terlalu terlewat kalau dibandingkan dengan isu yang berlaku. Kita tahu bahawa telah banyak nyawa yang terkorban. Di Malaysia ini bukan kurang hebatnya kerana pakar berani bom lahirnya di Kluang, Johor iaitu Nordin Mat Top yang seorang pelajar yang cukup hebat dilahirkan dalam suasana keluarga yang sederhana, pendidikan agama pun bagus dan duduk di sekolah asrama penuh dan menjadi pensyarah di UiTM dan juga pernah menjadi guru agama.

Jadi kalau kita lihat latar belakang Nordin Mat Top ini memang seorang yang hebat dilahirkan pada tahun 1968. Kenapakah beliau ini terjebak dalam keganasan militan IS ini? Ini kerana mahukan

menuju ke syurga begitu cepat, hendak mati syahid. Beliau ini telah pun dikehendaki di Indonesia kerana beliau telah mengebom kawasan pusat hiburan di Bali dan membunuh 200 lebih nyawa. Manakala di Marriot pada tahun 2003, telah juga mengebom sebanyak dua kali.

Jadi orang yang hebat yang sebegini rupa telah mencipta bom yang cukup kuat yang boleh membunuh ledakan membunuh 200 lebih nyawa. Kalau kita lihat peristiwa itu berlaku sehingga ke hari ini. Kita sudah lewat. Sebenarnya kita hari ini baru membincangkan rang undang-undang untuk mendapatkan kelulusan Dewan Negara baru kita laksanakan. Jadi langkah-langkah yang sebegini rupa kerajaan ataupun KDN perlu memikirkan tindakan sini tidak perlu ambil masa yang panjang. Kalau kita lihat tadi kita dengar pembahas juga menyebut berapa ramai rakyat kita sudah berada di Syria? Hampir 75 orang. Yang mati 10 orang. Yang hidup ini kalau dia balik di Malaysia ini apa dia buat?

Kalau tidak ada pencegahan, pastinya 75 orang ini boleh memusnahkan negara dan yang sangat merisaukan kita kalau 75 orang ini berjaya mencipta bom yang cukup dahsyat, boleh memusnahkan KLCC, memusnahkan Putrajaya dan memusnahkan masjid, surau dan sebagainya. Langkah-langkah ini perlu kita menyokong POTA ini dilaksanakan. Ini kerana POTA ini ada, mereka yang berasa takut. Saya tak faham. Kalau kita hendak negara kita yang berdaulat ini kita pertahankanlah negara yang berdaulat, kepentingan negara itu lebih penting daripada kepentingan politik yang sempit.

Kalau kita tidak bersetuju dalam soal itu, apakah undang-undang yang boleh kita buat mencegah keganasan? Soal mencegah ini adalah lebih baik daripada mengubati. Kalau sudah parah, hendak mencegah sudah tidak sempat. Kalau kanser, jawabnya kita akan potong kaki. Begitu juga yang penyakit kencing manis sebab kita sudah terlewat. Pencegahan ini saya melihat satu langkah kerajaan yang cukup dan amat baik. Tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang mengatakan saya tidak sokong POTA ini.

Mereka yang tidak sokong ini kenapa? Adakah mereka terlibat dalam IS, Militan IS ini? Atau pun mereka mahukan melihat negara kita berada dalam keadaan yang tidak tenteram? Kucar-kacir dan akhirnya berlaku pelbagai pergolakan dan mungkin banyak nyawa yang terkorban. Kita lihat sahajalah apa yang berlaku di Yaman, di Syria. Keadaan ini menakutkan kita. Mana mungkin dulu kita pun tahu orang Melayu yang berbudi bahasa, bertamadun yang baik, ada segelintir mereka ini sanggup membunuh tanpa belas kasihan. Mahu memancung kepala.

■1740

Patutnya mereka lagi takut kerana gerakan ini kita lihat dia ada satu macam keadaan yang tidak kisah apa. Kalau bom hendak meletup pun, dia kejar bom itu supaya bom itu kena pada dia dan dia mati syahid. Inilah sebenarnya kerisauan, kebimbangan yang kita perlu perbahaskan di sini dan tidak ada sebab kenapa kita menolak rang undang-undang tersebut.

Saya juga memikirkan bahawa ada penambahbaikan yang perlu kita buat kerana mengikut pelantikan Lembaga ini, mengikut perkara "8(1) - *Suatu Lembaga Pencegahan Keganasan ditubuhkan yang terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong*". Ini, kerisauan mereka ini kerana merasakan pihak polis berada di dalam Lembaga tersebut. Jadi saya mencadangkan,

dalam Lembaga tersebut disyaratkan tiada seorang pun anggota polis mahupun masih bekerja ataupun yang sudah bersara agar dilihat lebih telus, lebih *transparency* dalam keadaan ini kerana ini menjadi kebimbangan sesetengah pihak. Jadi kalau ini kita menambah baik lagi, saya yakin perkara-perkara ini, kerisauan, kebimbangan dan juga fitnah yang ditaburkan dapat ditelus, ditelan oleh keadaan yang kita laksanakan.

Keduanya yang disebut oleh sahabat saya juga tadi, pelantikan pegawai penyiasat. Saya tidak faham kenapa pihak polis tidak dilantik sebagai pegawai penyiasat. Siapakah yang dilantik? Sama ada orang yang bukan anggota polis. Selalunya menyiasat ini di kalangan anggota polis. Jadi kita minta supaya penyiasat ini hendaklah di kalangan anggota polis juga.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Akhirnya perkara itu boleh dipersembahkan kepada...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kawan saya Yang Berhormat. Saya ingat yang pegawai penyiasat ini, setuju atau tidak Yang Berhormat, ini adalah seperti Akta POCA di mana terdiri daripada pegawai-pegawai DPP. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Ya, terima kasih. Okey, keduanya pindaan mengenai akses oleh pegawai penyiasat. Mengikut perkara "*11(1) - Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, seseorang Pegawai Siasatan yang menjalankan suatu siasatan di bawah Akta ini hendaklah dibenarkan mempunyai akses kepada mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai ada kaitan dengan atau mempunyai apa-apa keterangan mengenai mana-mana kesalahan yang orang itu-*

- (a) *sedang ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau*
- (b) *berada dalam kurungan di penjara, sama ada disabitkan atau tidak."*

Pihak manakah yang perlu memberi penjelasan kepada kuasa akses ini? Ini tidak berapa jelas. Tidak dinyatakan siapa perlu dirujuk untuk mendapatkan kuasa.

Jadi yang itu yang nampaknya yang perlu ditambahbaikkan supaya perkara ini lebih mantap, lebih orang kata, lebih keadaan yang diterima. Kita tidak mahu peraturan POTA ini menjadikan kita ini lemah. Kita tidak sanggup membuat undang-undang, kita tidak sanggup menangkap orang dan akhirnya penjenayah ataupun militan yang benar-benar kita kehendaki tidak dapat kita tangkap. Jangan sampai perkara-perkara buruk berlaku. Kita amat berbangga dengan tindakan polis. Beberapa siri tangkapan dibuat kerana hendak menjamin keamanan. Kita tidak mahu dalam suasana kita hari ini, ada bom yang meletup sebelum sempat perkara ini dilaksanakan kerana pihak polis tidak diberi kebenaran ataupun menangkap mana-mana penjenayah ataupun disyaki terlibat dalam militan tersebut.

Saya juga difahamkan bahawa penangkapan ini tidaklah dibuat terus ditangkap. Malah ada kaunselingnya, malah ada juga perkara-perkara yang boleh- kalau dia itu adalah sekadar tidak bersalah, dibebaskan. Tidak perlu takut dengan akta yang dibuat ini. Kadang-kadang kita lihat negara-negara jiran

pun, di Indonesia, dulu dia mansuhkan ISA. Tengok berapa banyak militan JI di Indonesia yang terlibat dan kerajaan hampir tidak dapat mengawal. Terpaksa menubuhkan skuad penembak elit yang terus tidak dibicarakan, tembak terus mati sahaja. Ini pun satu. Rakyat kita, negara kita ini bagus. Tangkap, kaunseling, bicara dan juga bersalah, barulah kita dakwa.

Jadi saya amat menyokong agar perkara ini dapat diteruskan, dikuatkuasakan demi keamanan, kesejahteraan negara yang tercinta ini. Kalau kita tidak buat sekarang, bila lagi kita hendak buat? Jadi fikirkanlah negara kita yang bakal kita wariskan. Jangan fikir soal politik. Bila hancur, politik pun tidak boleh kawal. Lihatlah bagaimana keadaan di *Singapore*, begitu tegas dan juga mengambil tindakan kepada mereka yang terlibat. Kita lihat negara itu aman damai di *Singapore* dan tidak ada seorang pun yang sanggup melawan dalam keadaan ini. Kita bukan hendakkan ISA itu di atas hak asasi manusia ini. Kita hendak hak asasi juga hak asasi yang dipimpin. Bukan kebebasan, bebas segala-galanya, tidak memikirkan apa juga hak orang lain. Itu sahaja. Saya menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Hajah Khairiah. Silakan Yang Berhormat.

5.46 ptg

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan ini. Pertamanya, ingin saya merujuk suatu maksud hadis daripada Ali Radi Allahu Anhu di mana Rasulullah bersabda maksudnya, *“Apabila ada dua orang meminta keputusan hukum daripada-mu, kepada mu, maka janganlah engkau memutuskan untuk orang yang pertama sebelum engkau mendengar keterangan orang kedua agar engkau mengetahui bagaimana harus memutuskan hukuman.”* Ali berkata, *“Setelah itu aku menjadi Hakim yang baik.”* Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud dan Tarmizi.

Apa yang kita dapat daripada hadis ini berkait dengan pelaksanaan keadilan ialah perlunya suatu mekanisme perbicaraan di mana ada kenyataan pertuduhan dan ada pembelaan melalui pemberian keterangan-keterangan dan melalui suatu proses perbicaraan. Jadi, jika kita lihat proses perbicaraan yang biasa berlaku mengikut prosedur sebagaimana yang kita tetapkan hari ini iaitu melalui Kanun Tatacara Jenayah (CPC) dan juga Undang-undang Keterangan. Itu suatu proses perbicaraan yang berlaku pada hari ini yang terjamin keadilannya.

Namun hari ini, kita membincangkan suatu akta yang apa yang disebut oleh Menteri baru-baru ini adalah agak di luar daripada kelaziman kerana kita mementingkan kepentingan awam, keselamatan awam lebih daripada kepentingan individu. Cuma saya ingin melihat di sini juga, sebelum ini kita telah pun meluluskan suatu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 di mana melalui akta ini yang merupakan juga satu akta yang preventif. Akan tetapi dalam akta ini, selain memberikan reman selama 28 hari, akta ini masih lagi memberi peruntukan berlakunya perbicaraan.

Akan tetapi apa yang kita dibentangkan hari ini sewaktu Akta POTA ringkasnya, yang memberi hak untuk siasatan selama 21 hari dan 38 hari, berjumlah 59 hari untuk siasatan. Akan tetapi selepas siasatan ini bila mana selesai memberi laporan siasatan, terus boleh Lembaga Pencegahan Keganasan untuk mengeluarkan perintah tahanan. Jadi, di manakah hak pembelaan? Di manakah hak mereka untuk memberi keterangan? Di manakah hak untuk mereka menjawab segala laporan siasatan yang dikemukakan ke atas mereka?

Jadi di sini saya begitu ragu jika satu prosedur yang begitu penting, hak mereka untuk membela diri, hak mereka untuk mengeluarkan keterangan-keterangan di samping pembelaan-pembelaan yang lain...

■1750

Apabila benda ini dinafikan, besar kemungkinan keadilan tidak tertegak, besar kemungkinan penganiayaan berlaku dan besar kemungkinan bukan setakat mereka yang teraniaya tetapi keluarga mereka turut teraniaya. Jadi, perkara ini perlu kita pertimbangkan dan kita lihat kerana jika kita lihat kepada laporan pegawai siasatan...

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar tidak adil, tidak adil ini, saya pun terpanggil untuk tanya kepada Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini kita cakap soal keadilan, kita negara yang sedang membangun. Negara yang telah lama membangun seperti Amerika, sedar atau tidak Yang Berhormat bahawa ada dua orang rakyat kita sudah 14 tahun terkurung dekat Guantanamo Bay. Tidak adapun orang bercakap pasal keadilan. Cuba kita perjuangkan nasib dua orang itu dahulu baru kita bercakap masalah yang akan kita hadapi nanti kerana kita hendak mencegah perbuatan-perbuatan ini.

Ini dua orang ini ditahan di sana dan saya difahamkan sekarang ini di Syria ada dua orang juga ditahan tetapi siapa yang memberi pembelaan kepada mereka? Itu yang belum lagi kita kira yang dibawa, yang ditangkap jadi keldai-keldai ini, yang ditangkap kerana dadah. Di Songkhla beratus orang. Jadi, ini semua perlu kita lihat dahulu baru kita bercakap soal negara kita yang sedang membangun ini. Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Kita bercakap tentang negara kita, keadilan dan pelaksanaan keadilan di negara kita, bukan di negara luar. Saya terus kepada apa yang...

Dato' Lim Nget Yoon: Sedikit, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang hendak mencelah.

Dato' Lim Nget Yoon: *Little bit.*

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Okey.

Dato' Lim Nget Yoon: Tentang hak-hak untuk orang membela diri. Di sini saya ingin tanya Yang Berhormat tentang hak yang lebih 200 orang yang nyawa mereka terkorban, di mana hak mereka untuk hidup terus dan di manakah hak keluarga mereka untuk menjalani hidup yang aman, damai dan harmoni berterusan sebab hak mereka dirampas.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Okey, saya faham. Saya tidak menafikan hak mereka. Hak mereka masih lagi kita akui, kita iktiraf tetapi saya memperkatakan tentang hak mereka yang ditangkap, mereka yang disiasat. Hak mereka yang kita tengok di sini adalah dari sudut prosedur, itu sahaja. Kita tidak menafikan hak, saya kata tadi *masalah* umum. Jadi, kita mementingkan *masalah* umum. Di sini kita agak maknanya *masalah* umum lebih besar daripada *masalah* individu. Jadi cuma yang saya...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Boleh saya mencelah?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Okey.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat setujulah bahawa akta ini dalam mempertahankan hak *masalah* umum itu lebih diutamakan berbanding dengan hak individu. Keduanya, saya hendak bangkitkan juga ialah soal yang disebutkan tadi, apakah Yang Berhormat setuju bahawa rang undang-undang ini secara umumnya lebih *mild* dengan izin berbanding dengan akta-akta yang bersifat keras, ketat dan bahkan *rigid*. Seperti mana yang saya terangkan dalam perbahasan saya di Amerika Syarikat, orang yang kena di bawah Akta Patriot harta mereka dirampas, dibekukan tetapi rang undang-undang ini tidak timbul soal hak mereka, hak keluarga mereka untuk menikmati harta yang masih ada di tangan mereka.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ya, mungkin berbanding dengan Akta Patriot mungkin dari sudut itu akta ini lebih *mild* tetapi saya ingin merujuk kepada akta yang kita telah luluskan sebelum ini iaitu melalui SOSMA di mana walaupun ia berbentuk preventif tetapi masih lagi hak untuk bicara ada di dalam SOSMA tersebut. Sedangkan di dalam POTA ini walaupun berdasarkan jika saya boleh sebutkan di sini fasal 12(2)(a), "*Jika lembaga bersetuju dengan pegawai siasatan bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai...*" Ini yang dikatakan preventif. Kita ahli lembaga mempercayai dia terlibat dengan secara munasabah. Jadi, ini yang dikatakan preventif. Kita perlu kepada prosedur yang lebih ketat untuk kita melihat kepada laporan ini untuk memastikan laporan-laporan ini boleh diterima. Jadi, itu yang pertama.

Jika kita lihat kepada Bahagian IV sendiri, perintah tahanan dan sekatan ia menyebut bilamana lembaga selepas menimbangkan laporan lengkap penyiasatan dan laporan pegawai siasatan, pihak lembaga telah pun boleh untuk mengeluarkan perintah tahanan selama dua tahun. Jadi, di mana suatu perbicaraan ataupun suatu pendengaran yang lebih telus, lebih adil untuk kedua-dua pihak yang mana jika kita rujuk kepada hadis tadi perlu kepada keterangan yang lebih jelas untuk menjadikan keputusan itu lebih adil. Itu yang pertama.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Minta laluan sekali lagi boleh?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ya.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya hendak tanya Yang Berhormat. Yang Berhormat setia kepada Yang di-Pertuan Agong atau tidak? Saya tanya dahulu sebelum saya teruskan.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Tentu sekalilah [Ketawa]

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Kalau setia kepada Yang di-Pertuan Agong, dalam rang undang-undang ini lembaga itu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Kalau kita percaya dan yakin dengan struktur Yang di-Pertuan Agong yang akan melantik Lembaga ini sudah tentulah Lembaga ini akan memastikan keadilan seperti mana dalam prinsip kenegaraan kita. Oleh sebab itulah saya kira perkara ini tidak akan timbul soal hak mereka dinafikan. Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi, antara hak individu seorang dengan 29.9 juta orang rakyat Malaysia yang mana lebih penting? Saya hendak tanya Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya sudah jawab tadi saya rasa soalan yang sama. Kepentingan umum melebihi daripada kepentingan peribadi tetapi kita di sini membincangkan cara bagaimana terbaik untuk memastikan kerosakan atau penganiayaan terhadap kepentingan peribadi itu pada tahap yang paling minimum. Kita tidak ingin berlaku banyak penganiayaan terhadap kepentingan-kepentingan peribadi ini. Oleh sebab itulah kita bincang prosedur-prosedur ini. Jadi kita hendak prosedur yang terbaik. Hari ini kita hendak bincangkan apakah prosedur yang terbaik yang boleh kita beri untuk mengelakkan perkara-perkara ini.

Jadi, saya terus kepada yang kedua. Jika kita lihat kepada kaedah siasatan bagi mendapatkan keterangan melalui fasal 9(1) dan fasal 10(1) berkait dengan pelantikan pegawai siasatan dan juga kewajipan dan kuasa pegawai siasatan di mana kuasa besar Menteri untuk boleh melantik mana-mana orang. Apa yang ingin saya ketengahkan di sini adalah berkenaan dengan kuasa pegawai siasatan boleh mendapatkan dan menerima segala keterangan dalam apa-apa bentuk dan sama ada keterangan itu boleh diterima atau tidak boleh diterima di bawah undang-undang bertulis. Kita lihat di sini dari sudut pengambilan keterangan siasatan ia telah dijadikan agak begitu lari ataupun tidak dibolehkan untuk tidak mengikut sebagaimana peruntukan di bawah undang-undang bertulis terutamanya undang-undang keterangan yang kita guna pakai pada hari ini.

Jadi merujuk kepada fasal ini juga ada kemungkinan terdapat suatu ruang di pihak pegawai siasatan itu sendiri untuk mendapatkan keterangan secara yang agak keras. Baru-baru ini telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki agar kaedah-kaedah pengambilan keterangan siasatan ini dibuat dalam bentuk *guidelines*, dibuat dalam bentuk kaedah-kaedah. Akan tetapi saya ingin menekankan seboleh-bolehnya kaedah-kaedah pengambilan keterangan secara paksaan, secara boleh menimbulkan kecederaan tidak boleh dibenarkan sama sekali dan disebut secara jelas dan nyata dalam peruntukan fasal-fasal akta ini.

■1800

Ketiga, adalah berkait kepada pelaporan kepada Parlimen, orang-orang yang ditahan di bawah akta ini melalui perintah-perintah tahanan yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga. Jika kita rujuk kepada satu lagi akta yang baru kita buat pindaan baru-baru ini iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959, melalui pindaan kepada akta tersebut, terdapat satu peruntukan yang menghendaki Lembaga Pencegahan Jenayah mengemukakan laporan tahunan tidak lewat daripada Mesyuarat Pertama Parlimen dan kita

ada terima baru-baru ini berkenaan dengan laporan dari Lembaga Pencegahan Jenayah tersebut. Saya kira...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada lima minit lagi Yang Berhormat ya.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Okey, sudah hampir habis. Satu poin sahaja lagi. Saya ingin mencadangkan dalam akta ini juga, di dalam POTA ini, dimasukkan peruntukan yang sama yang mana laporan hendaklah dikemukakan kepada pihak Parlimen sebagaimana peruntukan di bawah Akta Pencegahan Jenayah itu tadi.

Seterusnya, akhir sekali, berkait dengan kebajikan ahli-ahli keluarga yang ditahan. Sebagaimana kita maklumi, akta ini merupakan suatu akta preventif dan kesalahan-kesalahannya pun dia belum lagi melakukan tetapi dipercayai secara munasabahnya akan melakukan keganasan, akan terlibat. Itu semua ialah kesalahan yang preventif dan berdasarkan kesalahan-kesalahan yang kita dipercayai ini, maka kita tahan sehingga 2 tahun 59 hari. Jadi, mereka ini kebanyakannya ialah suami yang ada anak-anak, ada isteri. Pernahkah kita terfikir selama dua tahun dua bulan itu, anak dan isterinya hendak makan apa, siapakah yang tanggung di atas kita katakan preventif ini?

Ada kemungkinan berlaku kita bukan setakat mengambil tindakan ke atas ketua keluarga, ke atas suspek yang disiasat tetapi kita juga telah secara tidak langsung menganiayai keluarga. Jadi saya pohon kerajaan melihat kepada kebajikan ahli keluarga sepanjang tempoh penahanan mereka ini yang dikatakan terlibat, yang dipercayai terlibat dengan aktiviti-aktiviti keganasan. Saya kira itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain dan selepas ini Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari ya.

6.03 ptg.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah bersama-sama memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Saya juga sealiran bersama dengan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim, kita penghujung-hujung ya. Cuma saya mungkin agak sedikit bertuah kerana dapat berbahas selepas Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah.

Saya hampir menitis air mata bila mendengar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah tadi apabila bercakap soal hak-hak mereka, hak-hak isteri, keluarga mereka yang akan ditahan di bawah akta ini. Jadi saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas keprihatinan Yang Berhormat dan rakan-rakan yang lain kerana bercakap soal hak. Akan tetapi sebelum saya hendak menyentuh sedikit soal rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya hendak memberi sedikit pandangan secara peribadi. Saya fikir, kita sedar dan maklum bahawa rang undang-undang ini dibawa ke Parlimen oleh Kementerian Dalam Negeri, oleh Yang Berhormat Menteri, oleh Timbalan

Menteri dan pegawai-pegawai kementerian yang ada di belakang ini adalah untuk menjaga keamanan negara ini dan akhirnya, hendak memberikan keselesaan dan keselamatan yang terbaik untuk rakyat supaya apa yang berlaku di negara-negara lain, tidak menular dalam negara ini.

Saya juga yakin dan amat percaya, semua daripada kita termasuk yang kerajaan dan juga yang pembangkang menyedari inilah satu rang undang-undang yang terbaik tetapi saya tidak faham kenapa masih lagi ada mereka yang menentang. Mungkinkah kerana sifatnya mereka hanya membangkang sahaja ataupun tidak mahu bersetuju dengan perkara-perkara yang melibatkan soal keselamatan?

Saya hendak bagi contoh, apabila soal GST dibahaskan dalam Dewan ini, saya boleh menyatakan dengan secara terbuka bahawa ramai rakan daripada Barisan Nasional telah memberi pandangan tentang GST. Walaupun GST ini dilaksanakan oleh kerajaan, pemerintah, tetapi semua dalam kalangan kita memberikan pandangan secara terbuka, secara jujur, ikhlas kerana kita yakin ada beberapa perkara yang boleh ditambah baik dan akhirnya memberi keselesaan kepada rakyat. Tidak ada pun dalam kalangan kita semua dalam Dewan ini bersetuju 100% apa yang dibuat dalam sistem pelaksanaan GST selepas GST dikenakan 20 lebih hari yang lepas. Bermaksud, daripada segi *responsibility*nya, dengan izin, kita bertanggungjawab atas mewakili suara rakyat.

Akan tetapi hari ini, bila bercakap soal keselamatan ini, saya sakit telinga, Tuan Yang di-Pertua. Dari tadi dengar *human rights, human rights, human rights*, soal hak. Akan tetapi kita lupa, bila kita bercakap soal hak - saya pun hendak tanya dalam Dewan yang mulia ini, di manakah sikap mereka yang bercakap soal hak dan *human rights* ini bila mereka melakukan perhimpunan yang merosakkan keamanan dalam negara ini? Di manakah suara yang bercakap soal hak, apabila mereka berhimpun di jalan raya, menafikan hak-hak peniaga-peniaga yang ada dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini? Di manakah mereka yang bercakap soal *human rights* bila mereka berhimpun merosakkan harta kepentingan awam dalam negara ini?

Peniaga-peniaga, pemandu teksi, juga ada ahli keluarga yang mereka hendak jaga. Mereka ada hak mereka juga tetapi tidak ada. Suara-suara yang bercakap soal hak ini hilang, sayup-sayup pun tidak dengar. Manakah pergi hak mereka? Ini peniaga-peniaga Jalan Masjid India, tutup di Jalan Tuanku Abdul Rahman itu. Pasal apa? Pasal tiap-tiap Sabtu berhimpun, tiap-tiap Sabtu berarak di jalan raya. Peniaga-peniaga ini ada ahli keluarga mereka, anak isteri mereka berada di rumah menanti kehadiran suami. Ada isteri yang bekerja, tidak boleh bekerja kerana premis perniagaan tutup. Manakah hak mereka? Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita ambil RUU Pencegahan Keganasan ini sebagai bahan politik. Ini soal keselamatan negara kita. Semua Ahli Yang Berhormat telah menjelaskan dengan penuh fakta dan berhujah. Ramai dalam kalangan kita yang bercakap RUU ini dibuat dengan adanya diwujudkan Lembaga. Lembaga ini akan nanti seperti kata Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf akan diperkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kita kena percaya kepada pelantikan itu dan saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya, "*Kalau tidak buat salah, hendak takut pasal apa?*" Kalau tidak terlibat

dalam perkara-perkara membiayai, memberi dana kepada pegganas-peggnas, yang hendak takut sangat ini pasal apa? Sepatutnya sokong. Sepatutnya RUU ini jangan kita bantah.

■1810

Kita bagi cadangan, macam ini Yang Berhormat Menteri, penambahbaikannya sedikit, mungkin daripada ahli Lembaganya yang terdiri dari seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi, ahli-ahli seramai enam orang, seorang setiausaha lembaga mestilah mereka yang akan menjalankan tugas dengan penuh kredibiliti. Mestilah mereka yang ada integriti supaya jangan integriti mereka ini dipertikaikan. Sudah dijelaskan dalam rang undang-undang ini, tidak akan ada sesiapa yang boleh ditahan hanya kerana berdasarkan kepentingan atau parti politik yang mereka wakili. Yang hendak pertikai lagi ini pasal apa? Malu kita Tuan Yang di-Pertua. Orang luar melihatkan perbahasan ini, bukan hanya dalam Dewan ini, mungkin negara-negara asing sedang memerhati kita. *These are the mentality*, dengan izin, Ahli *Senate*. *So called the Senate Members*. Sepatutnya bila bercakap soal keselamatan, *it should be a collective decision*.

Cuma mungkin ada sedikit penambahbaikan *here and there*, dengan izin. Akan tetapi itu tidak berlaku. Saya fikir, kesian pegawai kementerian timbalan menteri, catat sekejap lagi apa yang hendak jawab, benda yang tidak sepatutnya kena jelas pun kena jelaskan. Jadi, pada saya Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi demi kepentingan negara, saya mendukung penuh rang undang-undang ini. Oleh sebab adakah kita sedar, ada di kalangan kawan-kawan kita, sedara mara kita, rakyat kita yang telah pergi ke Syria hari ini.

Saya hendak kongsi sedikit apa yang kita dapat mungkin daripada segi taklimat dan juga laporan. Sampai telah ada di kalangan mereka yang mengatakan, dia telah menyertai IS dan kalau sekiranya ada di kalangan ahli keluarga mereka, walaupun ayah dan ibu mereka atau pun adik saudara mara kandung mereka yang akan mewakili kerajaan kita sebagai tentera untuk berdepan dengan mereka, mereka sanggup bunuh ayah, ibu dan saudara mara mereka sendiri kerana kepercayaan kepada IS. Ada di kalangan mereka, satu keluarga daripada Pulau Pinang yang dipertanggungjawabkan menjaga tiga kedai runcit keluarganya, jual tiga-tiga kedai runcit ini. Bawa anak isterinya dan bayi yang berumur kurang lebih enam atau tujuh bulan, pergi ke Syria untuk menyertai IS. Kadang-kadang kita pun kesian dengan anggota keselamatan kita pasukan polis, tahu kenal pasti mereka yang sudah beli aluminium. Aluminium ini memang dikenali sebagai antara bahan untuk membuat letupan atau bom. Akan tetapi kerana tidak boleh *produce enough evidence*, maka terpaksa dibebaskan.

Walhal kita tahu, mereka juga tahu, orang ini hendak buat bom. Adakah kita hendak bersetuju betul kalau selepas KLCC sudah diletupkan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta, saya merayu, ada perkara yang kita boleh bangkang dan ada perkara yang perlu kita bersetuju secara sebulat suara. Bila ia melibatkan isu soal keselamatan, jangan prejudis. Jangan bersikap hanya untuk membangkang semata-mata.

Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak merayu kepada kementerian supaya lihatlah betul-betul. Saya yakin, cuma hendak memperingatkan sahaja. Saya bersetuju dengan

pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif. Jangan nanti dipertikaikan tapi Yang Berhormat Dato', percayalah Dato'. Sudah buat *screening* macam mana sekalipun, yang terbaiklah diletakkan sebagai pengerusi, timbalan pengerusi, ahli-ahli, setiausaha lembaga. Akan tetapi akan ada juga pihak nanti yang kata ini tidak betul. Sebab apa? Sudah kerja dia memang kata orang tidak betul. Akan tetapi bila tanya, apakah cadangan yang baik? Tidak tahu. Bila tanya, bagilah *way out*, bagilah cadangan yang boleh membantu, tiada. Asyik bangkang sahaja kerja dia, bangkang 24 jam. Akan tetapi bila tanya jalan keluar, tidak tahu. Jadi, buatlah yang terbaik, lantiklah mereka yang betul-betul boleh menganggotai jawatankuasa ini. Oleh sebab akhirnya, rakyat akan memerhati mereka. Akan melihat sejauh mana mereka akan bertindak.

Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya secara peribadi menyanjung tinggi, mendukung Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ini. Sekian, terima kasih. *Wabillaahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan Yang Berhormat Senator.

6.15 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kesemua Ahli-ahli Dewan Negara, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saya hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri kita yang sentiasa berada di dalam Dewan ini [*Tepuk*] Untuk mengikuti setiap patah dan perbincangan yang telah diutarakan oleh semua Ahli-ahli sebelum ini dan sampai ke akhirnya. Saya yakin dia akan memberikan satu gulungan yang dapat memberikan kepuasan kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015, kita pun boleh memahami dengan mudah, ini cegah. Pada saya, semua insan tanpa mengira di mana dia berada, khasnya kita di Malaysia ini yang kita hidup, kita ingin aman damai dan tidak mahu dalam keadaan yang tidak tenteram apalagi dalam keganasan. Ini merupakan satu keinginan semula jadi yang ada pada setiap kita.

Saya melihat rang undang-undang ini terpaksa dibawa kerana hasil daripada suasana semasa yang berlaku, sama ada perkara ini berlaku pada kita ataupun di Timur Tengah. Saya melihat perkara ini telah berlaku di Timur Tengah bukan satu masa yang kini. Akan tetapi kalau kita boleh menyorot lebih jauh, ia telah berlaku sekitar awal 80'an. Kalau kini sudah- 80an, 90-an, 2000, hampir 30-40 tahun berlaku. Kita boleh melihat setelah berlakunya pertentangan dan peperangan Iran-Iraq, maka sejak itu negara di Timur Tengah tidak aman. Bermula daripada perang Iran-Iraq selama 10 tahun, kemudian menyusuri perang Iraq terhadap Kuwait lebih kurang juga 10 tahun. Kemudian berlaku lagi macam-macam peristiwa, sampailah peristiwa yang terakhir ini, negerinya adalah dalam keadaan tidak tenteram.

Pada umumnya, Timur Tengah tidak tenteram. Pada umumnya, dikaitkan bahawa penduduk di sana majoritinya orang-orang yang beragama Islam. Walaupun di sana ramai juga agama-agama lain yang menduduki dan menetap tempat tersebut. Ekoran daripada itu, maka orang Islam telah menjadi satu sasaran di mana-mana. Mereka dilihat sebagai orang yang tidak baik, orang yang ganas dan orang yang selalu membawa masalah kepada orang lain.

Padahal kalau kita tengok, mereka yang berbuat demikian tidak mewakili seluruh umat Islam tetapi hanyalah mempunyai minoriti yang sangat kecil. Namun, kesannya kepada orang Islam yang lain, sangat terasa. Sehingga kita melihat perkara-perkara seperti ini berlarutan sehinggalah sampai kepada masa kini. Saya melihat perbincangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Dewan ini juga menyebut hal-hal yang sama.

Kerana itu saya tidak berhasrat menyebut apa yang telah disebutkan kerana saya ingat Tuan Yang di-Pertua kata tidak payah ulang apa yang telah disebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari Bin Mat: Cuma apa yang saya hendak menyebut di sini, beberapa perkara. Pertama, undang-undang salah satu cara untuk mencegah dan mungkin ini cara yang terakhir dari yang lain-lain. Bagi saya, kita perlu melihat pencegahan ini dari banyak aspek. Pertama sekali; aspek pendidikan. Boleh jadi pendidikan yang ada kepada orang-orang yang terlibat tadi mereka tidak cukup mengetahui apa sebenarnya apa yang mereka patut buat.

Oleh sebab itu, aspek ini juga kita tidak boleh kesampingkan. Yang kedua ialah di mana mereka hidup. Kalau orang-orang di Timur Tengah yang hidup dalam peperangan, saya bertanya orang yang saya jumpa, terutamanya orang di Palestin yang sentiasa dibom oleh orang-orang Israel.

■1820

Dia kata kalau sekiranya hari itu tidak ada pengeboman, tidak ada penembakan dia rasa pelik. Jadi orang-orang yang sentiasa lahir dalam suasana itu bagi dia tidak merasa apa-apa sebenarnya. Bagi kita yang tidak dalam suasana itu, kita rasa sangat bimbang tentang keselamatan. Akan tetapi itulah suasana mereka lahir itu merupakan faktor yang membawa mereka jadi begitu. Begitu juga hal ini boleh jadi perasaan-perasaan itu diterapkan kepada orang-orang yang direkrut, melalui internet atau sebagainya. Ini juga memberi sumbangan kepada apa-apa yang tidak baik ini.

Begitulah juga daripada segi apa yang disebut tadi masalah penerangan tentang ideologi dan jihad seumpamanya. Bagi saya inilah tanggungjawab yang perlu sama-sama dipikul bahawa umat kita ini, masyarakat kita tidak begitu mempunyai peluang ataupun banyak waktu untuk belajar, membaca dan mendapat maklumat. Sehingga maklumat-maklumat yang didapati boleh jadi tidak tepat. Ini kerana itu saya dengar daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kita, ada yang bertanya siapa yang terlibat? Apabila diberi jawapan saya masih ingat kalau saya tersilap minta tolong Yang Berhormat Menteri kita betulkan. Bahawa yang terlibat itu ialah semua golongan dan masyarakat, semua peringkat. Dinyatakan bahawa yang belajar agama tidak ramai terlibat, yang terlibatnya ialah masyarakat umum. Ada pegawai, ada mekanik, ada orang awam, peniaga dan sebagainya.

Jadi di sini kita melihat bahawa daripada segi maklumat ilmu itu. Apabila ilmu itu tidak ada, ada mudah orang terpesong. Ini kerana itulah saya hendak juga hendak melihat perkara ini ada kaitan dengan ajaran-ajaran yang menyeleweng, disebut istilah Malaysia ini atau istilah JAKIM ajaran sesat. Saya perhatikan bahawa ajaran-ajaran sesat yang diikuti, yang berkembang di Malaysia tidak ramai di kalangan orang belajar agama secara formal, yang terlibat ialah mereka yang tidak belajar secara formal. Ini kerana orang-orang ini diberi gambaran yang begitu menarik dan apa lagi kalau orang yang hendak *short cut*. Maaf, dengan jalan pintas. Ini yang berlaku.

Saya telah buat satu penyelidikan dulu, saya pergi bertanya satu kumpulan. Kenapakah orang-orang yang belajar agama tidak masuk kumpulan ini? Dia beritahu saya dia kata orang belajar agama ini susah. Baik saya tumpukan kepada orang tidak belajar agama kerana apa yang kita cakap dia akan terima sahaja. Kalau orang belajar agama dia akan tanya lagi, tanya lagi dan tanya lagi. Jadi oleh sebab itu, bagi saya ini satu perkara yang perlu kita tengok bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kembali kepada rang undang-undang ini. Apa yang telah disebut tidak mahu ulang lagi. Dalam rang undang-undang ini, saya melihat muka surat 6. Muka surat 6 ini ialah ekoran daripada empat tatacara di hadapan Majistret 41A- 41A ini atas mengemukakan pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor yang menyatakan bahawa terdapat alasan untuk mempercayai bahawa nama orang yang terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan, melibatkan organisasi pengganas tersenarai di negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing patut dicatatkan dalam daftar. Jadi di sini saya melihat dan juga di tempat lain ayatnya hampir sama. Saya hendak tahu organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara.

Saya juga merujuk dalam akta ini, pada muka surat 4. Organisasi pengganas tersenarai ertinya mana-mana entiti ditentukan yang diisytiharkan di bawah seksyen 66B, dan 66C Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613]. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kita, boleh tidak beritahu kepada kita di sini organisasi yang telah disenaraikan? Di luar negara sehingga kita boleh mengenal apa-apa yang terbabit dalam akta seksyen 66B dan 66C itu.

Perkara yang seterusnya ialah saya hendak pergi kepada perlindungan muka surat 24, supaya mudah disemak. Perkara 27(1), "Mana-mana orang yang diketahuinya melindungi atau menyembunyikan mana-mana orang yang memasuki mana-mana negeri, daerah, mukim, bandar dan kampung berlanggaran dengan mana-mana perintah di bawah seksyen 13 melakukan suatu kesalahan dan hendaklah di hukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau denda dan tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya. Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai dalam hal seseorang isteri yang melindungi atau menyembunyikan suaminya atau seseorang suami yang melindungi atau menyembunyikan isterinya."

Saya hendak tanya, macam mana ini? Kalau isteri menyembunyikan penjahat, saya rasa perlu diberi- itu yang saya hendak minta penjelasan. Jadi saya boleh jadi keliru, orang melindungi orang yang dituduh. Ini saya rasa perlu diberi penjelasan supaya saya tidak kelirulah. Boleh jadi orang lain tidak keliru. Saya jadi tidak berapa jelas di sini. Jadi saya minta penjelasan bagaimana boleh berlaku.

Kemudian saya hendak naik dekat atas sikit, penalti satu kali ganda 25. "Mana-mana orang yang berdaftar disabitkan dengan mana-mana kesalahan yang dilakukan selepas tarikh namanya dicatat dalam daftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, boleh dikenakan pemenjaraan selama tempoh satu kali ganda. Tempoh maksimum yang boleh dikenakan ke atasnya apabila disabitkan bagi kesalahan itu dan juga sebatan". Jadi sekali ganda ini kalau lima tahun jadi 10 tahun dan sebatan. Sebatan ini saya hendak tahulah berapa sebat yang akan dikenakan nanti. Oleh sebab di sini tidak tulis berapa kali sebatan. Ini satu- minta pencerahan sahajalah. Minta pencerahan supaya orang tengok undang-undang ini dia jadi gerun sikit. Kalau sebut sebatan sahaja mungkin boleh dirujuk kepada bahagian mana-mana kah. Saya pun tidak dapat di sini.

Tuan Yang di-Pertua, pencegahan ini di dalam kita melihat banyak sama dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi pun bercakap tentang konsep dalam Islam pencegahan ini. Jadi mencegah satu perkara yang memang diperlukan dalam kehidupan masyarakat untuk memastikan keadaan-keadaan buruk berlaku. Namun dalam hal-hal ini kita melihat saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada lebih kurang lima minit lagi, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Lima minit lagi? Terima kasih. Dalam menggubal undang-undang ini, ini untuk mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri kita, saya mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam menggulung perbahasan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Kita menekankan tentang konsep *wasatiyyah* dan begitulah juga tentang *maqasid al-Syariah*. Jadi dalam kedua-dua konteks itu disebut di sini dan jawapan bertulis kepada saya, saya tanya *maqasid al-Syariah* itu ialah tentang prinsip lima perkara iaitulah menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ia diukur kepada lapan sektor utama dalam pengurusan pentadbiran dan negara iaitu perundangan Islam, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana dan persekitaran serta sosial.

■1830

Jadi dalam hal menggubal undang-undang ini tak tersebut dalam ini. Jadi saya hendak tanya lah, kita sebagai yang telah diuar-uarkan *maqasid syariah* begitulah juga kita telah menguar-uarkan bahawa kita menggunakan konsep *al-wasatiyyah*. Jadi saya ingin bertanyalah kepada Menteri kita, telah bertanyakah kepada mereka yang arif dalam bidang perundangan Islam di dalam membuat gubalan ini.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]

Kalau sudah, terima kasih. Kalau belum, saya rasa perkara itu perlu kita lihat bersama, sebabnya saya ingin mengetahui daripada segi waktu menurut pandangan syarak. Adakah 21 hari atau 59 hari atau dua tahun itu merupakan satu tempoh yang diambil bersumberkan kepada hukum syarak atau pun sumber-sumber mana supaya kita dapat menilai sejauh mana keberkesannya. Adakah 21 hari, 23 hari itu merupakan satu pengalaman yang lalu-lalu atau pun dia merupakan satu *maqasid syariah* yang telah disebutkan di sini. Jadi hal-hal seperti itu saya merasakan perlu juga kita bersidang di dalam Dewan ini untuk mengetahui kerana kita adalah sebagaimana yang disebut pembuat undang-undang. Kalau kita memahami dengan baik, maka kita yakin dan percaya perkara ini boleh membantu kita dapat memahaminya.

Saya rasa setakat itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh.

6.32 ptg.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berbahas Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Selamat petang saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Keganasan, ini kita telah memberi perhatian sejak 2001 apabila dua buah kapal terbang telah merobohkan dua buah bangunan, *Twin Towers World Trade Centre* di New York pada September 11. Pada masa itu, walaupun tragedi itu satu tragedi yang begitu serius tetapi kita melihat keganasan ini atau pun *terrorism* ini, sebab mereka ada yang berdendam atau marah dengan Amerika Syarikat. Sebab ada negara-negara di Arab Timur mungkin keluarga atau pun kumpulan-kumpulan yang mereka sokong telah pun berada dengan pertikaian dengan Kerajaan Amerika Syarikat. Mereka begitu marah sekali sampai hendak mengambil dendam kepada Amerika Syarikat.

Akan tetapi kini daripada Amerika Syarikat, keganasan ini ia sudah bertukar sedikit. Aktiviti keganasan ini bukan seperti mereka yang hendak mencuri kereta, atau pun hendak seludup dadah atau pun *human trafficking*. Yang terlibat dalam keganasan ini, kalau kita hendak ambil tindakan kepada mereka, selepas mereka melakukan keganasan kalau ditangkap, itu bererti sudah terlalu lambat. Sebab mereka ini berani melakukan satu keganasan dengan *mindset* dia sebagai *somebody who is willing to suicide*.

Macam mana hendak ambil hukuman kalau mereka itu pun mati sekali dalam tragedi yang melibatkan beribu-ribu orang. Lagi pun pada ketika ini, cara mereka yang terlibat dalam keganasan ini, sama ada di negara Amerika Syarikat atau tempat-tempat lain, ia berlainan sedikit. Ia bukan seperti satu pasukan yang datang hendak berperang. Seorang itu boleh nampak dalam radar, ada sepuluh buah kapal terbang, dua puluh buah kapal hendak datang ini, kita boleh *detect*. Akan tetapi ia ini lebih dalam ciri *underground*. Tak nampak. Ia sel-sel yang kecil tetapi ia tiba-tiba kita mendengar ada pembunuhan atau ada bom di satu tempat di sini atau di sana.

Fenomena keganasan pada masa kini yang selalunya berkaitan dengan IS atau pun ISIS ini, *Islamic State*, ia berlainan sedikit. Apa yang banyak negara begitu bimbang ialah, ini satu konflik di antara beberapa kaum di Syria atau di Iraq di Arab Timur ini, *Middle East*, tetapi rakyat sama ada di Amerika, di Spain, di *Italy*, di *France*, *UK*. Malaysia pergi ke sana, melibatkan diri memperjuangkan konsep *Islamic State* ini. Ia bukan di negara mereka tetapi rakyat mereka pergi.

Apa yang membimbangkan ialah jika sama ada 10, 20, 90 orang pergi ke negara itu berjuang, bila dia habis setahun, enam bulan, dua bulan, dua tahun, bila dia balik, apa akan mereka lakukan jika kita membiarkan, "*Oh, ini hak mereka*". *It's up to them*. Dia hendak pergi lawan itu pergi lah. Dia hendak berjuang dia punya fasal, bukan dia ada di sini. Akan tetapi dia akan membawa balik satu pengajaran yang tidak betul balik ke negara asalnya dan di sini kita dapati bahawa orang-orang Malaysia pun terlibat.

Sebab itulah saya rasa disebabkan aktiviti ini bukan seperti orang yang hendak curi kereta, di mana undang-undang yang sedia ada, dapat bukti, bawa pergi majistret, beri dia hak asasi rakyat. Selepas itu kita penjarakan dia. Kita mesti hendak ambil tindakan sebelum benda itu berlaku. Sebab kita biarkan kalau benda ini berlaku bukan sahaja harta tetapi banyak orang akan terkorban, negara tidak aman dan orang akan khuatir tentang posisi Malaysia jika kita biarkan sahaja benda-benda seperti ini.

Jadi saya rasa tiba masanya. Saya pun rasa akta ini memang telah dilaksanakan, bukan sahaja di Malaysia ini. Akta ini telah dilaksanakan di banyak negara. Bagaimana akta ini dilaksanakan di Australia, di Amerika Syarikat, di Kanada, di *United Kingdom*, telah banyak dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki tadi. Jadi saya pun tak hendak menyentuh. Saya berpendapat masanya telah pun tiba untuk kita membuat satu akta berbentuk *preventive* supaya kita kerajaan dapat *react* jika kita dapat pengetahuan bahawa sesuatu kumpulan ataupun seseorang itu terlibat dalam aktiviti IS.

Walau bagaimanapun, saya hendak berbahas tentang tiga atau empat perkara yang berkaitan dengan akta ini. Nombor satu ialah bagaimana kita dapat memberhentikan promosi keganasan ini? *How to stop or prevent terrorism, the promotion of terrorism*. Nombor dua, bagaimana kita akan *prevent* atau mencegah keganasan ini daripada mengambil orang-orang lain, *the recruitment*.

Selepas itu, bagaimana kita berhentikan plot-plot yang mereka, pengganas-pengganas ini yang hendak bercadang katakan hendak bom mana-mana tempat atau membuat satu ancaman kepada negara kita, bagaimana kita akan berhentikan.

■1840

Nombor empat, bagaimanakah kita hendak *prevent* daripada pengganas-pengganas lain yang bukan rakyat kita yang terlibat dalam IS? Mungkin dia orang *France*, orang Syria kah, dia datang ke Malaysia sebagai seorang pelancong. Saya membawa perkara ini sebab pendapat saya rang undang-undang ini bagus, *its preventive*. Akan tetapi pentingnya kita mesti lihat secara holistik. Kita ada undang-undang, tetapi pelaksanaan di sekitar itu betul atau tidak? Saya membawa ini sebab kita tahu bahawa MH370 itu ada dua orang asing. Dia masuk Malaysia, pasport lain dipakai, boleh beli pasport di Malaysia, warganegara lain, boleh keluar Malaysia dengan pasport lain.

Ini menunjukkan jika ada pengganas-pengganas yang hendak masuk di sini untuk mempromosikan aktiviti pengganas-pengganas di Malaysia, orang-orang luar ada ruang. Untuk itu, kita *improve* lah, kita memperbaiki tentang bagaimana kita dapat memastikan pengganas-pengganas yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti IS kah atau apa-apa jenis, tidak kira IS lah, sama ada daripada Sulu kah tidak masuk di negara ini dengan senang.

Saya hendak tahu, minta keterangan daripada kementerian, bagaimana, atau apakah cadangan kita memperketat lagi, sama ada kita akan meletakkan *scanner imaging* kah, bekerja dengan Interpol ataupun pihak-pihak antarabangsa mendapat *database* yang betul supaya pengganas-pengganas tidak dapat datang ke Malaysia dengan begitu senang sekali? Ini kerana *based on* repot-repot antarabangsa, banyak pengganas ini selepas aktiviti-aktiviti pengganas yang berlaku sama ada di *France* kah, di tempat-tempat lain, punca dia mereka memang telah berada sama ada setahun kah, dua tahun dalam aktiviti yang berada di Arab Tengah ini.

Daripada segi hak asasi manusia, banyak yang telah diperkatakan. Saya pun berpendapat bersama dengan Yang Berhormat Senator Chong tadi yang telah menyatakan ada beberapa perenggan yang patut diketatkan. Janganlah ada ayat-ayat yang begitu longgar, *time frame* dia tidak begitu- *not stated so well*. Saya tidak akan menyentuh hal ini kerana Yang Berhormat Senator Chong telah banyak berbahas dengan terperinci hal ini. Saya juga hendak ucapkan tahniahlah kepada kementerian kerana telah mengambil kira orang-orang politik, yang terlibat dalam politik. Perenggan (3) memang telah menyatakan akta ini tidak akan melibatkan atau tidak boleh diguna pakai untuk orang-orang yang terlibat dalam politik.

Akhir sekali, ramai orang yang daripada generasi muda juga kita lihat terlibat dalam aktiviti IS ini sebab *promotion* dia daripada *Facebook* ataupun *social media Twitter* begitu merebak seperti *viral* yang nampak begitu *attractive*. Saya masih ingat, minggu lalu Menteri telah memberitahu empat atau lima sebab kenapa orang-orang muda ini melihat konsep IS ini begitu *attractive*.

Saya hendak tahu sebab apabila kita lihat TV, ada orang di Arab Tengah ini, budak-budak 15 tahun, 16 tahun dan 17 tahun, dia pegang senapang, buang *grenade* macam itu. Bagaimana akta ini akan diguna pakai kepada mereka yang *juvenile* ini, yang di bawah 18 tahun yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti IS ini? Katakan budak 17 tahun itu dia tahu hendak buat bom ini. Sama ada kita akan memperketat akta-akta lain ataupun menggunakan akta ini untuk mereka yang muda itu? Ini kerana saya rasa di tempat itulah daripada umur 14 tahun sampai 18 tahun ini, budak-budak remaja ini begitu *confuse* dan begitu tertarik dengan aktiviti IS ini.

Jadi dengan itu, saya pun menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan.

6.45 ptg.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang adalah penting bagi mana-mana negara sebab undang-undang itu menjamin ketertiban sebuah masyarakat supaya rakyatnya dapat hidup dalam suasana aman dan bahagia. Di negara Malaysia, pada suatu ketika, ancaman komunis suatu cabaran yang paling menggerunkan, tetapi dengan peredaran masa, keadaan berubah. Dengan globalisasi dan juga perkembangan-perkembangan lain di seluruh dunia, ancaman kepada negara kita pun berubah.

Pagi tadi di Dewan ini kita telah dengar huraian oleh Menteri Dalam Negeri mengenai cara-cara yang digunakan untuk menangani pencerobohan dan aktiviti-aktiviti keganasan terhadap negara di Sabah dan juga di kawasan-kawasan lain di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada aktiviti-aktiviti ketara yang kita nampak yang mendatangkan keganasan, ada juga saluran-saluran yang tidak ketara yang digunakan oleh penganas-penganas dari persatuan-persatuan, organisasi-organisasi penganas yang tersenarai itu untuk mencero bohi negara kita.

Di sini saya ingin mengutarakan suatu saluran iaitu melalui peluang pendidikan yang kita beri kepada pelajar dari luar negara. Sebelum media sosial ada lagi, sebelum *Facebook*, sebelum *WhatsApp* dan *Instagram*, kita telah membuka peluang kepada pelajar dari Timur Tengah untuk datang ke negara kita dengan tertubuhnya Universiti Islam Antarabangsa. Kemudian selepas itu, IPTA juga menerima ramai pelajar dari luar negara termasuk Timur Tengah. Baru-baru ini, kolej-kolej swasta juga menawarkan tempat bagi pelajar dari luar negara dan Malaysia telah menjadi suatu hab pendidikan yang popular untuk mereka datang ke sini.

Saya rasa pihak berkuasa iaitu Kementerian Dalam Negeri juga harus memberi perhatian yang sewajarnya kepada latar belakang pelajar-pelajar yang datang ke sini, sebab ada yang setelah habis pelajaran mereka, mereka terus menetap di sini. Semasa dia datang ke sini untuk menuntut pelajaran, kita tidak tahu sama ada dia juga guna peluang ini untuk menyebarkan ideologi-ideologi mereka, misalnya ideologi IS. Jadi saya harap Kementerian Dalam Negeri akan memberi perhatian terhadap perkara yang saya bawa ini.

Menyentuh tentang rang undang-undang ini, saya rasa undang-undang ini adalah perlu untuk melindungi keselamatan negara kita dan kita telah mendapat pelbagai reaksi dari bukan sahaja pihak pembangkang tetapi juga rakyat umum terhadap rang undang-undang ini.

■1850

Akan tetapi kalau ada yang daripada pihak politik yang khuatir adakah undang-undang ini untuk membendung kegiatan mereka ataupun menjadi satu alasan untuk menangkap dan menahan mereka, mereka tidak perlu risau oleh sebab seksyen 4(3) menyatakan tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Walau

bagaimanapun, ada bahagian-bahagian dalam rang undang-undang ini yang menimbulkan rasa bimbang berkenaan kuasa yang diberi kepada Pegawai Siasatan terutama berkenaan dengan kaedah-kaedah untuk memperoleh keterangan daripada tahanan.

Di sini apa yang dikhuatiri ialah kegunaan kekerasan yang keterlaluan sehingga hak asasi tahanan dicabuli. Di sini saya ingin membuat rujukan kepada suatu laporan suruhanjaya 10 tahun dahulu iaitu Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Selama jangka masa 15 bulan suruhanjaya ini yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong telah menjalankan suatu siasatan termasuk kes-kes dan juga aduan-aduan mengenai penderaan tahanan, kematian dalam tahanan dan juga penyalahgunaan kuasa oleh pegawai. Selepas itu suruhanjaya ini telah membuat beberapa saranan yang bagus, yang baik supaya hak asasi kemanusiaan tahanan itu dilindungi dan untuk mengembalikan kepercayaan rakyat umum terhadap polis dan juga kekhuatiran tentang penyalahgunaan dan penderaan tahanan di, *I mean* yang akan ditangkap di bawah rang undang-undang ini, saya sarankan supaya saranan-saranan baik dalam laporan tersebut itu diambil kira dan diguna pakai apabila undang-undang ini dikuatkuasakan kelak.

Satu lagi aspek ialah Lembaga Pencegah Keganasan. Di sini Lembaga ini dikehendaki menyerahkan ataupun menyediakan satu laporan bertulis atas cara-cara apa-apa prosedur yang dilakukan semasa seseorang itu dalam tahanan dan *composition* ataupun ahli-ahli Lembaga ini saya sarankan supaya salah satu daripada ahli Lembaga ini terdiri dari Pesuruhjaya dari Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Ini akan memberi kepercayaan kepada rakyat jelata supaya hak asasi manusia tahanan yang telah ditahan di bawah rang undang-undang ini dapat dipelihara.

Dengan ini, itu sahajalah perbincangan saya dan saya terus menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Roslin.

18.54 ptg.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang bersama-sama dalam perbincangan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ini. Perbincangan saya, saya ambil hanya satu tajuk sahajalah memandangkan kawan-kawan sudah banyak bercakap iaitu saya menjurus kepada Bahagian II, Kuasa Penangkapan dan Reman iaitu fasal 7.

Tatacara khas yang berhubungan dengan peranti pengawasan elektronik. Dalam perbincangan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah pada tahun 2013 yang lepas ada menyebutkan beberapa perkara yang sama. Di Dewan yang mulia ini juga saya ada menyuarakan beberapa perkara berkaitan peranti yang digunakan dan pelbagai isu yang berkaitan dengannya.

Penggunaan EMD iaitu *electronic monitoring device* ini merupakan satu yang baru di negara kita ini. Sungguhpun beberapa buah negara asing telah menggunakan secara meluas, namun ia masih lagi memerlukan pengawasan pihak berkuasa. Merujuk kepada fasal 7(2) seperti mana yang telah kita ketahui, sehingga ini tiada standard yang sama bagi pelbagai peranti EMD. Ia bergantung kepada jenis penggunaannya dan siapakah pengeluarannya. Maka sesungguhnya pihak mahkamah perlu mempunyai garis panduan jenis apakah peranti dan apakah kelebihan dan juga kekurangannya. Menyebut fasal polis yang mengawas peranti yang dipakai itu, dalam akta ini tiada sebut pangkat pegawai polis. Dalam Akta Pencegahan Jenayah, jawatan pegawai polis itu semestinya berjawatan Inspektor ke atas.

Adalah dirujuk kepada fasal 7(6) dan fasal 7(7) mengenai perkara kerosakan dan sebagainya sepatutnya perlu disebut juga jenis denda dan hukumannya. Akhirnya saya ingin meminta supaya pihak kementerian sekali lagi merujuk kepada cadangan-cadangan penggunaan EMD baik dan buruknya sebagaimana yang terdapat di Akta Undang-undang Pencegahan Jenayah 1969.

Selain itu saya mencadangkan supaya Jadual, seksyen 7 daripada borang peranti iaitu pengawasan elektronik itu mempunyai borang di mana di dalam borang itu mempunyai keterangan keluarga termasuk nombor telefon juga, kalau boleh tolong masukkan juga nombor indeks peranti tersebut, nama dan juga pangkat polis yang bertanggungjawab. Maka dengan ini saya rasa Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah ini amat penting. Saya tidak berbelah bahagi, maka saya amat menyokong penuh kepada rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang terakhir saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany.

6.57 ptg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya ruang untuk berbahas rang undang-undang ini. Saya tahu saya yang terakhir dan banyak perkara yang ingin saya sampaikan telah disampaikan oleh rakan-rakan saya. Akan tetapi sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong langkah kerajaan memperkenalkan POTA amat bertepatan. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Telah terbukti semenjak kita merdeka, ancaman ekstremisme penganas dengan kepelbagaian fahaman dan doktrin kepercayaan telah menyebabkan dunia terancam dan bersengketa. Kita perlulah dari sekarang bersedia untuk menyokong rang undang-undang ini untuk mengelak individu atau kumpulan yang berada di Malaysia menyertai organisasi militan dan penganas. Kita tidak boleh lihat POTA ini sebagai mirip ISA kerana peruntukan yang memberikan kebenaran tangkapan tanpa waran adalah penting bagi mengekang aktiviti keganasan kerana ledakan teknologi ICT dan kerancakan perhubungan dunia luar melalui media sosial telah membantu memudahkan aktiviti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh rang undang-undang ini, seksyen 9(1) dan (2) walaupun Yang Berhormat Tuan Chong telah menyebut dan saya menyokong apa yang dibahaskan tadi.

Cuma tambahan sedikit iaitu menyatakan kuasa menteri Kementerian Dalam Negeri ini membuat pelantikan Pegawai Siasatan dan tidak ada seorang pun pegawai polis boleh dilantik sebagai Pegawai Siasatan.

■1900

Saya juga mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tentang kriteria pelantikan Pegawai Penyiasat ini. Adakah pegawai penyiasat ini terdiri daripada penjawat awam dari Jabatan Peguam Negara atau lain-lain pegawai awam atau pegawai penyiasat dari Angkatan Tentera? Pernyataan kriteria ini penting kerana isu militan ini merentasi sempadan ideologi dan doktrin kefahaman agama. Mungkin penglibatan para pegawai dari JAKIM atau institusi pendidikan juga penting bagi menyiasat kewujudan atau hubungan langsung sesebuah institusi yang disyaki berhubung dengan aktiviti pengganas supaya dapat disaring dan dipantau.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan ini saya ingin mencadangkan supaya perundangan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia perlu dilihat semula agar ketegasan pelaksanaan dan siasatan dapat dimantapkan lagi di bawah POTA. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh seksyen 11(1) di mana tidak ada *judicial review* dengan izin, apabila telah diputuskan perintah tahanannya. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai peraturan ini, apakah hikmah ataupun *the wisdom* perkara ini dimasukkan dalam rang undang-undang ini?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.02 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada 26 orang kalau tidak salah saya, Ahli yang telah berucap dalam rang undang-undang ini. Kalau dilihat dalam sudut jawapan secara terperinci yang telah disampaikan kepada saya, memang cukup tebal Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau saya menjawab...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat guna budi bicara Yang Berhormatlah, *you* fikir kalau satu tajuk itu *you* ringkaskan sedikit.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi kalau saya jawab satu persatu, saya boleh menjawab lebih panjang daripada ucapan...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau satu-satu, mungkin sampai esok pagi Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebagai mukadimah saya ialah yang pertama Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di sini bahawa rang undang-undang ini digubal khusus untuk menangani masalah keganasan. Tadi ada persoalan yang dibangkitkan di dalam Dewan ini oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, kenapa tidak kita sudah mempunyai SOSMA, kita sudah mempunyai POCA, kenapa pula perlu digubalkan undang-undang ini.

Jadi kalau kita lihat rujuk semula kepada artikel 149, saya tidak guna perkara. Artikel 149 Perlembagaan Malaysia, jelas di bawah artikel ini bermacam jenis dan kesalahan yang ditulis sama ada dia di bawah keganasan, membangkitkan perasaan tidak setia kepada Yang di-Pertuan Agong, menggalak perasaan niat jahat dan pelbagai. Jadi untuk memudahkan tiap-tiap undang-undang itu dilaksanakan dan dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa, maka undang-undang ini dikhususkan kepada satu-satu tajuk di bawah artikel 149 Tuan Yang di-Pertua. Itulah kenapa SOSMA itu memang ada kalau dibandingkan dengan undang-undang POTA ini, memang ada.

Akan tetapi SOSMA itu kebanyakannya ialah menjurus kepada prosedur ataupun peraturan sahaja. Dia tidak ada contoh *preventive*, *punitive*, bimbingan adalah sedikit tetapi dia tidak ada ciri-ciri yang ada di dalam POTA. Jadi POTA itu khusus yang kita lihat empat ciri yang penting. Ciri yang penting dari sudut *preventive*, yang sudut yang lain ini *punitive* ataupun menghukum dan dua lagi untuk ke bimbingan dan sebagainya. Jadi ini perbezaan dan kenapa undang-undang ini ada berasingan digubalkan.

Juga oleh sebab tadi ada dibangkitkan juga berhubung dengan kenapa kita gubal undang-undang ini. Kenapa sekarang dan kenapa tidak dahulu dan sebagainya. Ada banyak, kenapa tidak selepas ISA dimansuhkan kita tidak gubalkan undang-undang ini. Jadi itu juga menjadi satu persoalan *alert*, apabila kita memansuhkan enam rang undang-undang dahulu pada tahun 2009 bermula pembentangan peringkat bacaan kali pertama apabila *the ending of*, zaman terakhir peringkat Yang Amat Berhormat Tun Abdullah Badawi menjadi Perdana Menteri, rang undang-undang dibaca kali yang pertama. Sebenarnya masa Perdana Menteri sekarang bacaan kali yang kedua sahaja sebenarnya. Saya sendiri yang mempengerusi Dewan, jadi saya cukup mengetahui.

Jadi dalam peringkat itu, kita belum lagi melihat bahawa keperluannya begitu walaupun ada perkara-perkara berlaku di luar negara, kita menganggap perkara itu jauh daripada kita. Perkara yang berlaku dalam negara kita ini boleh kita tangani dengan undang-undang yang ada walaupun kita tarik balik undang-undang itu. Akan tetapi apabila kesannya berlaku seperti mana Yang Berhormat ada banyak bangkit, kita melepaskan banyak orang tahanan di bawah ISA pada ketika itu dan berlakunya keganasan dalam negara kita sendiri di antara *riot* dan *gangster* ini berlaku, baru kita melihat bahawa ada keperluan undang-undang sebegini digubalkan.

Jadi apabila berlakunya pula IS ini yang boleh menarik anak-anak muda kita untuk pergi ke negara Syria dan Iraq umpamanya dan selepas itu mereka mungkin boleh kembali ke sini lagi dan keperluan POTA ini menjadi amat kritikal. Inilah yang dilihat dalam apabila Kertas Putih dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini dahulu. Jadi itu latar belakangnya, penggunaannya memang dikhususkan kepada keganasan.

Jadi berbalik saya yang berhubung dengan ada perhubungan kait disebut politik tadi. Memang, tujuannya ialah supaya mengelakkan apa berlaku pada ISA dahulu dikatakan telah disalahgunakan, telah dikatakan disalahgunakan kepada orang politik. Jadi untuk mengelakkan perkara ini berlaku, kita letakkan dalam perundangan ini secara khusus mengatakan tindakan politik, pergerakan politik ataupun apa

sahaja yang halal di bawah politik itu, pergerakan politik itu tidak akan diletakkan di bawah undang-undang yang dikenakan di bawah undang-undang ini. Jadi kita letakkan itu.

Akan tetapi apabila seseorang orang politik ataupun parti politik terlibat dengan keganasan Tuan Yang di-Pertua, kita tekankan bahawa dia juga akan diletakkan di bawah undang-undang ini. Dia tidak boleh dimaafkan di bawah undang-undang ini umpamanya. Dia tidak kisah walaupun dia mengatakan bahawa aktiviti politik yang halal itu tidak boleh dikenakan di bawah undang-undang ini tetapi kalau parti politik itu, orang politik itu terlibat dengan keganasan, dia tidak boleh dimaafkan oleh sebab dia kata saya ini orang politik. Tidak ada *exemption* kepada orang politik sebenarnya. Tidak ada pengecualian atau kekebalan diberikan kepada orang politik kalau terlibat dengan keganasan. Jadi itu satu lagi.

Kedua, sebagai mukadimah juga Tuan Yang di-Pertua ialah walaupun disebut, ditekankan dalam Kertas Putih dan juga disebut dalam ucapan-ucapan yang awal tadi semasa pembentangan, kita sebut dan tekankan soal IS tetapi sebenarnya undang-undang ini sendiri tidak ada menyebut pun sebagaimana Ahli Yang Berhormat ada menyebut tadi, memang tidak ada disebut pun soal IS, dia hanya mengatakan keganasan.

Maknanya keganasan, mana-mana sahaja keganasan tidak kira IS, tidak kira agama, tidak kira bangsa, tidak ada apa sekalipun, *there is no* bangsa, agama, apa pun undang-undang ini. Dia mengena orang terlibat dengan keganasan. Jadi tidak ada dia nilai sama ada penglibatan dalam sudut agama Islamkah ataupun agama Kristian, Hindu, *Buddhist*. Asal keganasan, dia akan dikena dan terkena oleh undang-undang ini. Jadi maknanya, tidak ada memilih bangsa, agama dan keturunan.

Ketiga, ingin saya tekankan di sini juga berlandaskan pihak yang kita tangkap di Malaysia ini sendiri. Sebanyak 93 orang yang kita tangkap, yang kita kesan, yang kita ketahui bahawa tidak ada petunjuk yang jelas mengatakan bahawa orang-orang yang terlibat dengan IS ini adalah mesti daripada jurusan keagamaan Islam, belajar Islam, tidak ada.

■1910

Ada suri rumah tangga, ada budak kerja mekanik, ada orang jadi arkitek dan pelbagai, orang macam biasa. Makna dia, mana-mana saja orang boleh terlibat. Di sebaliknya itu adalah mungkin kemarahan kepada pihak-pihak tertentu sebagaimana Yang Berhormat mengetahui tadi, mengatakan bahawa mungkin marah dengan Amerika. Ingin memperjuang, melawan Amerika dan marah kepada OIC oleh sebab kegagalan OIC menghalang pihak Amerika menjajah begitu rupa di Timur Tengah umpamanya. Mungkin pengaruh oleh sosial media yang begitu mendadak di kalangan masyarakat kita dan mungkin masyarakat kita masih cepat terpengaruh oleh sosial media ini.

Keempat, oleh kerana kelemahan daripada pengetahuan apakah ertinya jihad? Apakah agama Islam ini membenarkan jihad jenis yang dibuat ataupun dilaksanakan oleh pihak IS ini? Jadi ini telah dilihat oleh pihak PDRM dan kementerian sebagai asas orang memasuki IS. Bukan sebab pelajaran agama dia, pengajian agama dia, pengaruh agama dia. Tidak! Dia daripada peringkat apa yang saya sebutkan tadi. Jadi, itulah kenapa kita mestilah memberi kesedaran kepada pihak, kita tidak memilih sama ada sekolah agama ataupun sekolah biasa. Jadi itulah tindakan kerajaan sekarang. Kita banyak.

Senarainya banyak, tindakan-tindakan daripada sekarang hingga berterusan akan memberi maklumat, kesedaran kepada semua pihak, agensi-agensi kerajaan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pergi ke sekolah-sekolah, pergi ke universiti, pergi ke agensi-agensi yang berkenaan, berjumpa dengan belia, badan-badan belia, NGO. Kita akan berjumpa dengan pihak pusat-pusat latihan, INTAN dan sebagainya. Kita akan jumpa. Bahkan kita sudah jumpa pun pendedahan ini kita akan berterusan melaksanakannya supaya memberi kesedaran apakah Islam sebenar, jihad yang sebenar supaya jangan terseleweng dengan apa yang telah didiayahkan oleh pihak ini dalam sosial media.

Jadi yang kelima, sebagai menjawab soalan pelantikan ahli Lembaga. Ini banyak diperkatakan tadi. Percaya tidak dengan Yang di-Pertuan Agong dan sebagainya. Mudah saja. Apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik mana-mana ahli, memang dia berlandaskan nasihat kerana kalau dalam perlembagaan itu sendiri Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hanya boleh membuat tiga perkara saja, tidak perlu nasihat dalam perlembagaan iaitu:

- (i) melantik seorang Perdana Menteri;
- (ii) tidak memperkenankan permintaan bagi membubarkan Parlimen; dan
- (iii) meminta diadakan Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Itu tiga perkara yang Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak perlu nasihat daripada Perdana Menteri. Yang lain, tiap-tiap yang lain, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sentiasa akur dan mendengar nasihat Perdana Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri yang diwakilkan oleh Kabinet untuk memberi nasihat pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam masa yang sama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga akan mengguna budi bicaranya mempertimbangkan sebelum pelantikan dibuat. Jadi, itulah landasan pelantikan ini. Ada garis panduan yang pertama- umpamanya pengerusi Lembaga. Pengerusi Lembaga ini kalau kita lihat dia mempunyai latar belakang perundangan ataupun layak menjadi hakim, mempunyai latar belakang 15 tahun sekurang-kurangnya dan diberi timbalan pula. Ini berlandaskan pengalaman kita yang lepas apabila kita memperkenalkan POCA. Bila kita kenalkan hanya tiga jadi Ahli Parlimen minta ditambahkan. Sekarang kita bagi. Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan boleh dilantik sampai enam orang ahli. Ini berlandaskan apa saranan Ahli-ahli Parlimen sebelum ini.

Jadi undang-undang ini mengambil kira semuanya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum kita buat. Itulah sebagai landasan bagi menjawab ini. Jadi secara khususnya biarlah saya sedikit sebanyak yang boleh saya jawab. Sebenarnya undang-undang POTA ini banyak mengambil kira undang-undang yang lain juga. Umpamanya *Patriot Act* yang disebut oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dan undang-undang di Kanada, *Anti-Terrorism Act* dan undang-undang di England, jenayah dan *Anti-Terrorism Act*, semua kita ambil kira perkara ini. Tarikh, tempat, semua kita ambil kira dan kita buat undang-undang kita sendiri dengan tidak *copy 100%, cut and paste*. Tidak ada.

Kita pertimbangkan dalam suasana kita sendiri, keadaan negara kita sendiri, masyarakat kita sendiri. Kita pertimbangkan semua itu sebelum undang-undang ini digubal. Perbincangan antara kementerian dengan pihak Jabatan Peguam Negara memang siang dan malam sebelum dibawa ke

Dewan ini. *Engagement* kita kepada pihak *stakeholders* yang tertentu memang kita buat sebelum kita bawa ke sini dan sebelum dia menjadi satu perbahasan dalam di Dewan ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi yang amat menyokong pendirian kita dalam soalan ini dan kita memang melihat apa yang dilakukan di Amerika.

Umpamanya *Guantanamo*, di luar garis undang-undang mereka walaupun undang-undang patriotik banyak Yang Berhormat mengetahui bahawa ia untuk orang asing. Maknanya ada perbezaan. Amerika memang sentiasa buat macam itu. *All men were created equal* kata Amerika, *Benjamin Franklin* 1776 tetapi yang tidak *equal* itu siapa? *The black, the yellow, the red*, semua tidak *equal*, yang *equal* itu *European stock* saja.

Jadi ini undang-undang dia banyak fasal mandatori ini. Dia mengajar kita pandai. Semua, *everybody equal* tetapi bila dia yang buat, dia berlainan. Orang Malaysia ditahan di *Guantanamo, outside the constitutional provision*. Dia tidak boleh di *appeal* kepada mahkamah dia. Jadi kita tidak *resorting to their right* dan hak semua tidak ada. *Water boarding* itu bukan kita yang buat, dia yang buat. Jadi banyak, kalau kita nilaikan pihak Amerika ini. Jadi, Amerika *is not the beacon of* hak asasi manusia walaupun merekalah menekankan daripada sanalah wujudnya *convention of right* ini dulu. Akan tetapi bila sampai kepada Amerika *is different* tetapi kepada orang asing itu dia berlainan sedikit.

Jadi *it still not sure, not clear*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bahawa hak-hak ini boleh dipertahankan dengan nilai dan pandangan sudut pihak-pihak Barat. Saya ingin menjawab Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin. Ini banyak saya mendengar. Saya mengambil perhatian banyak sejarah yang diceritakan itu berlandaskan nilai-nilai, pengalaman beliau pada tahun 1974 hingga 1980 dahulu, saya mengetahui dan apa cerita yang berlaku pada ketika itu.

Apa berlaku pada beliau, pengalaman beliau sendiri pada ketika itu tetapi keadaan sekarang dia berlainan sikit. Ada juga Yang Berhormat menyebut. Sebenarnya apa yang berlaku sekarang berlainan sedikit. Lagipun satu berhubung dengan soalan ISA dulu. Memang, ISA itu tidak ubahlah macam *Patriotic Act*, tidak ubahlah tindakan mereka yang di Guantanamo. Kurang sedikitlah. Guantanamo itu teruk sangat. Tidak boleh dibandingkan perbuatan mereka, American di Iraq itu tidak boleh sebut, teruk sangat.

■1920

Akan tetapi yang di, saya juga sendiri tidak masuk ISA ini dulu tapi keluarga saya ada masuk. Datuk Wan Yusof dulu masuk ISA juga. Keluarga saya. Jadi saya kenal, saya berjumpa dengan dia. Saya mengetahui pengalaman dia. Jadi daripada pengalaman-pengalaman ini yang diceritakan. Saya berterima kasihlah oleh sebab cerita ini tapi apa yang tidak bersetuju dengan ucapan ini ialah bahawa apabila ada penderaan oleh sesiapa pegawai kerajaan ini, negara ini sudah diequatekan dengan pengganas. Ini tidak adillah, pada saya tidak adil. Oleh sebab ada pegawai polis yang mendera orang dan aktiviti itu dianggap sebagai satu keganasan dan negara ini pula, Malaysia ini negara pengganas kononnya.

Itu berlainan. Saya pernah menyebut dalam ucapan saya di IPU, saya sebut "*Amerika ini macam negara pengganas*". Ucapan saya di IPU, Moscow, saya sebut "*This is terrorism state*". Akan tetapi betul

apa yang saya sebut. 25,000 orang dalam minggu yang pertama orang Iraq mati suaminya, isteri 25,000 orang jadi balu.

Jadi saya kata ini, tindakan macam *genocide*. Itu boleh diequatekan tetapi kita yang satu pukul sedikit-sedikit dalam sel, memang ada orang luka, cedera dan sebagainya, memang keadilan patut tidak boleh berlaku di sana perkara ini. Akan tetapi tidak bolehlah negara kita dituduh sebagai negara pengganas. Ini saya ambil *exception to that*, kita tidak bolehlah sebut negara kita sebagai negara pengganas...

Dr. Syed Husin Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hanya hendak merakamkan bahawa saya tidak pernah mengatakan negara ini negara pengganas. Saya hanya mengatakan ada unsur-unsur seperti negara pengganas. Jadi saya minta itu dirakamkan. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Kalau interpretasi saya itu tidak selaras, inilah yang disebut tadi. Itulah betul, ada unsur-unsur pengganas, macam pengganaslah. Apa lain? Jadi pada saya, patut tidak disebutlah. Keganasan ini lain. Interpretasi keganasan yang dipinta ditunjuk dalam perundangan ini ada disenaraikan apa erti keganasan. Jadi penderaan, penganiayaan dalam sel dan sebagainya itu belum lagi sampai ke tahap kita hendak mengatakan ada unsur-unsur keganasan berlaku.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Yang Berhormat? Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Saya hendak menyokong Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini bercakap fasal ganas. Saya berani mengatakan polis di Malaysia ini yang paling baik. Adakala saya geram tengok polis baik sangat. Macam hendak ketuk kepala dia kenapa baik sangat *[Ketawa]* Kita tidak ganas bahkan kita terlampau baik.

Hendak tengok polis ganas atau tidak ganas, saya duduk di Amerika lapan tahun. Kalau setakat *Blacks, Vietnamese, Chinese, coloured*, memang kena buli. Banyak kes berlaku, *proven* dengan *evidence* yang polis berapa ramai bunuh *coloured*, bunuh *Vietnamese*, lepas. Depan-depan. Ada videonya. Itu baru ganas. Polis di Amerika memang ganas. Untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat, kalau dalam sel memang dia akan *torture*. Di sini, mana ada lagi. Kalau dahulu saya mengaku Yang Berhormat, mungkin ada, dahulu. Sekarang sudah tidak ada. Polis kita memang baik, terlampau baik. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau saya sebut macam yang disebut oleh Yang Berhormat Senator mungkin macam 'Masuk bakul angkat sendiri'. Akan tetapi sebenarnya saya baca banyak *literature*, banyak buku berhubung dengan polis di Amerika itu, sampai dikatakan polis di Amerika sudah jadi macam *military*. Macam *Star Chamber* dahulu, dihentam terus. Memang sampai sekarang pun pertikaian berhubung dengan penderaan orang kulit warna lain daripada putih masih berleluasa.

Itulah kenapa pada tahun 60-an dahulu yang mempengaruhi artikel yang saya tulis. Seorang peguam bernama Lyhouis, dia ini Yahudi, mengatakan 30% yang duduk dalam penjara itu *innocent*,

khususnya orang kulit hitam. Sebab keseluruhannya *all men created equal* ini *rubbish*. Sama ada dia hakim, peguam atau apa bendakah, masih dipandang juga yang *black* tetap *black*, yang *yellow* tetap *yellow*, yang kuning tetap kuning, yang putih itu *is the clear clean cut*, orang yang jenis *Aryan group*. Akan tetapi bila datang sahaja nilai daripada itu, *United Nations* bagi sebut macam ini, semua kita kena dewa-dewakan apa benda yang disebutkan dalam *United Nations*. Hingga sekarang pun Amerika tidak terkena daripada ICJ, kenapakah? Sebabnya satu sahaja. Sebab dia tidak hendak dihakimi oleh orang lain.

Jadi, kita jangan menilai negara lain itu baik dan negara kita itu tidak baik. Kadang-kadang kena duduk di sana dahulu dan nilai dengan sejelas-jelasnya sebelum kita- saya tidak lamalah. Empat tahun sahaja duduk di England itu, faham saya. Payah hidup Tuan Yang di-Pertua. Setiap malam saya kena maki tetapi dia maki bukan Melayulah. Dia maki saya Pakistani. Dia panggil saya "*Paki bastard*". Tiap-tiap malam saya dengar itu...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi, berpindah saya kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani. POTA digunakan terhadap mereka yang menyebarkan IS melalui media sosial. Jadi, penyebaran kempen untuk menggunakan media sosial ini, ia di luar bidang kuasa pihak Kementerian Dalam Negeri. Akan tetapi kita telah dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri mengumumkan dalam Dewan ini, mengatakan akan melihat semula perundangan multimedia yang ada sekarang ini, dengan harapan pada sesi yang akan datang, undang-undang ini akan dipinda dan sejauh mana kita boleh menangani masalah media sosial ini.

Akan tetapi apa yang saya ketahui bahawa hakikatnya, kita tidak akan *block Twitter, Facebook*. Itu akan sentiasa dibiarkan kerana industri multimedia ini masih amat penting bagi negara kita untuk membangun. Apa yang kita perlu ialah untuk mendidik bangsa kita, masyarakat kita supaya mengetahui bahawa penggunaannya janganlah menjadi keterlaluan yang boleh mendatangkan masalah kepada negara kita dan masyarakat kita juga patut dididik dari sudut pengaruh. Janganlah cepat sangat terdorong kepada apa yang keluar dan menerima apa sahaja yang dipropagandakan di dalam media sosial ini.

Jadi yang kedua ialah jaminan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan ini tidak akan digunakan oleh pihak kerajaan untuk menahan ahli politik dengan sewenang-wenangnya. Tadi saya sudah jelaskan dan sudah cukup jelas bahawa kita tidak akan menggunakan ini ke atas aktiviti politik tetapi kalau parti politik terlibat dengan keganasan sama ada melindungi, membantu, menyokong, memberi derma, itu kita akan ambil tindakan di bawah undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki lagi minta kementerian memberi pencerahan mengenai kriteria bagi kelayakan anggota lembaga supaya menyenangkan persepsi negatif terhadap kuasa Lembaga. Kriteria lembaga kelayakan ditetapkan dalam fasal 8, rang undang-undang. Pengurusan hendaklah seorang yang berkelayakan undang-undang. Saya sudah sebut tadi ini sebenarnya. Berhubung dengan Timbalan Pengerusi dan tiga ataupun enam orang anggota yang lain,

kriteria keseluruhan akan ditetapkan seperti yang dibuat bagi lembaga POCA untuk memastikan setiap kes dipertimbangkan dengan sewajarnya sebelum keputusan dibuat. Percayalah, saya amat meyakini lembaga POCA. Bukan semua orang dibawa ke lembaga POCA ini ditahan. Banyak lagi fail yang ditolak oleh pihak Lembaga POCA. Pihak kementerian tidak pernah terlibat dengan apa sahaja keputusan dan pemikiran yang dipertahankan oleh pihak Lembaga POCA ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki juga bertanya apakah mungkin ada penjelasan yang jelas berkenaan wujudnya Lembaga yang mana boleh terdiri daripada ahli politik. Jadi, dalam Lembaga pencegahan jenayah ini terdiri daripada seorang pengerusi yang berkeelayakan undang-undang. Itu tadi sudah sebut. Timbalan pengerusi dan ahli anggota tidak kurang daripada tiga dan tidak lebih daripada enam. Maknanya mesti mempunyai pengalaman dalam bidang keselamatan dan ketenteraman awam yang luas, berintegriti tinggi, dihormati oleh masyarakat dan boleh membuat keputusan *without fear and favour*.

Soalan pemulihan modul latihan yang diberikan dirangka oleh pihak kementerian. Ini juga ditanya oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki. Satu modul pemulihan dengan kerjasama PDRM, Jabatan Penjara Malaysia serta agensi-agensi kerajaan yang lain- ini juga boleh menjawab ada persoalan-persoalan latihan, kaunseling dan sebagainya tadi- termasuk JAKIM dirangka oleh Kementerian Dalam Negeri.

■1930

Model pemulihan ini dirangka khusus untuk *neutralize*kan ahli-ahli kumpulan pengganas ini supaya mereka kembali kepada ajaran dan fahaman Islam yang sebenar dan berlandaskan Al-Quran dan hadis. Antara model yang dititik beratkan ialah perhubungan dengan keagamaan, kerohanian, jati diri, kenegaraan, psikologi serta nilai-nilai murni yang lain. Model pemulihan ini juga akan turut melibatkan isteri, bapa dan ahli keluarga yang terdekat yang bertujuan untuk memberi sokongan moral bagi melibatkan dalam proses pemulihan. Pada masa yang sama, bekas tahanan yang telah pulih akan dijadikan sebagai *role model* untuk berkongsi pengalaman pahit mereka akibat terlibat dengan aktiviti negatif tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita telah melaksanakan perkara ini dalam bidang-bidang lain, umpamanya dadah. Ada seorang yang terlibat dengan 16 kali masuk penjara oleh sebab dadah. Sekarang menjalani satu pelajaran di universiti untuk mendapat ijazah dan dia menjadi pensyarah ataupun motivasi kepada badan penjenayah yang terlibat dengan dadah. Macam mana dia kembali pulih dan macam mana dia boleh membantu pihak penjara dan pihak polis dalam pendekatan kita untuk memulihkan mereka yang terkena dengan dadah. Begitulah modul yang boleh kita guna pakai nanti untuk pihak pengganas ini juga.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul, sejauh mana rang undang-undang ini boleh bekerjasama dengan SKMM dalam menangani masalah penyebaran IS yang mana menggunakan laman sosial untuk menyebarkan diayah mereka. Semua pihak berkuasa termasuk SKMM sememangnya bekerjasama dalam usaha untuk menyekat dan mencegah penyebaran diayah sesat iaitu melalui laman sosial. SKMM

akan membantu pihak polis dalam peringkat penyiasatan untuk mendapatkan keterangan dan menjejaki sumber laman sosial yang menyebarkan diayah IS tersebut serta orang yang membuat ataupun menghantar diayah IS itu. SKMM juga membantu polis untuk *preserve* keterangan melalui peranti komunikasi atau elektronik seperti *conversation* antara penghantar mesej dan juga pengenalan pasti *administrator* laman sosial tersebut. Jadi, kerjasama kita akan berterusan berhubung dengan perkara ini.

Kembali lagi kepada Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Apakah maksud *terrorist act*? Perbuatan keganasan? Siapakah yang dianggap penganas? Ungkapan perbuatan keganasan dalam Rang Undang-undang Pencegah Keganasan mempunyai erti yang sama yang diberi kepada Kanun Keseksaan 574. Jadi, Kanun Keseksaan ini... [*Merujuk nota di atas meja*] Kesalahan membiayai keganasan kumpulan penganas, suatu entiti- panjang cerita ini Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ada dalam rang undang-undang yang kita lulus dahulu, jadi kena bacalah rang undang-undang ini. Subseksyen 130 yang dibaca bersama subseksyen 3, dan seksyen 4, Akta 574 iaitu Kanun Keseksaan mentakrifkan, *terrorist act* sebagai *an act of threat of action within or beyond Malaysia, the act is done or the threat is made with the intention of advancing political, religious and ideological cause and the act or threat is intended or may reasonably be regarded as being intended to intimidate the public or in sections of public or influence or compel the Government of Malaysia or the government of any state in Malaysia or any other government or international organization to do or refrain from doing any act*. Panjang cerita.

Maka, suatu perbuatan suatu perbuatan keganasan jika *involved serious bodily injury to a person, endangers a persons life, causes a person death, create a serious risk of health or the safety of the public or section of the public, involved serious damage to property, involve the use of firearms, explosives or other legal devices*. Jadi, banyak cerita ini semua dalam perundangan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, Senator Dr. Syed Husin Ali juga bertanya, keganasan bukanlah sahaja melibatkan IS tetapi juga kebebasan dalam bentuk lain. Adakah POTA ini merangkumi keganasan? Ini telah saya sebutkan tadi, merangkumi semua keganasan. Ia tidak berhubung dengan IS sahaja, bahkan undang-undang itu sendiri tidak menyebut soalan IS tetapi semua keganasan dan semua bangsa, semua agama. Kalau berlaku keganasan, dia boleh termasuk di bawah undang-undang ini. Juga mengapakah perlu ada perintah tahanan pencegahan (*preventive detention order*).

Ini memang satu teras undang-undang ini. Terdahulu ditekankan bahawa perintah tahanan di bawah Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan tidak sama dengan perintah tahanan pencegah daripada segi proses mengenakan mahupun daripada segi kesan. Rakyat seharusnya jelas dan yakin mengenai keperluan peruntukan seumpama ini walaupun terdapat pihak-pihak tertentu yang berkepentingan yang mementingkan dan mengutuk tindakan kerajaan untuk memperkenalkan perintah tahanan sebagai tidak berperikemanusiaan dan sebagainya, namun ia masih perlu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak diperbincangkan soal hak asasi manusia dan tidak menggunakan jurusan undang-undang yang sebenarnya. Iaitu maknanya, orang-orang itu mesti dituduhkan di mahkamah, telah didapati bersalah oleh mahkamah dan baru orang itu dihantar ke penjara. Akan tetapi dalam sudut keganasan ini ia banyak perkara yang ada menjadi kemusykilan kepada kita. Oleh sebab

tiap-tiap peguam ia mengetahui apa dikatakan pertalian ataupun rangkaian bukti itu mesti tidak boleh putus. Kalau sedikit sahaja terputus, ia tidak boleh menjadi bukti yang sah dan boleh digunakan oleh mahkamah untuk menghantar orang itu ke penjara. Umpamanya, keganasan ini berlaku di Syria dan di Iraq. Kalau kita tidak mempunyai *evidence* yang jelas yang selain daripada yang *secondary*, *hearsay*, yang kita dengar, memang dia tidak dapat disabitkan di mahkamah kita sendiri.

Jadi, dalam keadaan sedemikian walaupun kita mengetahui dia berada di Syria, dia berada di Iraq dan terlibat dengan IS, bahkan terlibat dengan pembunuhan di sana. Namun, kita akan gagal untuk mendapat dia bersalah di mahkamah kita kalau menggunakan jurusan-jurusan undang-undang yang biasa. Itulah kenapa ia memang disebut tadi dalam pembentangan bahawa undang-undang POTA ini bukanlah undang-undang yang secara norma biasa. Sedikit kelainan, itulah kenapa diadakan Lembaga untuk menilai. Hanya perbezaannya ialah bahawa kalau dahulu apabila laporan dibuat diberi kepada Menteri, Menteri akan *sign* sahaja, masuk tahanan. Akan tetapi sekarang Kertas Siasatan itu akan diserahkan kepada pihak Lembaga. Pihak Lembaga akan menilai satu persatu bukti-bukti yang sama ada boleh ataupun tidak, munasabah ataupun tidak bukti yang ditunjuk ke Lembaga itu untuk Lembaga menahan ataupun menolak apa yang dikatakan pegawai penyiasat ini.

Jadi, ini amatlah penting. Maknanya, dia tidak akan menganiayakan orang sebegitu sahaja. Dahulu walaupun kita Menteri saya cukup yakin, mungkin ada Menteri yang kesilapan membuat keputusan tetapi dia seorang sahaja yang buat. Di sini kita sudah lengkapkan, Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan tidak lebih daripada enam orang boleh menjadi ahli Lembaga.

Soalan kedua, POTA ini diwujudkan sedangkan Malaysia telah mempunyai akta-akta boleh diguna untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan keganasan seperti Kanun Keseksaan dan SOSMA. Ini telah saya perelaskan tadi dengan begitu jelas bahawa SOSMA itu undang-undang prosedur tetapi undang-undang POTA ini ia berciri-ciri lain, preventif, punitif, boleh dituduh di mahkamah dan sebagainya.

Satu lagi ialah Undang-undang Pencegahan Keganasan menghidup semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan memperuntukkan perintah tahanan hingga dua tahun boleh diperbaharui tanpa batasan. Ini juga kita hendak melihat perbezaan undang-undang yang dahulu iaitu ISA dengan undang-undang POTA ini amat jelas. Saya tidak hendaklah hendak sebut dari sudut nama sahaja. Kita boleh ubahkan nama tetapi kalau tidak ada perbezaan betul, memang tidak jadi satu masalah.

■1940

Kalau kita lihat undang-undang ini satu pertamanya dari sudut penggunaan Lembaga. Dahulunya Menteri. Maknanya ia ada perubahan yang amat besar, yang amat ketara. Menteri mungkin dianggap seorang yang tidak neutral dalam isu keganasan. Mungkin dia mirip kepada sangat keselamatan negara. Jadi dia akan terdorong untuk menahan orang. Jadi kita serah ke Lembaga. Pihak Lembaga ini pula macam pengalaman kita untuk melantik Lembaga Pencegah Jenayah umpamanya. Kita tertunda Tuan Yang di-Pertua sebenarnya. Kita tertunda beberapa bulan.

Sebabnya ialah orang yang kita nak lantik itu, gaji yang kita tawar itu tak sebesar mana yang dia dapat di luar sana. Jadi pertimbangan secara peribadinya sama ada dia mahu menerima ataupun tidak menerima, ini pun kita tak boleh nak paksa dia menerima. Jadi dalam keadaan sedemikian, semua tindakan dan pengambilan kemahuan dia menerima lantikan dan sebagainya itu adalah berlandaskan pendirian dia sendiri bukan paksaan daripada pihak kementerian ataupun kerajaan. Jadi itulah kenapa apabila nama itu diserahkan kepada Duli Yang di-Pertuan Agong, mungkin dia sendiri dah beritahu dia payah nak terima oleh sebab tawaran yang diberi oleh pihak kerajaan itu tidak memadai dan adakah POTA dianggap... [Disampuk]

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Boleh mohon mencelah? Saya sikit sahaja berkait dengan Lembaga ini. Kalau saya rujuk kepada laporan Lembaga Pencegahan Jenayah, ahlinya adalah daripada perundangan ada dua orang, kepolisan dua orang dan seorang ahli akademik dan pengamal undang-undang. Adakah untuk kelayakan dari sudut kehakiman macam mana? Kenapakah tidak ada seorang daripada kelayakan kehakiman ataupun perundangan ini adalah termasuk kehakiman? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita berharap sangat mereka yang mempunyai pengalaman kehakiman, mereka yang masih jadi hakim mahu menduduki tempat ini. Akan tetapi, masalahnya seorang demi seorang yang tak mahu. Ini yang jadi satu masalah pemilihan ini. Jadi begitu juga yang menerima. Umpamanya pegawai yang daripada latar belakang keselamatan itu, ialah dia yang mempunyai latar belakang yang amat luas dalam sudut keselamatan.

Apabila dia duduk dalam Lembaga itu dia tidak ada lagi sifat kepolisiannya. Itulah kita apabila kita melantik pegawai *inquiry* ini, *consideration* yang pertama, pemikiran pertama yang kita fikirkan ialah supaya jangan menggunakan pegawai polis dari sudut pertamanya, sudut *interrogation method* ataupun prosedur polis itu sudah *fix*. Jadi kita payah nak ubah perangai polis ini lagi. Jadi kita bimbang juga oleh sebab tidak ada kawalan, tidak ada sel, tak ada orang *oversee* dia, dia *very independent*.

Board Lembaga ini pula mungkin payah nak mengawal selain daripada apa garis panduan-garis panduan, peraturan yang dibuat oleh Menteri. Menteri buat peraturan ini pula, bukan Menteri sendiri yang buat. Tak ada. Nama sahaja. Kuasa itu ada diletak di tangan Menteri tetapi sebenarnya perkara ini semua dibuat oleh pihak-pihak Lembaga *e-consultation* dengan pihak pejabat Kementerian Dalam Negeri.

Jadi itulah baru peraturan itu dibuat bersesuaian untuk kegunaan pihak Lembaga. Peraturan ini adalah tetap bukan peraturan hari ini dibuat, esok dipinda. Tidak. Ia tetap. Jadi masalah kita untuk melantik Yang Berhormat orang yang sesuai dan mahu menerima pelantikan oleh sebab mungkin pendapatan dia lebih baik di luar sana ataupun nak jadi hakim mungkin lebih seronok daripada menjadi Pengerusi Lembaga. Kita cuba tetapi di sebalik yang saya kata saya cuba ini, saya tak terlibat pun. Oleh sebab kebanyakannya memang oleh sebab soalan pelantikan Duli Yang di-Pertuan Agong ini ialah

berlandaskan perlembagaan bahawa atas saranan ataupun pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

POTA adalah sama ISA ini telah kita jawab tadi dan perbezaannya telah kita jawab tadi dan perbezaannya itulah tadi dan *inquiry officer* nya dilantik daripada kalangan bukan orang polis. Tujuannya cuba mengelak pihak-pihak polis ini banyak sangat terlibat dengan soalan penggunaan kuasa. Walau bagaimanapun, mereka ini mestilah mendapat proses kursus-kursus yang tertentu yang bakal diberi oleh pihak Peguam Negara dan dilatih oleh pihak-pihak polis dari sudut pengumpulan dokumen dan *evidence*. Mereka ini mempunyai pengajian dan pendidikan yang lebih tinggi daripada keperluan pihak polis. Jadi Tuan Yang di-Pertua percayalah pelantikan ini amat teliti dan mengambil kira semua sudut sebelum kita melantik. Jadi ia boleh menjadikan *check and balance* bukan sahaja kepada pihak Lembaga tetapi juga kepada pihak kementerian itu sendiri.

Banyak lagi ini- jaminan kerajaan bahawa tahanan di bawah POTA ini tidak disalah guna oleh pihak berkuasa. Ini penggunaan perkataan salah guna ini memang banyaklah. *Abuse-* memang itulah sebabnya undang-undang ini saya sebut tadi bahawa ia dikhususkan untuk keganasan, satu. Ia tidak akan digunakan untuk orang politik, dua dan ke-tiga saya sebut tadi juga kalau orang politik terlibat dengan keganasan, ia tidak boleh lari daripadanya dan *in shaa-Allah* dengan adanya Lembaga, kita akan berusaha sebanyak yang boleh supaya ia tidak menjadi satu penganiayaan kepada masyarakat yang terlibat.

Lagipun Tuan Yang di-Pertua saya hendak membuat satu peringatanlah. Memang banyak kata dalam ucapan tadi hadis Nabi, apa yang disebut Sayidina Ali dan sebagainya, itu zaman Khalifah Ar-Rasyidin dan Nabi serta Khalifah Ar-Rasyidin ini orang jenis yang lain Tuan Yang di-Pertua. Bukan kita-kita ini manusia biasa lah. Kita ini manusia biasa. Kita banyak kelemahan dan kegagalan. Akan tetapi, *safeguard* dah ada di sana. Harapan kita ialah kalau dapat sedikit kita mengikutkan ciri-ciri Rasulullah dan juga Khalifah Ar-Rasyidin itu, kita cuba juga tetapi kita tak mampu kita nak semacam apa yang dibuat. Akan tetapi apa Yang Berhormat saya dengar tadi- kita nak dengar dua belah. Ini betul. Sebenarnya ini soalan *natural justice* Yang Berhormat. Satu kena dengar, satu pun kena dengar. Di situlah kenapa apabila pengumpulan bukti itu dibuat oleh pihak *inquiry officer* dan diserahkan kepada pihak POTA *then* dia boleh menjemput orang yang tertuduh itu untuk berjumpa. Dia ada *discretion* dia untuk membuat perkara-perkara untuk menilai sendiri sama ada perkara ini betul atau tidak tuduhan ini.

Jadi pindah saya kepada Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam panjang cerita ada falsafah pula dari tadi saya dengar. Saya suka juga nak mendengar ucapan-ucapan yang amat intelektual nampaknya ini. Banyak buku rujukan dan sebagainya. Setakat manakah keadaan keselamatan di negara ini- perlu jaminan daripada undang-undang ini. Adakah langkah-langkah keselamatan telah diperketatkan memandangkan Malaysia boleh menjadi negara sasaran?

Yang Berhormat sebenarnya kalau kita lihat pendekatan yang kita buat, yang pertama kita latih pegawai polis kita dari sudut *intelligence gaze ring*. Kedua, kita buat kerangka *networking* nya di seluruh ASEAN dan juga antarabangsa untuk mengenal pasti siapakah pengganas-pengganas untuk bertukar

information dan maklumat. Ketiga, kita juga melihat bahawa polis itu sendiri ada mempunyai hubung kait dengan Interpol supaya mendapat maklumat-maklumat. Akan tetapi, dalam sudut kita, kita tidak 100% menggunakan maklumat Interpol itu sebabnya kita juga takut bahawa ada orang-orang yang dianggap pengganas di negara-negara macam barat umpamanya yang kita tidak anggap sebagai pengganas jadi kita tidak berpandu sangat walaupun kita menerima maklumat-maklumat ini.

Jadi maklumat daripada *United Nations* itu kita anggap lebih *authentic* daripada maklumat-maklumat daripada Interpol yang kita terima. Dalam keadaan sebegini semua persoalan *intelligence*, persoalan maklumat, *exchanging information* di antara kita dengan *ASEAN country* itu akan *continue* kerjasama untuk menangani masalah ini. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita mengetahui bahawa negara kita memang pada masa sekarang menganggap *the threat of* keganasan ini mungkin berlaku. Akan tetapi kalau kita lihat daripada buktinya memang ternyata Datuk, Tan Sri kalau kita lihat umpamanya jumlah orang terlibat dengan IS dari negara-negara yang terkena.

■1950

Kita 93 orang. Memang betul Ahli Yang Berhormat ada menyebut tadi adakah keperluan kita menggubal sesuatu undang-undang, hanya 93 orang sahaja yang kena tangkap. Yang Berhormat *prevention is always better than cure* dalam sudut ini. Kalau kita hendak jadi macam di *United Kingdom* 1,500 orang, Australia 200 orang, US 200 orang, *France* 1,200 orang, *Netherland* 220 orang, *Germany* 600 orang, Denmark 150 orang, Belgium 440 orang, *Italy* 80 orang. Kalau kita hendak tunggu *figure* ini kita itukan bila dia balik ke negaranya nanti, kita pun tahu apa hendak buat dengan mereka. Jadi kalau kita tidak tahu apa hendak buat dia akan merosakkan negara ini. Kita tidak boleh menunggu bahawa negara ini binasa dahulu baru kita menggubal undang-undang. Pada masa itu *it will be too late*, dengan izin, telah terlambat.

Jadi itulah tujuannya *prevention is always better than cure* dalam sudut ini. Undang-undang ini daripada awal kita buat sebelum anak muda kita terpengaruh banyak sangat. Itulah kenapa kita buat kesedaran ini ke seluruh negara. Kita dalam mesyuarat Ketua Menteri dan Menteri Besar yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya menghadiri sendiri akan ditubuhkan Jawatankuasa supaya semua sekolah, saringan sekolah bukan sahaja sekolah kebangsaan tetapi sekolah-sekolah madrasah, sekolah-sekolah apa sahaja IPT dan IPTS...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Silakan.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan Yang Berhormat Tan Sri dok bincang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi itu 600 orang, 300 orang, 200 orang dari Australia, *Germany* 600 orang, *Italy* itu, adakah mereka ini orang Malaysia ataupun orang asal di sana? Soalan nombor dua, adakah mereka ini orang Islam? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih. Sebenarnya orang yang saya sebutkan itu tadi orang negara yang itu tadi. Kalau saya kata tadi 1,200 daripada France iaitu orang

Perancis. Akan tetapi dia bercampur. Ada orang Perancis ini bukan orang Islam pun, orang Kristian pun terlibat juga dengan perjuangan ini. Jadi tarikan oleh *cyber troopers* IS ini memang menarik.

Jadi ada lagi laporan yang terkini, wanita-wanita yang pergi ke tempat itu bukan sahaja menjadi isteri tetapi wanita yang diguna oleh mereka ini digilirkan sebagai *comfort women* kepada pihak penganas. Jadi ini semua kita hendak beritahu kepada anak-anak muda kita, wanita kita, bukan hendak menjadi isteri orang di sana. Tadi isteri hari ini, esok orang lain pula. Lepas itu kalau sudah bosan tengok, jadi isteri itu, ditukar. Dia pergi serah sahaja macam itu. Mungkin 10 orang masuk sebuah bilik satu kali. Ini ada laporan yang telah dibuat.

Jadi kita hendak mengelakkan perkara ini supaya anak-anak muda kita jangan jadi terjebak dengan perkara ini berlaku di negeri tersebut. Oleh sebab perjuangan IS ini sebenarnya asal kalau kita kaji dan selidik bukan perjuangan agama sebenarnya. Diguna sahaja agama itu. Perjuangannya perjuangan politik sebenarnya.

Jadi satu lagi ialah kepada Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran. Mengapakah tindakan tidak boleh diambil ke atas ahli politik? Bagaimana jika ada ahli politik yang terlibat dengan- ini sudah saya jawab. Ahli politik, aktiviti politik tidak akan terkena dengan undang-undang ini. Ahli politik, badan politik, parti politik kalau dia terlibat dengan keganasan undang-undang ini boleh digunakan kepadanya. Jadi itulah penjelasannya secara ringkas.

Lagi satu, bercampur-campur Yang Berhormat, minta maaf. Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin, adakah dakwaan yang mengatakan ada pihak yang menyertai IS bukan kerana kefahaman agama tetapi menentang *imperialism* ataupun kekejaman pihak barat terhadap negara Islam. Memang ada kebenaran perkara ini. Sebenarnya bukan sahaja soalan pegangan agama sahaja tetapi ada segelintirnya oleh sebab kemarahan dengan *imperialism* yang diketuai oleh pihak Amerika. Itu yang pertama. Pernah saya sebut di Dewan yang mulia ini.

Kedua ialah oleh sebab lihat mereka ini, persepsi mereka, kegagalan OIC menangani masalah Amerika. Kenapa OIC begitu tidak bermaya sekali apabila berhadapan dengan pihak Amerika. Itulah mereka marah ini. Semua marah. itu sahaja. Jadi bukan soalan perjuangan agama. Akan tetapi apabila mereka telah sampai...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sana, mereka telah melihat dari sudut agama yang dipelopori oleh pihak IS.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik apabila Yang Berhormat sebut kerana OIC gagal maka timbul IS ini. Sekarang kita pun ada satu juga kekecewaan macam Alvin, dia menghina agama Islam. Dulu buka puasa *Bak Kut Teh*. Sekarang ini dia main muzik dengan berleengeng. Dia azan. Orang pun rasa kecewa juga ini macam tidak ada undang-undang boleh menangkap beliau. Adakah ini boleh menjurus IS akan ambil tindakan kepada beliau? Atau akan mengambil tindakan yang tidak dijangka di negara kita sendiri. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sebenarnya masalah Alvin ini satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sebagai penjelasan sebenarnya terkeluar daripada ini. Akan tetapi saya akan jelaskan juga kerana ia penting benda yang relevan pada masa sekarang. Alvin ini berada di luar negara. Dia berada di Amerika kalau tidak salah saya sama ada di Eropah ataupun di Amerika. Undang-undang dia hampir sama. Akan tetapi syarat *act* tradisi ialah kesalahan yang dilakukan di sini juga menjadi satu kesalahan yang berlaku di negara mana dia berada. Barulah *act* tradisi ini boleh dilaksanakan.

Oleh sebabnya kalau kita membuat jurusan diplomatik perhubungan bilateral di antara kita dengan pihak polis kita dengan pihak polis di sana kita akan meminta dia dihantar balik. Walaupun pihak polis kata okey kita boleh hantar balik. Akan tetapi dia berkemampuan dan boleh lagi dengan perundangan orang di sana akan membawa kes itu ke mahkamah. Apabila kes itu dibawa ke mahkamah, penilaian mahkamah akan berlandaskan itu tadi iaitu sama ada apa yang Alvin buat di Malaysia itu satu kesalahan.

Adakah ia juga kesalahan di negara mana Alvin itu berada. Kalau ia tidak menjadi satu kesalahan di negara itu dengan sendirinya proses *act* tradisi itu akan gagal. Ini perundangan antarabangsa. Jaid itulah kelemahan yang kita lihat bahawa kita tidak mampu membawa dia balik ke Malaysia ini dalam keadaan yang perundangan yang masih mengikut sistem-sistem yang lama dahulu. Akan tetapi dalam masa yang sama ia boleh masih mencemuh dan mempermainkan, mengejek kita di Malaysia oleh sebab *the savor space* yang bebas dan *borderless*. Itulah masalah Alvin.

Begitu juga masalah Sirul umpamanya. Kenapakah Sirul tidak boleh masuk balik? Oleh sebab satu sahaja sebab Australia tidak percaya dengan hukuman mati mandatori. Jadi oleh sebab ini bagi landasan sedemikian *province* di Australia, yang ada perundangan tertentu walaupun peringkat *federal* tidak ada tetapi konsep *death penalty* ini tidak diterima oleh pihak Australia. Apabila konsep penalti ini tidak diterima di Australia kalau dihantar Sirul ini balik di sini sama lah pendirian mereka mengatakan Sirul ini untuk dibunuh macam itu sahaja yang bertentangan dengan kepercayaan mereka.

Jadi, itulah proses untuk ekstradisi kita akan menghadapi satu masalah yang besar walaupun dia dianggap sebagai penjenayah di Malaysia oleh sebab konsep kehukuman itu berlainan sikit, ia mungkin mendatangkan satu masalah kepada kita untuk membawa dia balik ke negeri ini. Jadi...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi adakah ini akan menyebabkan IS akan bertindak kerana dia menghina agama Islam begitu rupa.

■2000

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Itu saya tak tahulah sama ada IS akan bertindak kepada Alvin. Saya tak boleh memasukkan dalam pemikiran pihak IS sikap Alvin itu. Akan tetapi pada saya, tak mungkinlah dia akan mendatangkan kesan ataupun reaksi daripada pihak IS. Apa yang Alvin buat itu tidak akan mendatangkan apa-apa kesan selain daripada membuat orang Islam, orang Melayu di Malaysia marah. Itu sahaja. Selain daripada itu, saya tidak melihat ia akan mendatangkan satu kesan yang lain. Bahkan, negara lain pun tidak melihat ada kelemahan di

masyarakat Malaysia dari sudut menangani masalah Alvin itu kerana mereka akan menilai dari sudut undang-undang antarabangsa juga sebelum membuat keputusan dan pemikiran.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, daripada Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin lagi satu, berapakah peruntukan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Ini banyaklah saya- kata orang Sarawak, teralir-alir suara saya dah. Ada orang Sarawak sini kah? Tak ada?

Perlembagaan kita memang ada *the freedom of speech, freedom of expression, freedom of itu, freedom of ini*. Jadi *the due process of law*, semua ditunjuk dalam Perlembagaan ini. *Due process of law* ini dia bersifat hakim ada, *defense* ada *prosecution* ada dan sebagainya. Makna *due special provision* itu memang ada. Biasa itu. Undang-undang biasa itu ada terletak dalam ini kerana undang-undang ini digubal oleh pakar undang-undang dari England dulu, Lord Reid. Lord Reid ini Pengerusi Lembaga untuk menggubal Perlembagaan kita. Dia memikirkan semua perkara tetapi dalam Perlembagaan ini juga memberi satu *exception* iaitu bahawa undang-undang Persekutuan yang digubal oleh Parlimen boleh memberi variasi kepada Perlembagaan. Jadi dalam sudut itu, saya berpendapat dia tidak ada percanggahan.

Walau bagaimanapun, saya hanya boleh bercakap dari sudut ini, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya, mana-mana pihak yang tidak berpuas hati sama ada undang-undang ini akan bercanggah dengan Perlembagaan ialah kita kena pergi ke mahkamah untuk tanya dengan mahkamah sama ada undang-undang ini *infringe the provision of Constitution* ataupun tidak ataupun *unconstitutional*. Kalau dia dianggap *unconstitutional* oleh mahkamah, *then* bolehlah kerajaan kembali ke Parlimen semula minta Parlimen, lihat semua apa undang-undang yang kita buat dah salah. Jadi setakat ini, pendapat saya ialah ia tidak ada bercanggahan dengan Perlembagaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Agaknya masih banyak lagi kah soalan yang belum terjawab?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya *'beuran'* dah benda ini. Saya bolehlah dua jam lagi macam itu. Sama-sama kita, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Lagi daripada Yang Berhormat Dr. Ariffin lagi, Tuan Yang di-Pertua. Seorang yang diberkas tidak diberikan hak untuk mencabar kes di mahkamah. Ha, ini di bawah ada tadi. Sebenarnya soalan mencabar kes mahkamah ini, saya ingin memberi penjelasan panjang lebarlah sebenarnya.

Dalam soalan sekuriti ini, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa undang-undang di England dahulu pun semenjak abad yang ke-19 menentukan bahawa apabila perkara berhubung dengan keselamatan, itu bukan hak mahkamah dan hak mana-mana orang lain menentukan hak keselamatan, bahkan itu ditetapkan oleh pihak kerajaan. Daripada kes tahun 1916 dahulu. Dan kes ini telah diikuti sekali lagi pada tahun 1977 di England juga, Lord Denning. Saya kenal dengan Lord Denning ini, Tuan Yang di-Pertua. Ambil gambar dengan dia dua tiga kali, kita syoklah dengan orang yang *famous* macam Lord Denning ini.

Lord Denning punya kes selepas beberapa puluh tahun selepas keputusan Zamora punya kes, buat keputusan lagi dalam kes Lord Denning, *R against the Secretary of State Ex Parte of Hosenball* pada tahun 1977 juga berkata, “*There is a conflict between the interests of national security in one hand and the freedom of individual on the other. The balance between this two is not for the court of law to decide.*” Itu dalam Lord Denning punya *statement*. Dalam Zamora punya kes, “*Those who are responsible for the national security must be the sole judge for what the national security requires. It would be obvious undesirable that such matter should be made the subject of evidence in a court of law or otherwise discussed in public.*”

Jadi, kes ini, *the principal*, prinsip undang-undang ini dalam kes ini masih diguna pakai hingga sekarang ini. Jadi apa yang ditunjukkan dalam undang-undang kita ini dalam seksyen itu tadi, mengatakan tak boleh bawa ini, tak bawa itu, sebenarnya *reflection or* keputusan *common law* yang di *decide* oleh hakim-hakim yang termasyhur di England itu sendiri. Jadi dalam keadaan sedemikian, saya tidak melihat dia menjadi benda yang asing kepada kita tapi sebenarnya hanya *making the statement what are actually is there already* oleh mahkamah.

Tadi Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin juga bertanya jika rang undang-undang ini diluluskan, adakah kita telah jatuh di bawah pengaruh US dan dasar US terhadap negara Islam. Saya memang tidak melihat dari sudut pengaruh Amerika. Apabila Amerika buat Guantanamo, kita tak buat Guantanamo. Apabila Amerika buat *waterboarding*, kita pun tak buat *interrogation* secara *waterboarding*. Kita tidak terpengaruh dengan Amerika.

Kita menggubal rang undang-undang ini demi keselamatan negara dan masyarakat negara ini yang kita lihat amat perlu menangani masalah ini dan supaya kita boleh mencegah anak-anak muda kita berhijrah ke negara lain untuk memperjuangkan perkara yang tidak betul. Itu tujuan utama undang-undang yang kita gubal ini. Bukan kita terpengaruh oleh Amerika, bukan kita terpengaruh oleh mana-mana sekalipun walaupun dalam sudut ini, *United Nations* sendiri mengeluarkan senarai-senarai pegganas yang sepatutnya kita ambil kira tetapi dalam masa yang sama, kita tidak terpengaruh. Kita hanya lihat kepentingan negara kita, kepentingan masyarakat kita, kepentingan keselamatan negara kita. Itu yang kita lihat, maka undang-undang ini kita bawa ke sini untuk diluluskan Dewan yang mulia ini.

Ada satu lagi. Peruntukan rang undang-undang yang tidak selaras dengan hak asasi boleh ditahan 59 hari sebelum dihadapkan pegawai siasatan. Ini tadi saya dah sebut. Sebenarnya di bawah Artikel 149 itu, memang kita ada peruntukan dalam Perlembagaan untuk membolehkan kita dalam sudut yang tertentu untuk menggubal undang-undang yang tertentu supaya untuk menjaga keselamatan kita daripada beberapa sudut di bawah Perlembagaan itu sendiri. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita gubal undang-undang ini setelah melihat juga undang-undang lain, soal penahanan semasa penyiasatan.

Sebenarnya kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, dari sudut penahanan ini, sepatutnya kita menerima hakikat bahawa ia penting, sebabnya penahanan secara tidak dibawa ke mahkamah ini adalah *the last resort*, Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang terakhir. Apabila penyelidikan dibuat dalam masa 59 hari itu bahawa ialah kita untuk mengumpulkan cukup *evidence*, bukti yang nyata. Kalau didapati cukup

bukti-bukti yang nyata, kita tidak akan bawa dia kepada penyiasat, kita akan serahkan dia kepada mahkamah, kita akan tuduh dia di mahkamah. Ini selaras dengan SOSMA. Kita akan serahkan dia ke mahkamah dan akan dituduh di mahkamah kalau ada bukti yang nyata kerana kalau dia terlibat dengan niat, ada hukum-hukum yang lebih tinggi lagi yang boleh dikenakan di bawah Kanun Keseksaan.

Jadi, bukan tujuan kita untuk menahan orang ini sebagai pemilihan utama. Ini pilihan yang terakhir. Kita tahu yang dia ada terlibat tetapi buktinya tidak mencukupi daripada dicabarkan di mahkamah. Itulah sebabnya kenapa undang-undang ini perlu dalam sudut menangani masalah keganasan ini. Jadi, berpindah saya kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Sejauh manakah kegiatan MILF dan kumpulan Abu Sayyaf yang menyokong IS memberi kesan kepada keselamatan negara.

■2010

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan saya tidak tahu orang di Semenanjung, saya tidak tahu orang di Perlis, di Kedah, di Kelantan. Saya terasa Tuan Yang di-Pertua, saya jauh sedikit dari Semporna, daripada Lahad Datu, saya jauh sedikit orang Sarawak tetapi kita terasa apabila kita dapati ada orang Bajau, ada orang Suluk, ada orang Inakan di Baram hampir keseluruhan orang Sarawak yang mengetahui cerita ini semua menyibuk telefon, SMS saya tanya apa tindakan yang kerajaan buat memandangkan bahawa ada Nor Misuari sibuk hendak *claim* Sarawak juga selain dari Sabah.

Kita bimbang. Jadi apabila pihak MILF ini akur dengan perjuangan IS, menyokong perjuangan IS bagaimana perasaan orang Sarawak dan orang Sabah? Kita memang bimbang. Itulah kenapa tidak boleh dinafikan bahawa ada kesan dan ada ancaman yang kita lihat kalau kita tidak nilai. Bahkan pada masa sekarang pun saya dimaklumkan ada lagi, ada beberapa orang, orang Malaysia yang masih berada di selatan. Lima orang Malaysia masih berada di selatan Filipina belum ditangkap walaupun Polis Diraja Malaysia mengenal pasti siapa mereka dan masih berada di sana Tuan Yang di-Pertua.

Kita tidak tahu apa perancangan. Mungkin hendak digunakan sebagai *trackers*, digunakan sebagai *leader*, digunakan menjadi pilot masuk ke negara kita. Kita tidak tahu. Jadi kita kena berjaga-jaga.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada banyak perkara yang amat khusus yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon. Saya tadi sudah beritahu dengan pegawai saya pun tidak cepat dia cakap. Jadi saya tidak sempat hendak jawab semua. Jadi dua tiga perkara dia tanya saya sempat lihat tadi daripada soalan seksyen 4 sebab dia guna perkara saya ini biasa menggunakan perkataan seksyen. Jadi itu saya ke belakang sedikit.

Jadi saya membaca mengapakah terdapat perbezaan tempoh masa antara subfasal 32 dan subfasal 33? Jadi dalam penjelasan di sini tidak ada percanggahan atau kekeliruan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Mengapa tidak ada tempoh peruntukan secara khusus dalam rang undang-undang dilaporkan lengkap sedia ada. Ini persoalan dalam *reasonable time* kalau dalam bahasa Inggeris *reasonable time*. Memang tidak ada masa yang tertentu sebabnya *reasonable time* ini kalau orang itu ditangkap di *border* Sarawak atau dia hendak dibawa keluar, dimakan mungkin masa seminggu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua memang cukup pakar kawasan-kawasan kita di Sarawak itu tetapi kalau kita beritahu 24 jam atau 12 jam mesti dibawa kepada si anu si anu dibawa di hadapan Majistret ataupun *Session Court Judge* kita dapati bahawa kita tidak boleh berkesempatan hendak tangkap orang dekat *border* itu bawa dia berjumpa Majistret di bandar.

Jadi itulah kenapa undang-undang ini direka sebegitu rupa bukan untuk orang Perlis, bukan untuk orang Johor, bukan untuk orang Kuala Lumpur sahaja. Ia digubal sebegitu rupa untuk merangkumi semua seluruh negara kita ini sama ada situasi itu di Sabah atau pun di Sarawak ataupun di Perlis. Jadi *reasonable time* di Negeri Sembilan, di Melaka berlainan dengan *reasonable time* di Sarawak khususnya kalau di hulu Baram dan di Bakalalan.

Jadi itulah kenapa perkataan istilah yang diketahui ramai sebenarnya dalam jurusan peguam, istilah-istilah yang dipakai itu walaupun dianggap kurang jelas tetapi istilah itu memang diketahui ramai bahawa inilah maknanya kerana kita hendak menyesuaikan *time frame* itu dengan situasi yang ada.

Ketiga, Pegawai Siasatan di bawah fasal 9, Kriteria. Pegawai Siasatan ini sebenarnya kalau kita lihat dalam perundangan ini Menteri akan meletakkan peraturan-peraturan. Dalam peraturan itu nanti ia akan ditetapkan dan kita juga mengetahui bahawa kita tidak mahu pegawai polis terlibat. Akan tetapi kita hendak melantik pegawai-pegawai yang *fresh* sebagaimana kalau kita lihat, kita kembali kepada soalan apabila Hong Kong dahulu mula-mula memperkenalkan *commission* di Hong Kong untuk polis itu. Dia lantik pegawai-pegawai itu bukan daripada kalangan-kalangan mereka yang berkhidmat pihak polis tetapi dilantik pegawai-pegawai daripada *fresh universities* yang boleh dilantik, boleh diberi latihan oleh pihak polis dan pihak Peguam Negara untuk mendapat ilmu untuk menjalankan tugas mereka. Mereka juga tidak ada agenda-agenda lain ataupun mungkin *methodology* lain selain daripada apa yang mereka akan terima daripada lembaga itu nanti.

Merujuk kepada Fasal 31 Rang Undang-undang POTA ini adakah merupakan amalan biasa untuk memaksa seseorang itu dengan menggunakan kekerasan bagi mengambil gambar *photo* dan cap jari? Jadi satu perkara Tuan Yang di-Pertua dalam kebanyakan undang-undang bahkan mengambil sampel untuk DNA, mengambil sampel untuk darah, sampel untuk apa sahaja memang tidak dibolehkan melainkan undang-undang membenarkan diambil.

Jadi dalam sudut ini, inilah sebabnya dikatakan bahawa undang-undang ini ia berlainan sedikit daripada undang-undang biasa oleh sebab ia melibatkan perkara keganasan. Jadi itulah yang dikatakan menggunakan kekerasan yang berpatutan sebenarnya. Tidaklah sampai patah tangan, patah kaki, patah jari diambil cap jari dan sebagainya tetapi menggunakan. Itulah sebabnya kalau dia masih berkeras sementara kita hendak menggunakan kekerasan yang berpatutan ini tidak dapat juga diambil, dia boleh dituduh di bawah undang-undang. Kalau polis kata dia tidak mahu beri, dia berkeras tidak hendak beri, polis pun tidak hendak paksa dia, dia boleh dituduh begitu sahaja.

Jadi itulah alternatif itu masih ada tinggal kepada pihak itu dan masih dibawa ke mahkamah dan kes macam ini kalau dibawa ke mahkamah ia tidak menggunakan Rang Undang-undang POTA tetapi

bukti-bukti lain tetapi ia selaras dengan mahkamah biasa, prosedur mahkamah biasa, *due process of law* mahkamah biasa.

Jadi Tuan Chong Sin Woon juga bertanya mengapakah perkataan seberapa segera digunakan dalam Fasal 5? Apakah yang dimaksudkan dengan seberapa segera? Kembali kepada perkataan *reasonable time*, ia istilah ini sama seberapa segera dalam sudut ini kalau seberapa segera ia berlaga lain daripada seberapa dari bandar Kuching, seberapa segera daripada Bakalalan berlainan daripada seberapa segera dari Miri. Jadi seberapa segera ini Hakim akan menginterpretasikan ia apakah makna seberapa segera kalau orang itu dibawa dan ditangkap di Hulu Tinja dengan orang yang seberapa segera ditangkap di bandar Bintulu.

Jadi seberapa segera ini ada istilah makna-makna yang tertentu dan kita masih beri serah balik kepada hakim untuk menginterpretasikan undang-undang. Kita tak nak *interpret* semua. Sebabnya ada dua tiga perkara kita tetapkan Hakim mesti ikut macam ini tetapi kita serah pula undang-undang banyak lagi perkara yang Hakim mesti mahu fikir sendiri untuk memutuskan sendiri apa erti perkataan-perkataan yang dianggap kurang jelas dalam undang-undang ini supaya diterjemahkan menjadi satu perkara. Jadi maknanya apa yang berlaku ialah supaya Hakim juga mempunyai budi bicara yang amat tinggi dalam rang undang-undang ini dalam mengenal pasti perkataan-perkataan dan menjadi *create precedent* dalam memutuskan satu-satu kes itu sendiri.

Tuan Chong Sin Woon juga bertanya isu berbangkit *close* peruntukan satu bentuk *safeguard* telah dihapuskan kerana peruntukan Fasal 19 ini. Fasal 19 satu peruntukan yang memindahkan kajian kehakiman ke atas tindakan keputusan. Itu tadi saya sudah jelaskan panjang lebar soalan berhubung dengan memutuskan persoalan sekuriti dan sebagainya itu tadi saya sudah jelaskan panjang lebar.

■2020

Lagi satu, banyak kawan ini tanya banyak soalan undang-undang. ia tidak ada yang soalan dasar, sedikit dia sentuh hal undang-undang terus, secara terus sebagaimana yang beliau sebut tadi. Apakah yang dimaksudkan dengan apa-apa bentuk dalam fasal 10(3) rang undang-undang mengenai keterangan. Jadi ini apa-apa bentuk ini, memang dia banyak bentuklah keterangan ini, sama ada dia bertulis, mesin, enjin, apa bentuk sahaja, apa bendalah jadi bukti yang dipakai di sini. Keterangan dalam apa-apa bentuk bermaksud keterangan itu boleh didapati dalam bentuk keterangan dokumentar, keterangan fizikal iaitu seperti kelengkapan, senjata, apa sahaja objek dan juga dalam apa-apa cara lain seperti rakaman video, audio, wisel dan berbagai-bagai lagi, elektronik dan sebagainya.

Jadi dia tidak boleh disebutkan senarai satu persatu. Kalau kita senarai satu persatu yang mana terkeluar daripada senarai itu, ia tidak akan diguna pakai. Jadi itulah istilah apa-apa bentuk ini. Selagi benda yang boleh digunakan sebagai itu akan itu, lagi kita serahkan kepada Hakim, sama ada Hakim menerima soalnya, benda itu diistilahkan sebagai apa-apa bentuk, benda-benda macam audio, video, bukti yang ditunjukkan oleh orang.

Dari situ saya pindah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, penggunaan perkataan '*kensel*'. Saya pun berpendirian sama, kenapa tidak dibatakannya. Jadi, saya itu

bukan pakar Bahasa Malaysia tetapi saya tiap-tiap kali saya jumpa perkataan Orang Putih ini, dipakai dalam itu ada Bahasa Melayu dia yang patut dipakai, sepatutnya kita jangan gunakan pakai bahasa Orang Putih, *spelling* Melayu ini. Saya pun itu...

Tuan Chong Sin Woon: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Tuan Chong Sin Woon: Cuma satu sahaja. Terima kasih kerana penjelasan Menteri yang begitu jelas. Saya cuma hendak tambah satu yang saya ungkitkan tadi. Apakah rasional di belakangnya apabila kita meletakkan hukuman yang begitu berat untuk seorang saksi? Kalau dia bukan pengganas tetapi hanya saksi diletaknya di sini. Kalau dia enggan, tidak tampil pada tarikh dan masa yang tepat atau dia enggan menjawab soalan, dia akan dipenjarakan enam bulan ataupun RM2,000. Kenapa rasional belakangnya? Sekian, terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memang betul kata Yang Berhormat. Sebenarnya dalam sistem biasa kehakiman dan sistem biasa *judiciary* ini, tidak ada meletakkan hukuman kepada pihak saksi. Kalau saksi itu dalam satu sudut dia bercakap satu dan lepas itu dia bercerita lain pula di mahkamah, dia akan di *treat* sebagai *hostile witness*. Akan tetapi kalau dia membuat satu *statement* yang mungkin boleh dikena sebagai *perjure* ataupun *false statement*, dia boleh dihukum oleh mahkamah itu, secara itu. Itu sistem-sistem yang normal. Akan tetapi sistem ini memang ada sedikit perbezaan sebagaimana dalam pembentangan yang disebutkan bahawa undang-undang ini memang ada sedikit perbezaan dia.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kita juga patut berterima kasih, penerap undang-undang ini mengatakan kerana tidak ada minimum *sentenceny*. Makna dia, Hakim masih bebas untuk memberi amaran sahaja kepada dia sebab tidak ada dikatakan minimum. bahkan hukuman pun, kalau Hakim itu fikir ini benda itu *petty* atau itu kecil sangat, jadi Hakim mungkin beri dia amaran sahaja atau mungkin beri dia hukuman yang begitu rendah sahaja. Jadi ini satu *compensation* kepada kes macam ini Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun saya boleh bersetuju dengan apa yang disoal oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon berhubung dengan perkara ini. Jadi keadaan hal demikian, soalan balik kepada soalan perkataan tadi, *insya-Allah* kita lihat semula perkataan-perkataan itu. Nanti kita bincang dengan pihak AG supaya jangan banyak guna cakap orang putih dan kita tanya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sama ada perkataan itu sudah di Bahasa Malaysiakan atau belum.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, betulkah ini? Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2000 adalah berbentuk preventif. Ini kesalahan SOSMA ini, sebenarnya memang berbentuk preventif tetapi ia tidak ada mempunyai hukuman preventif dalam itu, dia *procedure* sahaja, peraturan. Jadi oleh sebab dia peraturan, ia tidak ada hukuman diletak dibawah undang-undang itu. Jadi itulah kenapa makanya undang-undang ini di kehendaki dibawa ke Dewan ini untuk memperlengkapkan undang-undang prosedur dengan undang-undang substantif yang kita bawa ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif, fasal 2 mengenai akses pegawai siasatan kepada orang tahanan atau banduan tetapi tidak dinyatakan siapa yang memberi kebenaran akses. Ini kita kena melihat gambaran, seorang pegawai penyiasat ini, dia orang *civilian* bukan orang polis pakai uniform. Lainlah orang polis pakai uniform. Dia tunjuk uniform sahaja, dia tunjuk dia punya lencana, orang dah anggap semua okey memang ada *authority*. Akan tetapi dia ini dilantik bukan daripada pegawai polis. Undang-undang itu sendiri dah sebut, dia dari pada orang biasa, *inquiry officer*.

Jadi kalau dia hendak masuk penjara, hendak ambil *statement* orang yang disimpan di penjara dan meminta laluan dengan pegawai penjara ataupun dia dalam lokap polis, dia hendak ambil banduan daripada pihak polis, itu dia mesti mendapat akses ini. Inilah yang disebutkan bawah ini. Di mana sahaja orang ini ditahan, sama ada dia di lokap penjara ataupun di lokap polis atau pun ditahan di mahkamah, dia boleh mengambil akses, meminta akses kepada orang ini dan pegawai yang menjaga orang tahanan itu pula mesti memberi akses di bawah undang-undang ini. Ini yang dimaknakan di bawah ini semasa dia menjalankan penyiasatannya.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Bin Mat. Penjelasan lanjut mengenai fasal 27, terutamanya mengenai peruntukan bahawa subseksyen ini tidak terpakai ke dalam hal seorang isteri/suami yang melindungi suami dan isteri. Ini saya memang tertarik juga soalan yang tadi bila saya memang mendengar. Sebenarnya dalam undang-undang, sebenarnya undang-undang apabila si isteri melindungi suami atau suami melindungi isteri apabila si suami itu melakukan kesalahan, tidak menjadi kesalahan. Akan tetapi undang-undang ini hanya *translate* perkataan undang-undang ini sendiri, tidak payah Hakim buat itu lagi. Jadi makna dia, kalau seseorang itu dianggap, disuspek sebagai pengganas lari dan dilindungi oleh si suami ataupun si isteri, tetapi suami isteri itu sahajalah bukan orang lain, bukan macam isteri saya lari dengan orang lain, ia tidak boleh. Mesti isteri saya sendiri atau saya lari dekat isteri saya punya rumah. Orang macam itu sahaja yang dilindungi di bawah undang-undang ini. Ini supaya perhubungan suami isteri tidak juga terjejas kepada sudut ini. Jadi makna dia, undang-undang ini tidak *criminalize*.

Dia walaupun dia melindungi si suami ataupun isteri dia sendiri, walaupun dia tahu, walaupun orang tahu, polis tahu, pegawai penyiasat tahu bahawa si suami atau si isteri itu adalah orang terlibat dengan pengganas. Jadi maknanya, lagi ada lembutnya undang-undang ini yang bagaimana disebut oleh dua tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, mengatakan undang-undang kita masih lembut, bahawa si suami ataupun si isteri melindungi si itu, masih tidak dihukum, tidak menjadi satu kesalahan.

Meminta penjelasan berkenaan penalti satu kali ganda. Itu memang kita telah tetapkan bahawa undang-undang ini sebagaimana yang disebutkan tadi, bahawa kalau kesalahan dia dituduh itu nanti satu tahun umpamanya, tetapi kalau dituduh di bawah undang-undang ini, dia jadi dua tahun, *double*. Jadi ini ada kelainan dia sedikit, memang betul kalau kesalahan itu membawa hukuman 15 tahun, dia menjadi 30 tahun. Akan tetapi kalau seksyen di bawah mana seseorang itu dituduh tidak mempunyai hukuman-hukuman minimum, Hakim masih bebas untuk memilih berapa tahunkah dia akan dihukum walaupun

dalam undang-undang mengatakan *double*, bukan secara maksima. Kalau maksimum, umpamanya maksimum 15 tahun, dia kena 30, tidak. Dia berlandaskan apa yang Hakim fikir.

■2030

Jadi, kalau tidak ada hukuman minimum diletakkan oleh undang-undang di bawah mana dia akan dituduh. Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman, tentang spesifikasi EMD. Ini orang yang minat dengan EMD ini, ada atau tidak di sini? Jadi saya sendiri sudah melihat EMD ini. Bermacam-macam, ada yang kecil, ada yang cantik macam jam tetapi ada yang lebih *bulky* dari jam ini. Ada yang boleh *interact* dengan kita, kalau kita pakai ia bila kita sampai ke satu batasan di mana EMD ini terkeluar daripada kawasan-kawasan yang telah ditentukan dalam EMD ini.

EMD ini boleh *interact* dengan kita dan beritahu, "*Tuan, you akan menjejaki satu langkah yang keluar daripada batasan*". Ia boleh beritahu macam itu. Akan tetapi itu *sophisticated* sedikitlah tetapi ada yang berbunyi suara. Bila ia dekat, ia bunyi suara. Maknanya, berpatah balik. Jadi, ia memang banyak spesifikasi yang tertentu, melihat kemampuan kerajaan dan hingga sekarang ini kerajaan masih menilai jenis mana dan harga mana yang patut dibeli EMD ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh, bagaimana peruntukan RUU ini akan diguna pakai terhadap golongan bawah umur atau juvana. Jadi, secara prinsipnya Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal, sebenarnya boleh undang-undang ini diguna kepada pihak juvana. Akan tetapi oleh sebab undang-undang ini tidak menetapkan apakah tindakan-tindakan yang digariskan di bawah undang-undang ini, macam mana kita melayan pihak juvana ini, ia masih berprinsip asalnya iaitu *the best interest of the child* masih diambil kira. Perundangan penjara, kalau dalam penjara itu masih diambil kira untuk macam mana melayan dan *treatment* kita kepada juvana ini. Oleh sebab ia tidak ada peraturan-peraturan. Memang peraturan di bawah Rang Undang-undang Penjara itu dan Peraturan Penjara 113 masih terpakai untuk budak yang terlibat dengan perkara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada dua, tiga kertas saya rasa tetapi saya sudah banyak bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah banyak cakap itu, pendek sajalah [*Ketawa*]

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terakhirlah yang ini, ada mungkin yang terlepas pandang. Terakhir, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi berkenaan apakah tindakan kementerian terhadap pelajar-pelajar asing yang datang ke Malaysia bagi memastikan mereka tidak menyebarkan atau membawa budaya bertentangan dengan adat resam negara kita ini.

Memang ini kita mengambil kira Yang Berhormat. Apabila kita menyelaraskan kita punya ceramah ke sekolah-sekolah, universiti-universiti dan juga kepada institut-institut ataupun ke pusat latihan guru dan sebagainya. Kita akan melihat...

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Minta pencelahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tanya ialah ideologi IS spesifik, bukan budaya lain yang dibawa oleh pelajar asing dari Timur Tengah.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Okey, walaupun kita belum lagi ada petunjuk menunjukkan bahawa pelajar-pelajar asing yang mempengaruhi dari sudut ideologi kepada masyarakat Malaysia yang mendorong mereka memasuki IS ini. Walau bagaimanapun, kita akan ambil kira semua ini. Oleh sebab itulah apabila kita tubuhkan satu badan, kita ada satu Jawatankuasa dan supaya pendekatan daripada kementerian kita untuk berjumpa dengan semua pelajar, belia-belie daripada IPTA dan IPTS ini.

Perkara pengaruh-pengaruh ini kita sebutkan sebagai *awareness programmed* atau program kesedaran kepada pihak-pihak pelajar dan belia di negara ini. Tidak kira sama ada dia pendatang asing ataupun belia Malaysia itu sendiri. Ini akan kita berterusan menjalankan penerangan dan penjelasan kita kepada pihak ini supaya belia kita tidak terjerumus dalam aktiviti yang salah, yang mungkin tidak betul ataupun pengaruh daripada pihak dari luar sana.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan di sini juga bahawa kita mempunyai program bersama dengan pihak kerajaan negeri kerana pihak kerajaan negeri banyak menghantar orang ke luar negara untuk belajar daripada sekolah-sekolah madrasah, daripada sekolah-sekolah *private* dan sekolah-sekolah yang dibiayai oleh pihak kerajaan negeri. Kita juga bekerjasama dengan pihak ini untuk mengenal pasti tenaga-tenaga pengajar mereka yang masuk dan kita buat *screening* sebelum mereka dibenarkan mengajar anak-anak kita di Malaysia ini. Pelajar yang datang itu juga memasuki institusi-institusi kita sama ada di peringkat sekolah ataupun di peringkat universiti juga kita buat saringan yang sama sebagai mana kita buat saringan kepada universiti dan kolej yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sudah banyak juga bercakap sudah. Jadi banyak juga sudah saya jawab. Mana yang tidak sempat ataupun terlepas pandangan saya, tidak dijawab, *insya-Allah* kalau ada notis saya akan jawab secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

8.37 mlm.

Fasal 1 hingga 35 [Pindaan] -

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ya, mohon...

Tuan Pengerusi: Ya, kenapa Yang Berhormat?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya mohon untuk mencadangkan pindaan kepada fasal 3 dan fasal 4.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat cadang?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya mohon untuk mencadangkan fasal 3(1) yang menyebut tentang "*Boleh tanpa waran*", ditukar dengan "*Boleh dengan waran*".

Tuan Pengerusi: Boleh dengan waran.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Di fasal 4 menyebut tentang tatacara di hadapan Majistret berkenaan dengan "*Mana-mana orang yang dibawa di hadapan seorang Majistret*" ditukar kepada "*Hakim Mahkamah Sesyen*". Memandangkan ia melibatkan kesalahan yang agak serius maka dicadangkan agar Majistret ditukar kepada Hakim Mahkamah Sesyen dan pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor ditukar kepada pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada seorang *superintenden*.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, mana-mana pindaan kepada rang undang-undang ini perlukan notis sekurang-kurangnya satu hari.

Tuan Pengerusi: Betullah itu Yang Berhormat. Kalau sekiranya ada apa-apa pindaan wajar dikemukakan awal sedikit supaya...

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Pengerusi, *Point of Order* 56(2) saya terima bahawa kena bagi notis satu hari. Akan tetapi kalau kita tengok hari ini...

Tuan Pengerusi: Bilakah Yang Berhormat bagi notis?

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Kalau kita Peraturan Mesyuarat 56(2), Tuan Pengerusi ada kuasa dalam keadaan-keadaan tertentu untuk mengecualikan keperluan notis satu hari. Pada saya, hari ini ada satu keadaan luar biasa fasal *reading* dan lain-lain dibuat pada tarikh yang sama. Kalau kita baca Peraturan Mesyuarat 56(2) dan kalau dibenarkan pada saya, saya akan hanya cadangkan perkataan-perkataan yang tertentu, *fixed word*. Ia tidak ambil masa yang panjang pun. Saya tidak mahu macam kita buat bantahan tetapi tidak ada buat cadangan. / hendak buat cadangan spesifik *word*. Lepas itu cadangan itu saya akan bagi kepada Menteri supaya dia boleh *consider*.

■2040

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, 56(2) Yang Berhormat baca betul-betul ya. "*Apa-apa pindaan yang hendak dicadangkan hendaklah dikeluarkan pemberitahu sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu. Pindaan demikian...*"

So, you have not even in sufficient notice, Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Betul Tuan Pengerusi, itu ayat pertama. Akan tetapi kemudiannya, "*Pindaan demikian yang tidak dikeluarkan pemberitahu hendaklah diserahkan kepada*

Pengerusi”. Sekarang kita duduk sebagai Jawatankuasa dan tidak boleh - *last sentence* Tuan Pengerusi, “...kecuali jika Pengerusi puas hati dengan bahawa tiada dapat dikeluarkan pemberitahu”.

Alasan saya ini pasal ia *seating* pada *same day*. Kita tidak ada peluang untuk bagi notis.

Tuan Pengerusi: *Well, I think you have...*

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Pasal ia *seating on the same day*, peringat Jawatankuasa *on the same day*.

Tuan Pengerusi: So saya sudah tahu Yang Berhormat. Saya rasa keputusan, tidak perlu buat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Lagi satu *point* sahaja Tuan Pengerusi, pasal ini keadaan luar biasa. Pasal kalau macam amalan biasa kalau kita tengok persidangan Parlimen, *First Reading, Second Reading* lain hari.

Tuan Pengerusi: *No*. Kalau tadi *you* cadangkan Yang Berhormat, *your proposal*, minta izin, soal pangkat sahaja, satu. Keduanya, *Session Magistrate* ataupun *Session Court*. *So...*

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Pengerusi, saya ada cadangan, saya ada pindaan, *specific* pindaan *with exact words*. *That means* saya akan cadangkan keluarkan perkataan ini, ganti dengan perkataan ini.

Tuan Pengerusi: *It is still* pindaan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Ya, pindaan. Saya akui kuasa itu kepada Tuan Pengerusi, tetapi apa yang saya cakap keadaan ini ialah satu keadaan yang luar biasa.

Tuan Pengerusi: *To me it is not* luar biasa. *To me*, dengan izin, saya tidak anggap perkara ini luar biasa. Minta maaf Yang Berhormat. *So*, kalau kita lihat ia punya *main substance*, dengan izin, *does not reflect much of changes* dan selepas itu keadaan pun bukan luar biasa.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: *One last comment* Tuan Pengerusi. Pindaan yang saya buat ini selepas mendengar keterangan dari Menteri. Kalau saya buat itu sebelum mendengar keterangan daripada Menteri, itu lain. *I* sudah ambil kira apa yang Menteri jawab tadi. Selepas itu saya berpendapat bahawa saya hendak buat pindaan tetapi saya terima keputusan itu keputusan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Itu pendapat Yang Berhormat. Saya ambil kira semuanya, saya berpendapat tidak perlu diapakan. Terima kasih. Silakan, teruskan [*Tepuk*]

Fasal-fasal 1....

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Pengerusi, saya bukan hendak buat pindaan tetapi ada pandangan. Pertama, saya pergi pada fasal 4, penghujung muka surat 5 dan awal muka surat 6, iaitu tentang “...pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyatakan bahawa terdapat alasan untuk mempercayai bahawa nama orang yang terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai...”. Jadi, ‘organisasi pengganas tersenarai’ sekarang ini tidak semestinya kita senaraikan. Kebanyakan organisasi pengganas tersenarai adalah disenaraikan oleh Amerika. Kita tahu tadi macam mana keadaan Amerika mempengaruhi.

Jadi saya ingin melihat, kita tidak misalnya terikut-ikut tanpa mengirakan kita punya pendirian. Saya harap ada *ground rules* untuk menyatakan bahawa katakan kita ambil Hamas. Bagi Amerika, Hamas adalah *terrorist*. Mungkin sebahagian besar di sini mengatakan Hamas bukan *terrorist* tetapi yang sebenarnya *terrorist* ialah Zionis Israel. Jadi kalau kita ikut senarai yang ditetapkan oleh Amerika, kita akan tangkap orang yang sokong Hamas dan mungkin kita tahan dia selama dua tahun dan sebagainya. Jadi saya minta kalau boleh ada *ground rules*.

Tuan Pengerusi: Itu pendapat Yang Berhormat ya?

Dr. Syed Husin Ali: Ya, pendapat.

Tuan Pengerusi: Apakah pandangan Menteri?

Dr. Syed Husin Ali: Saya ada lain daripada ini. Saya boleh beri satu persatu.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, kita tidak pernah pun menggunakan senarai yang diberi oleh pihak Amerika. Tidak pernah pun. Kita menerima senarai yang diberi oleh pihak PBB. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita juga menilai. Walaupun senarai dari PBB, kita akan menilai sendiri sama ada boleh diguna pakai ataupun tidak senarai tersebut.

Jadi maknanya kita tidak terkongkong kepada mana-mana pihak yang memberi senarai. Sebenarnya, oleh sebab *bundle of papers* ini banyak sangat. Sebenarnya ada nama senarai tadi, saya baca. [Ketawa] Sebenarnya ada Tuan Pengerusi. Saya sudah sebut tadi. Dia macam-macam tetapi kebanyakannya memang kita tahu sendiri. Bukan soalan daripada Amerika ataupun dari mana-mana pihak lain. Tidak ada Tuan Pengerusi. Jadi maknanya kita tidak terkongkong dengan senarai itu. Ia berpandukan kepada undang-undang kita sendiri iaitu *Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act* kita sendiri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Tunggu Yang Berhormat, saya beri pandangan. Setelah mendengar tadi, dalam undang-undang ini, kalau kita membuat suatu *drafting*, kita tidak boleh terlalu spesifik. *Let it be more general*. Dalam konteks tadi, dalam senarai itu tidak semestinya tertakluk kepada satu senarai sahaja. Senarai-senarai maknanya pihak itu boleh memberi ruang untuk budi bicara mengikut tafsiran. Saya rasa tidak menimbulkan masalah itu Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Maaf Tuan Pengerusi, sebab dalam Jawatankuasa jadi Tuan Pengerusilah ya.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Sebenarnya, apa yang disebut sini adalah 'organisasi penganas tersenarai'. Okey, Menteri menerangkan tadi berdasarkan senarai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita selalu tahu bahawa banyak tindakan ataupun maklumat dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah berdasarkan apa yang Amerika buat dan lakukan. Bahkan tindakan-tindakan yang disahkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pun selain untuk menyerang Iraq kerana kononnya ada *weapons of mass destruction*, ia berdasarkan apa yang Amerika kata.

Jadi saya minta supaya sekurang-kurangnya ada *caution* supaya tidak misalnya kita terbawa-bawa.

Tuan Pengerusi: Itu pun Yang Berhormat, kalau difikirkan- kalau dibuat satu pindaan, kita kena buat notis juga. Mengikut budi bicara sekarang, interpretasi senarai yang Yang Berhormat bangkitkan ini, dalam undang-undang, lebih baik kita *general terminology* senarai supaya boleh memberi ruang untuk pihak mentafsirkannya.

Okey, kita teruskan. Saya ambil keputusan, kita teruskan.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Pengerusi.

Dr. Syed Husin Ali: Perkara kedua Tuan Pengerusi ialah fasal 19. Saya hendak menyatakan pandangan bahawa, "*Tiada apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah mengenai, dan tiada mahkamah mempunyai atau boleh menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Lembaga*". Saya bimbang bahawa ini akan memberikan kedudukan bahawa Lembaga itu adalah mengatasi undang-undang.

Dalam 19(2) disebut bahawa 'kajian semula kehakiman' itu termasuklah (a), (b), (c), dan (d). Di sini mungkin saya akan mengemukakan pindaan tetapi Tuan Pengerusi sudah menasihatkan tadi kita tidak boleh membuat pindaan, saya tidak akan kemukakan. Ini kerana kalau boleh, saya ingin melihat bahawa sekurang-kurangnya *habeas corpus* dibenarkan sebab di sini tidak dibenarkan.

Kemudian, akhir sekali Tuan Pengerusi, 26(c) terutama sekali, "*Mana-mana orang yang berdaftar yang pada bila-bila masa dijumpai atau berhampiran dengan mana-mana tempat di mana apa-apa perbuatan ganas atau pecah keamanan dilakukan atau baru sahaja dilakukan*". Jadi tindakan boleh diambil kalau mereka ada di situ, merayau di situ. Akan tetapi mungkin mereka tidak tahu bahawa ada keganasan berlaku di situ.

Di sini pun saya rasa walaupun ini bukan soal pindaan tetapi ia juga melibatkan *ground rules* iaitu sama ada pihak berkuasa di situ, polis atau sebagainya memberitahu atau tidak terlebih awal kepada orang yang *directed* itu bahawa ada tempat dia tidak boleh pergi, ada tempat yang dia boleh pergi. Jadi saya rasa itu adalah penting. Bukan pindaan tetapi untuk ada prosedur yang jelas. Terima kasih.

■2050

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu kata tadi fasal-fasal 1 hingga 35 jadi sebahagian daripada rang undang-undang, ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada hendak jawab berkenaan itu sebelum saya buat keputusan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sebenarnya tadi saya sudah jawab fasal 19 itu dengan panjang lebar, saya jawab.

Tuan Pengerusi: Okey. Tekan *button*.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya *quote* kan kes Zamora 1916 yang diputuskan oleh *Appeal Court* di England 1915 yang disetujui oleh Lord Denning pada 1977 yang *The Ministry of Home Affairs Malaysia* dengan Karpal Singh, kita juga menerima hakikat, *since The Zamora Court have come to accept the best judge award national security is their authority which has the charge*

of the security. Ini keputusan hakim dalam kes Karpal Singh pada 1988. Kes yang terkini sekali ialah kes Raja Petra, *habeas corpus* Raja Petra tahun 2008.

Jadi, dengan sendirinya apa yang kita tunjuk dalam seksyen 19 Tuan Pengerusi, sebenarnya *the pronouncement of what has been decided in decided cases*. Sebenarnya bukan benda baharu, benda yang sudah diputuskan oleh hakim di mahkamah-mahkamah. Jadi, kita tidak ada masalah. Akan tetapi kalau dari sudut *procedurennya* masih salah, masih boleh dibawa ke mahkamah. Hanya soalan *security* dan *substantive matters* yang tidak boleh dipersoalkan di mahkamah. Jadi, kita dalam undang-undang ini tinggal tulis sahaja, tidak perlulah buang masa lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat baca peraturan itu, tadi pihak Yang Berhormat Chandra sokong 56(2). Yang Berhormat baca perenggan 3, 56(3) dan 56(4), so mengambil kira semua perenggan tadi saya fikir tidak perlu kita apakan lagi. Jadi, saya...

Dr. Syed Husin Ali: Saya terima itu Tuan Pengerusi. Akan tetapi apa yang dijawab oleh Menteri tadi ialah mengenai *habeas corpus* dan yang saya sebut ialah...

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat, cukup, cukup.

Dr. Syed Husin Ali: ...Mengenai merayau-rayau.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat pun agak tidak payah sebut banyak-banyak lagilah. Kita buat keputusan dan sekarang ini kita teruskan, Yang Berhormat pun sudah bersetuju, cukup. Sekarang kita pergi ke Setiausaha.

[Fasal 1 hingga 35 diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.53 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia bagi pendaftaran dan pengiktirafan teknologis profesional dan juruteknik bertauliah dalam memberikan perkhidmatan teknologi dan perkhidmatan teknikal bagi perkara-perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang Ahli-ahli Dewan sedia maklum Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014 (RUU MBOT) iaitu satu akta yang untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia atau, dengan izinnnya, *Malaysian Board of Technologies* (MBOT) telah pun diluluskan di Dewan Rakyat pada 2 April 2015. MBOT sebagai sebuah badan berkanun akan berfungsi sebagai badan yang mendaftar dan mengiktiraf teknologis profesional serta juruteknik bertauliah sebagai profesion ikhtisas. Tertakluk kepada peruntukan di bawah RUU ini kelak, MBOT akan menyenggara pendaftaran teknologis berijazah dan juruteknik berkelayakan.

Selain daripada mengawal selia perilaku dan etika kedua-dua profesion ini, MBOT akan menyediakan program pembangunan dan latihan profesional serta menjalankan penilaian program teknologi dan teknikal yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan amalan di negara-negara maju di dunia, MBOT akan mendaftar profesion teknologis profesional dan juruteknik bertauliah berdasarkan model *Canadian Council of Technicians and Technologists* (CCTT). CCTT telah ditubuhkan semenjak tahun 1973 dan mengiktiraf serta mengakreditasi 14 cabang teknologi. Seperti amalan di Kanada, MBOT akan menjadi *signatory* kepada *Sydney Accord* dan *Dublin Accord* yang akan menentukan piawaian antarabangsa bagi profesion teknologis kejuruteraan dan juruteknik masing-masing.

Manakala Lembaga Jurutera Malaysia pula merupakan *signatory* kepada *Washington Accord* yang akan mengiktiraf piawaian antarabangsa bagi profesion jurutera profesional. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, 10 buah negara telah menjadi *signatory* kepada *Sydney Accord* iaitu Australia, Kanada, Taiwan, Hong Kong, China, Ireland, Republik Korea, New Zealand, Afrika Selatan, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Negara-negara tersebut mempunyai badan-badan profesional yang mengiktiraf profesion teknologis. Dengan memenuhi piawaian antarabangsa ini kelak, peluang untuk teknologis dan juruteknik tempatan meluaskan kerjaya mereka sama ada di dalam atau di luar negara akan menjadi lebih cerah. Sebagai penyokong akan memastikan piawaian terbaik diguna pakai, MBOT akan memberi peluang pengiktirafan kepada 400,000 orang graduan teknologi kejuruteraan yang bakal dihasilkan oleh *Malaysian Technical University Network* (MTUN) menjelang tahun 2020. Selain daripada itu, seramai 400,000 lulusan politeknik juga akan turut mendapat peluang pengiktirafan.

Bagi program kemahiran pula, lulusan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia yang ditawarkan oleh 911 buah pusat pentauliahan akan turut menikmati peluang yang sama. Graduan-graduan yang berkaitan daripada universiti dan kolej swasta yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia juga akan turut mendapat peluang pengiktirafan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dijangka penubuhan MBOT akan meningkatkan lagi bilangan tenaga kerja berkemahiran tinggi melalui pengiktirafan profesion teknologis dan juruteknik. Pada masa ini, bilangan tenaga kerja berkemahiran tinggi masih rendah iaitu sekitar 28% sahaja daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja negara. Melalui Program Transformasi Ekonomi, kerajaan berhasrat mewujudkan 33 juta

pekerjaan menjelang tahun 2020, di mana 50% daripadanya tenaga kerja berkemahiran tinggi. Sehubungan dengan ini, penubuhan MBOT akan menambah nilai program pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) dan latihan berkemahiran. MBOT juga bekerjasama dengan Agensi Kelayakan Malaysia untuk mengawal selia kualiti pendidikan piawaian program akademik yang ditawarkan.

Kesan yang paling penting dalam penubuhan MBOT ialah akan wujudnya laluan yang jelas kepada lepasan graduan TEVT dan kemahiran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Saya ingin memetik ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam pendekatan *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) di Global di New York tahun lalu, di mana menurut beliau negara kini telah mendapat meningkatkan nisbah pengajian sains dan sastera kepada nisbah 42:68. Sasaran negara kita ialah untuk mencapai nisbah 60:40 menjelang tahun 2020.

■2100

Ini membuktikan minat pelajar dalam aliran sains telah meningkat. Oleh yang demikian, ia menunjukkan bahawa kita berada di landasan yang betul bagi menghasilkan lebih ramai graduan lulusan TVT pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat lima fungsi MBOT iaitu mendaftar serta mengiktiraf profesion teknologis dan juruteknik, mengawal selia etika serta profesionalisme teknologis dan juruteknik yang berdaftar, mempromosi pendidikan dan menyediakan latihan profesional dalam bidang berkaitan, menilai program teknologi, teknikal dan kemahiran untuk diakreditasi dan memantau piawaian program teknologi teknikal dan kemahiran ditawarkan di institusi berkaitan.

MBOT akan diketuai oleh seorang presiden yang akan dibantu oleh pendaftar. Kuasa pelantikan presiden serta ahli lembaga terletak kepada menteri bertanggungjawab iaitu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Sebagai permulaan, MBOT akan menubuhkan tiga Majlis Akreditasi iaitu *Engineering Technology Accreditation Council* bagi mengakreditasi program teknologi kejuruteraan di peringkat sarjana muda, *technical accreditation council* bagi mengakreditasi program teknologi ataupun teknikal di peringkat diploma dan diploma lanjutan dan *skill accreditation council* bagi mengakreditasi Program Latihan Kemahiran Tahap 3 ke atas.

Majlis Akreditasi dalam bidang teknologi lain akan diwujudkan mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Penubuhan Majlis Jawatankuasa di bawah MBOT akan mengambil kira kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]. Selain menjalankan penilaian program teknologi dan teknikal, fungsi MBOT juga boleh diperluaskan untuk menilai program kemahiran serta mengiktiraf lulusan Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya struktur kandungan Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014 adalah terdiri daripada 50 peruntukan undang-undang yang dibahagi kepada enam bahagian iaitu:

- (i) Bahagian I, permulaan. Bahagian ini memperuntukkan tarikh kuat kuasa dan pewartaan rang undang-undang oleh menteri yang bertanggungjawab iaitu Menteri Sains Teknologi dan Inovasi;

- (ii) Bahagian II, Lembaga Teknologis Malaysia. Bahagian ini penubuhan fungsi, kuasa dan keahlian MBOT. Ia juga memberi kuasa kepada menteri berkenaan untuk melantik tidak lebih daripada 19 ahli Lembaga termasuk Presiden dan pelbagai disiplin teknologi;
- (iii) Bahagian III pula, pendaftaran teknologis dan juruteknik. Bahagian ini memperuntukkan kuasa Lembaga untuk mendaftar teknologis graduan, teknologis profesional, juruteknik berkelayakan dan juruteknik bertauliah;
- (iv) Bahagian IV, penggantungan, pembatalan dan pendaftaran dan sebagainya. Bahagian ini menjelaskan alasan-alasan bagi penggantungan, pembatalan pendaftaran dan lain-lain serta proses yang berkaitan dengannya;
- (v) Bahagian V, kewangan. Bahagian ini memperuntukkan hal-hal kewangan seperti penubuhan tabung, akaun bank, prosedur kewangan dan penyediaan penyata kewangan MBOT; dan
- (vi) Bahagian VI am. Bahagian ini memperuntukkan peruntukan am termasuk rayuan, prosedur rayuan, jawatankuasa penyiasatan kuasanya, obligasi kerahsiaan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan implikasi kewangan pula, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Mac 2013 telah bersetuju supaya peruntukan kewangan sebanyak RM16 juta dalam bentuk geran pelancaran disediakan untuk penubuhan MBOT tertakluk kepada rundingan dengan Kementerian Kewangan. Peruntukan ini juga akan membiayai MBOT untuk tempoh 10 tahun mulai tahun ia ditubuhkan.

Bagi memastikan tadbir urus kewangan, MBOT selaras dengan objektif penubuhannya dan atas nasihat Kementerian Kewangan. Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014 ini turut mengambil kira peruntukan undang-undang berkenaan berkaitan kawalan kewangan ke atas MBOT.

Di samping itu, MBOT itu juga akan menjana sumber pendapatan kutipan fi, pendaftaran keahlian dan pembaharuan keahlian serta yuran ke atas program-program latihan yang bakal dilaksanakan.

Penubuhan MBOT ini adalah wajar dan perlu dilaksanakan dengan segera khususnya untuk memenuhi keperluan tenaga kerja kemahiran bagi negara mencapai ekonomi berpendapatan tinggi. Adalah diharapkan dengan wujudnya satu akta baru ini Akta Teknologis dan Juruteknik 2014 dan penubuhan MBOT di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, maka transformasi pembangunan modal insan negara akan menjadi lebih sempurna dan mantap. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia dan bagi pendaftaran dan pengiktirafan teknologis profesional dan juruteknik bertauliah dalam

memberikan perkhidmatan teknologi dan perkhidmatan teknikal dan bagi perkara-perkara berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Di hadapan saya ada dalam rekod di sini, saya dapati ada beberapa orang akan membahaskan. Pertama, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah, nombor dua, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim dan nombor tiga, Yang Berhormat Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah.

9.06 mlm.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat malam saya ucapkan kepada semua.

Yang sebenarnya saya bersyukur ke hadrat Allah kerana akhirnya rang undang-undang ini telah pun berjaya dibawa untuk diperbahaskan di Dewan Negara pada malam ini kerana saya telah lama menunggu.

Saya rasa sudah beberapa tahun kita tunggu supaya rang undang-undang ini dibawa dan secara peribadi Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai personel *interest* dalam rang undang-undang ini sebab sebaik-baik sahaja saya dilantik sebagai Pengerusi Biro Pendidikan Majlis Tertinggi UMNO Malaysia, inilah satu-satu isu yang saya angkat ke atas.

Inilah satu-satu isu yang saya angkat ke atas dengan harapan supaya rang undang-undang ini dapat diluluskan dan akhirnya kita dapat berjaya mewujudkan MBOT kerana saya tahu memang telah menimbulkan banyak masalah. Ia apatah lagi kita memikirkan masalah yang dihadapi oleh MTUN universiti-universiti teknikal, empat buah universiti *Poly-Tech* dan lain-lain dan apatah lagi kita tahu pada hari ini bidang kemahiran Malaysia hanya mempunyai 28% guna tenaga kemahiran. Walhal kita melihat Singapura, 52.8%. Iaitu saya mengatakan tadi saya cukup menunggu dan sudah pasti apabila saya mengatakan saya mempunyai personel *interest*, saya telah meneliti dengan begitu teliti. Ini sebab saya tidak mahu kita membuat satu keputusan yang menimbulkan masalah kepada kerajaan walaupun kita berniat baik. Saya telah meneliti bahkan saya telah membandingkan dengan akta-akta profesional yang lain.

Saya tegaskan bahawa tujuan saya meneliti dan membandingkan dengan akta lain ialah supaya apa-apa kelemahan, apa-apa bentuk kelemahan dalam rang undang-undang ini dapat diteliti oleh Yang Berhormat Menteri. Saya tidak mahu selepas rang undang-undang ini menjadi akta, ia dipersoalkan oleh orang ramai. Bahkan yang saya bimbang ia tidak akan berfungsi sepatutnya, seperti yang pernah berlaku kepada beberapa akta seperti Akta Geologis dan juga gubalan Akta CIDB. Sehingga hari ini kedua-dua akta tersebut tidak dapat dikuatkuasakan walaupun telah diluluskan.

Ikhlas saya mengatakan walaupun saya tidak terlibat secara langsung menggubal rang undang-undang ini, saya ada beberapa pertanyaan dan teguran kerana saya katakan tadi untuk memastikan keputusan yang kita buat ini betul, tidak membebankan dan memberikan masalah pada pihak kita satu

hari kelak. Harapan saya ialah supaya Yang Berhormat Menteri dapat memberi jawapan dan jawapan tersebut boleh mengukuhkan rang undang-undang ini jika ia mengundang persoalan daripada pihak-pihak lain dan orang ramai pada masa hadapan.

■2110

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon diberi peluang untuk memberi pandangan supaya Dewan ini dapat memahami rang undang-undang ini sebelum ia diluluskan oleh Dewan yang mulia pada malam ini...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Secara ringkas fungsi rang undang-undang ini ialah untuk mendaftar, mengiktiraf dan memberi gelaran profesional kepada teknologis dan juruteknik yang akan dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan melalui institusi pengajian tinggi termasuk Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional yang menawarkan kursus teknologi dan teknikal. Hasrat rang undang-undang ialah untuk mengawal selia teknologis dan juruteknik untuk semua industri di Malaysia. Industri-industri seperti perikanan, perhutanan, kejuruteraan, perkilangan, telekomunikasi, penerbangan, perubatan, kesihatan, perkapalan, pertanian dan sebagainya akan dirangkumi oleh rang undang-undang ini.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri memberi maklum balas sama ada pandangan saya ini betul ataupun tidak. Kalau betul, rang undang-undang ini akan bertindih dengan Akta Industri yang sedia ada seperti *Civil Aviation Act 1969*, *Electricity Supply Act 1990*, *Gas Supply Act 1993*, *CIDB Act 1994*, *Water Services Industry Act 2006*, *Factories and Machinery Act 1967*, *Occupational Safety and Health Act 1994* dan lain-lain walhal Akta Industri yang sedia ada telah pun mengiktiraf teknologis dan juruteknik di dalam bidang-bidang yang tertentu dengan lebih teratur siap dengan program kemahirannya. Selain pertindanan Akta Industri, rang undang-undang ini akan bertindih dengan Akta Profesional seperti *Chemists Act 1975*, *License Land Survey Act 1948*, *Town Planners Act 1995*, *Geologist Act 2008*, *Registration of Engineers Act 1967*, *Architects Act 1967*, *Pharmacists Act*, *Allied Health Professional Bill 2011* dan sebagainya.

Sebagai contoh, baru-baru ini Dewan telah meluluskan pindaan kepada Akta Arkitek, kalau Yang Berhormat masih ingat telah pun kita luluskan bersama Akta Arkitek, Jurutera dan Ukur Bahan yang mengawal *architectures technologies*, *engineering technologies* dan *Quantity Surveying Technologies*. Tujuan utama penubuhan sesebuah Akta Profesional adalah untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Untuk mengelakkan pertindihan dengan akta-akta yang sedia ada, saya cadangkan bahawa ada satu *schedule* yang menyatakan dengan tepat bidang mana teknologis atau juruteknik yang hendak dikawal memandangkan rang undang-undang ini luas.

Saya mencadangkan klausa pengecualian dimasukkan dalam rang undang-undang ini. Saya percaya bahawa Jabatan Peguam Negara telah memasukkan klausa tersebut dalam rang undang-undang ini. Kalau tidak ada, patutlah dimasukkan di rang undang-undang ini seperti akta-akta lain yang ada potensi percanggahan. Saya sungguh gembira bila Yang Berhormat Menteri menjawab soalan-

soalan dari Ahli Dewan Rakyat. Yang Berhormat Menteri telah memberi kenyataan seperti yang dicatat *Hansard* muka surat 94, pada hari itu. "Tidak ada suatu ayat pun dalam akta ini mengatakan teknologi *engineering technology and so on.*" Ia hanya menyatakan ini teknologi sahaja. Tidak ada *engineering technology.* Dengan ini Yang Berhormat Menteri telah memberi jaminan bahawa rang undang-undang ini tidak akan bertindih dengan Akta Kejuruteraan dan akan mengelakkan kekecohan masa hadapan.

Tetapi Yang Berhormat Menteri pada hari yang sama iaitu 2 April 2015 di Dewan Rakyat turut menyatakan hasrat rang undang-undang ini seperti berikut di *Hansard* muka surat 82, "*Sebagai permulaan, MBOT akan menubuhkan tiga Majlis Akreditasi iaitu satu, Engineering Technology Accreditation Commission (ETAC) bagi mengakreditasi program tersebut. Program Teknologi Kejuruteraan di peringkat Sarjana Muda.*" Saya harap niat MBOT pada masa akan datang tidak sama dengan niat jawapan Yang Berhormat Menteri yang bercanggah dengan ayat pertama yang menyatakan bahawa rang undang-undang ini tidak ada sepele perkataan *engineering technology* kerana bidang kejuruteraan adalah bawah Akta Jurutera.

Saya juga telah membuat sedikit pembacaan dan penelitian. Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri dan Dewan yang mulia ini bahawa penandatanganan *semi accord* dan juga penandatanganan *Dublin Accord.* Kedua-duanya mengakreditasi program *engineering* seperti semua sedia maklum Dewan yang mulia ini sudah pun meluluskan pendaftaran *engineering technologist, architecture technologist* dan *Quantity Cyber Technologist* di bawah tiga akta iaitu Akta Pendaftaran Jurutera, Akta Juru Ukur Bahan dan Akta Arkitek.

Akta-akta tersebut telah diberi kuasa oleh Parlimen melalui akta mereka untuk mengakreditasi program tersebut sejak tahun 2007. Dimaklumkan bahawa di Dewan Rakyat Yang Berhormat Menteri telah menyebut model MBOT mengikut *Canadian Council of Technician and Technologist (CCTT).* Izinkan saya memberi sedikit penerangan kepada Dewan yang mulia ini. Tiap-tiap negeri di Kanada seperti di Ontario, Alberta, British Columbia, *Quebec,* ada akta-akta sendiri termasuk Akta Jurutera dan Teknologis. Teknologis dan Juruteknik tidak boleh memberi perkhidmatan profesional dalam kejuruteraan.

Sebagai contoh di negeri Ontario, sekiranya seorang yang berdaftar dengan teknologis, hendak memberi perkhidmatan kejuruteraan, dia mesti berdaftar dengan *Board of Professional Engineers Ontario.* Lembaga Jurutera Ontario akan menilai kelayakan teknologis tersebut. Jika layak, beliau akan hanya diberi *limited license* untuk memberi perkhidmatan kejuruteraan. Disebut juga di Dewan Rakyat berkenaan dengan penandatanganan *Sydney Accord* bahawa teknologis kejuruteraan dan semuanya berdaftar dengan badan-badan kejuruteraan.

Di UK, teknologis kejuruteraan dikenali sebagai *incorporated engineer* dan berdaftar dengan *UK Engineering Council. Engineering Technology* di *South Afrika* berdaftar dengan *South African Engineering Council.* Di New Zealand dengan *Institution of Professional Engineers New Zealand* dan di Malaysia di *Institution of Engineers Malaysia* atau *Malaysian Society for Engineers & Technologist.* Saya ragu bahawa pihak-pihak yang menerajui rang undang-undang ini tidak faham peruntukan undang-

undang yang telah wujud sebelumnya. Saya harap pihak-pihak tersebut tidak akan bertindak mengikut hati sendiri menggunakan *rule of the mop* tanpa mengikut *rule of law*.

Pertindihan bidang tugas dan kekecohan akan berlaku jika sesiapa tidak mengikut *rule of law*. Saya yakin bahawa Jabatan Peguam Negara telah menegur MOSTI supaya berwaspada dan memberi amaran supaya MOSTI tidak bertindak ultra virus. Saya juga bimbang dengan implikasi kewangan untuk mengoperasi rang undang-undang ini sebab persoalan ini telah timbul di Dewan Rakyat pada 2 April 2015 di *Hansard* muka surat 88 dan 89. Tetapi malangnya Yang Berhormat Menteri tidak memberi jawapan dengan tepat. Bertukar MBOT akan dianggotai oleh *permanent staff* termasuk presidennya dan ahli-ahlinya dan diberi gaji JUSA dan sebagainya.

Saya rasa betul sebab itu yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi. Kalau betul ini bermakna MBOT akan diwujudkan, akan menjadi satu lagi jabatan kerajaan di bawah MOSTI bukan sebagai badan profesional. Saya bandingkan dengan badan profesional seperti Lembaga Arkitek, Lembaga Juru Ukur Bahan, Lembaga Perancangan Bandar dan Lembaga Jurutera. Semua ahlinya memberi perkhidmatan secara sukarela dengan hanya diberi elaun dan bukan gaji untuk kepentingan profesion mereka. Adakah pihak-pihak yang menerajui rang undang-undang ini akan memberi sumbangan seperti profesional yang lain.

Saya kluatir kerajaan akan menanggung beban kewangan. Maka di sini saya cadangkan ahli-ahli Lembaga MBOT termasuk pendaftar, setiausaha mengikut sifat dan ciri-ciri sebagai profesional. Bukan menjadi *pick salary employees* tetapi hanya mendapat elaun. Apa yang kita dengar, Yang Berhormat Menteri mengatakan jumlahnya lebih kurang RM16 juta.

■2120

Akta-akta profesional lain wujud bukan semata-mata daripada sumbangan kerajaan tetapi daripada yuran mereka yang berdaftar. Sekiranya mereka tersebut dibayar gaji, lembaga-lembaga profesional lain juga berhak meminta kerajaan membenarkan Ahli-ahli Lembaga, Setiausaha dan Pendaftar mereka juga menjadi *salary staff*.

Bidang kuasa rang undang-undang ini luas. Kalau kita perhatikan, seksyen 16 seperti berikut...
[Membaca petikan]

"The Board shall determine-

- (a) *technical services in respect of any operation relating to product testing, product commissioning and product maintenance; and*
- (b) *technology services in respect of any operation relating to product development, product manufacturing, product testing, product commissioning and product maintenance."*

Saya hendak bertanya sedikit, apakah makna produk ini? Adakah ia bermakna *medical product, fishery product, forestry product, political product, building product, construction product, electronic product* dan sebagainya? Tiada langsung definisi produk dalam rang undang-undang ini. Diharap Menteri terangkan apakah produk yang hendak dikawal melalui perkhidmatan teknologi dan juruteknik.

Sebaliknya pula kalau kita lihat semua keempat-empat universiti teknikal di Malaysia ini, fokus mereka lebih kepada *engineering*. Maka sudah pasti saya merasakan produk yang lebih relevan adalah bermaksud *engineering*. Jadi ini saya rasa patut kita mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri apakah produk yang sebenarnya.

Saya juga memerhati bahawa untuk mendapat gelaran profesional amatlah senang berbanding dengan akta-akta profesional lain dalam rang undang-undang ini. Seksyen 21(3) menyebut... [*Membaca petikan*]

“A Graduate Technologist registered under subsection (2) who has-

- (a) obtained the practical experience as may be determined by the Board;*
- (b) paid the prescribed fee; and*
- (c) Complied with all the criteria to be determined by the Board, may apply to be registered as a Professional Technologist.”*

Nampaknya rang undang-undang ini tidak ada sesuatu proses penilaian seperti peperiksaan untuk menjadi seorang profesional berbanding dengan akta profesional lain. Akta-akta profesional lain semuanya ada peperiksaan penilaian. Saya berpandangan bahawa mutu profesional yang bakal dihasilkan oleh MBOT saya takut akan dipandang rendah. Hasrat saya, bila akta ini diwujudkan, profesional MBOT setanding dengan profesional lain tetapi nampaknya tidak. Peperiksaan untuk menjadi profesional adalah amat penting untuk menilai tata kelakuan dan pengetahuan seorang profesional seperti tanggungjawab kepada masyarakat, majikan, pelanggan atau profesion, penunaian tugas, tatatertib dan sebagainya. Rang undang-undang ini amat lemah untuk menjadi satu akta profesional. Sukacita, Menteri memberi penerangan akan isu ini.

Saya amat gembira rang undang-undang ini tidak ada satu pun sekatan mendaftarkan sesiapa sahaja mengikut dasar kerajaan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan teknologis atau juruteknik daripada negara Barat atau Timur yang *developed* atau *underdeveloped* seperti China, India, Pakistan, Bangladesh, Indonesia, Thailand dan *Cambodia* dan sebagainya. Industri Malaysia boleh memberi *employment* pada semua yang diiktiraf oleh MBOT kerana rang undang-undang ini tidak mengambil kira soal kewarganegaraan pun dan untuk orang-orang asing amat senang untuk mendapat gelaran profesional sebab dalam rang undang-undang ini untuk jadi profesional hanya satu keperluan sahaja iaitu *practical experience* dan bukan peperiksaan penilaian. Cukup mudah, hanya *practical experience*.

Saya amat berharap MOSTI dan Menteri faham implikasi rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini tidak ada *safeguard measures* untuk memelihara kesejahteraan negara kita. Tidak ada *safeguard measures*. Sesiapa pun boleh mendaftar dengan MBOT dan diiktiraf sebagai profesional dengan mudah dan seterusnya bekerja sebagai teknologis atau juruteknik di Malaysia ini. Tiada satu langkah untuk menapis substandard import dan ini akan menjejaskan serta mengancam keselamatan rakyat.

Saya membandingkan dengan Akta Profesional seperti arkitek, perubatan, perundangan, jurutera dan sebagainya di mana penganugerahan profesional ada *safeguard measures* dengan dua peringkat

peperiksaan penilaian. Pembaharuan lesen hanya dikeluarkan jikalau mereka menghadiri *continuous professional development programs*.

Di sini saya berharap Menteri memberi jawapan dengan jelas adakah *safeguard measures* tidak perlu dalam rang undang-undang ini. Bagaimanakah kita menjaga dan memelihara kepentingan dan keselamatan orang awam pada masa hadapan?

Ada banyak kelemahan dalam rang undang-undang ini seperti ia memberi gambaran sebagai mandatori tetapi sebenarnya ialah *voluntary*. Teknologis dan juruteknik mengiktiraf boleh memberi perkhidmatan profesional tetapi tidak perlu mendaftar syarikatnya dengan MBOT dan sebagainya. Akan tetapi, saya tidak mahu membangkitkan memandangkan saya ingin memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain.

Tujuan utama akta profesional adalah untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan bukan hanya mengiktiraf dan memberi gelaran. Saya berharap Menteri memberi jawapan, yang pertama, apakah nasihat Jabatan Peguam Negara berkenaan dengan rang undang-undang ini? Ini penting pada saya. Kedua, hak rang undang-undang ini berkenaan akreditasi program-program yang telah ada akta-akta profesional lain yang mengawal profesion tersebut.

Perkara-perkara yang saya bangkitkan ini adalah kerana saya sangat-sangat berharap agar akta ini dapat terus diguna pakai tanpa apa-apa kekangan kelak. Sebagai salah seorang yang berminat dan ada *personal interest* yang saya katakan tadi, saya berhasrat agar mereka yang berdaftar akan diberi kedudukan setimpal dengan kelayakan mereka dan memberi khidmat bersama profesional lain dalam membangunkan negara kita.

Saya memberi pandangan ini Tuan Yang di-Pertua, dengan ikhlas agar kita tidak menghadapi masalah kemudian kerana saya memikirkan, yang pertama, saya bimbang *we might be sued, number one*. *Number two*, saya bimbang perasaan ibu bapa dan graduan mereka akan menjadi cukup marah daripada segi *employment* kerana industri tidak akan mengiktiraf. Industri penting di sini. Ibu bapa telah menghabiskan duit dan masa tetapi anak-anak menghadapi masalah. Mereka akan marah kepada kerajaan, mereka akan dipandang sebagai *second class*.

Bahkan mereka kalau diterima kerja, ditawarkan sebagai jawatan *technician* sahaja contohnya, dengan gaji yang rendah dan juga saya katakan tentang konsep ultra virus. Pandangan-pandangan AG, saya juga bimbang saya katakan tadi apakah pendatang-pendatang daripada negara-negara lain boleh juga diberi pangkat sebagai profesional kerana mudah, hanya melalui *practical experience* walaupun *practical experience* itu datang daripada negara-negara mereka tanpa ada apa-apa peperiksaan.

Saya mohon dengan itu, Tuan Yang di-Pertua. Ini pun kalau diterima permohonan saya. Kalau tidak terima pun tidak apalah, teruskan. Cuma, saya menyatakan kebimbangan itu sahaja. Saya ikhlas menyatakan kebimbangan saya. Saya tidak mahu kerajaan ataupun kita menghadapi masalah kemudian. Saya hanya mohon dikaji semula rang undang-undang ini, dikaji semula. Perhatikan apa yang saya komen tadi, diperbetulkan. Kalau pasti, *confident* tidak ada masalah, tidak ada apa-apa halangan, semua orang suka dan gembira, teruskan. Akan tetapi, saya rasa saya berkewajiban sebab saya masih ingat

semasa saya jadi Naib Canselor pun saya memang sentiasa berhubung dengan keempat-empat universiti kerana ini bidang saya dan saya tahu apa masalahnya. Ini bidang saya. Itu kebimbangan saya, saya mohon kalau boleh rang undang-undang ini dikaji semula, pastikan ia kukuh dan kita elakkan daripada masalah-masalah yang timbul...

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang bangun, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Maka dengan itu...

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Boleh saya mencelah?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sila.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih. Setelah mendengar pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Abu Shah tadi...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ibrahim Shah. Abu Shah sudah lama meninggal [*Ketawa*]

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim Shah bin Abu Shah. Saya merasa sesuatu kekhuatiran yang amat sangat.

■2130

Saya hendak bertanyakan ikhlas betul pandangan daripada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah apa patut kita buat dengan rang undang-undang ini. Nyata rang undang-undang ini akan mendatangkan banyak permasalahan pada masa-masa akan datang. Saya yakin dan kalau kata kita meluluskannya bermakna kita juga sebagai penggubal undang-undang terlibat membuat kesilapan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya lebih suka kalau rang undang-undang ini dirujuk semula. Kita tolak. Dirujuk semula supaya diperbetulkan nasihat-nasihat yang telah diberikan. Saya yakin Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah selaku cendekiawan dan orang yang faham dalam bidang pendidikan memang kita akan berdepan dengan masalah kalau rang undang-undang ini diluluskan. Saya minta penjelasan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat. Yang sebenarnya sebelum saya bercakap berhujah pada malam ini pun saya sudah fikir masak-masak. Saya tidak mahu dicap sebagai pembangkang. Saya bukan pembangkang tetapi saya katakan tadi ini tanggungjawab saya kerana saya tahu benda ini dan saya katakan tadi apabila saya dilantik sebagai Pengerusi Biro Pendidikan Majlis Tertinggi UMNO itu tugas bukannya mudah dan saya apabila dilantik berdasarkan saya bekas naib canselor dan seorang akademik bukan berdasarkan sebagai seorang ahli politik.

Maka Perdana Menteri telah mengarahkan *you* jaga pendidikan. Maka saya kena perhatikan satu persatu. Inilah salah satu isu yang saya bawa ke atas yang dibincangkan di mana semua orang-orang besar berada bersama. Kebimbangan saya pada hari ini kerana kalau saya tidak beritahu maksudnya

saya tidak menjalankan tugas saya dan saya akan dipersoalkan oleh Perdana Menteri satu hari kelak sekiranya berlaku apa-apa masalah. Itu saya tidak mahu.

Bagaimanapun saya katakan tadi kalau sekiranya hendak teruskan, terus. Saya tidak marah cuma saya hendak beritahu. Saya tidak mahu dicap dan saya hendak cakap ini pun saya rasa malu dan takut yang sebenarnya tetapi ikhlas saya mengatakan saya melihat dengan begitu terperinci, saya rasa perlu dikaji semula bahkan Yang Berhormat mencadangkan ditolak dan dibawa balik. Itu yang terbaik. Lebih elok kita buat demikian daripada besok menimbulkan banyak masalah. Kita akan disue dan rakyat akan marah kepada kita.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh saya mencelah? Terima kasih. Saya tahu saya akan diberi peluang untuk berbahas selepas ini tetapi sebelum kita hendak buat cadangan seperti yang diberi oleh Yang Berhormat eloklah seperti ini kita dengar pendapat Yang Berhormat Menteri dahulu sebelum kita hendak buat apa-apa keputusan. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya Yang Berhormat. Tadi saya katakan saya hanya mencadangkan dan saya kata saya tidak akan kecil hati dan tidak akan marah kalau diluluskan. Saya hanya menjalankan tugas sebab saya tidak banyak sedikit saya tahu dan saya memang ada *personal interest* bahkan saya sudah menunggu beberapa tahun benda ini. Itu maksud saya. Ini terpulang kepada Dewan.

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman.

9.34 mlm.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya hendak bahas sama sahaja yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Oleh sebab itu saya tidak mahu demi menjimatkan masa saya tidak mahu bahas sekali lagi. Barangkali sebab itulah ada pepatah yang mengatakan *great people think alike*. Setuju tidak setuju Yang Berhormat?

Akan tetapi saya hendak mengulangi sedikit dalam negara kita ini kita ada profesion macam-macam. *Surveying*, arkitek dan sebagainya. Tiap-tiap profesion ini mempunyai akta masing-masing dan seperti yang diberitahu oleh Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah baru sahaja kita membahaskan dan meluluskan undang-undang arkitek, QS dan *engineer*. Ketiga-tiga akta ini mempunyai terminologi, teknologis dan profesion. Semua ketiga-tiga.

Jadi saya tidak mahulah mengatakan kita tolak undang-undang ini cuma saya hendak mengingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa mengulangilah memandangkan kemungkinan adanya pertindihan saya mohon Yang Berhormat Menteri menyemak kembali kalau hendak kita luluskan rang undang-undang ini tidak mencerobohi akta-akta profesional lain yang sudah pun mendaftar dan

mengawal teknologis dan juruteknik masing-masing dan profesion masing-masing. Itu sahaja yang saya hendak mengingatkan. Sekian. Untuk tidak membuang masa, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman.

9.36 mlm.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014 ini. Memang tepat pada masanya kerana dengan wujudnya Lembaga Teknologi Malaysia ini nanti akan memperkasakan lagi pendidikan teknikal negara. Fungsi rang undang-undang ini adalah untuk mendaftar, mengiktiraf dan memberi gelaran profesional kepada ahli-ahli teknologis dan teknikal yang umumnya selama ini yang kurang mendapat perhatian.

Sebagai menuju negara maju kita sedar kita memerlukan manusia-manusia yang mempunyai kepakaran, kemahiran, pengkhususan dan itulah perlu kita mengiktiraf mereka ini seumpama tulang belakang kepada pembangunan negara. Jelasnya selepas ini profesion ahli-ahli teknologi dan juruteknik ini akan menjadikan satu laluan terarah kepada graduan-graduan teknikal kita. Hari ini negara mempunyai 25.5% sahaja pekerja berkemahiran tinggi daripada 12.7 juta orang yang bekerja. Sedar atau tidak ramai profesional dan semi profesional yang bekerja di sektor-sektor tertentu mereka yang berasal dari luar negara. Dalam erti kata lain mereka ini merupakan pekerja asing mahir dan juga separuh mahir.

Rang undang-undang ini akan menjadi pelengkap kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang fokus utamanya penghasilan graduan-graduan kemahiran tinggi dan jangan lupa kita akan mewujudkan lebih ramai lagi 10,000 orang pelatih vokasional daripada program PLKN kita bermula tahun hadapan. Kita juga jangan lupa kita akan menghasilkan lebih ramai pelajar teknikal dan vokasional dari sekolah-sekolah vokasional seramai 2,000 orang bermula tahun hadapan.

Wujudnya lembaga ini akan mengiktiraf graduan tersebut sebagai seorang teknologis dan juruteknik. Sungguhpun begitu saya ingin menyentuh bahagian tiga pendaftaran teknologis dan juruteknik. Fasal 16(a) iaitu lembaga yang akan menentukan perkhidmatan yang berhubungan dengan pengujian produk, pentauliahan dan juga penyelenggaraan produk. Soalan saya apakah yang dimaksudkan dengan ayat tersebut? Apakah ia hanya merangkumi mereka yang terlibat dalam industri pertanian misalnya. Contoh, jika beliau mencipta satu-satu kaedah penanaman menghasilkan biji benih, menghasilkan hasil yang ditambah nilai apakah mereka ini boleh mendaftar sebagai ahli lembaga ini?

Persoalan ini timbul ialah kebimbangan kita mungkin wujud keciciran disebabkan diskriminasi yang dibentuk oleh ahli lembaga ini. Adakah dengan wujudnya lembaga ini mengiktiraf juga mereka yang mahir dan berpengalaman dalam teknikal tidak mempunyai ijazah dan diploma? Ini perlu penjelasan dan

pencerahan. Bagaimana pula jika kerajaan mendapati kepincangan dalam lembaga ini. Apakah boleh campur tangan *direct* daripada kerajaan? Jika boleh apakah kaedahnya dan saat bila dibolehkan?

■2140

Apakah Lembaga ini juga mempunyai kuota autonomi? Jika ya, tindakan ini berbahaya jika Ahli Lembaga mereka ini menentang kerajaan. Kebimbangan saya ini ada asasnya. Saya menyatakan ini sebab merujuk kepada *Bar Council*, sebuah badan guaman yang mempunyai akta yang dahulunya pernah dibahas dan diluluskan seperti ini. Mohon juga komen daripada pihak Menteri.

Fasal 17 ini juga saya ingin menyentuh berkenaan isu verifikasi data ahli. Berkenaan ahli ini juga, apakah keahlian dibuka kepada semua atau kepada rakyat Malaysia sahaja? Walau bagaimanapun, pengiktirafan pekerja asing yang bekerja di Malaysia, apakah justifikasi menerima atau menolak satu-satu permohonan tersebut? Perlu rasanya satu garis panduan disertakan bersama rang undang-undang ini. Cadangan saya, perlu satu jadual garis panduan penerima ahli.

Sebagai sebuah Lembaga, ia perlu menyatakan rangka bentuk Lembaga ini selain dari Lembaga Pengarahnya. Mohon Menteri memberi sedikit gambaran, rangka dan bentuk Lembaga ini. Begitu juga dengan kos perbelanjaan yang dianggarkan ini dalam membentuk Lembaga ini. Saya maka dengan ini, agak bersetuju juga bagi rakan-rakan tadi, Menteri harus menerangkan lebih jelas supaya akta ini betul-betul boleh memberi manfaat dalam bidang teknologi ini. Maka dengan itu, saya minta penjelasan daripada Menteri sebelum menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya yang terakhir, Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh. Silakan Yang Berhormat.

9.41 mlm.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya memberi input sedikit tentang Rang Undang-undang Teknologi dan Juruteknik. Walaupun jam sudah 9.41 malam ini, saya rasa saya hendak beritahu sedikit, memberi input saya sebagai seorang jurutera. Kalau saya tidak bagi input tentang rang undang-undang ini, tidak betullah. Pendapat saya sama seperti Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah tadi dan juga apa yang telah dinyatakan oleh Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman.

Bila saya lihat rang undang-undang ini, saya pun fikir apakah objektif rang undang-undang ini apabila terdapat banyak definisi dia tidak begitu mendalam. Mula-mula saya lihat di sini, Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik, dalam fikiran saya itu apakah dia ini, *what is the meaning* teknologis? Sama ada dia seorang jurutera, sama ada dia seorang arkitek kah ataupun seorang yang membuat *research*, bioteknologi ataupun *food technology*. Mula-mula saya berfikiran rang undang-undang ini untuk industri bioteknologi. Itu pandangan saya tetapi apabila saya lihat definisi dia, *professional technologist means a person registered under subsection 21(4). Graduate technologist a person registered under subsection 21(2). Certified technician that means a person registered under subsection 22(4)*. Ini bukan definisi.

Untuk saya, rang undang-undang seperti ini, sebab kita sudah banyak bidang ada teknologi, banyak bidang ada technician, *engineering and technician*, *architecture* pun, banyak bidang *technician*. Jadi untuk rang undang-undang daripada segi teknologis dan juruteknik bagi rang undang-undang ini, saya rasa kita perlukan suatu definisi yang lebih mendalam.

Nombor dua, bila kita lihat perenggan 16 ini, ini begitu membimbangkan. Ini sebab saya fikir ini, “*The Board shall determine technical services in respect of any operation relating to product testing, product commissioning and product maintenances.*” (b) – “*Technologist services in respect of any operation relating to product development, product manufacturing, product testing, product commission and product maintenance.*” Nombor satu saya setuju dengan Tan Sri Dato’ Abdul Rahim bin Abdul Rahman tadi, produk itu apa dia?

Kalau macam itu, kalau kita letak *aircond* di rumah itu, kalau *aircond* rosak panggil *technician* datang untuk *maintenance* itu, *technician* itu perlukah *certificate* daripada *Board* ini? Itu pun *product maintenance*. Paip dekat rumah rosak sekarang kita panggil *plumber*, dia itu *technician* juga. Perlukah dia selepas habis sijil kemahiran daripada politeknik, perlu mengambil satu lagi, pergi membayar yuran mendapat *certification* dari Lembaga ini?

Ini sebab definisi dia tidak begitu, saya tidak tahu *is very weak*, bahaya. Apakah impak kepada industri sekarang? Katakan saya seorang usahawan dan saya sekarang ada membuat industri pembuatan *manufacturing*, mengeluarkan *electric kettle example*. Saya seorang jurutera tetapi tidak berdaftar dengan Lembaga ini. Saya jurutera, saya yang buat *testing*, saya yang buat *commissioning*, semua saya buat.

Dengan ada akta ini, perlukah sesuatu syarikat mempunyai seorang yang buat *research* dahulu? Dia kena ada *certificate register*. Lepas itu kita kena ada *product testing*, orang buat *product testing*, lepas itu *product commissioning* lain. Jadi, industri pun akan *suffer* sebab sekarang kalau *you* tidak buat ini, nanti bila kita hantar produk ini ke SIRIM untuk daftar pendaftaran, dia kata mana cap, siapa dia punya *engineer*, siapa dia punya *the technician* ataupun teknologis yang telah mereka produk. Siapakah yang telah mereka *product testing*? Siapakah yang buat *product testing*?

Jadi mungkin industri pun akan ada impak dia kalau akta ini diluluskan kecuali kalau diterangkan, tidak apa. *Overlapping* masalah terbesar. Bolehkah seorang jurutera yang keluar daripada universiti, dia tengok tidak payah pergi *Board of Engineer*lah, susah. Kena kerja dengan seorang *engineer*, berapa tahun kena ambil *exam* semua. Kalau saya ikut arah lain iaitu pergi ke Lembaga ini, dapat jadi seorang teknologis, dikatakan saya seorang profesional ataupun saya seorang jurutera profesional tetapi tidak mahu *register* dengan *Board* ini, saya tidak boleh dipanggil sebagai seorang profesional. Bolehkah kita ada keadaan seperti ini?

Jadi, ini semua begitu membimbangkan. Saya berpendapat memang rang undang-undang ini untuk teknologis sebab memang kita ada banyak teknologis. Banyak *area*, input teknologi, bioteknologi, *medical technology* yang perlukan *technologist*, memang kita perlukan satu pengiktirafan profesional untuk mereka. Akan tetapi membuat satu rang undang-undang yang begitu *general*, yang bila kita

melaksanakan akan bercanggah dengan rang undang-undang yang sedia ada seperti yang dibawa oleh Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah tadi dan Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman tadi, saya ingat begitu membahayakan.

Jadi saya berpendapat rang undang-undang ini sepatutnya dikaji betul-betul. Kita akan bersidang lagi ataupun membuat sedikit pindaan supaya kita lebih spesifik untuk menaikkan taraf ataupun kita hendak bina industri *technologies* kepada bidang-bidang yang sekarang tidak ada pengiktirafan seperti ini. Itu sahajalah saya. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang saya untuk memberi input saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

■2150

9.50 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada keempat-empat wakil rakyat Yang Berhormat yang telah membahaskan undang-undang ini dan saya dapati tiga daripadanya mungkin tidak membacalah akta itu dengan jelas.

Ini kerana kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah sebenarnya akta ini telah pun mendapat kelulusan dari Jabatan Peguam Negara. Keseluruhannya telah pun divetting oleh Jabatan Peguam Negara dan oleh sebab itulah ada satu *clause* sebenarnya Tan Sri. Tan Sri mungkin tak baca akta ini dengan baik kerana semua orang lupa yang mereka mengaku mereka jurutera, pentadbir universiti. Saya juga pentadbir universiti dan saya juga jurutera dan saya juga *politician*.

Jadi akta ini dah kata 31- Yang Berhormat Jaspal Singh dengan Tan Sri Ibrahim Abu Shah 31, 32. Peruntukan akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada yang tidak mengurangkan peruntukan mana undang-undang bertulis lain yang berhubung dengan pendaftaran profesional. Walaupun subseksyen satu memperuntukkan akta ini tidak terpakai profesion yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa. Bermaknanya undang-undang ini telah membatalkan yang ada kena mengena dengan profesion yang lain.

Ini adalah atas nasihat AG yang telah pun kita masuk dalam *clause* ini yang pertama. Untuk Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Sekarang ini saya tengok contoh yang walaupun Tuan seorang jurutera tetapi contohnya kebudak-budakan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana ia opsyen. Kalau kita nak jadi jurutera, kita tak nak jadi jurutera profesional pun boleh. Kebanyakan yang berhenti kerja dengan kerajaan tidak ada 'lr' tetapi mereka masih lagi menjadi jurutera tetapi tidak menjadi jurutera profesional. Ini opsyen. Kita tidak mengatakan seseorang itu, "Kau mesti jadi jurutera" tidak.

Opsyen nak menjadi jurutera profesional tidak dan banyak mereka yang bekerja dengan jurutera kerajaan tidak ada lr di depannya mereka bukan- tetapi kita tak paksa mereka bekerja asalkan mereka berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Yang pertama. Yang Berhormat mengatakan berkenaan

dengan rang undang-undang berkenaan dengan kita tidak pernah— soal saya tak pernah berkata mengatakan *Board* ini dapat gaji tetap JUSA C. Saya ingat saya tak tahu lah kalau saya cakap mana-mana. Dia sebenarnya saya tak pernah berkata begitu.

Yang saya kata ini adalah seperti biasa juga mereka mendapat elaun. Jadi kita memperuntukkan *some amount of money* RM16 juta untuk beroperasi 10 tahun dan ini pun telah diluluskan oleh bajet yang lepas. Satu ayat yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim Abu Shah, sebenarnya kalau tak ada akta inilah yang menyebabkan profesion yang ada sekarang ini menjadi kelas kedua. Ini nak mengelakkan dari kelas kedua. Ini kerana bila kita pergi dekat Lembaga Jurutera Malaysia, *syllabus* daripada MTUN dan juga beberapa universiti lain yang tidak diiktiraf menjadi jurutera.

Itu fasalnya lahirnya rang undang-undang yang dikatakan oleh Yang Berhormat Abu Shah itu sebahagian daripada apa yang betul. Kalau mereka tidak ada *title*, mereka nak dipanggil apa? Nak jadi jurutera tak boleh, nak jadi Lembaga Jurutera tak boleh. Mereka tidak diiktiraf oleh jurutera. Oleh sebab itu kita menggunakan *Sydney Accord* untuk menjadikan mereka teknologis yang tanpa menggantikan perkataan kejuruteraan ke mana selalunya institut *engineer* kejuruteraan itu hak milik mereka.

Jadi itu fasalnya AG menasihatkan kepada kita, kepada Kementerian Sains mengatakan kata tidak ada perkataan kejuruteraan dalam akta ini. Kalau kita tidak ada akta ini 400,000 lagi nak bagi kerja apa? Bagi kerja apa? Kita nak menyelamatkan 400,000 ini Tuan Yang di-Pertua oleh sebab itulah kita wujudkan akta ini supaya mereka tidak jadi kelas kedua. Mereka memenuhi *route path*, mereka ada laluan kerjaya yang satu hari esok menjadi profesional, menjadi pegawai profesional dan juga mereka mendapat pengiktirafan dalam bidang mereka.

Ini sepatutnya. Kalau tidak ada akta ini, mereka menjadi kelas kedua, kelas ketiga, kelas keempat. Mana kita nak letak 400,000 orang yang berkelulusan yang tidak diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia? Saya nak tanya kepada tuan-tuan dan puan-puan. Jangan, kita jangan mengadakan persepsi yang begitu kerana...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencekah?

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Ya, silakan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Pertama macam saya katakan tadi Yang Berhormat Menteri kalau kita *confident* benda ini okey, *on*. Tak ada hal. Saya terus terang malam ini saya cakap. Saya tak kecil hati. Cuma saya menyampaikan tadi saya hendak menteri jawab semua soalan tadi. Jangan jawab satu dua sahaja. Banyak soalan yang saya lemparkan. Salah satu soalan Menteri mengatakan saya ada *Hansardnya* ya. Saya ada *everything* di sini...

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Tak, saya belum jawab lagi macam mana saya nak jawab. Bagi lah saya masa nak menjawab.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, okey.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya tak jawab lagi Tan Sri dah minta laluan. Bagi saya jawab, saya akan jawab semuanya apa yang Tan Sri cakap. Tidak ada. Sebenarnya saya akan

jawab. Jadi belum saya nak jawab Tan Sri dah tanya saya, betul nak tanya saya. Saya faham apa yang Tan Sri cakap, saya ada catatkan semua perkara ini di sini.

Yang Berhormat Tan Sri kata tidak ada definisi produk sama juga Yang Berhormat Jaspal Singh kata tiada produk. Rang undang-undang yang penting jadi apakah produk yang dihasilkan berkaitan dengan ini? Produk yang dimaksudkan ialah perkhidmatan teknikal dan teknologi iaitu sebarang produk sama ada barangan atau perkhidmatan yang dihasilkan dalam industri. Dalam penghasilan satu produk, tugas jurutera lebih daripada teori dan mereka bentuk manakala tugas teknologis lebih kepada *hands on* seperti pengujian, pentauliahan dan penilaian produk. Yang itu yang kita akan masukkan. Yang pertama.

Kedua, kriteria asas- saya kata tidak ada pertindihan. Saya ada kata tadi oleh sebab itu fasal 311, 312 untuk memastikan tidak ada berlaku pertindihan dengan akta-akta profesional yang lain. Ini memang AG masukkan dalam akta itu. Ketiga, tadi Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim Abu Shah mengatakan saya ingat nak menjadi jurutera pun tak ada kena ambil periksa kecuali kalau kita nak kelulusan kita itu tidak mencukupi, kita kena ambil *part one* dan *part two*.

Yang itu saya ingat UiTM ada ajar dulu. *Part one, part two*.

Akan tetapi, kalau kita dah kelulusan kita itu kelulusan kejuruteraan, kita kena daftar dengan *board of engineer* ataupun institut *engineer* Malaysia dengan pengalaman *submit plan* pengalaman itu dan kita boleh menjadi jurutera dan tidak ada *exam*. Mana ada *exam* kecuali kalau kita ini daripada pengalaman untuk menjadi profesional kita kena ambil *part one* dan *part two*. Itu Institut *Engineer* Malaysia. Akan tetapi kalau *syllabus* kita telah pun mencapai tahap kepada silibus yang telah pun melayakkan menjadi jurutera, kita kena daftar lepas itu beberapa tahun dengan pengalaman kita *submit* ataupun dia ada satu sistem dipanggil sistem mentor-mentee di mana kita menghantar pengiktirafan dan lepas itu kita diiktiraf sebagai jurutera. Ini normal. Ini telah diikuti oleh akta ini yang sama.

Sebenarnya tidak ada peperiksaan mengatakan kata kelas kedua profesional tidak timbul. Ini kerana kita berdasarkan kepada pengalaman. Kita akan mengatakan bila *Board* ini nanti *sit down*, kita tengok pengalaman dia berapa, berapa nanti kita tetapkan dalam *Board* yang akan datang. Jadi akta ini tidak ada pertindihan seperti yang dikatakan oleh Tan Sri Ibrahim Abu Shah tadi. Tak ada masalah. Ini pun telah bidang kerja saya catatkan yang kata tadi JUSA 'C' sama ada sukarela, tidak ada perkataan JUSA 'C'. Saya tak tahu kalau saya sebut di mana-mana.

Akan tetapi yang jelas ini arahan Kabinet dan sebenarnya tadi Tan Sri kata Tan Sri bertanggungjawab terhadap Kabinet. Sebenarnya saya mendapat arahan daripada Kabinet untuk membentangkan akta ini berdasarkan kepada...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya tak kata Kabinet. Saya kata Majlis Tertinggi.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Ya, saya dapat arahan daripada Kabinet pada 29 September 2010 telah bersetuju dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai pembangunan modal insan JKPMI-2-2010 dan pada 20 Ogos 2010 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mencadangkan Lembaga Teknologis Malaysia atau *Board of*

Engineers dan telah menyarankan penubuhannya semenjak daripada 8 Mac 2001 untuk urusan-urusan ini.

Makna saya Kementerian Sains dan Teknologi telah pun mendapat arahan daripada Kabinet untuk meluluskan akta ini. Takkan lah akta ini tiba-tiba Kementerian Sains tidak buat akta ini kerana akta ini telah pun- saya menjalankan tugas Kabinet yang telah diarahkan dengan mendapat persetujuan daripada semua universiti di Malaysia terutama MTUN dan telah pun mendapat persetujuan dari Lembaga Jurutera Malaysia dan juga telah pun mendapat persetujuan daripada AG barulah akta ini dibawa.

Jadi tidak ada pernah saya rasa tidak pernah dikatakan benda-benda begitu, produk saya dah cakap tadi yang mana *Board* tidak ada peperiksaan, buat laporan sahaja. Ini jelas saya dah cakap. Untuk Tan Sri Rahim tadi saya ingat tidak ada apa yang Tan Sri Rahim beritahu hanya menyokong dikatakan oleh Tan Sri Ibrahim Abu Shah. Saya ingat Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh, apakah objektif saya telah terangkan?

■2200

Sebenarnya dalam kita telah mengatakan dengan jelas definisi apa yang kita perlu ada dalam jurutera, apa dia perkhidmatan teknikal, apakah dia perkhidmatan teknologis dinyatakan dengan jelas di dalam akta ini. Saya ingat akta ini sebenarnya tidak *marginalize*. Dia telah memberi laluan yang baik kepada teknologis yang menjadi satu profesion baru ke Malaysia. Akhirnya mereka ini akan sama rata dengan jurutera dan akan membawa gelaran *technologist* (TS) kepada profesional *technologist* dan *technician* (TC).

Berbalik kepada SIRIM tadi, Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh. Sebenarnya kita tidak larang. Akta ini tidak melarang hendak menjadi juruteknik, keluar daripada politeknik hendak menjadi juruteknik, kolej swasta hendak menjadi juruteknik. Tidak ada masalah. Akan tetapi kalau hendak menjadi juruteknik berkelayakan untuk mendapatkan juruteknik itu, mesti ada ikut *syllabus* yang ditentukan oleh MBOT. Bila telah dapat kelulusan yang dikehendaki oleh MBOT, jadi bila syarat itu telah penuh barulah boleh pilih hendak jadi *technician* bertauliah atau *certified technician*.

Kita ada opsyen. Hendak jadi atau tidak mahu jadi. Kalau kita keluar daripada politeknik, *syllabus* ini tidak memenuhi MQA untuk membolehkan kita daftar, tidak boleh mendaftar. Mereka tidak menjadi *certified technician*. Ini jelas. Itu fasalnya lain. Kita memberi laluan kalau mereka hendak mendapat gelaran TC ataupun menjadi juruteknik profesional mereka boleh berdaftar. Akan tetapi sebelum berdaftar mereka kena ada MQA telah meluluskan *syllabus* yang telah ditentukan oleh MBOT ditetapkan oleh MQA baru lepas itu baru daftar. Kalau dia tidak *follow the syllabus* bermakna mereka tidak layak untuk mendaftar dan menjadi *certified technician*. Ini kena jelas, hendak menjadi profesional.

Tadi masa Yang Berhormat berkata, sebenarnya kita telah memisahkan. Kalau *you* berdaftar dengan kimia, *you are chemist*. Kalau *you* berdaftar dengan profesional lain itu. Kalau kita berdaftar dengan *technologist*, dia tidak ada kena mengena dengan akta itu semua kerana kita mengatakan ia adalah *technologist*. Kita tidak terikat dengan mana-mana akta. Kalau *syllabus* ini membolehkan menjadi

jurutera, didaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Kalau *syllabus* ini membolehkan mereka menjadi jurutera, tidak payah tubuh kerana Lembaga Jurutera tidak mengiktiraf *syllabus* yang dibuat oleh MBOT ini untuk membolehkan mereka menjadi jurutera.

Oleh sebab itu maka kita telah memilih *Sydney Accord* sebagai panduan kita untuk membolehkan mereka menjadi *technologist* dan akhirnya menjadi profesional yang berdaftar di Malaysia. Jadi saya ingat...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Boleh, silakan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak minta penjelasan sahaja. Kalaulah seorang *technologist* itu telah *register* dalam kementerian, adakah *registration* dia sebagai *technologist* di Lembaga *Engineering* ataupun *architecture* akan *automatically* diluluskan.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Tan Sri, Yang Berhormat. Sebenarnya sekali lagi saya terangkan mereka ini sebenarnya kalau sudah berdaftar dengan jurutera, arkitek, mereka tidak perlu berdaftar dengan *technologist* kerana ini satu profesion yang berlainan. Mereka jadi jurutera ataupun pengiktirafan jurutera fasal apa, mereka hendak diiktiraf kepada *technologist*. Ini kerana esok apabila mereka hendak menjadi *technologist* mesti kena mengikut *syllabus* yang ditetapkan oleh MBOT. Tidak ada kena mengena dengan jurutera, tidak ada kena mengena dengan ahli kimia, tidak ada kena mengena dengan arkitek. Mereka inilah *very independent professional* yang setaraf dengan arkitek dan *engineer*.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Boleh mencelah?

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Silakan.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Saya sedikit keliru ini. Oleh sebab bila saya dengar Yang Berhormat Menteri tadi, Yang Berhormat Menteri telah memberitahu tentang 300 ribu orang dan 400 ribu orang jurutera yang tidak dapat menjadi seorang profesional sebab tidak mendapat kelayakan yang diperlukan oleh *Board of Engineer or Institute of Engineering Malaysia*. Akan tetapi mereka boleh menjadi seorang profesional sebagai seorang *technologist*.

Akan tetapi kerja dia sama ataupun berlainan. Saya pun tidak tahu. Dia mesti jurutera ataupun dia *technologist*? Sama ada pelan- katakan dia sedang *civil engineer*, sekarang dia berdaftar dengan MBOT, *so he is a technologist*. Bolehkah dia mengeluarkan satu *plan civil engineering* yang dapat diterima oleh kerajaan? Oleh sebab sebelum ini hanya seorang jurutera yang berdaftar sebagai seorang profesional oleh *Board of Engineers or Institute Engineer Malaysia* boleh membuat pelan seperti itu. Bolehkah *technologist* ini membuat kerja yang sama?

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat tidak faham. Saya ingat Yang Berhormat tidak faham apa yang hendak ditanya dan apa yang untuk Yang Berhormat faham. Ini tiada kena mengena dengan *engineer*. Dia ini bukan *engineer*, dia *technologist*.

Masalahnya dia sekarang ini bukan *engineer*. Kalau dia jadi *engineer*, didaftar dengan *Board of Engineer Malaysia*. Mereka ini *syllabus* mereka tidak membenarkan mereka menjadi jurutera.

Ini hanya 400 ribu orang yang keluar oleh MTUN itu mereka tidak boleh di*engineer*kan kerana *syllabus* yang mereka buat *hands-on, skill* di mana *syllabus* ini di mana jurutera di Malaysia tidak mahu mendaftarkan mereka kerana *skill* yang mereka belajar itu adalah *skill* yang berdasarkan kepada *Sydney Accord*. Oleh sebab itu mereka tidak boleh menjadi jurutera.

Jadi mereka ini- sekarang mereka ini ada dekat luar, tidak menjadi *engineer*. *They are not engineer*. Dia tidak ada skim. dalam kerajaan pun tidak ada skim. Oleh sebab mereka ini ada 400 ribu orang, kita tidak boleh jadi jurutera, tidak boleh didaftarkan menjadi jurutera, mereka kena mencari satu profesion baru untuk mereka. Jadi profesion yang kita iktiraf adalah teknologis. Tidak ada kena mengena dengan *sign plan* itu kekal jurutera awam. Jurutera elektrik itu kekal untuk jurutera. Ini *technologist*. *It is not- jauh* tetapi dia seiring. Tidak lama lagi esok mungkin JPA akan mewujudkan satu tangga gaji baru kepada *technologist*. Mungkin sama juga dengan jurutera. Kita tidak tahu.

Jadi tidak ada kena mengena dengan jurutera. Mereka ini tidak boleh menjadi jurutera kerana *syllabus* mereka tidak membolehkan mereka menjadi jurutera, tidak boleh berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Itulah masalahnya. Tidak timbul mereka ini boleh *sign plan* ataupun tidak. Tidak timbul. Oleh sebab itu kerja jurutera. Jurutera profesional. Mereka ini bukan jurutera. Mereka ini profesional. Mereka profesional teknologis.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Yang Berhormat, boleh saya mencelah sedikit. Saya Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Sebelum kita membentangkan RUU Jurutera pada sesi yang lepas memang *graduate* MTUN tidak diterima. Akan tetapi apa saya rasa *if I am not wrong*, RUU yang lepas kita telah menerima, telah membuka pintu. *Board of Engineers* telah membuka pintu dan telah menerima dan telah sanggup untuk menyediakan *carrier path*. Iaitu kalau sekiranya perbezaan saya terangkan kepada Yang Berhormat semua beza macam ini. *Simple* sahaja.

Tiga tahun untuk mereka yang mengambil teknologi ini di MTUN, *to be full fledged engineer* empat tahun. Itu yang pertama. Kedua, daripada segi teori dan praktikalnya, teori 70:30. Jadi itu yang menyebabkan perbezaan. Maka yang saya ingat *Board of Engineer* telah menerima iaitu mereka akan menyediakan *carrier path* dan mereka akan terus menjadi *technologist* tetapi *Board of Engineers* akan membantu. Itu yang saya ingat. Itu yang hendak saya betulkan sedikit.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Nampaknya Tan Sri pun sudah mula menerima dan mula memahami apa yang saya kata tadi. Sebenarnya mereka ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat pun tahu kalau mereka setuju mengubah sedikit *syllabus* mereka *tally* atas kehendak *Board of Engineers* mereka berdaftar sebagai *engineer* dan boleh menjadi jurutera profesional.

Akan tetapi ada universiti macam Universiti Teknikal Malaysia, Universiti Tun Hussien Onn, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Perlis, mereka ini adalah memang profesion dia Tuan Yang di-Pertua adalah *skill*. Satu-satu berdasarkan *syllabus* itu mereka skim yang tidak boleh diterima. Itu yang mereka tidak berhajat untuk menukar *syllabus* mereka kerana itu tujuan penubuhan universiti

mereka. Tan Sri Ibrahim Abu Shah mungkin terlupa, saya biasa menjadi Timbalan Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka selama lima tahun sebelum saya menjadi ahli politik.

■2210

Jadi, sebenarnya- tetapi ada juga profesion yang tidak mahu mengubah kerana memang matlamat Universiti Teknikal itu untuk melahirkan *skilled technologist*. Oleh sebab itu, mereka memilih mendesak kerajaan mengadakan satu skim yang dipanggil *technologist* untuk menjadi *career path* mereka. Jadi, saya ingat itu penerangan saya. Saya sudah bagi penerangan yang begitu jelas. Akta ini satu akta yang baik untuk rakyat Malaysia.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: *[Bangun]*

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Silakan.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Tidak dijelaskan tadi soal keanggotaan. Adakah terbuka juga kepada mereka dari luar negara?

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Buat masa sekarang ini tidak dinyatakan di situ tetapi mesti jelas. Mereka hendak daftar nanti, silibus yang mereka belajar itu, silibus yang mereka datang dari mana-mana sahaja, mesti mengikut apa yang ditetapkan oleh MBOT. Silibus itu mesti yang ditetapkan oleh MBOT apabila lembaga ditubuhkan, kita akan ada silibus itu, silibus itu dan silibus ini.

Jadi, kalau mereka memenuhi silibus itu, mereka dari luar pun boleh berdaftar, tidak ada masalah. Ia tidak ada menggugat apa-apa kepada kita. Hanya dengan mendaftar untuk menjadi profesional di negara kita, tidak ada masalah. Akan tetapi *the best*, yang pentingnya Yang Berhormat, dia mesti mengikut silibus yang telah ditetapkan oleh MBOT yang kita akan buat apabila penubuhan MBOT nanti. Tidak kisah kerana kita pun ikut silibus yang diiktiraf di luar negara. Orang kita juga boleh bekerja sebagai *technologist* di 10 buah negara yang saya cakap tadi. Apa salah kalau mereka- oleh sebab kita tidak adapun mengatakan kena boleh bekerja di negara kita. Akan ikut sistem yang sama.

Macam juga jurutera kita, benda yang sama tetapi itu tidak mengganggu. Akan tetapi yang pentingnya untuk mendaftar, silibus mereka itu mesti mengikut yang disediakan oleh MBOT. Terima kasih. Jadi, saya ingat Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan yang saya nyatakan. Jadi, saya berharap 400,000 di luar nanti akan merasa gembira dengan keputusan kita dan akhirnya mereka ada *career path* dan mereka akan bergembira Ahli-ahli Yang Berhormat hari ini menyokong akta ini dan akan menjadi satu profesion baru di Malaysia. 400,000 akan mendoakan kejayaan Barisan Nasional untuk pilihan raya yang akan datang. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 50** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[**Jadual** diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, maka setakat itu dahululah sesi kita pada hari ini, dan dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin 27 April 2015.

*[**Dewan ditangguhkan pada pukul 10.16 malam.**]*